

**ELEMEN *TAZKIYAH AL-NAFS* DALAM GAGASAN NEGARA
ZIKIR BRUNEI DARUSSALAM: KAJIAN TERHADAP
AMALAN KEROHANIAN SEBAGAI ASAS
PEMBANGUNAN KEROHANIAN
GOLONGAN BELIA PERLU
PERHATIAN (BPP)**

HAJAH MASURIYATI BT HAJI YAHYA

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**ELEMEN *TAZKIYAH AL-NAFS* DALAM GAGASAN
NEGARA ZIKIR BRUNEI DARUSSALAM: KAJIAN
TERHADAP AMALAN KEROHANIAN SEBAGAI
ASAS PEMBANGUNAN KEROHANIAN
GOLONGAN BELIA PERLU
PERHATIAN (BPP)**

HAJAH MASURIYATI BT HAJI YAHYA

**TESIS INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **HAJAH MASURIYATI BT HAJI YAHYA**

(No. K.P/Pasport

No. Pendaftaran/Matrik: **1HA110032**

Nama Ijazah: **DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**ELEMEN TAZKIDAH AL-NAFS DALAM GAGASAN NEGARA ZIKIR BRUNEI DARUSSALAM ;
KATIAN TERHADAP AMALAN KEROHANIAN SEBAGAI ASAS PEMBANGUNAN KEROHANIAN
GOLONGAN BELIA PERLU PERHATIAN (BPP)**

Bidang Penyelidikan: **TASAWUF**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh **9.5.2017**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tarikh **9.5.2017**

Nama: **PROFESOR MADYA DR CHE ZARRINA SA'ARI**
Jawatan:

Profesor Madya
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

ABSTRAK

Golongan belia adalah pemimpin generasi hari ini dan juga pelapis generasi pemimpin di masa hadapan. Mereka merupakan subjek penting dalam perencanaan pembangunan sesebuah negara. Hal ini bertepatan dengan gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam yang berhasrat membentuk sahsiah cemerlang golongan belia menerusi amalan kerohanian sebagai metode rohaniah agar belia sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT. Golongan Belia Perlu Perhatian yang menjadi fokus kajian ini sangat memerlukan pemulihan dan bimbingan rohani yang menekankan amalan kerohanian sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* untuk membentuk peribadi insan yang soleh, beriman dan bertaqwa. Kajian ini bertujuan mengkaji konsep *tazkiyah al-nafs*, gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam, bentuk program pengukuhan gagasan Negara Zikir menerusi amalan kerohanian terhadap Belia Perlu Perhatian, khususnya amalan *zikrullah* sebagai metode *tazkiyah al-nafs*. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk konvensional yang menggabungkan kaedah kualitatif (perpustakaan dan etnografi) dan kuantitatif (tinjauan soal selidik). Sampel kajian dipilih secara rawak yang terdiri daripada golongan Belia Perlu Perhatian. Jenis kajian ini adalah kajian korelasi dan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Analisis kajian mendapati bahawa skor min bagi setiap komponen amalan kerohanian yang menjadi asas kepada program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian berada pada tahap rendah. Manakala aras kekuatan hubungan di antara kesemua komponen amalan kerohanian yang dianalisis melalui ujian Nilai Pekali Korelasi (r) menunjukkan terdapatnya ketidakseimbangan dalam komponen amalan kerohanian tersebut. Kajian ini membuktikan bahawa program dan aktiviti kerohanian sedia ada dalam program pengukuhan Negara Zikir menerusi amalan kerohanian terhadap Belia Perlu Perhatian khususnya amalan *zikrullah* sebagai metode *tazkiyah al-nafs* tidak mampu mempertingkatkan pembangunan rohani sampel kajian terutama dari aspek mempertingkatkan kawalan diri dalaman dan ia juga kurang berkesan dalam memberikan perubahan akhlak belia tersebut secara maksimum. Justeru, kajian telah mencadangkan penambahbaikan untuk dirujuk oleh para pelaksana, penyelaras dan penyusun program dan aktiviti kerohanian yang terlibat dalam pengukuhan gagasan Negara Zikir tersebut untuk menambahbaik program dan aktiviti kerohanian sedia ada dengan memperkukuhkan elemen *tazkiyah al-nafs* khususnya amalan *zikrullah*. Hal ini adalah penting agar setiap program dan aktiviti kerohanian yang dijalankan selaras dan seiring dengan matlamat gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam.

ABSTRACT

The youths are the leaders of today's generation and as backup for future leaders. They are an important subject in the development plan of a country. This coincided with the idea of National Remembrance of Brunei Darussalam to build an excellent personalities of youths through spiritual practice as a spiritual method that youths always remember and obey Allah the Almighty. The Youths Need Attention who became a focus of this study are in need of restoration and spiritual guidance that emphasizes spiritual practice as an element of *tazkiyah al-nafs* to form a righteous man, faithful and devoted. This study aimed to examine the concept of *tazkiyah al-nafs*, the idea of National Remembrance of Brunei Darussalam, the modes of programs in strengthening the idea of National Remembrance through spiritual practices towards Youths Need Attention, especially the *zikrullah* practices as a method of *tazkiyah al-nafs*. This study applied the conventional design that combines qualitative methods (library and ethnographic) as well as quantitative method (survey questionnaire). The samples were randomly selected from the group of Youths Need Attention. Type of this research is a correlation study and analyzed using software the Statistical Package for the Social Science (SPSS). The analysis showed that the mean scores for each component of the spiritual practices that form the basis of spiritual programs and activities of the Youths Need Attention in low level. While the level of strength of the relationship between all components of spiritual practices analyzed through the Test of Correlation Coefficient (r) indicating the imbalance in the components of spiritual practices. This study proved that the existing spiritual programs and activities in the strengthening programs of the idea of National Remembrance through spiritual practices towards the Youths Needs Attention particularly the *zikrullah* practices as a method of *tazkiyah al-nafs* unable to enhance the spiritual development of the samples, particularly in terms of enhancing self-control internally and it is also less effective in changing the characters of those youths' to the maximum level. Thus, the study suggested improvement to be referred by the initiators, administrators and compilers of the spiritual programs and activities who are involved in strengthening the idea of National Remembrance in improving the existing spiritual programs and activities by intensifying the elements of *tazkiyah al-nafs* especially the practices of *zikrullah*. It is important that all spiritual programs and activities conducted pursuant and in line with the objectives of the idea of National Remembrance of Brunei Darussalam.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji-pujian hanya bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad SAW juga kepada ahli keluarga dan keturunan baginda sekaliannya.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah rahmat dan izinNya jua telah mengurniakan kesihatan sempurna, kesabaran dan kecekalan sehingga akhirnya penulisan ini berjaya diselesaikan. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan sebanyak terima kasih khusus kepada Yang Mulia Prof Madya Dr Che Zarrina binti Sa'ari selaku penyelia yang banyak memberi segala tunjuk ajar dan bimbingan tulus ikhlas serta penuh kesabaran sepanjang tempoh menyempurnakan kajian ini. Banyak terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam yang memberikan pandangan dan pembaikan dalam pembentangan Laporan Kemajuan Penyelidikan dan juga Pembentangan Hasil. Banyak terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak terlibat dalam memberikan maklum balas dan kerjasama untuk menyempurnakan kajian ini terutama kepada pihak Kompleks Rumah Kebajikan Belimbing Subok, Jabatan Penjara Jerudong, Pusat Al-Islah Kerakas Payau dan Biro Kawalan Narkotik, Negara Brunei Darussalam.

Jutaan terima kasih ini juga khusus ditujukan kepada pihak Kerajaan KDYMM dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam atas segala bentuk sumbangan dan pembiayaan yang dikurniakan sepanjang tempoh menjalani pengajian di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Akhirnya sebanyak terima kasih ini diucapkan buat ayahanda Haji Yahyā bin Md Tahīr dan bonda Hajah Misnah binti Haji Abang, ayah saudara Haji Suhaimi bin Haji Abang serta suami Abdul Azīz bin Abdul Razāk dan Āli Yahyā yang lainnya, atas doa restu kalian semua yang sentiasa mengiringi saya dan juga sokongan moral yang sentiasa diberikan sepanjang tempoh menyelesaikan penulisan ini demi perkembangan ilmu penyuluh masa depan. Semoga Allah SWT mengurniakan ganjaran terbaik untuk kalian semuanya di dunia dan di akhirat.

HAJAH MASURIYATI BT HAJI YAHYA

No. 22 Spg 286-30-55-3-16-8 RPN Kg Lumut
Jalan Seria-Kuala Belait KC5135
Negara Brunei Darussalam

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
TRANSLITERASI	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI KEPENDEKAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	1-50
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Definisi Tajuk Kajian	8
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	13
1.8 Justifikasi Kajian	14
1.9 Kepentingan Kajian	15
1.10 Ulasan Kajian Lepas	17
1.11 Metodologi Kajian	37
1.11.1 Pengumpulan Data	40
1.11.2 Penganalisan Data	48
1.12 Organisasi Kajian	49
BAB 2 TAZKIYAH AL-NAFS	51-92
2.1 Pengenalan	51
2.2 Peringkat Perkembangan Amalan Kerohanian Islam	51
2.3 Definisi <i>Tazkiyah al-Nafs</i>	56

2.3.1	<i>Tazkiyah al-Nafs</i> menurut al-Quran dan al-Sunnah	57
2.3.2	<i>Tazkiyah al-Nafs</i> menurut pandangan Ulama Tasawuf	60
2.4	Mengenal <i>al-Nafs</i>	65
2.4.1	Penciptaan <i>al-Nafs</i>	65
2.4.2	Sifat <i>al-Nafs</i>	68
2.4.3	Peringkat sifat <i>al-Nafs</i>	69
2.5	Metode <i>Tazkiyah al-Nafs</i>	73
2.6	Proses <i>Tazkiyah al-Nafs</i>	84
2.7	Martabat <i>Tazkiyah al-Nafs</i>	87
2.8	Tujuan dan Matlamat <i>Tazkiyah al-Nafs</i>	89
2.9	Kesimpulan	92
BAB 3	GAGASAN NEGARA ZIKIR BRUNEI DARUSSALAM DAN AMALAN KEROHANIAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	93-167
3.1	Pengenalan	93
3.2	Definisi Zikir	93
3.3	Zikir Menurut al-Quran	96
3.4	Zikir Menurut al-Sunnah	101
3.5	Hukum Memperbanyakkan Zikir	103
3.6	Kategori Zikir	104
3.7	Perlaksanaan Zikir	107
3.8	Titah Negara Zikir	111
3.8.1	Definisi Negara Zikir	112
3.8.2	Istilah Negara Zikir	114
3.8.3	Teori Gagasan Negara Zikir	116
i.	Hari Kebesaran Islam	118
ii.	Tradisi Pengajian Ilmu Agama	118
iii.	Tradisi Zikir	119
3.8.4	Kerangka Gagasan Negara Zikir	120
i.	<i>Zikrullah</i>	122
ii.	<i>Khayr Ummah</i>	131
iii.	<i>Marḍātillāh</i>	136
iv	<i>Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafūr</i>	137

3.9	Merealisasikan Gagasan Negara Zikir	145
3.9.1	Penerbitan	147
3.9.2	Seminar dan Program	147
3.9.3	Peraturan dan Undang-Undang	149
3.10	Amalan Kerohanian di Alam Melayu	151
3.11	Amalan Kerohanian di Brunei Darussalam	153
3.11.1	Amalan Zikir Tarekat Tasawwuf	156
3.11.2	Amalan <i>Rātib</i>	163
3.11.3	Amalan Zikir <i>Mawlid Sharaf al-Anām</i>	166
3.12	Kesimpulan	167
BAB 4	PROGRAM PENGUKUHAN NEGARA ZIKIR MENERUSI AMALAN KEROHANIAN DALAM KALANGAN GOLONGAN BELIA PERLU PERHATIAN (BPP)	168-201
4.1	Pengenalan	168
4.2	Definisi Belia	168
4.2.1	Perbezaan Antara Belia dan Remaja	173
4.2.2	Martabat dan Kualiti Belia Islam	174
4.2.3	Ciri-Ciri Belia Islam	178
4.3	Dasar Belia Negara Brunei dan Matlamat	180
4.4	Profile Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)	182
4.5	Program Negara Zikir dan Aktiviti Kerohanian Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)	184
4.5.1	Program dan Aktiviti Kerohanian Kompleks Rumah Kebajikan (K RK) Belimbing, Subok	185
4.5.2	Program dan Aktiviti Jabatan Penjara Jerudong	191
4.5.3	Program dan Aktiviti Kerohanian Pusat Pemulihan Al-Islah	195
4.5.4	Program dan Aktiviti Kerohanian Biro Kawalan Narkotik (BKN)	197
4.6	Isu dan Cabaran Program Pembangunan Rohani	198
4.7	Kesimpulan	201

BAB 5	ANALISIS AMALAN KEROHANIAN SEBAGAI METODE <i>TAZKIYAH AL-NAFS</i> DALAM PEMBANGUNAN KEROHANIAN GOLONGAN BELIA PERLU PERHATIAN (BPP)	202-256
5.1	Pengenalan	202
5.2	Pembinaan Item Soal Selidik	202
5.3	Populasi dan Persampelan Kajian	204
5.4	Instrumen Kajian	205
5.4.1	Kesahan Kandungan Instrumen	205
5.4.2	Kebolehpercayaan Instrumen	209
5.4.3	Taburan Data	211
5.5	Maklumat Demografi Responden	212
5.5.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	213
5.5.2	Taburan Responden Mengikut Umur dan Agama	213
5.5.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa/ Puak dan Daerah	214
5.5.4	Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	215
5.5.5	Taburan Responden Berdasarkan Pendidikan Formal	215
5.5.6	Taburan Responden Berdasarkan Pendidikan Agama	216
5.6	Program Pengukuhan Negara Zikir Menerusi Amalan Kerohanian Dalam Kalangan Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) Di Brunei Darusalam	217
5.6.1	Analisis Komponen Amalan Kerohanian	220
5.6.2	Kekerapan Penyertaan Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) dalam Program dan Aktiviti Kerohanian	224
5.6.3	Analisis Hubungan Program dan Aktiviti Kerohanian	226
5.7	Analisis Amalan Kerohanian Sebagai Elemen <i>Tazkiyah al-Nafs</i> Dalam Pembangunan Kerohanian Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)	227
5.7.1	Amalan Solat	227
5.7.2	Amalan Puasa	229
5.7.3	Amalan Zakat	231
5.7.4	Amalan Membaca al-Quran	234
5.7.5	Amalan Wirid, Zikir dan Istighfar	237
5.7.6	Amalan Doa	239

5.7.7	Muhasabah Diri	241
i.	Penyesalan dan Taubat	244
ii.	Akhlak Terpuji	246
5.8	Analisis Kesan Amalan Kerohanian Sebagai Program Pengukuhan Negara Zikir Dalam Kalangan Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)	250
5.8.1	Kesan Amalan <i>Rātib al-‘Attās</i> Dalam Program Pengukuhan Negara Zikir	250
5.8.2	Kesan Amalan Zikir <i>Mawlid Sharaf al-Anām</i> Sokongan Program Pengukuhan Negara Zikir	251
5.8.3	Kesan Amalan Utama Dalam Pengukuhan Negara Zikir	252
5.9	Perbincangan dan Cadangan Penambahbaikan	253
BAB 6	PENUTUP	257-264
6.1	Pengenalan	257
6.2	Rumusan	257
6.3	Implikasi Kajian	260
6.4	Penutup	264
	BIBLIOGRAFI	266-287
	LAMPIRAN	

SENARAI TRANSLITERASI

I. Konsonan

Arab	Roman	Contoh	Transliterasi
ا، ء	a, ’	تأليف	Ta’līf
ب	B	بيروت	Beirūt
ت	T	تعليم	Ta’līm
ث	th	ثورة	Thawrah
ج	j	جماعة	Jamā’ah
ح	ḥ	حديث	Ḥadīth
خ	kh	خلدون	Khaldun
د	d	دار	Dār
ذ	dh	ديار	Dhiyād
ر	r	رسالة	Risālah
ز	z	زيارة	Ziyārah
س	s	سيرة	Sīrah
ش	sh	شريف	Sharīf
ص	ṣ	صف	Ṣaf
ض	ḍ	ضابط	Ḍābit
ط	t	طارق	Tāriq

ظ	z	ظلال	Zilal
ع	‘	عهد	‘Ahd
غ	gh	غاية	Ghāyah
ف	f	فكر	Fikr
ق	q	قصور	Qusūr
ك	k	كتاب	Kuttāb
ل	l	لسان	Lisān
م	m	مسجد	Masjid
ن	n	نظرية	Nazariyyah
و	w	وصل	Wasala
هـ	h	هدف	Hadaf
ي	y	يمين	Yamīn

II. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
اَ	a	قَاتَ	<i>qanata</i>
إِ	i	سَلِمَ	<i>salima</i>
أُ	u	جُعِلَ	<i>ju‘ila</i>

III. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا ، آ	ā	كُتُبِي، بَابُ	bāb, kubrā
ي	ī	وَكِيل	wakīl
و	ū	سُورَةُ	sūrah

IV. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
أَ — وَ	aw	قَوْلَ	Qawl
أَ — يَ	ay	خَيْرَ	khayr
أُ — وَ	uww	قُوَّةَ	quwwah
أَ — يَ	iy, ī	عَرَبِي	‘arabiy/ī

SENARAI RAJAH

Rajah 1.11 (a)	Proses Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen
Rajah 1.11 (b)	Aliran Metodologi Kajian
Rajah 1.11.1 (a)	Proses Pengumpulan dan Penganalisan Data
Rajah 3.8.4 (a)	Kerangka Negara Zikir
Rajah 4.5	Komponen Amalan Kerohanian Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)

SENARAI JADUAL

Jadual 4.5.1 (a)	Rumah dan Penempatan Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Belimbing Subok
Jadual 4.5.1 (b)	Program dan Aktiviti Kerohanian KRK
Jadual 4.5.1 (c)	Jadual Kelas Penghuni dan Residen KRK
Jadual 4.5.2 (a)	Program Bimbingan Banduan Penjara Jerudong
Jadual 4.5.2 (b)	Aktiviti Kerohanian Banduan Penjara Jerudong
Jadual 5.4.1 (a)	Pakar Semak Kandungan Instrumen Kajian
Jadual 5.4.1 (b)	Komentaran dan Saranan Panel Pakar Terhadap Instrumen Kajian
Jadual 5.4.2 (a)	Instrumen Kajian Berdasarkan Nilai Kebolehpercayaan Alfa Cronbach
Jadual 5.4.2 (b)	Interpretasi Nilai Kebolehpercayaan Alfa Cronbach
Jadual 5.4.3	Taburan Data berdasarkan Skewness dan Kurtosis
Jadual 5.5	Profil Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)
Jadual 5.5.6 (a)	Keperihatinan Golongan Belia Yang Tidak Bersekolah Agama Dalam Hal Keagamaan
Jadual 5.5.6 (b)	Alasan Bersekolah Agama bagi Golongan Belia Yang Tidak Bersekolah Agama
Jadual 5.6.1 (a)	Skor Min Komponen Amalan Zikrullah
Jadual 5.6.1 (b)	Interpretasi Nilai Min Skala Likert Mengikut Lima Tahap
Jadual 5.6.1 (c)	Nilai Korelasi Pearson
Jadual 5.6.1 (d)	Interpretasi Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi 'r'
Jadual 5.6.2 (a)	Penyertaan Program Kerohanian Berdasarkan Jantina
Jadual 5.6.2 (b)	Penyertaan Aktiviti Kerohanian Berdasarkan Jantina
Jadual 5.6.3	Korelasi antara Program Kerohanian dan Aktiviti Kerohanian
Jadual 5.7.1	Amalan Solat Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Jadual 5.7.2	Amalan Puasa Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian
Jadual 5.7.3	Amalan Zakat Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian
Jadual 5.7.4	Amalan Membaca Al-Quran Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian
Jadual 5.7.5	Amalan Wirid, Zikir dan Istighfar Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian
Jadual 5.7.6	Amalan Berdoa Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian
Jadual 5.7.7	Muhasabah Diri Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian
Jadual 5.7.7 (i)	Penyesalan dan Taubat Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian
Jadual 5.7.7 (ii)	Peningkatan Akhlak Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian
Jadual 5.7.7 (a)	Hasil Analisis Ujian-t Program Dan Aktiviti Kerohanian Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)
Jadual 5.8.1	Kesan Amalan <i>Rātīb al-‘Attās</i> dalam Pengukuhan Negara Zikir
Jadual 5.8.2	Kesan Amalan Zikir <i>Mawlid Sharaf al-Anām</i> dalam Pengukuhan Negara Zikir
Jadual 5.8.3	Kesan Amalan Utama (<i>Faḍail al-‘Amāl</i>) sebagai Pengukuhan Negara Zikir

SENARAI KEPENDEKAN

AS	- ‘Alayh al-Salam
BKN	- Biro Kawalan Narkotik
BPP	- Belia Perlu Perhatian
DBN	- Dasar Belia Negara
JAPEM	- Jabatan Pembangunan Masyarakat
JPM	- Jabatan Perdana Menteri
KDYMM	- Kebawah Duli Yang Maha Mulia
KRK	- Kompleks Rumah Kebajikan
MOAS	- Masjid Omar ‘Ali Saifuddien
NDP	- Parti Pembangunan Kebangsaan
OYDP	- Orang Yang Dalam Pengawasan
PMQ	- Pembudayaan Membaca al-Quran
RA	- Radhiallahu ‘An
SAW	- Sallahu ‘Alaihi Wassalam
SRRB	- Silsilah Raja-Raja Berunai
SWT	- Subhanahu Wata‘ala
TAI	- Tarekat Ahmadiyah Idrisiyah
TQN	- Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyah

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A Titah Negara Zikir
- LAMPIRAN B Silsilah Tariqat Qadiriyyah
- LAMPIRAN C Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan
- LAMPIRAN D Program Pembelajaran Ugama Bahagian Kerohanian dan Akhlak Penjara Jerudong
- LAMPIRAN E Soal Selidik
- LAMPIRAN F
- Surat Kebenaran Temubual Kompleks Rumah Kebajikan (K RK)
 - Surat Kebenaran Membuat Tinjauan Jabatan Penjara Jerudong dan Temu Bual
 - Aturan 336 – Aturan –aturan Penjara Penggal 51

BIBLIOGRAFI

University of Malaya

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahagian ini akan menjelaskan tentang latar belakang masalah kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi tajuk, skop dan batasan kajian, justifikasi kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian diikuti dengan organisasi kajian yang memberikan gambaran umum terhadap penulisan kajian.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Golongan belia adalah pemimpin generasi hari ini dan juga pelapis generasi pemimpin di masa hadapan. Ini selaras dengan tujuan Allah SWT mencipta manusia sebagai hamba Allah sekali gus khalifah di muka bumi untuk mengurus tadbir kehidupan di dunia dan memakmurkannya.

Dalam konteks Negara Brunei, golongan belia merupakan ‘Tunas Bangsa’ yang bermaksud golongan muda atau golongan belia bangsa yang mempunyai nilai tersendiri untuk diambil manfaatnya oleh bangsa dan negara.¹ Terdahulu sebelumnya, Dasar Belia Negara secara umumnya telah pun memartabatkan kedudukan golongan belia sebagai generasi pelapis pemimpin di masa depan dengan kerjasama daripada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dalam menyediakan dan membentuk pelbagai aktiviti dan program kemahiran dan pembangunan belia.²

Warga perkhidmatan awam di Institusi Perkhidmatan Awam terdiri dari golongan belia negara, telah dipilih dan diberi kepercayaan selaku pelaksana dan penggerak “Negara Zikir”³ dengan melancarkan buku “*Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir*”, kemudian disusuli dengan penyerahan buku tersebut kepada kementerian-kementerian lainnya di Negara Brunei Darussalam⁴ dan diikuti dengan

¹ *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2008*, Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-24 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 17 Safar 1429/ 23 Februari 2008, Cet. Pertama 2009 (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, 2009),16-17.

² *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam*, Belia Kita: Masa Depan Kita (Negara Brunei Darussalam: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 2002), 18.

³ “Program Bimbingan Negara Zikir,” *Pelita Brunei*, 05 September 2009.

⁴ Norliah Md Zain, “Buku ‘Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir’ dilancarkan,” *Pelita Brunei*, 07 March 2009.

pelaksanaan Program Negara Zikir⁵. Salah satu daripada program tersebut ialah Program Halaqah Zikir Masjid Omar ‘Ali Saifuddien (MOAS) yang diadakan sekali pada minggu pertama setiap bulan di Masjid Omar Ali Saifuddien sesuai dengan identitinya sebagai “*Rauḍah al-Zikr*”.⁶

“Negara Zikir” merupakan hasrat KDYMM Sultan Haji Hassanal Bolkiah agar rakyat dan negara sentiasa berada dalam perhatian dan pemeliharaan Allah sesuai dengan janji-Nya di dalam surah al-Baqarah ayat 152, yang bermaksud: “Kamu ingati Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula”. Titah baginda Sultan:

“Brunei adalah negara yang selalu bersama-sama dengan Ar-Rahman (Yang Maha Mengasihi), yang sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya sebagai rutin kebiasaan. Kerana itu Allah pun dengan rahmatNya memalingkan kita dari sebarang kesusahan dan bencana dari pelbagai anasir yang boleh merosakkan keamanan.

Beta, Insya Allah akan terus berazam untuk menjadikan Brunei sebuah ‘Negara Zikir’ yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaanNya, sesuai dengan janjiNya dalam surah Al-Baqarah ayat 152, tafsirnya: Kamu ingatlah Aku, nescaya Aku mengingati kamu pula”.⁷

Pada masa yang sama, Negara Zikir juga menjadi landasan utama ke arah mencapai Wawasan 2035⁸ yang memfokuskan tiga perkara utama. Pertama, rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kedua, kehidupan rakyat yang berkualiti; dan ketiga, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Pencapaian ke arah Wawasan 2035 tersebut memerlukan seluruh masyarakat bersatu dalam: pertama, kesetiaan kepada Sultan dan Negara; kedua, keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; dan ketiga, keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.⁹

⁵ “Program Bimbingan Negara Zikir,” *Pelita Brunei*, 05 September 2009.

⁶ “MOAS adakan program ‘Halaqah Zikir’,” *Pelita Brunei*, 08 Mei 2013, 7.

⁷ *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2007*, Titah Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1428 Hijrah/ 2007 Masihi pada 10 Zulhijjah 1428/ 19 Disember 2007, Cet. Pertama 2008 (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, 2008), 93-94.

⁸ Wawasan 2035, merupakan salah satu daripada tiga buah dokumen yang telah disediakan oleh Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang yang diperkenankan penubuhannya oleh Baginda Sultan sendiri. Mengiringi dokumen Wawasan 2035 itu ialah Rangka Strategi dan Dasar Bagi Pembangunan (OSPD) 2007-2017 dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012.

[http://www.aspirasi-ndp.com/arkib/FEBRUARY08/Wawasan 2035untukgenerasiakandatang.html](http://www.aspirasi-ndp.com/arkib/FEBRUARY08/Wawasan%2035untukgenerasiakandatang.html) dicapai 11Julai 2013

⁹ <http://www.nationalday.information.gov.bn/mengenai-brunei/wawasan-negara-2035/> dicapai 26 Mei 2013

Berdasarkan penjelasan tersebut, ternyata golongan belia selaku individu, masyarakat dan juga rakyat merupakan subjek penting yang mesti diambil kira dan diambil perhatian dalam perencanaan pembangunan sesebuah negara tanpa mengeneipkan kepentingan aspek rohani. Namun dalam upaya menyempurnaan perencanaan tersebut, terdapat golongan belia yang berdepan dengan pelbagai cabaran isu semasa atau isu global yang perlu ditangani dengan baik dan sempurna.

Justeru, sebagai sebuah Negara Zikir, tentunya ingin melahirkan golongan belia seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek sebagai jalan penyelesaian holistik di samping membentuk golongan ini agar menyedari tanggungjawab yang digalas sama ada selaku seorang anak dalam keluarga atau selaku rakyat atau warganegara tempat mereka tinggal dan bernaung. Malah amat penting untuk dipastikan agar golongan ini tidak terus tersasar jauh dari taufiq dan rahmat Allah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah, tentunya kekuatan dalaman atau kerohanian menjadi ukuran utama untuk mengembalikan keunggulan keperibadian golongan belia sebagai persiapan untuk menjadi pemimpin dan generasi cemerlang berwawasan di masa hadapan.

1.3 Permasalahan Kajian

Negara Brunei merupakan sebuah negara Islam bersaiz kecil dan mempunyai penduduk seramai 417,200 orang bagi tahun 2017 iaitu 51.9% lelaki dan 48.1% perempuan. Dari jumlah tersebut direkodkan sebanyak 23.6% adalah terdiri daripada umur bayi hingga berumur 14 tahun, 16.9% mewakili umur lingkungan 15 hingga 24 tahun, 47.9% berumur 25 hingga 54 tahun, 7.4% berumur 55 hingga 64 tahun dan 4.2% berumur 65 tahun ke atas.¹⁰ Berdasarkan *Statistik Tahun 2015*, belia berumur 15 tahun hingga 44 tahun, berjumlah 217,800 iaitu 42% lelaki dan 39% perempuan.¹¹

Negara Brunei seperti juga negara lainnya, dalam merangka strategi untuk mencapai kemajuan dan kejayaan, tetap berdepan dengan pelbagai cabaran. Isu masalah sosial melibatkan keruntuhan moral dan akhlak, isu penyalahgunaan dadah dan isu

¹⁰ Borneo Bulletin Yearbook 2017, *The Guide to Brunei Darussalam* (Brunei: Brunei Press Sdn Bhd, 2017), 34; Lihat *Brunei Darussalam Statistical Yearbook* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri, 2015), 2.

¹¹ *Brunei Darussalam Statistical Yearbook* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri, 2015), 16.

pengangguran¹² merupakan antara beberapa isu yang sering menjadi kebimbangan banyak pihak. Isu sosial dan isu penyalahgunaan dadah amat sinonim dengan kesan-kesan negatif yang berpunca daripada kepincangan sesebuah keluarga. Oleh itu setiap individu dituntut mengambil kepentingan tentang aspek kejiwaan dengan mempertingkatkan keimanan sebagai benteng kukuh untuk menghadapi sabarang ujian dan cabaran.

Statistik daripada Biro Kawalan Narkotik Brunei Darussalam bagi Februari tahun 2017 telah merekodkan seramai 134 belia terlibat dalam tangkapan am¹³ dan 9 orang dijatuhkan hukuman.¹⁴ Pada tahun 2016, seramai 27 orang ditangkap kerana memiliki dadah yang terkawal bagi tujuan mengedar.¹⁵ Menurut laporan statistik Jabatan Pembangunan Masyarakat Brunei Darussalam, jumlah keseluruhan residen dan penghuni yang menempati Kompleks-Kompleks Rumah Kebajikan Brunei Darussalam pada tahun 2016 hingga April 2017, adalah seramai 71 orang iaitu 29 residen yang menjalani pemulihan dan 42 penghuni yang diberi perlindungan.¹⁶ Statistik Tahun 2015, pula mencatat seramai 13,474 penganggur iaitu seramai 6,983 lelaki dan 6,492 perempuan.¹⁷

Keseluruhan statistik tersebut, jelas menunjukkan bahawa golongan belia yang dijulang sebagai aset negara berharga merupakan jumlah yang besar terlibat dalam masalah sosial, dadah dan pengangguran. Meskipun bilangan pengangguran telah diatasi oleh agensi berkenaan dengan penyediaan sejumlah pekerjaan, namun tetap menjadi kerisauan bagi sesetengah pihak kerana masalah pengangguran juga menyumbang kepada timbulnya pelbagai isu sosial kritikal yang perlu ditangani dengan segera.

Ini terbukti melalui kajian tentang “Masalah Sosial Remaja Dan Peranan Institusi Keluarga” yang membahaskan masalah sosial dalam kalangan remaja adalah

¹² *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam*, 3.

¹³ *Statistik Tangkapan Tahunan 2013 hingga Februari 2017* (Negara Brunei Darussalam: Biro Kawalan Narkotik, Cawangan Penyelidikan, 2017).

¹⁴ *Statistik Kes Pendakwaan Tahunan 2013 hingga Januari 2017* (Negara Brunei Darussalam: Biro Kawalan Narkotik, Cawangan Penyelidikan, 2017).

¹⁵ *Statistik Tangkapan Di bawah Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 Bagi Tahun 2016* (Negara Brunei Darussalam: Biro Kawalan Narkotik, Cawangan Penyelidikan, 2017).

¹⁶ *Statistik Kemasukan Unit Pemulihan dan Unit Perlindungan* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pembangunan Masyarakat, 2017).

¹⁷ *Brunei Darussalam Statistical Yearbook* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri, 2015), 37.

berpunca daripada tidak menghayati ajaran Islam dan kurangnya suasana iklim rumah tangga Islami, iaitu tidak solat berjema'ah dan tidak mengamalkan zikir dan do'a harian¹⁸, Kertas kerja "Peranan Jabatan Pembangunan Masyarakat Dalam Mengukuhkan Kesejahteraan Institusi Keluarga dan Masyarakat Di Brunei Darussalam" pula, lebih membincangkan beberapa strategi untuk menangani isu keluarga serta mengukuhkan institusi keluarga menerusi khidmat sosial, program pembangunan diri, keluarga dan masyarakat serta mewujudkan perundangan.¹⁹ Begitu juga kajian tentang "Remaja Lari Dari Rumah" hanya membincangkan masa depan golongan remaja dan peranan pihak berwajib ke atas golongan remaja tersebut namun kurang kupasan tentang aspek kerohanian.²⁰ Begitu juga kajian tentang dadah dalam perspektif Islam²¹ dan masalah pengulangan penyalahgunaan dadah²² kedua-duanya membahaskan tentang penyalahgunaan dadah yang menjadi punca berlakunya masalah sosial namun peranan program dan aktiviti kerohanian yang mampu membentuk sahsiah kalangan pesalah dan banduan kurang dibahaskan.

Amalan kerohanian jika diterapkan dalam kehidupan seharian akan membentuk rohani menjadi lebih mantap menjadi benteng kukuh dalam menegakkan *amar ma'ruf nahi munkar*. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana program pengukuhan Negara Zikir menerusi amalan kerohanian diterapkan kepada golongan belia bermasalah. Menerusi kajian ini mereka lebih dikenali sebagai Belia Perlu Perhatian (BPP) atas sebab kejahilan dan kelemahan dalaman yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan melalui ilmu pengetahuan yang menekankan amalan kerohanian sebagai asas pembangunan kerohanian. Hal ini adalah penting bagi merealisasikan gagasan Negara Zikir sebagaimana yang diperintahkan oleh baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzadien Waddaulah.

¹⁸ Adanan bin Haji Basar, "Masalah Sosial Remaja dan Peranan Institusi Keluarga," dalam *Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008), 105.

¹⁹ Siti Aynah Mohd Yaakub. "Peranan Jabatan Pembangunan Masyarakat Dalam Mengukuhkan Kesejahteraan Institusi Keluarga dan Masyarakat di Brunei Darussalam" makalah, Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Seagat, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei, 24-25 Februari 2010.

²⁰ Dayangku Norhairnawati Pengiran Matzin, *Remaja Lari Dari Rumah* (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012).

²¹ Faizal Anak Osili (08B0731) et al., "Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Belia: Kes Kajian di Daerah Brunei Muara" (makalah berkumpulan, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, semester 7, 2010/2011).

²² Zulhilmi bin Haji Jaidin, "Residivisme Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Banduan Di Penjara Jerudong," dalam *Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008), 66.

Untuk membahaskan program pengukuhan Negara Zikir, secara tidak langsung persoalan tentang Negara Zikir juga sangat penting untuk dikupas dan dibahas. Ini disebabkan Negara Zikir dari pelbagai sudut, teori; konsep; metode; kerangka; acuan atau tasawwur bagi Negara Zikir masih belum cukup dirungkai dan diperjelaskan. Ini termasuklah persoalan tentang sifat atau ciri serta asas Negara Zikir sebagaimana disebutkan dalam titah Majlis Ilmu 2008. Titah baginda:

“Dengan konsep Negara Zikir, kita insyaAllah, akan membangun negara dan kehidupan, dengan perkara-perkara yang dipandang baik serta bagus oleh Allah dan juga oleh manusia. Kita akan usahakan kecemerlangan dengan konsep ini.

... Cuma syarat terpenting di sini, semua pihak mestilah sama-sama memahami characteristic Negara Zikir itu, apa fundamentalnya dan bagaimana ruang lingkupnya, supaya kita benar-benar meyakinkannya sebagai acuan dan landasan yang sangat-sangat kita perlukan”.

Oleh itu, kupasan dan huraian tentang Negara Zikir sangat penting dalam menjelaskan hubungkaitnya dengan pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) agar golongan belia ini dapat memenuhi objektif Negara Zikir ke arah mencapai visi Negara Zikir *Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr*.

Untuk menjawab persoalan tersebut, kajian ini perlu juga melihat kepada beberapa aspek kajian, antaranya kajian tentang pendekatan *riyāḍah al-naḥs* yang diaplikasikan dalam kaunseling,²³ kajian tentang pembinaan model psikoterapi Islam berasaskan konsep *tazkiyah al-naḥs*²⁴ kajian tentang pembangunan modal insan menerusi pendekatan *tazkiyah al-naḥs*²⁵ dan kajian tentang pengaplikasian *tazkiyah al-naḥs* dalam pelaksanaan program dakwah.²⁶ Malah terdapat juga kajian tentang pembinaan modal spiritual yang diterapkan dalam pendidikan awal kanak-kanak sekolah.²⁷ Kesemua kajian ini membahaskan konsep dan kaedah dalam ilmu tasawuf yang berimpak kerohanian dan menyuburkan spiritual individu. Malahan kajian yang

²³ Salasia Hanim Hamjah dan Noor Shakirah Mat Akhir, “Riyadah al-Nafs menurut al-Ghazali dan aplikasinya dalam Kaunseling di PK Manis,” *Jurnal Usuluddin*, 26 (2007), 45.

²⁴ Che Zarrina Sa’ari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin, “Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep *Tazkiyah al-Nafs*,” *Jurnal Usuluddin*, 36 (2012), 49.

²⁵ Mohamad Hilmi Mat Said dan Noor Shakirah Mat Akhir, “Pendekatan Tazkiyah al-Nafs Dalam Membangunkan Modal Insan Di Universiti,” dalam *Modal Insan Transformasi Menjana Kelestarian*, ed. Abd Jalil Borham, Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Hassan Ahmad dan Munira Abdul Razak (Pahang: Universiti Malaysia Pahang, 2011), 163-166.

²⁶ Fariza Mohd Sham, “Dakwah Kepada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005), iv.

²⁷ Hamdi Rahman et al., “Development of Science Spiritual Model for Pre-school Education,” in *Global Journal al-Thaqafah*, 2 (1) (2012).

dikemukakan tentang Model Penghayatan Solat Berasaskan Kaedah Tafakur²⁸ juga tidak diketepikan begitu saja memandangkan kajian ini membahaskan cara bagaimana untuk mempertingkatkan kualiti amal ibadah ke arah kesempurnaan akhlak dan kesejahteraan jiwa.

Justeru, Negara Zikir sebagai satu pendekatan kerohanian menerusi program kerohanian Negara Zikir adalah asas kepada pembangunan kerohanian atau spiritual golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) itu sendiri. Negara Zikir bertindak sebagai penjana iman dan takwa menerusi pendekatan atau kaedah zikrullah sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* bagi golongan belia tersebut sebagai panduan penting dan meletakkannya sebagai ukuran serta menjadi aras kawalan, cegahan dan rawatan dalam menambah dan memperbaiki kualiti nilai keimanan dan ketakwaan serta mempertingkatkan amalan soleh di samping sentiasa melakukan *amar ma'ruf nahi munkar* sekali gus menjadi umat terbaik *khayr ummah* yang menjadi objektif Negara Zikir dan untuk mencapai reda Allah *marḍatillāh* sebagai matlamat Negara Zikir.

Dengan itu, *tazkiyah al-nafs* sebagai salah satu elemen penting yang perlu diterjemahkan dan disuntik ke dalam gagasan Negara Zikir menerusi pendekatan atau kaedah zikrullah sebagai aras tanda atau kayu ukur tahap kualiti penjaan golongan belia beriman dan bertakwa untuk mencapai visi Negara Zikir *Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr* iaitu negara yang baik, aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun.

1.4 Persoalan Kajian

Berlandaskan permasalahan kajian yang dikemukakan di atas maka persoalan kajian telah dibina dengan memfokuskan kepada beberapa perkara berikut:

1. Bagaimanakah konsep *tazkiyah al-Nafs* menurut perspektif Islam?
2. Apakah teori gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam?
3. Apakah bentuk-bentuk program pengukuhan Negara Zikir menerusi amalan kerohanian yang dilaksanakan terhadap golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Negara Brunei Darussalam?

²⁸ Hamdi Rahman et al., "Modal Penghayatan Solat Berasaskan Kaedah Tafakur" *Global Journal al-Thaqafah*, 3 (2) (2013).

4. Bagaimanakah bentuk pelaksanaan amalan kerohanian sebagai metode *tazkiyah al-Nafs* dalam pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Brunei Darussalam?

1.5 Objektif Kajian

Berlandaskan persoalan kajian yang dibina, maka objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Membincangkan konsep *tazkiyah al-Nafs* menurut perspektif Islam.
2. Mengkaji teori gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam.
3. Mengkaji program pengukuhan Negara Zikir menerusi amalan kerohanian dalam kalangan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Brunei Darussalam.
4. Menganalisis amalan kerohanian sebagai metode *tazkiyah al-Nafs* dalam pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Brunei Darussalam.

1.6. Definisi Tajuk Kajian

Tajuk kajian yang dikemukakan ialah Elemen *Tazkiyah al-Nafs* dalam gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam: Kajian Terhadap Penekanan Amalan Kerohanian Sebagai Asas Pembangunan Kerohanian Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP). Sebelum kajian ini dibincang lebih lanjut, beberapa tema yang terdapat dalam kajian ini perlu dihuraikan dan diperjelaskan terlebih dahulu.

1.6.1 Elemen *Tazkiyah al-Nafs*

Elemen bermaksud anasir atau sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur.²⁹ Dan frasa *tazkiyah al-nafs* merupakan gabungan dua perkataan yang mana kata *tazkiyah* berasal daripada perkataan زَكَا — يَزْكُو — زَكَاً yang bermaksud pertumbuhan dan penyucian. Misalnya, orang yang mengeluarkan zakat harta memberi

²⁹ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 385, entri “elemen.”

kesan dalam mengurangi sifat tamak dalam dirinya.³⁰ Penyucian bermaksud proses iaitu perbuatan, cara menyucikan; pembersihan.³¹

Ringkasnya, perbuatan mengeluarkan zakat dapat menghapus sifat tamak dan haloba dalam diri seseorang. Jika perbuatan mengeluarkan zakat tersebut disertai dengan niat ikhlas kerana Allah SWT maka secara tidak langsung telah berlaku proses pembersihan jiwa di mana sifat tamak dan haloba terhakis secara perlahan. Semasa proses pengurangan sifat tamak dan haloba berlaku, disebut sebagai *takhallī* iaitu membuang sifat-sifat keji atau *madhmūmah*. Dan apabila sifat tamak dan haloba terhakis secara perlahan maka secara tidak langsung akan terserlahlah sifat pemurah, yang ketika ini disebut sebagai *tahallī* iaitu menghiasi diri dengan sifat terpuji atau *maḥmūdah*. Secara teorinya, apabila kesemua proses *takhallī* dan *tahallī* ini terpenuhi maka tanpa disedari matlamat dan tujuan mengeluarkan zakat tersebut iaitu untuk mencapai redha Allah dapat dicapai dengan sempurna.

Bagi kalimah *al-aḥs* mempunyai dua makna; *naḥs al-‘aql* (akal) yang dengan akal manusia mampu berfikir dan *naḥs al-ruh* yang dengan roh manusia hidup.³² Oleh itu, gabungan *tazkiyah al-naḥs* itu secara ringkasnya bermaksud perbuatan penyucian jiwa atau pembersihan jiwa memberi kesan ke arah pembaikan rohani dan jasmani dengan berlakunya perubahan pada akhlak dan tingkah laku.

1.6.2 Gagasan Negara Zikir

Menurut *Kamus Dewan* gagasan bermaksud idea atau buah fikiran yang dijadikan saranan³³. Dan mengenali frasa Negara Zikir, dari segi istilah, ianya merupakan satu istilah baru yang ingin dikembangkan dan dimantapkan penggunaannya dalam tradisi keilmuan Islam.³⁴ Perkataan negara, bermaksud suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan.³⁵ Secara lengkapnya negara

³⁰ Ibn Manzur, Jamāl al-Dīn Muhammad ibn Mukarram ibn ‘Ali, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dar al-Sadir dan Dar Beirut, 1955), 60: 358.

³¹ *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, ed. ke-2 (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 2607, entri “penyucian.”

³² Ibn Manzur, Jamāl al-Dīn Muhammad ibn Mukarram ibn ‘Ali, *Lisān al-‘Arab*, 26:235.

³³ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 423, entri “gagasan.”; Lihat juga *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, ed. ke-2, 741, entri “gagasan.”

³⁴ Badarudin bin Haji Othman, “Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya dan Menyuburkan Ciri-cirinya” (makalah, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 2.

³⁵ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1074, entri “negara.”

merujuk kepada suatu tempat atau kawasan tertentu yang mempunyai garis sempadan yang sah, didiami oleh sekumpulan manusia, mempunyai undang-undang dan mempunyai sebuah kerajaan yang memerintah dan mempunyai kedaulatan dan Negara Brunei Darussalam memenuhi kriteria ini.³⁶

Perkataan zikir, secara literal bermaksud menyebut dan mengingat. Zikir merupakan perbuatan melepaskan diri daripada lalai dan lupa dengan menghadirkan hati atau sedar secara berterusan. Zikir juga menyebut nama sesuatu dengan hati dan lisan, sama ada menyebut nama Allah atau sifat-Nya bahkan zikir juga membawa maksud solat, membaca al-Quran, ucapan tasbih, doa, syukur dan taat.³⁷ Zikir juga bermaksud puji-pujian kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang diucapkan berulang-ulang seperti menyebut kalimah *Astaghfirullāh*, *Allāhuakbar* dan *Subhānallāh* dengan lidah ataupun dalam hati; perbuatan mengucapkan zikir; doa atau puji-pujian berlagu sempena majlis atau perayaan Maulud Nabi Muhammad SAW; dikir;³⁸ Dari sini, zikir bermaksud suatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang selalu menyebut nama Allah dan sentiasa mengingat Allah. Kedua elemen ini iaitu menyebut dan mengingat telah melengkapkan konsep zikir dalam Islam yang menjadi nadi dan roh segala amal ibadah yang tidak terbatas pada *tasbīh*, *tahlīl*, *tahmīd*, *takbīr* sebagaimana ia juga tidak terbatas pada ruang, masa, tempat dan keadaan.

Gagasan Negara Zikir dalam kajian ini bermaksud suatu hasrat bagi membentuk negara yang masyarakatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT³⁹ dan gagasan juga bermaksud saranan untuk menjadikan negara ini benar-benar sebuah negara yang diberkati kerana keterikatannya dengan Allah. Ia cuma bergerak dan berkembang semata-mata kerana Allah. Ia merancang dan membangun kerana Allah, tidak ada yang lain dari itu.⁴⁰ Dan amalan kerohanian berasaskan zikrullah juga sudah lama sebat

³⁶ Pg Dr Hj Mohammad Pg Hj Abd Rahman, *Belia dan Pendidikan Islam Di Brunei Darussalam* (Brunei: Pusat Dakwah Islamiah, 2011), 2.

³⁷ Ibn Manzur, Jamāl al-Dīn Muhammad ibn Mukarram ibn 'Alī, *Lisān al-'Arab*, 18: 309-310, entri "zikir".

³⁸ *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, ed. ke-2, 3047, entri "zikir." Zikir juga disebut dalam Bahasa Melayu sebagai dikir. Lihat juga Panduan Penggunaan Kamus Bahasa Melayu Nusantara pada Susunan Kata Masukan 1.1.2 Lema yang berbeza bentuk variasi di antara ketiga-tiga negara (Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia) tetapi tidak berbeza maknanya atau hanya sebahagian makna poliseminya yang berbeza, *Ibid.*, ed. ke-2, xxix.

³⁹ Pg Hj Bahrom Pg Hj Bahar, "Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir" (Kertas Perdana, Konvensyen Pendidikan Islam, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 30 November 2011).

⁴⁰ Abdul Aziz Juned (Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam), dalam temubual dengan penulis, 27 Januari 2015.

dalam kehidupan masyarakat Islam Brunei. Antaranya amalan zikir tarekat tasawuf, bacaan ratib dan wirid secara asasnya bertujuan untuk membersihkan jiwa di samping mendekatkan diri kepada Allah SWT. Namun begitu masyarakat Islam Brunei juga sama sekali tidak pernah melupakan junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah di mana zikir *Mawlid Sharaf al-Anām* juga dibaca dan dilagukan dengan baik dan sempurna dengan tujuan mendapat keberkatan di dalam acara atau majlis keagamaan dan juga kebudayaan.

1.6.3 Pembangunan Kerohanian

Perkataan pembangunan bermaksud perihal membangun, proses membangun untuk mencapai kemajuan, perkembangan dan sebagainya, dan juga bermaksud usaha atau kegiatan membangunkan, memajukan dan mengembangkan. Sebagai contoh pembangunan luar bandar; pembangunan sistem.⁴¹ Perkataan kerohanian pula adalah berkaitan dengan perihal rohani dan sifat-sifat rohani atau kebatinan iaitu yang berkaitan dengan jiwa.⁴²

1.6.4 Perlu Perhatian

Menurut *Kamus Dewan* “perhati” bermaksud memerhatikan iaitu memperdulikan dan “perhati” juga bermaksud melihat dengan teliti.⁴³ Namun jika merujuk kepada *Kamus Nusantara* perkataan “perhatian” memberi maksud perihal memerhatikan; minat atau “perhatian!” bermaksud minta supaya diberi perhatian pada apa yang akan dicakapkan atau diumumkan dan sebagainya.⁴⁴ Berdasarkan makna dan maksud perhati dan perhatian daripada dua rujukan tersebut, pengkaji lebih cenderung untuk menggabungkan maksud daripada perkataan perhatian dengan perihal kepedulian dan perihal memerhatikan.

Perkataan “perlu perhatian” yang disandarkan kepada golongan belia dengan singkatan BPP dalam tajuk kajian ini adalah merujuk kepada hal keadaan golongan belia bermasalah yang menjadi fokus kajian ini di mana mereka merupakan kelompok

⁴¹ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 123, entri “pembangunan.”

⁴² *Ibid.*, 1339, entri “kerohanian.”

⁴³ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1184, entri “perhati.”

⁴⁴ *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, ed. ke-2, 2057, entri “perhatian.”

belia yang perlu diambil peduli dan tidak selayaknya diabaikan.⁴⁵ Menurut Siti Aynah, pengabaian jika dilihat dari sudut kes pengabaian adalah bermaksud sikap tidak bertanggungjawab atau tidak ambil peduli terhadap keluarga yang wajib dipertanggungjawabkannya. Contoh-contoh kes pengabaian di Negara Brunei Darussalam seperti tidak memberi pendidikan sempurna, tidak memberi perhatian kepada kesihatan anak-anak serta membiarkan ibu bapa yang lanjut usia terabai penghidupannya.⁴⁶

Dengan kata lain, belia perlu perhatian dalam kajian ini adalah merujuk kepada hal keadaan dalaman golongan belia bermasalah yang juga mempunyai hubungkait dengan pengabaian luaran. Golongan belia bermasalah yang menjadi fokus kajian ini adalah mereka yang ditempatkan di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) sebagai pusat perlindungan dan bimbingan, Jabatan Penjara Jerudong sebagai pusat tahanan dan pusat pemulihan Al-Islah. Kajian ini mengindikasikan golongan ini sebagai golongan belia yang perlu diambil peduli dan tidak selayaknya diabaikan.

Justeru, kajian mengindikasikan golongan Belia Perlu Perhatian sebagai golongan yang sangat perlu kepada perihai kepedulian berimpak rohani dan eksklusif untuk mengajak kembali ke jalan yang benar serta diredhai Allah SWT. Pengindikasian ini juga sebagai *qudwah hasanah* atas sikap dan keprihatinan kebanyakan golongan ulama tasawuf terdahulu dalam keprihatinan mereka yang sentiasa bersikap ambil peduli perihai diri merangkap perihai kekuatan spiritual sebagai landasan pembangunan rohani menerusi amalan kerohanian.

Secara keseluruhan daripada huraian definisi kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa *tazkiyah al-nafs* atau penyucian jiwa merupakan salah satu elemen asas dalam proses membangun kerohanian dan spiritual insan iaitu membersihkan jiwa daripada sebarang debu kotoran dan juga penyakit hati yang kemudiannya dihiasi dengan amalan kerohanian berasaskan *zikrullah* sesuai dengan pendekatan Negara Zikir iaitu sentiasa mengingat Allah dalam setiap masa, tempat dan keadaan. Justeru, kajian yang

⁴⁵ Haji Isa bin Haji Osman (Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

⁴⁶ Siti Aynah Mohd Yaakub. "Peranan Jabatan Pembangunan Masyarakat Dalam Mengukuhkan Kesejahteraan Institusi Keluarga dan Masyarakat di Brunei Darussalam" (makalah, Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei, 24-25 Februari 2010).

dilakukan ini bertujuan untuk mengkaji elemen *tazkiyah al-nafs* dalam gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam menerusi program dan aktiviti kerohanian golongan BPP yang sangat memerlukan pengisian rohani untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT di samping meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta menjadi terapi ruhi dalam memberikan ketenangan dan kesejahteraan jiwa.

1.7 Skop Dan Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan elemen *tazkiyah al-nafs* menerusi pendekatan atau kaedah zikrullah sebagai aras tanda atau kayu ukur tahap kualiti penjaan golongan belia beriman dan bertakwa sekali gus menjadikan kaedah zikrullah sebagai landasan dalam membina sahsiah dan membentuk akhlak terpuji. Ini selaras dengan gagasan Negara Zikir membentuk masyarakatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT dan saranan untuk menjadikan negara sebagai sebuah negara yang sentiasa mendapat keberkatan dari Allah ke arah mencapai visi Negara Zikir *Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafūr* iaitu negara yang baik, aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun.

Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) yang menjadi fokus utama kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang terlibat dengan masalah dadah dan juga pelbagai isu sosial yang mengakibatkan keruntuhan akhlak. Mereka ditempatkan di pusat bimbingan, pusat tahanan dan juga pusat pemulihan di mana mereka perlu menjalani pemulihan dan diberikan bimbingan kerohanian menerusi program dan aktiviti kerohanian yang menekankan aspek zikrullah sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* dalam upaya membentuk mereka menjadi insan soleh beriman dan bertakwa kepada Allah. Menerusi kajian ini, pengkaji meletakkan Perlu Perhatian kepada golongan tersebut sebagai satu indikasi merujuk kepada hal keadaan jiwa mereka yang sangat lemah dan sangat perlu kepada huluran bantuan dan menuntuni mereka ke jalan yang benar diredhai Allah SWT.

Silibus amali/ ko-kurikulum dalam kajian ini yang menekankan aspek kerohanian menerusi amalan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian di pusat-pusat berkenaan secara tidak langsung membantu untuk merealisasikan gagasan Negara Zikir. Justeru, kemantapan silibus dan ketepatan pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian akan dapat membantu mencapai matlamat penyedia silibus untuk melahirkan insan taat

beribadah dan juga membantu mencapai matlamat penempatan pusat untuk melahirkan insan berilmu dan mempunyai pegangan akidah yang teguh dan mantap.⁴⁷

Justeru, pemilihan golongan Belia Perlu Perhatian di tiga (3) buah pusat; pusat bimbingan, pusat tahanan dan pusat pemulihan adalah mewakili hampir keseluruhan permasalahan sosial belia yang ditangani secara umumnya oleh jabatan atau unit yang berada di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan di Negara Brunei Darussalam. Manakala pemilihan penempatan golongan Belia Perlu Perhatian dalam kajian ini memberikan tumpuan khusus di Daerah Brunei Muara atas sebab belia yang ditempatkan di dalam pusat-pusat berkenaan adalah terdiri daripada belia dari tiga (3) buah daerah yang lainnya; Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong. Dengan kata lain, pemilihan golongan Belia Perlu Perhatian dan pemilihan penempatan golongan Belia Perlu Perhatian dalam kajian ini adalah selaras dengan gagasan Negara Zikir dengan metode rohaniah menekankan aspek zikrullah menerusi program dan aktiviti kerohanian yang bertujuan untuk merubah dan membentuk golongan tersebut agar menjadi individu beriman dan bertakwa.

1.8 Justifikasi Kajian

Golongan belia secara umumnya merupakan aset berharga bagi sesebuah negara di mana golongan ini merupakan generasi pelapis dan pemangkin pembangunan dan kemajuan negara di masa depan. Pemilihan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) dalam kajian ini tidak bermaksud bahawa dalam mencapai arus kemajuan teknologi komunikasi dan juga kecemerlangan, golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) perlu diabaikan hanya kerana kesilapan dan ketelanjuran masa lalu. Penilaian sebegini tentunya tidak adil untuk dilempar keseluruhannya kepada golongan ini sedangkan di waktu yang sama wujud penyebab lain yang turut sama menyumbang kepada pelbagai faktor luaran dan dalaman permasalahan tersebut. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab secara kolektif dari pelbagai lapisan masyarakat untuk memastikan golongan ini tidak terus tercicir dari mencapai arus kemajuan diri.

⁴⁷ *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan Tahun 1427H/ 2006M* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1427H/ 2006M), 11; Muhd Sahrin bin Sulaiman (Ketua Guru Ugama, KRK Belimbing Subok) dan Ramziah binti Haji Osman (Guru Ugama Terlatih, KRK Belimbing Subok), dalam temubual dengan penulis, 13 Mei 2014.

Dengan ini, kajian memberi fokus kepada golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan selaku kementerian yang dipertanggung-jawabkan ke atas sejumlah golongan belia di negara ini. Golongan belia yang terlibat dengan isu penyalahgunaan dadah dan isu keruntuhan moral dan akhlak merupakan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) yang sangat perlukan kepada pemulihan dan bimbingan kerohanian.⁴⁸

Pendekatan Negara Zikir menerusi program dan aktiviti kerohanian telah pun dilaksanakan sebagai upaya merealisasikan konsep Negara Zikir iaitu sentiasa ingat Allah menerusi amalan *zikrullah* bahkan *zikrullah* itu sendiri merupakan elemen dalam *tazkiyah al-nafs* yang menjadi fokus dalam kajian ini sebagai salah satu asas pembangunan kerohanian. *Zikrullah* dalam makna yang luas menjadi pendekatan Negara Zikir mempunyai hubungan dengan *tazkiyah al-nafs* dalam membersihkan jiwa dan sebagai alat penghubung untuk mendekatkan diri kepada Allah di samping meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta menjadi terapi ruhi dalam memberikan ketenangan dan kesejahteraan jiwa.

Dengan kata lain, *tazkiyah al-nafs* menerusi amalan *zikrullah* berlakunya proses *takhallī* dan *tahallī* yang berupaya menjana, membentuk, menambah baik kualiti nilai keimanan dan ketakwaan serta amalan soleh golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) agar menjadi golongan belia beriman dan bertakwa selaras dengan gagasan Negara Zikir dan sentiasa melakukan *amar ma'ruf nahi munkar* menjadi umat terbaik *khayr ummah* ke arah mencapai visi Negara Zikir *Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr* iaitu negara yang baik, aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini menyumbang kepentingan dalam memartabatkan elemen *tazkiyah al-nafs* di dalam setiap program dan aktiviti kerohanian atau keagamaan yang dilaksanakan selaras dengan status *tazkiyah al-nafs* yang diiktiraf sebagai salah satu tugas para Rasul, juga sasaran orang yang bertakwa dan ukuran dalam menentukan dan memastikan keselamatan dan kecelakaan di sisi Allah. Pengiktirafan ini sekaligus meletakkan *tazkiyah al-nafs* pada kedudukan yang cukup penting dalam skema keagamaan Islam merangkumi aspek penghayatan dan pengamalan yang dibawa oleh para Rasul sejak

⁴⁸ *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam*, Belia Kita: Masa Depan Kita, 18.

zaman berzaman. Pengiktirafan *tazkiyah al-nafs* memperlengkapkan serta memperkukuhkan lagi matlamat Rasulullah SAW diutuskan kepada umatnya untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Kajian tentang elemen *tazkiyah al-nafs* ke atas golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) dijalankan bagi memenuhi sebahagian daripada kelompangan-kelompangan yang wujud dalam kajian lepas khususnya dalam bidang dakwah dan bidang sosiologi untuk dimanfaatkan oleh para da'ie, para kaunselor dan para pendidik untuk memperkemaskinikan lagi konsep atau metode atau teori berhubungkait dengan aspek pembangunan akhlak dan juga aspek kejiwaan sebagai satu pendekatan kerohanian sama ada di sekolah atau di universiti atau di unit atau jabatan atau kementerian atau firma-firma swasta berkenaan.

Bagi para pelaksana, penyelarar dan penyusun program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan adalah penting dalam memastikan elemen *tazkiyah al-nafs* disuntik dan diselaraskan dalam setiap program dan aktiviti keagamaan yang dilaksanakan dengan mengambilkira penambahbaikan dan pelengkap bagi setiap metode yang sudah sedia ada agar ia selaras dan seiring dengan matlamat gagasan Negara Zikir.

Dari sudut yang lainnya, kajian ini juga turut menyumbang kepentingannya dalam gagasan Negara Zikir dan memperkukuhkan lagi konsep Negara Zikir sentiasa ingat dan sebut Allah sebagai metode rohaniah dalam membangun rohani dan spiritual khususnya kepada golongan belia dan umumnya kepada golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Negara Zikir dalam mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT sekali gus menjadikan elemen *tazkiyah al-nafs* sebagai panduan penting dalam meletakkannya menjadi aras kawalan, cegahan dan rawatan untuk menambah, memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti nilai keimanan dan ketakwaan serta amalan soleh kepada Allah SWT ke arah Negara Zikir status *Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr*.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan maklumat berguna dan buah fikiran bermanfaat untuk pengkaji-pengkaji akan datang terutama tentang elemen *tazkiyah al-nafs* sebagai metode rohaniah dan hubungkaitnya dengan konsep Negara

Zikir dan juga hubungkaitnya dengan matlamat gagasan Negara Zikir dalam konteks pembangunan kerohanian dan spiritual insan.

1.10 Ulasan Kajian Lepas

Perkembangan kajian ini dibina dari hasil kajian lepas dan diperjelaskan dalam kajian ini dalam bentuk tematik. *Tazkiyah al-Nafs* merupakan tema utama dibahas dari sudut konsep dan metode di samping proses dan perlaksanaannya. Negara Zikir pula, merupakan tema kedua dalam kajian ini yang dianalisis daripada kertas kerja Seminar Tasawuf Islam,⁴⁹ kertas kerja Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera⁵⁰ dan Seminar Negara Zikir.⁵¹ Seminar Negara Zikir merupakan salah satu program atau perisian yang disediakan khas untuk Majlis Ilmu 2008 sempena Hari Keputeraan Baginda Sultan dengan bertujuan untuk mendapatkan huraian jelas tentang Negara Zikir dari pelbagai sudut, teori; konsep; metode; kerangka; acuan atau tasawwur bagi Negara Zikir di samping mengetengahkan hubungkait *zikrullah* dengan elemen *tazkiyah al-nafs*. Manakala golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) dalam kajian ini merupakan tema ketiga dibincangkan dari sudut latar belakang serta program dan aktiviti kerohanian yang disediakan untuk golongan belia ini dalam upaya membentuk mereka menjadi insan soleh beriman dan bertakwa kepada Allah SWT selaras dengan gagasan Negara Zikir.

1.10.1 *Tazkiyah al-Nafs*

Terdapat banyak kajian yang membahaskan *tazkiyah al-nafs* dari sudut konsep, metode, proses dan perlaksanaannya dan juga hubungan *tazkiyah al-nafs* dari pelbagai sudut antaranya dari sudut pembangunan insan, pembentukan akhlak, kejiwaan, psikoterapi dan sebagainya. Malah *tazkiyah al-nafs* juga mempunyai hubungan dengan hakikat kejadian manusia. Justeru itu, *tazkiyah al-nafs* dalam pelbagai kajian juga dijadikan sebagai metode atau pendekatan atau disebut juga sebagai satu mekanisme yang telah lama dipraktikkan oleh kebanyakan ulama tasawuf.

⁴⁹ *Seminar Tasawwuf Islam*, Brunei: Universiti Brunei Darussalam, 29 Januari 2008.

⁵⁰ *Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera*, Brunei: Universiti Brunei Darussalam, 03 Mac 2008.

⁵¹ *Seminar Negara Zikir*, Brunei: Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, 28-29 Julai 2008.

i. Konsep, Proses dan Pelaksanaan *Tazkiyah Al-Nafs*

Beberapa orang pengkaji telah membincangkan konsep *tazkiyah al-nafs*. Antaranya, Shuhairimi Abdullah menjelaskan bahawa *tazkiyah al-nafs* adalah sebahagian daripada mekanisme penting dalam proses untuk melahirkan insan yang memiliki hati budi yang luhur. Ianya juga bertindak sebagai daya untuk membentuk kerangka pembentukan keperibadian yang unggul. Oleh itu, nilai-nilai yang terkandung dalam konseptual *tazkiyah al-nafs* seperti taharah, ibadah, zikir, doa, taubat, sabar dan muhasabah merupakan agen penyucian yang bersifat dinamis dalam proses membersihkan zahir dan batin manusia, maka ianya hendaklah dirangka melalui metodologi rohaniah. Setiap satu daripada nilai tersebut mengandungi unsur-unsur yang perlu dikombinasi secara sepadu untuk membentuk kerangka asas kepada konsep *tazkiyah al-nafs* seperti yang dituntut oleh syarak.⁵²

Manakala Faudzinain Badaruddin dalam kajiannya pula berpandangan bahawa keseluruhan aspek *tazkiyah al-nafs* adalah satu proses pembersihan, pencahayaan dan pencerahan jiwa serta hati daripada sifat-sifat yang keji. Usaha melakukan *tazkiyah al-nafs* dan *tasfiyah al-qalb* adalah berlegar sekitar dua proses utama; *takhallī* dan *tahallī*. Dan keupayaan memberi perubahan kepada jiwa manusia melalui penghayatan terhadap unsur *takhallī*, *tahallī* dan *al-dhikr* hendaklah dilandasi oleh dua elemen utama iaitu *riyāḍah* dan *mujāhadah*. *Riyāḍah* adalah proses internalisasi kejiwaan dengan sifat-sifat terpuji dan melatih untuk meninggalkan sifat-sifat yang keji. Proses ini perlu disertai dengan *mujāhadah* yang merujuk kepada kesungguhan dalam perjuangan terhadap *nafsnnya* untuk menghayati sifat-sifat yang mulia dan meninggalkan sifat-sifat yang buruk. Usaha untuk melatih jiwa dengan sifat-sifat yang terpuji dan menghilangkan sifat-sifat yang keji memerlukan *mujāhadah*. Ini kerana, tanpa kesungguhan yang benar, maka *al-nafs* manusia sukar untuk ditazkiyahkan.⁵³

Perkara yang sama juga ditekankan oleh Zakaria Stapa⁵⁴ dalam kajiannya yang menyebut bahawa *tazkiyah al-nafs* perlulah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh

⁵² Shuhairimi Abdullah, "Nilai-nilai murni menurut perspektif Islam," dalam *Dinamisme Nilai-nilai Murni Menurut Perspektif Islam* (Kangar: Universiti Malaysia Perlis, 2009), 64-65.

⁵³ Faudzinain Badaruddin, "Pembangunan Ummah: Relevansi Peranan Tasawuf dalam Konteks Moden," dalam *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, ed. Ahmad Sunawari Long dan Zul'azmi Yaakob (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 138.

⁵⁴ Zakaria Stapa, *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat Wadah Pemerksaan Jati Diri Ummah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, 58-59, 61.

bahkan mekanisme perlaksanaannya adalah merujuk kepada setiap amalan yang dapat melahirkan kesan langsung lagi positif ke atas *al-nafs* atau diri manusia sehingga dapat menyembuhkan *al-nafs* atau diri manusia berkenaan daripada penyakit atau *al-nafs* atau diri manusia berkenaan dapat merealisasikan setepatnya nilai-nilai akhlak yang mulia. Penyempurnaan kedua-dua proses tersebut bertujuan untuk melahirkan manusia yang mempunyai akhlak mulia dan mempunyai jati diri keislaman yang mampan dan tahan uji. Bahkan dalam kajian yang lain, Zakaria Stapa⁵⁵ menyebutkan bahawa *tazkiyah* melalui proses amalan pendidikan sepanjang hayat adalah strategi pemulihan dan penjanaan akhlak ummah malah ianya merupakan mekanisme penting dalam usaha diri manusia membersihkan jiwanya kerana dalam perspektif Islam manusia itu pada dasar dirinya atau jiwanya memiliki dwi-potensi iaitu aspek fujur dan aspek takwa, maka terserahlah kepada diri masing-masing potensi mana yang mahu dikembangkan, sebagaimana dirakamkan dalam surat al-Syams ayat 7-8.

Kajian Sharifah Basirah Syed Muhsin dan Che Zarrina Sa'ari juga tidak kurang pentingnya dalam mengemukakan maqamat Abū Ṭalib al-Makkī (m.386H/966M) menerusi karyanya *Qut al-Qulūb* untuk dijadikan sebagai satu kaedah psikoterapi Islam. Terdapat sembilan maqam yang menjadi fokus dalam kajian tersebut iaitu *tawbah*, *sabr*, *syukr*, *raja'*, *khawf*, *zuhd*, *tawakkal*, *rida* dan *mahabbah* yangmana setiap huraian maqam tersebut mempunyai aspek-aspek penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) yang berhubungkait dengan pembangunan spiritual insan. Kajian ini turut menjelaskan bahawa untuk melakukan proses penyucian jiwa dan juga untuk memperolehi *tahallī* iaitu pengisian jiwa maka seseorang itu perlu melalui latihan-latihan keruhanian (*riyāḍah al-nafs*) yang dikenali sebagai maqamat untuk mencapai tujuan tersebut dan memperolehi kesan dalam membangun spiritual. Ini disebabkan seseorang yang melalui perjalanan kerohanian atau maqamat akan sentiasa merasa dekat dengan Allahu 'Azza wa Jallā serta menjadikan seseorang itu tenang, tenteram dan damai yang merupakan buah dan hasil daripada amalan yang dilakukan menerusi *tazkiyah al-nafs*. Kajian juga menjelaskan bahawa untuk membina kaedah psikoterapi Islam, tidak hanya bergantung kepada teori semata-mata tetapi perlu disepadukan dengan beberapa pendekatan praktikal dan amalan bagi merealisasikan matlamat seseorang individu untuk

⁵⁵ Zakaria Stapa, "Strategi Pemulihan dan Penjanaan Akhlak Ummah," dalam *Tasawuf Menjana Personaliti Umat Abad Ke 21*, (Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu, 1999), 85.

membangun dan mempertingkatkan prestasi kerohaniannya ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.⁵⁶

Dalam kajian lain, Che Zarrina Sa'ari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin telah pun memfokuskan empat unsur utama iaitu *tawbah*, *sabr*, *raja'* dan *khawf* yang dikenali dengan maqamat sebagai asas amalan golongan sufi yang kemudiannya melengkapkan kajian tentang Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep *Tazkiyah al-Nafs*.⁵⁷

ii. Hubungan *Tazkiyah al-Nafs* dengan Hati dan Jiwa

Masyhuri⁵⁸ dalam kajiannya menjelaskan bahawa *tazkiyah al-nafs* tidak terbatas pada ruang lingkup ibadat, muamalah dan akhlak tetapi juga mempunyai hubungkait dengan pembentukan jiwa yang *tahir*, *zakiah*, *salim* dan *muthma'innah* yang dimiliki oleh orang-orang yang bertakwa, taat dan beramal soleh. Malah Ahmad Farid⁵⁹ menjelaskan bahawa *tazkiyah al-nafs* juga mempunyai hubungan penting dengan kesejahteraan hati di mana jalan untuk mewujudkan hati yang sihat sejahtera adalah melalui lima cara; zikir kepada Allah, membaca al-Quran, istighfar, dan berdoa serta membaca selawat kepada Nabi Muhammad SAW dan solat malam. Justeru, kajian ini juga menjadikan lima cara untuk mewujudkan hati yang sihat sejahtera sebagai ukuran dalam mengamalkan amalan keruhanian. Ini diperkukuhkan lagi dengan kajian Abdul Manam⁶⁰ tentang kepentingan zikir yang sangat berkesan dan berperanan besar dalam tarbiyah ruhiyyah dan juga kepentingan pembersihan hati sebagai wadah keimanan, ketakwaan dan punca segala perkara. Huraian terperinci tentang *tazkiyah al-nafs* menerusi kajian Sharifah Fatimah binti Syed Omar⁶¹ menjelaskan kedudukan *qalb*, *ruh*, *nafs* dan *aql* yang sinonim dengan perjalanan kerohanian golongan sufi. Pengkaji juga menjelaskan jalan atau cara bagaimana *tazkiyah al-nafs* dilaksanakan menurut Sa'id

⁵⁶ Sharifah Basirah binti Syed Muhsin dan Che Zarrina Sa'ari, *Kaedah Psikoterapi Berasaskan Konsep Maqamat: Kitab Qut al-Qulub Abu talib al-Makki* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 51, 129-130.

⁵⁷ Che Zarrina Sa'ari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin, *Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah al-Nafs*, 51-52.

⁵⁸ Imam Malik Masyhuri, *Tazkiyah al-Nafs (Suatu Penyucian Jiwa)* (Surabaya: Lembaga Kajian Agama dan Filsafat, 2005) 9,18.

⁵⁹ Syaikh Ahmad Farid, *Tazkiyatun Nafs Penyucian Jiwa Dalam Islam* (Jakarta: Ummul Qura, 2013), 66.

⁶⁰ Abdul Manam Mohamad al-Merbawi, "Zikir dan Kepentingannya Dalam Tarbiyah Ruhiyyah," dalam Himpunan Kertas Kerja (Siri 1) Simposium Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan: al-Madrasah al-Sa'iediyah, 2012), 44.

⁶¹ Sharifah Fatimah binti Syed Omar, "Pemikiran Tasawuf Sa'id Hawwa: Analisis Terhadap Siri fi al-Tarbiyah wa al-Tazkiyah wa al-Suluk" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 274.

Hawwa yang memberikan penekanan kepada amalan wajib dan sunat di samping membincangkan penyebab utama jiwa manusia terhalang daripada melaksanakan *tazkiyah al-nafs* serta menjelaskan bagaimana seseorang itu perlu melalui proses *tazkiyah al-nafs* iaitu *taṭahhur*, *tahaqquq* dan *takhalluq*.

Bagaimanapun Murtadza Hj Ahmad⁶² dalam kajiannya, menyebut tentang kepentingan *tazkiyah al-nafs* dalam kehidupan manusia untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia mahupun akhirat dan *tazkiyah* juga tidak bermaksud menolak perkembangan kehidupan semasa tetapi mengawal perkembangan hati. *Tazkiyah al-nafs* membentuk jiwa manusia yang sebenar dengan melakukan segala yang disyariatkan oleh Islam secara istiqamah dengan bimbingan *murabbi*. Hati dibersihkan daripada sifat yang tercela dan dihias pula dengan sifat yang indah. *Tazkiyah* perlu melalui pelbagai kaedah di samping hidayah dan taufiq daripada Allah. Hanya manusia yang hatinya suci sahajalah yang dapat kembali kepada Allah dengan sejahtera.

Daripada beberapa kajian tersebut, ternyata betapa pentingnya pengaplikasian *tazkiyah al-nafs* dalam setiap diri individu kerana ia mempunyai pertautan yang rapat dengan hati yang berperanan dalam membentuk akhlak dan tingkah laku. Hati yang bersih menjadi indikasi penting untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Umumnya, pengkaji mendapati bahawa tidak banyak kajian di Brunei membincangkan kepentingan *tazkiyah al-nafs* sebagai asas pembangunan kerohanian. Oleh itu, kajian ini amat menitikberatkan penerapan elemen *tazkiyah al-nafs* ke atas golongan Belia Perlu Perhatian menerusi program dan aktiviti kerohanian berasaskan *zikrullah* sebagai salah satu kaedah untuk kembali ke jalan yang benar dan diredai Allah dan ini selaras dengan gagasan Negara Zikir untuk membentuk masyarakat beriman dan bertakwa.

iii. Hubungan *Tazkiyah al-Nafs* dengan Pembangunan Insan

Menurut Syukri Salleh⁶³ dalam kajiannya menyebutkan bahawa pembangunan berteraskan Islam adalah pembangunan yang berasaskan kepada keesaan Allah, matlamatnya ialah keredhaan Allah (*marḍatillāh*) dan kerangkanya mencakupi skala

⁶² Murtadza Hj Ahmad, "Tazkiyah al-Nafs Dalam Ilmu Tasawuf", laman sesawang Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/tarekat-tassawuf/162-koleksi-kertas-kerja/634-tazkiyah> dicapai 19 Jun 2013

⁶³ Muhammad Syukri Salleh, *Pembangunan Berteraskan Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2002) 49.

waktu yang panjang iaitu waktu kehidupan di alam roh, dunia dan di akhirat. Sepanjang skala itu, manusia mesti mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Manakala Faudzinain Badaruddin⁶⁴ dalam penulisannya, menjelaskan bahawa pembangunan dari perspektif Islam mengandungi dua pengertian umum iaitu peningkatan material dan pembangunan *non-material*. Pembangunan material merujuk kepada peningkatan dan kemajuan dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan kehidupan manusia yang bersifat fizikal di dunia. Pembangunan *non-material* atau spiritual pula merujuk kepada peningkatan dan kemajuan dari segi kemanusiaan atau upaya manusia ke arah peningkatan potensi-potensi diri menjadi insan terbaik dari segi kehambaan dan pelaksanaan peranannya di dunia. Maka pembangunan secara konseptual yang meliputi dua bahagian utama iaitu manusia dan kebendaan yang perlu di dasari dengan beberapa prinsip asas Islam iaitu *Tauhid, Rububiyah, Khilafah* dan *Tazkiyah*.

Bagaimanapun, Mohd Nasir Omar⁶⁵ dalam menjelaskan pembangunan kebendaan menurut perspektif Islam adalah merujuk kepada pembangunan material dalam konteks melaksanakan amanah Allah untuk kepentingan bersama dan dinikmati dengan rasa syukur dan penuh berterima kasih kepada Allah selaku yang mengurniakan kebendaan tersebut. Manakala pembangunan kerohanian pula merujuk kepada pembangunan aspek spiritual manusia ke tahap yang setinggi mungkin dan pembangunan kerohanian tidak mungkin dapat direalisasikan kecuali setelah dimensi luaran juga digerakkan bersama.

Menurut Abdul Jalil Borham⁶⁶ dalam kajiannya menyatakan bahawa pembangunan insan ini amat penting kerana ia menghasilkan insan yang benar-benar sepadu antara pembangunan jasad dan rohnya. Pembangunan ini merangkumi perangai, sikap, motivasi kemampuan mental, fizikal dan sebagainya. Pandangan ini selari dengan kajian Muhammad Nubli Abdul Wahab⁶⁷ yang menjelaskan bahawa konsep pembangunan insan adalah terdiri proses pendidikan manusia dengan tumpuan terhadap

⁶⁴ Faudzinain Badaruddin, "Pembangunan Ummah: Relevansi Peranan Tasawuf dalam Konteks Moden," 132-133.

⁶⁵ Mohd Nasir Omar, "Akhlak dan Pembangunan," dalam *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, ed. Ahmad Sunawari Long dan Zul'azmi Yaakob (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 318-319.

⁶⁶ Abdul Jalil Borham, *Asas Pembangunan Modal Insan* (Pahang: Universiti Malaysia Pahang, 2007), 11-12.

⁶⁷ Muhammad Nubli Abdul Wahab, "Proses Pembangunan Modal Insan," dalam *Modal Insan Konsep, Aplikasi & Isu-isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Insan*, ed. Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Jamal Rizal Razali dan Hasnah Hussiin (Pahang:Universiti Malaysia Pahang, 2007), 15-16, 24.

aspek fizikal dan spiritual bersesuaian dengan fungsi dan peranan setiap komponen secara tepat di mana komponen spiritual terdiri daripada lima komponen meliputi akal, perasaan, hati, roh dan nafsu. Setiap komponen saling berkaitan dengan yang lain dalam menentukan sikap dan tingkah laku manusia. Sementara komponen fizikal hanya melaksanakan arahan yang telah dibuat oleh komponen spiritual. Oleh itu, proses pembangunan insan yang tepat, sangat diperlukan untuk menjana dan memperkasakan diri, masyarakat dan tamadun.

Sementara Arena Che Kasim⁶⁸ dalam kajiannya tentang teori pembangunan manusia menurut al-Muhāsibī, amat mementingkan konsep penyuburan aspek kerohanian seperti menanamkan sifat-sifat *maḥmūdah* dan menjauhi segala sifat *madhmūmah*. Antara teori pembangunan manusia menurut al-Muhāsibī terdiri daripada sifat *al-wa'd* dan *al-wa'id*, *al-khawf* dan *al-rajā'*, *muhāsabah al-nafs* dan takwa serta taat dan *wara'*. Sifat-sifat ini merupakan tunjang dan paksi sebenar diri manusia dan amat bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia. Oleh itu, penggabungjalinan setiap teori yang dikemukakan dapat menjurus manusia selaku hamba agar tunduk dan patuh kepada perintah Allah.

iv. *Tazkiyah Al-Nafs* satu pendekatan dakwah

Fariza Mohd Sham⁶⁹ di dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat dua sokongan dakwah iaitu sokongan sosial dan sokongan peribadi yang boleh menangani tekanan emosi remaja menerusi penglibatan remaja dalam program dakwah di mana menerusi sokongan peribadi inilah *tazkiyah al-nafs* digunakan sebagai pendekatan dakwah dan juga membina sahsiah yang baik bagi golongan remaja tersebut. Sementara Mohamad Hilmi Mat Said dan Noor Shakirah Mat Akhir⁷⁰ di dalam kajian mereka menyebutkan bahawa pelaksanaan *tazkiyah al-nafs* juga diterapkan dalam modul Kem Ibadah sebagai satu pendekatan dalam membangunkan Modal Insan Di Universiti. Antara

⁶⁸ Arena bt Che Kasim, "Teori Pembangunan Manusia Menurut al-Muhāsibī: Satu Pendekatan Tasawuf" (makalah, Seminar Falsafah dan Peradaban Pembangunan di Alaf Baru, Bangi, 11-12 September 2000).

⁶⁹ Fariza Mohd Sham, "Dakwah Kepada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan" (tesis keddoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005), iv.

⁷⁰ Mohamad Hilmi Mat Said dan Noor Shakirah Mat Akhir, "Pendekatan Tazkiyah al-Nafs Dalam Membangunkan Modal Insan Di Universiti," dalam *Modal Insan Transformasi Menjana Kelestarian*, ed. Abd Jalil Borham, Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Hassan Ahmad dan Munira Abdul Razak (Pahang: Universiti Malaysia Pahang, 2011), 163-166.

kaedah dan cara atau jalan-jalan untuk *tazkiyah al-nafs* tersebut, seperti zikir, fikir, sahabat yang soleh, perkara fardhu dan sunat, ketaatan dan amalan soleh, doa dan ilmu.

Selain itu, Mohd Radhi Ibrahim⁷¹ dalam kajiannya menyebutkan bahawa pengaplikasian *tazkiyah al-nafs* juga diterapkan dalam membentuk da'ie sebagai satu pendekatan relevan dalam konteks dakwah hari ini. Amat penting bagi setiap da'ie menyucikan jiwanya daripada semua sifat-sifat tercela dan melengkapi dirinya dengan sifat terpuji. Tanpa proses penyucian jiwa, sudah pasti sukar meneruskan tugas Rasulullah SAW untuk menyucikan jiwa pengikutnya kerana wujudnya sifat-sifat tercela yang bersarang di dalam hati individu akan mempengaruhi dan menguasai setiap keputusan dan tindakan. Justeru itu amat penting bagi setiap da'ie memenuhi dirinya dengan sifat mulia yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Sebagaimana kaedah dakwah yang masyhur *lisān al-hāl afsah min lisān al-maqāl*, bermaksud penyampaian melalui hal keadaan (praktikal) adalah lebih fasih dari penyampaian dalam bentuk perkataan atau ucapan.

Merujuk kepada beberapa kajian tersebut, ternyata konsep *tazkiyah al-nafs* juga diterapkan dan diaplikasikan dalam program pembangunan pelajar bahkan hasil daripada kajian tersebut membuktikan bahawa *tazkiyah al-nafs* sebagai asas pembangunan kerohanian menyumbang kepada peningkatan kemajuan dan kejayaan individu. Namun kajian yang memfokuskan *tazkiyah al-nafs* sebagai asas pembangunan kerohanian dalam pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian yang melibatkan sosial dan kemasyarakatan di Brunei belum ditemui. Justeru, kajian ini amat menitikberatkan kepentingan *tazkiyah al-nafs* sebagai salah satu elemen yang perlu diberi perhatian dan diterapkan dalam program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian untuk melahirkan generasi beriman dan bertakwa.

1.10.2 Negara Zikir

Dengan menganalisis hampir keseluruhan kandungan kertas kerja negara zikir, dan juga beberapa rujukan sokongan, terdapat beberapa pandangan dan huraian yang diberikan berkaitan dengan definisi, teori, konsep, asas dan ciri bagi Negara Zikir.

⁷¹ Mohd Radhi Ibrahim, "Kepentingan Tazkiyah Al-Nafs dalam Membentuk Pendakwah Yang Baik," dalam *Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu* (Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2012), 308-310, 314-323

Negara zikir ialah negara, di mana ramai orang berzikir; negara, yang dibangun dan ditadbir dengan zikir; negara, yang dipertahan dan dipelihara dengan zikir; negara yang berorientasi dan berpaksikan zikir dari segenap sudut; siasah, ekonomi, sosial dan pertahanan.⁷² Negara Zikir juga diertikan sebagai sebuah negara Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, mengamalkan dan menghayatinya dari segi akidah, syari'ah dan akhlakunya⁷³ dan penduduknya mengamalkan cara hidup atau budaya yang baik dan sempurna dengan berlandaskan al-Quran dan hadith.⁷⁴

Sementara, Negara Zikir dalam pengertian negara ialah yang penduduknya beriman dan bertakwa, yang mendapat keberkatan dari bumi dan langit; yang kalau berlaku kesilapan maka mereka kembali kepada jalan yang hak, dengan beriman, lalu menjadi selamat daripada kehinaan dunia; negara yang rakyatnya bila berlaku sesuatu yang menyentuh keamanan dan keselamatan negara mereka kembalikan perkara itu kepada *ulil-amri* dan keputusan pun dibuat oleh mereka yang berupa ahli istinbat sebenarnya, mereka yang membuat keputusan pakar dan mengelak budaya '*intellectual cowboysm*'; negara zikir yang rakyatnya beribadat kepada Tuhan, berzikir dan hidup dalam keadaan jaga rohani dan akal serta gerak-gerinya; negara yang para ahlinya menjalankan amar makruf dan nahi munkar dengan syarat-syaratnya.⁷⁵

Resolusi Seminar Negara Zikir pula menyebutkan bahawa Negara Zikir dalam makna mengingat dan menyebut Allah, bermaksud mentaati suruhan dan tegahanNya, mensyukuri nikmatNya dan tidak mengkufuriNya dengan ilmu dan keyakinan, didorong oleh keimanan dan ketakwaan kepadaNya sebagai syarat utama untuk mendapat kurnia Allah yang berupa kemakmuran hidup, keamanan dan ketenteraman serta kesejahteraan yang berpanjangan.⁷⁶

⁷² Abdul Aziz Juned, "Negara Zikir" (Kertas Perdana, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 6.

⁷³ Pg Dr Hj Mohammad Pg Hj Abd Rahman, "Merealisasikan Negara Zikir Melalui Pendidikan" (makalah, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 3.

⁷⁴ Jemat bin Ampal, "Negara Zikir Mencalak Belia Perkasa" (makalah, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 1.

⁷⁵ Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "Contoh Para Pemimpin Di Negara Zikir" (makalah, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 1.

⁷⁶ Resolusi Seminar Negara Zikir, sempena Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008.

Menurut Mohd Firdaus Noordin⁷⁷ di dalam kajiannya menyebutkan bahawa Negara Zikir secara umumnya adalah merujuk kepada negara yang bangsa dan masyarakatnya sentiasa ingat Allah Ta'ala dalam berfikir dan bertindak di mana misinya adalah untuk menjadi umat terbaik sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran surah Āli 'Imran, ayat 110. Malah Pg Hj Bahrom Pg Hj Bahar⁷⁸ dalam penulisannya menterjemahkan bahawa Negara Zikir merupakan imej bagi sebuah negara yang mana rakyatnya; sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT, lidah sentiasa basah menyebut nama Allah dan memuji-Nya, sentiasa melakukan perkara-perkara kebaikan dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang, sentiasa menjunjung tinggi ajaran-ajaran Ugama Islam dan menjadikannya sebagai panduan dan amalan seluruh aspek kehidupan agar nikmat, kerahmatan dan keberkatan akan sentiasa mengiringi dan melindungi negara di samping diperkukuhkan dengan Aqidah, Syari'ah dan Akhlak sebagai asas pendidikan Islam yang didokong oleh insan soleh, teguh imannya serta tinggi budi pekerti akhlaknya.

Berdasarkan beberapa definisi Negara Zikir yang dikemukakan, dapatlah disimpulkan bahawa pengertian Negara Zikir itu adalah merujuk kepada sebuah negara yang ahlinya beriman dan bertakwa, berorientasi dan berpaksikan zikir dari segenap sudut. Bahkan Negara Zikir merupakan satu imej bagi sebuah negara yang menjunjung tinggi ajaran ugama Islam di mana budaya amalan zikir bukanlah sesuatu yang baru tetapi sudah lama dipraktikkan di Negara Brunei Darussalam.

i. Teori Gagasan Negara Zikir

Menerusi kertas kerja Negara Zikir yang dibentang, hampir keseluruhan penulis menterjemahkan gagasan tersebut dengan maksud zikir secara literal. Namun tidak pula mengeneipkan kiasan yang dikemukakan memberi maksud bahawa Negara Zikir mempunyai hubungan langsung dengan Kuasa dan Rahmat Tuhan yang dihubungkan oleh zikir.⁷⁹

⁷⁷ Mohd Firdaus Noordin, "Melestari Konsep "Negara Zikir" dalam Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam," *Jurnal Institut Perkhidmatan Awam* 20 (September 2008-Februari 2009), 53.

⁷⁸ Pg Hj Bahrom Pg Hj Bahar, "Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir".

⁷⁹ Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "Contoh Para Pemimpin Di Negara Zikir", 1.

Adi Rumi⁸⁰, menerusi penulisan *Negara Zikir*, menyatakan bahawa Negara Zikir mempunyai makna dan falsafah tersendiri dan mempunyai hubungkait dengan sesuatu yang lebih hebat, lebih agung dan lebih indah iaitu Allah Maha Pencipta. Malah pada bahagian lain penulis juga menyatakan bahawa *zikrullah* itu menyebut dan mengingat Allah semakna juga ‘memelihara Allah’⁸¹ dan Negara Zikir dalam konteks negara merupakan sebuah negara berkat kerana memelihara Allah dan negara selamat dari segala macam wahana musibah iaitu musibah dunia seperti peperangan, pergaduhan, jenayah, bencana alam dan musibah akhirat pula berupa azab di neraka. Penulis juga menambah pandangan, bahawa untuk menjadi negara yang selamat dan warga yang juga selamat maka wajiblah memelihara Allah dalam berfikir, dalam bercakap, dalam bertindak – semuanya –, memelihara Allah tidak membelakangi Allah dan memerangi Allah.

Gagasan Negara Zikir merupakan hasrat bagi membentuk negara yang masyarakatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allahu SWT⁸² dan gagasan juga bermaksud saranan untuk menjadikan negara ini benar-benar sebuah negara yang diberkati kerana keterikatannya dengan Allah. Ia cuma bergerak dan berkembang semata-mata kerana Allah. Ia merancang dan membangun kerana Allah, tidak ada yang lain dari itu.⁸³

Dengan kata lain, keseluruhan kertas kerja dalam mengupas maksud gagasan Negara Zikir dan juga beberapa rujukan sokongan lainnya memberikan tumpuan khusus kepada mengingat Allah menerusi pendekatan *zikrullah* sebagai kaedah rohaniah dalam memacu pembangunan kerohanian rakyat Negara Zikir dan berperanan sebagai *tazkiyah al-nafs* dalam menjana dan memperelokkan amal ibadah serta mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Selain itu, pendekatan *zikrullah* juga tidak terbatas dalam aspek ibadah tetapi merangkumi *amar ma'ruf nahi munkar*; memperkasa akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah menerusi perintah Pendidikan Ugama Wajib, perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan penguatkuasaan halal.

⁸⁰ Adi Rumi, *Negara Zikir* (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), v-vi.

⁸¹ *Ibid.*, 42-43.

⁸² Pg Hj Bahrom Pg Hj Bahar, “Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir”.

⁸³ Abdul Aziz Juned (Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam), dalam temubual dengan penulis, 27 Januari 2015.

ii. Konsep Negara Zikir

Berdasarkan beberapa definisi Negara Zikir yang dikemukakan sebelumnya, ternyata Negara Zikir itu sendiri telah difahami dengan makna perkataan zikir itu sendiri iaitu menyebut dan mengingat yang dihubungkan dengan Allah.

Menurut Ishaaq Abdullah⁸⁴ dalam penulisannya menyebutkan, Negara Zikir dengan makna tersebut memerlukan metode atau pendekatan yang teratur dan terancang iaitu dengan menerapkan konsep memasyarakat zikir dan menzikirkan masyarakat. Memasyarakat zikir bermaksud mempopularkan zikir supaya masyarakat dapat mengenali zikir-zikir yang muktabar, memahami bahawa zikir-zikir tersebut mempunyai kelebihan dan keutamaan tertentu dan umat Islam mesti menjadikan zikir sebagai suatu amalan yang berakar umbi di hati dan bukan hanya menjadikannya sebagai suatu kebiasaan yang trend yang sifatnya bermusim dan berkala. Sementara menzikirkan masyarakat pula bermaksud mengingatkan dan menanam suatu sikap dalam hati dan jiwa umat Islam supaya mereka sentiasa menjadikan zikir sebagai suatu sarana ke arah mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Mewakili Parti Pembangunan Kebangsaan (NDP) Mahmud Morshidi Othman⁸⁵ menyebutkan bahawa Negara Zikir merupakan satu konsep yang merujuk kepada Negara Islam yang melaksanakan segala tuntutan al-Quran dan al-Sunnah; Negara Kebajikan; negara yang aman makmur serta mendapat perlindungan dan keampunan dari Allah SWT. Konsep ini disesuaikan dengan pengertian *al-dhikr* sebagai al-Quran.

Sementara Adi Rumi⁸⁶ pula menerusi tulisannya “Negara Zikir” telah berkongsi gagasan untuk merealisasikan hasrat pemimpin menjadikan negara sebagai Negara Zikir dengan mengetengahkan konsep bersyukur dan bertakwa sebagai benteng keselamatan dan kesejahteraan menuju kemuliaan negara dan rakyat yang cemerlang. Gagasan ini menjadi landasan selaku hamba Allah yang sentiasa mencari keredhaan-Nya. Justeru konsep kajian ini dibina bersesuaian dengan pendekatan kajian yang dijalankan.

⁸⁴ Haji Ishaaq bin Haji Abdullah, “Teks Ucapan Majlis Penutupan” (Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera, Universiti Brunei Darussalam, 3-4 Mac 2008).

⁸⁵ Mahmud Morshidi Othman, *Negara Zikir – Pemahaman NDP*, Negara Brunei Darussalam, 2008.

⁸⁶ Abdul Aziz Juned, “Negara Zikir”.

iii. Asas Negara Zikir

Sebahagian kertas kerja Negara Zikir yang dibentangkan, umumnya menyebutkan bahawa Ugama Islam adalah menjadi asas kepada Negara Zikir di samping keterikatan dengan makna literal perkataan zikir iaitu menyebut dan mengingat. Ini dibuktikan dengan penjelasan hampir keseluruhan kertas kerja dibentang tidak terlepas daripada definisi zikir, pembahagiannya, faedahnya, kelebihanannya dan adab berzikir.

Bagaimanapun untuk kajian ini, pengkaji menghuraikan amalan *zikrullah* menerusi program dan aktiviti kerohanian yang ditekankan ke atas golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) sebagai asas pembangunan rohani di mana zikir merupakan elemen *tazkiyah al-nafs* mempunyai hubungan dengan hati dan jiwa insan dalam memberi ketenangan dan kedamaian di samping membentuk akhlak terpuji sekali gus mempertingkatkan kualiti ibadah dan amalan dapat dicapai dengan sempurna. Selain itu, amalan zikir adalah nadi penghubung berbicaranya seorang hamba Allah dengan Allah Maha Pencipta seluruh alam semesta. Maka dengan demikian amalan *zikrullah* merupakan kaedah rohaniah dalam meningkatkan keimanan dan ketakwaan insan sesuai dengan visi Negara Zikir untuk mencapai taraf *Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr*.

iv. Sifat dan Ciri Negara Zikir

Menurut Badarudin Othman⁸⁷ dalam kajiannya menyebutkan bahawa sifat dan ciri Negara Zikir itu ialah tidak melupakan Allah dalam semua keadaan yang ditempuhnya, negara yang mensyukuri ni'mat-ni'matNya dengan mempergunakan kurnia Allah itu sebaik-baik yang mungkin dan mentaati suruhan dan larangan Allah. Dan Negara Zikir perlu kepada pertolongan Allah supaya raja dan rakyatnya sentiasa bersatu padu dalam mengekalkan dan memelihara keamanan, ketenteraman dan kemakmuran.

Sementara Jemat Ampal⁸⁸ pula menyebutkan bahawa ciri-ciri atau nilai-nilai sebuah Negara Zikir setentunya merujuk kepada yang disarankan di dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW seperti beriman, bertakwa, taat dan setia kepada ulil amri, patriotisme, berbuat kebajikan, menegah kejahatan, ikhlas, amanah suka menolong, rajin berusaha, sabar, tabah, bertanggungjawab dan berdisiplin adalah di antara ciri-ciri

⁸⁷ Badarudin bin Haji Othman, "Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya dan Menyuburkan Ciri-cirinya", 18-19.

⁸⁸ Jemat Ampal, "Negara Zikir Mencalak Belia Perkasa" (makalah, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 5-6.

atau nilai-nilai yang digalakkan dalam ajaran agama Islam yang perlu diterapkan ke dalam diri para belia secara amnya dan menjadikannya sebagai kekuatan dan benteng diri dalam mempersiapkan mereka untuk menempuh apa jua bentuk cabaran kehidupan.

Selain itu, Mohd Zain Haji Mahmood⁸⁹ di dalam penulisannya menyebutkan secara khusus bahawa amalan zikir mempunyai hubungan dengan ciri-ciri mukmin; iaitu yang sentiasa mengingat Allah tatkala menerima nikmat dan kesenangan dariNya dengan bersyukur kepadaNya bahkan amalan zikir juga ubat mujarab untuk hati. Amalan zikir merupakan mekanisma penting dalam melahirkan sahsiah yang lahir dari keberkatan zikir iaitu; memiliki akidah dan iman yang mantap, gemar beribadah, berakhlak mulia, mampu mengawal kehendak nafsu, bijak mengurus masa dan tersusun di dalam semua urusan, kuat tubuh badan dan bermanfaat kepada orang lain.

Sementara Md Zain Haji Serudin⁹⁰ dalam kajiannya menyebutkan secara terperinci tentang bagaimana menjadi orang bertakwa yang menjadi ciri bagi Negara Zikir iaitu dengan cara melakukan ibadat dengan ikhlas dan mengamalkan ajaran al-Quran dan sentiasa mengikut ajaran Islam sebagai ajaran yang lurus dan benar serta cara untuk mendekatkan diri kepada Allah juga diperjelaskan iaitu dengan mengerjakan amalan-amalan yang solih, termasuklah berzikir, menghadiri majlis-majlis zikir seperti membaca al-Quran, bertadarus, menghadiri majlis-majlis ilmu, menghadiri majlis ratib yang muktabar dan sebagainya. Malah Adi Rumi⁹¹ dalam penulisannya turut menambah pandangan tentang cara bagaimana mengekalkan kemakmuran negara juga dinyatakan iaitu negara perlu kepada ahli syukur kerana kemakmuran yang diberikan adalah berupa nikmat dan pada masa yang sama nikmat juga adalah ujian. Orang yang berjaya dalam ujian ini ialah ahli syukur dan habuan untuk ahli syukur adalah syurga.

Namun Parti Pembangunan Kebangsaan (NDP) berpendapat bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga karakteristik yang membentuk sebuah Negara Zikir, iaitu konsep daulah yang jelas, pemimpin dan rakyat yang berkualiti tinggi. Maksud bagi rakyat yang berkualiti tinggi pula adalah memiliki sifat-sifat dan budaya yang positif dan kondusif terhadap pembentukan masyarakat zikir, antaranya ialah beriman dan

⁸⁹ Mohd Zain Haji Mahmood, "Kefahaman dan Amalan 'Negara Zikir'" (makalah, Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, 3-4 Mac 2008), 18-27.

⁹⁰ Md Zain Haji Serudin, *Zikir Menjana Masyarakat Bertaqwa* (Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 2009), 53-57.

⁹¹ Abdul Aziz Juned, "Negara Zikir".

bertakwa, berpegang kepada kebenaran, adil, amanah, berilmu, berakhlak, tolong menolong, qana'ah dan 'afaf serta taat pada pemerintah.⁹²

Berdasarkan penganalisisan sumber rujukan berkenaan, pengkaji membuat kesimpulan bahawa ciri-ciri Negara Zikir itu adalah merujuk kepada imej sebuah negara yang ahlinya beriman dan bertakwa, sentiasa menyebut dan mengingat Allah, bersyukur dan sentiasa mentaati perintah Allah serta sentiasa mencegah diri daripada melakukan maksiat dan kemunkaran. Kesemua ciri-ciri ini adalah sebahagian daripada ciri-ciri yang diperlukan untuk mencapai status negara *Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafūr*.

1.10.3 Golongan Belia

Secara keseluruhannya, kerajaan Brunei sangat mengambil berat tentang perkembangan belia malah asas pembentukan sahsiah golongan belia perlu pada keseimbangan rohani dan jasmani di samping sikap kuat berusaha dalam memacu kecemerlangan negara sebagaimana titah KDYMM sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW dengan tema “*Tunas Bangsa Berakhlak al-Quran*.”⁹³ Dan kecemerlangan golongan belia juga amat bergantung kepada beberapa ciri belia cemerlang; belia beriman, berilmu bertanggungjawab dan cekal.⁹⁴

Menurut Japar Maidin⁹⁵ dalam kajiannya menyebutkan bahawa adalah sangat penting bagi golongan belia untuk mengambil perhatian dan menghayati ilmu agama; memantapkan ilmu pengetahuan Islam; sentiasa menghayati dan mematuhi ketetapan hukum syara'; sunat memperbanyakkan doa di samping iman, takwa serta amanah sebagai kunci keberkatan hidup. Sementara Mohd Ismail Mustari⁹⁶ dalam penulisannya menyebutkan bahawa ciri-ciri belia cemerlang daripada aspek dunia dan akhirat itu ialah belia beriman, bertakwa, berilmu, berakhlak serta mempunyai karisma memimpin sebagai khalifah Allah di muka bumi.

⁹² Mahmud Morshidi Othman, *Negara Zikir – Pemahaman NDP*, Negara Brunei Darussalam, 2008.

⁹³ Titah KDYMM, sempena sambutan Maulud Nabi SAW, 20 Mac 2008.

⁹⁴ Titah KDYMM, sempena Hari Belia Kebangsaan, 2 Ogos 2008.

⁹⁵ Japar Maidin, “Ciri-Ciri Pembangunan Diri Belia Menurut Perspektif Islam,” *Jurnal Institut Perkhidmatan Awam* 12 (September 2004), 91.

⁹⁶ Mohd Ismail bin Mustari, *Menjadi Belia Cemerlang* (Pahang: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd, 2005), 31.

Menurut Jemat Ampal⁹⁷ dalam penulisannya menyebutkan bahawa golongan belia yang mengamalkan cara hidup atau budaya kebaikan dan kesempurnaan dengan berlandaskan Al-Quran dan Hadith dapat menghindarkan diri dari segala bentuk gejala sosial. Penulis juga mencadangkan supaya generasi belia perkasa yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran hendaklah dibangunkan berlandaskan pembangunan seimbang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta memiliki ciri-ciri atau nilai-nilai positif yang dapat menjadikan mereka sebahagian daripada komponen penting dalam proses pembangunan bangsa dan negara.

Malah Ismail bin Yahya⁹⁸ di dalam penulisannya menyatakan pandangan optimis bahawa belia zikir boleh dilahirkan jika sekiranya panduan berkeluarga terlaksana mengikut ajaran Islam. Belia ini adalah daripada golongan belia yang berakhlak, inovatif dan produktif ke arah membentuk keluarga baik dari segi kuantiti mahupun kualitinya. Belia zikir yang menghayati ajaran Islam dalam kehidupan dengan mempunyai pegangan hidup (akidah) yang mantap, pengurusan hidup (ibadat) yang ikhlas dan penuh teratur, dan etika hidup (akhlak) yang murni akan membolehkan mereka menghadapi cabaran globalisasi, menegakkan amar ma'ruf nahi munkar, memiliki jati diri, berperanan di peringkat lokal dan global dan mencipta ketamadunan. Sifat-sifat sedemikian membuktikan diri mereka sebagai umat terbaik. Sifat-sifat yang mereka miliki juga memenuhi salah satu prasyarat kelahiran negara zikir iaitu yang akan melahirkan *Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafūr* negara yang aman makmur yang sentiasa mendapat keampunan. Bahkan Sariani Ishak⁹⁹ di dalam kajiannya menyebutkan bahawa untuk melestari Negara Zikir dalam mendepani arus globalisasi sangat perlu kepada usaha menggandakan ketakwaan kepada Allah, memperkasakan jati diri, meningkatkan penguasaan ilmu dan membina generasi *al-Falāh*.

Dalam usaha menangani keterlibatan golongan belia dalam masalah sosial, maka pihak kementerian dan jabatan berkenaan telah pun menyediakan beberapa program untuk belia. Menerusi kajian latihan ilmiah, Ak Muhd Khairollah bin Pg Hj Zainal¹⁰⁰ menyatakan bahawa penglibatan belia dalam program yang disediakan pada peringkat

⁹⁷ Jemat Ampal, "Negara Zikir Mencalak Belia Perkasa".

⁹⁸ Ismail bin Yahya, "Keluarga Merupakan Komponen Kerangka Negara Zikir" (makalah, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 23.

⁹⁹ Sariani Ishak, "Melestari Negara Zikir Mengharung Gelombang Globalisasi," *Beriga* 106, 49-52.

¹⁰⁰ Ak Muhd Khairollah bin Pg Hj Zainal, "Belia dan Masalah Sosial: Peranan Jabatan Belia dan Sukan" (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, 2001/2002), iv

awal adalah sederhana sehinggalah ke satu tahap di mana pelaksanaan program *Outreach Youth Work* yang memfokuskan minat, citarasa dan kecenderungan telah berjaya menarik penyertaan golongan belia. Bagaimanapun, tumpuan kajian ini lebih kepada penglibatan belia dalam aspek pembangunan fizikal sebagai usaha untuk mengaktifkan golongan belia.

Berbeza dengan kajian yang dikemukakan oleh Zulkifli Hj Zakaria¹⁰¹ yang memfokuskan pembangunan rohani golongan belia menerusi pertubuhan kumpulan Belia Masjid yang bersifat “*action oriented*” sebagai satu pendekatan untuk mengatasi masalah belia remaja berbanding dengan pendekatan “*issue oriented*”. Kajian ini menyebutkan bahawa takmir masjid berperanan dalam usaha membentuk golongan belia masjid, beramal solih dan menghindarkan diri daripada anti gejala sosial dalam kehidupan masyarakat. Hasil tinjauan mendapati bahawa aktiviti Takmir Masjid merupakan usaha yang amat baik, dapat membantu belia-belia ke arah satu pendidikan yang terarah malahan aktiviti-aktiviti dan program-program yang disusun oleh Takmir Masjid banyak memberikan manfaat kepada belia. Ini menunjukkan bahawa belia yang mengikuti aktiviti dan program Takmir Masjid jauh lebih baik daripada mereka yang tidak mengikutinya. Malah kajian ini juga menyatakan bahawa kebanyakan masjid pada hari ini, telah pun mengemaskinikan pelaksanaan program dan aktiviti untuk golongan belia dalam bentuk bersepadu iaitu mengambil kira kepentingan pembangunan jasmani dan rohani seperti *qiyam al-layl*, ceramah, program kesihatan, kem motivasi, forum, kelas al-Quran, kelas komputer, kelas fardhu ‘ain, sukan dan lain-lain aktiviti yang melibatkan belia.¹⁰²

Kajian di atas, membuktikan bahawa penyediaan program dan aktiviti fizikal dan rohani bagi golongan belia itu sangat penting sebagai usaha dalam menangani atau mengurangkan isu penglibatan golongan belia dalam kegiatan dan aktiviti yang tidak bermoral sekali gus melahirkan belia aktif masjid di samping mempertingkatkan penghayatan belia menerusi pelaksanaan program dan aktiviti bersepadu jasmani dan rohani. Kedua-dua buah kajian tersebut meskipun berbeza dalam pembahasan fokus kajian tetapi keduanya memberi manfaat bahkan keduanya amat relevan dengan kajian

¹⁰¹ Zulkifli Hj Zakaria, “Peranan Takmir Masjid Dalam Menangani Masalah Isu Sosial Belia Di Negara Brunei Darussalam,” *Jurnal Institut Perkhidmatan Awam* 16, (2007), 78.

¹⁰² Zulkifli Hj Zakaria, “Peranan Takmir Masjid Dalam Menangani Masalah Isu Sosial Belia Di Negara Brunei Darussalam,” *Jurnal Institut Perkhidmatan Awam* 16, (2007), 86.

ini yang lebih khusus dan memfokuskan program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) yang sedang mengikuti bimbingan dan pemulihan di pusat-pusat bimbingan, tahanan dan juga pemulihan.

Bagaimanapun, kajian ini tidak menafikan kajian terdahulu yang membincangkan penyalahgunaan dadah sebagai punca berlakunya masalah sosial. Antaranya membahaskan dadah dalam perspektif Islam¹⁰³ dan masalah pengulangan penyalahgunaan dadah.¹⁰⁴ Kedua-dua kajian ini hanya membincangkan sebab dan akibat pengambilan dadah dan kesannya terhadap kehidupan sosial. Sementara kajian tentang strategi pengurangan bekalan dan mengurangkan permintaan sebagai cara untuk membasmi penyalahgunaan dadah¹⁰⁵ lebih memfokuskan tentang kepentingan aspek mempertingkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat awam tentang bahaya dadah menerusi pelaksanaan program menggunakan saluran pelbagai seperti ceramah, pameran, promo anti dadah, lagu tema anti dadah, penerbitan poster pendidikan anti dadah dan penubuhan gerakan ibu bapa belia. Bagaimanapun, dalam kajian ini tiada kupasan mengenai kepentingan aspek kerohanian dan penerapannya dalam kehidupan golongan belia pesalah dadah dan juga golongan belia banduan.

Begitu juga kajian tentang “Remaja Lari Dari Rumah,” merungkaikan fenomena lari dari rumah yang berlaku ke atas sebahagian golongan remaja, masa depan golongan remaja dan peranan pihak berwajib ke atas golongan remaja tersebut.¹⁰⁶ Kajian ini hanya memberi fokus kepada fenomena yang berlaku dan kurang kupasan tentang aspek kerohanian. Kajian yang hampir sama juga membahaskan “Masalah Sosial Remaja Dan Peranan Institusi Keluarga”. Hasil kajian mendapati bahawa timbulnya masalah sosial dalam kalangan remaja adalah berpunca daripada tidak menghayati ajaran Islam dan kurangnya suasana iklim rumah tangga Islami, iaitu tidak solat berjema‘ah dan tidak

¹⁰³ Faizal Anak Osili (08B0731) et al., “Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Belia: Kes Kajian di Daerah Brunei Muara” (makalah berkumpulan, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, semester 7, 2010/2011).

¹⁰⁴ Zuhlilmi bin Haji Jaidin, “Residivisme Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Banduan Di Penjara Jerudong,” dalam *Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008), 66.

¹⁰⁵ Tiga bin Anam, “Dadah dan Tanggungjawab Bersama,” dalam *Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008), 120.

¹⁰⁶ Dayangku Norhairnawati Pengiran Matzin, *Remaja Lari Dari Rumah*.

mengamalkan zikir dan do'a harian.¹⁰⁷ Dan kajian ini menunjukkan bahawa tiada aspek penghayatan yang sepatutnya diperolehi dari amalan kerohanian.

Oleh itu, kajian ini mengambil berat tentang pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian di Negara Brunei Darussalam dan untuk menyempurnakan kajian ini, beberapa kajian lain yang membincangkan penerokaan beberapa kaedah rohani dan tradisional bagi pesalah dadah yang menjalani proses pemulihan¹⁰⁸ adalah dirujuk. Malah terdapat juga kajian yang mengambil kira kepentingan aspek penghayatan yang dihubungkan dengan tatacara menangani pelbagai gejala sosial hari ini. Antaranya kajian mengenai hubungan "Penghayatan Akidah dengan Ketenangan Hati Remaja" dan hasil kajian memberikan gambaran bahawa semakin tinggi tahap penghayatan akidah pelajar, semakin tinggi tahap ketenangan hati mereka.¹⁰⁹ Begitu juga dengan kajian tentang tahap "Penghayatan Aqidah Dalam Kalangan Pelajar" dan hasil kajian menemukan bahawa penghayatan akidah perlu dipertingkatkan lagi kerana dalam konteks sosial, akidah memainkan peranan penting dalam melahirkan individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT dan mampu membentuk jiwa yang tenang dan rohani seimbang.¹¹⁰

Selain itu, kajian untuk mengenalpasti tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja yang terlibat dengan masalah tingkah laku telahpun dijalankan di tiga buah sekolah terpilih di Malaysia yang menjalani rawatan pemulihan akhlak. Hasil kajian mendapati majoriti remaja bermasalah akhlak yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pengetahuan agama pada tahap sederhana. Justeru, formula strategik diperlukan bagi tujuan memulihkan dan memperkasakan sahsiah remaja dari segi moral dan akhlak berasaskan nilai-nilai keagamaan.¹¹¹

¹⁰⁷ Adanan bin Haji Basar, "Masalah Sosial Remaja dan Peranan Institusi Keluarga," dalam *Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008), 105.

¹⁰⁸ Fadzli, A., Ibrahim, A., dan Sudirman, A.F., "Spiritual and Traditional Rehabilitation Modality of Drug Addiction in Malaysia," *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(14) (2011), 175-181.

¹⁰⁹ Norsaleha Mohd Salleh dan Ab. Halim Tamuri, "Hubungan Penghayatan Akidah Dengan Ketenangan Hati Remaja," *The e-Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah* Vol 2, bil 1 (2015), 7.

¹¹⁰ Ruslinawati Abdul Ghani et al., *Penghayatan 'Aqidah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS): Satu Analisis* (Kedah: Jabatan Pengajian Am Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 2014), 1.

¹¹¹ Fauziah Ibrahim et al., "Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera," *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan* Volume 7 (2012), 84.

Keseluruhan kajian di atas membahaskan pelbagai permasalahan sosial yang diukur dari pelbagai sudut. Namun terdapat sedikit kelainan pada kajian yang membahaskan tentang “Nilai-nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara” di mana kajian ini menemukan nilai dedikasi, kerjasama, tekun, tanggungjawab, bersih dan disiplin menjadi keutamaan dalam program pemulihan yang bertujuan untuk membentuk peribadi pelatih yang komited, bersungguh-sungguh dan rajin melakukan pembaikan diri di samping mempunyai matlamat yang baik apabila dibebaskan.¹¹² Antara kajian lain yang dilihat hampir sama dengan kajian ini ialah kajian tentang “Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Banduan Parol: Ke arah Pembentukan Akhlak Sejahtera” kajian dijalankan ke atas seramai 280 orang banduan parol (menjalani program pengawasan parol) yang dipilih sebagai responden. Kajian ini membincangkan tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan parol. Hasil kajian hanya menemukan 2.9% sahaja dalam kalangan banduan parol yang menunjukkan tahap pengetahuan agama yang tinggi. Dan hasil kajian ini memberi implikasi ke arah pemantapan program kerohanian banduan parol.¹¹³ Dan kajian mengenai pengisian pendidikan Islam dalam modul pembangunan wanita bermasalah, analisis program halaqah di penjara¹¹⁴ juga dilihat mirip dengan kajian ini yang juga memfokuskan program dan aktiviti kerohanian dalam kalangan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Brunei Darussalam.

Kesemua kajian tersebut amat relevan dengan kajian ini dalam usaha membentuk sahsiah golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) menerusi pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian yang menekankan amalan kerohanian sebagai asas pembangunan rohani untuk membentuk belia beriman dan bertakwa. Justeru, penyediaan program dan aktiviti untuk golongan ini sangat penting sebagai usaha untuk memperbaiki akhlak dan mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan selaras dengan pendekatan ‘Negara Zikir’.

¹¹² Kharul Hamimah Mohammad Jodi et al., “Nilai-nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara,” *Jurnal Usuluddin* 35 (Januari-Jun 2012), 99.

¹¹³ Khadijah Alavi et al., “Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Banduan Parol: Ke Arah Pembentukan Akhlak Sejahtera,” *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan*, Volume 8. (2013), 1.

¹¹⁴ Khairul Hamimah Mohammad Jodi, “Pengisian Pendidikan Islam Dalam Modul Pembangunan Wanita Yang Bermasalah Analisis Program Halaqah Di Penjara,” dalam *Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII)*, ed. Hajah Rose Abdullah dan Mohd Syahiran Abdul Latif (Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali Anjuran Bersama Sarawak: Universiti Teknologi MARA, 2015), 541.

1.11 Metodologi Kajian

Kajian ini membincangkan secara naratif metodologi yang digunakan bagi melengkapkan penulisan kajian. Reka bentuk kajian ini adalah konvensional iaitu menggunakan kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif (*mix-method*). Jenis atau teknik kajian yang menjadi komponen dalam reka bentuk kualitatif ini ialah kajian perpustakaan bagi mendapatkan data dan bukti ke atas kajian melalui dokumen dan rekod,¹¹⁵ kajian etnografi iaitu melibatkan kajian tentang budaya, amalan, kepercayaan dan lain-lain dalam komuniti masyarakat dan kajian tinjauan (*survey*) pula ialah menerusi metode soal selidik. Kajian ini merupakan jenis atau teknik kajian bagi komponen kuantitatif yang menekankan pengukuran dan pencarian hubungan atau hubungan antara variable sebagai penyokong data kualitatif.¹¹⁶ Jenis kajian ini adalah kajian korelasi dan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS).

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Negara Brunei Darussalam yang berjumlah 320 orang bagi tahun 2014. Jumlah ini mewakili seluruh daerah di Negara Brunei Darussalam. Sebanyak 217 set soal selidik diedarkan kepada golongan BPP yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun. Sebanyak 150 set soal selidik berjaya dikutip dan dianalisis dan selebihnya 67 set tidak dikembalikan kerana tidak mendapat kerjasama daripada responden. Responden adalah terdiri daripada golongan Belia Perlu Perhatian yang merupakan *target population* dan jenis sampel adalah dipilih secara rawak mewakili tiga buah pusat penempatan berasingan; pusat bimbingan Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Belimbing Subok, pusat tahanan Penjara Jerudong dan pusat pemulihan al-Islah Kerakas Payau di Negara Brunei Darussalam.

Soal selidik adalah alat pengumpulan data atau instrumen yang digunakan dalam kajian kuantitatif.¹¹⁷ Sebelum soal selidik diedarkan sepenuhnya, terlebih dahulu melalui proses berikut:

¹¹⁵ Mohd Sheffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan*, cet. ke-2, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 41.

¹¹⁶ Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2016), 133, 397.


¹¹⁷ *Ibid.*, 52.

Rajah 1.11 (a) Proses Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen



Sumber: Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2016.; Chua Yan Piaw. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*, Malaysia: McGraw-Hill Educatio, 2014.

Rajah 1.11 (b) Aliran Metodologi Kajian




Sumber: Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2016)

1.11.1 Pengumpulan Data

Data kajian ini diperolehi menerusi kajian perpustakaan, kajian etnografi dan juga kajian tinjauan (*survey*).

Rajah 1.11.1 (a) Proses Pengumpulan dan Penganalisan Data



i. Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan amat penting bagi mendapatkan maklumat dan pemahaman yang jelas tentang beberapa tema utama kajian ini untuk membina kerangka konsep. Elemen *Tazkiyah al-Nafs* merupakan tema penting dirujuk dari sudut definisi, konsep, proses, metode dan beberapa istilah tasawuf lainnya yang berhubungkait dengan *tazkiyah al-nafs*.

Untuk membentuk landasan konsep *tazkiyah al-nafs*, maka kajian ini perlu merujuk kepada al-Quran sebagai asas keseluruhan kajian ini di samping penggunaan kitab-kitab tasawuf di mana istilah atau konsep *tazkiyah al-nafs* dirujuk dari pelbagai perspektif. Begitu juga dengan kitab tafsir tematik dan kitab-kitab hadith juga dirujuk untuk mendapatkan maklumat dari golongan ahli tafsir dan ahli hadith berhubungkait dengan *tazkiyah al-nafs*.

Manakala Negara Zikir merupakan tema kedua dirujuk dalam kajian ini. Beberapa dokumen berkaitan serta bahan-bahan rujukan sekunder Negara Zikir dan yang lainnya sama ada berbentuk buku-buku khusus, kertas kerja, makalah dan jurnal

juga dianalisis bagi mendapatkan penjelasan terperinci tentang konsep, metode Negara Zikir dihubungkan dengan *tazkiyah al-Nafs* menerusi amalan *zikrullah* sebagai asas pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) dalam upaya membentuk insan beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.

Bagi mengukuhkan lagi maklumat tentang Negara Zikir, maka pengkaji telah pun mengadakan temubual bersama Mufti Kerajaan untuk mendapatkan penjelasan tentang maksud gagasan Negara Zikir yang sebenar di samping mendapatkan pandangan tentang pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian bagi golongan belia secara umum. Pembahasan tema kedua ini juga merujuk kepada al-Quran, kitab-kitab tasawuf, kitab tafsir dan hadith sahih dalam menghuraikan definisi zikir dan juga beberapa definisi lainnya yang berkaitan dengan huraian tema ini. Di samping itu, kajian perpustakaan juga diperlukan bagi menjawab objektif kajian yang kedua iaitu mengkaji teori gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam.

ii. Kajian Etnografi

Kajian etnografi merupakan satu jenis kajian bagi mengumpul data naratif untuk menjawab sesuatu persoalan dalam situasi alamiah yang berupaya menyingkap situasi sebenar seseorang individu, masyarakat atau etnik mengenai pengalaman seharian mereka yang mencakupi pelbagai aspek; bahasa, budaya, sosial, agama, moral, etika dan sebagainya. Di samping itu kajian etnografi juga mengkaji pengalaman dan persepsi mereka untuk mendapatkan pandangan dalaman mengenai peristiwa dan aktiviti tersebut.¹¹⁸ Etnografi yang juga diistilahkan sebagai *portrait of a people*, merupakan metodologi untuk kajian deskriptif tentang budaya yang biasanya merujuk kepada kepercayaan, nilai dan sikap yang menstrukturkan pola-pola perlakuan kelompok manusia tertentu.¹¹⁹

Menerusi kajian etnografi ini pengkaji meneroka amalan *zikrullah* golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) yang mana secara dasarnya amalan ini sudah lama sebatik dalam masyarakat Islam Brunei. Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) yang menjadi fokus kajian adalah terdiri dari belia terlibat dadah dan masalah sosial yang melibatkan

¹¹⁸ *Ibid.*, 410.

¹¹⁹ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode* (Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015), 100-101.

isu keruntuhan moral dan akhlak yang mana pada hakikatnya golongan ini adalah mewakili sejumlah golongan belia negara yang perlu kepada bimbingan rohani untuk kembali ke jalan yang benar.

Justeru, amalan *zikrullah* golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) menerusi program dan aktiviti kerohanian yang dijalankan di pusat-pusat berkenaan mempunyai hubungkait dengan elemen *tazkiyah al-nafs* dalam upaya membentuk mereka menjadi insan beriman dan bertakwa kepada Allah SWT selaras dengan gagasan Negara Zikir. Manakala program dan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan pula adalah berpandukan kepada silibus yang disediakan oleh Unit Pengajian Islam, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Kaedah pemerhatian sangat penting dalam kajian etnografi untuk mengenalpasti bagaimana golongan belia ini mengambil berat tentang program dan aktiviti kerohanian berasaskan amalan *zikrullah* semasa menjalani bimbingan, pengawasan dan pemulihan. Semasa kajian ini dijalankan, pengkaji dimaklumkan dan diberi kefahaman bahawa kesemua pusat penempatan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) ini merupakan tempat terkawal di mana masing-masing pusat mempunyai akta kawalan dan peraturan yang mesti dipatuhi demi kepentingan maruah, kebajikan dan sensitiviti para penghuni. Pengkaji sangat memahami peraturan dan akur atas situasi tersebut maka pengkaji hanya berperanan selaku pemerhati penuh iaitu tidak terlibat langsung dengan program dan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan untuk golongan belia dalam kajian ini. Dan bagi memastikan kesahihan maklumat yang diperolehi menerusi metode pemerhatian ini, pengkaji lebih banyak berkomunikasi dengan pegawai ugama yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar subjek Pelajaran Amali Ugama sekali gus memastikan keterlibatan golongan belia ini dalam mengikuti program dan aktiviti kerohanian yang dijadualkan.

Sebagaimana pada kebiasaan tugas tenaga pengajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran setentunya metode pemerhatian juga turut diaplikasikan. Maka pengkaji turut mengambil maklumat tersebut daripada pegawai ugama berkenaan berdasarkan aplikasi pemerhatiannya bersama golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) setiap kali selesainya perlaksanaan program dan aktiviti kerohanian yang dijadualkan. Meskipun

dalam keadaan yang agak terbatas, pengkaji berusaha sebaik mungkin mencatat seberapa banyak maklumat tentang bentuk program dan aktiviti kerohanian serta penglibatan golongan belia berkenaan menerusi metode temubual yang diadakan bermula pada March 2014 di mana pengkaji menggunakan metode temubual separa struktur.

Temubual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang penyelidik menyoal untuk mendapatkan jawapan atau respons yang dihayati daripada responden atau peserta penyelidikan.¹²⁰ Metode temubual separa berstruktur dipilih bagi kajian ini kerana ia mempunyai ciri yang sama dengan temubual berstruktur, yakni soalan yang hendak diajukan akan digubal terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, urutan soalan, cara soalan diaju, dan bentuk soalan boleh berubah-ubah, bergantung kepada reaksi dan tindak balas yang diberikan oleh peserta penyelidikan.¹²¹

Temubual dalam kajian ini melibatkan beberapa pegawai agama dan guru agama di Kompleks Rumah Kebajikan (K RK), Jabatan Penjara dan juga Pusat al-Islah yang bertugas dalam mengajarkan Pelajaran Amali U gama dan memastikan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) ini terlibat dalam program dan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan. Di samping itu, temubual juga dijalankan bersama pegawai-pegawai di Biro Kawalan Narkotik bagi mendapatkan maklumat tentang program dan aktiviti kerohanian yang dijalankan bagi golongan tersebut.

Kesemua data yang diperolehi daripada metode pemerhatian dan metode temubual berstruktur ini adalah untuk melengkapkan objektif ketiga kajian iaitu mengkaji program pengukuhan Negara Zikir menerusi amalan kerohanian dalam kalangan Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Brunei Darussalam dan juga bagi memenuhi objektif keempat kajian iaitu menganalisis amalan *zikrullah* sebagai metode tazkiyah al-Nafs dalam pembangunan kerohanian Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Brunei Darussalam.

¹²⁰ Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, ed. ke-2 (Malaysia: McGraw-Hill Education, 2013), 327.

¹²¹ *Ibid.*, 330.

iii. Kajian Tinjauan

Kajian tinjauan atau pemerokaan adalah termasuk dalam bidang penyelidikan deskriptif iaitu kajian yang bermatlamatkan pemerihalan dan penjelasan.¹²² Kajian tinjauan (*survey*) yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis kajian tinjauan *Cross-Sectional* iaitu mendapatkan maklumat tentang bentuk amalan *zikrullah* dan juga maklumat tentang program dan aktiviti kerohanian bagi golongan belia perlu perhatian (PP) yang dikumpul pada masa tertentu walaupun masa diperlukan untuk memungut data di antara sehari hingga beberapa minggu. Dan maklumat diperolehi daripada populasi dan subpopulasi dinamakan sebagai bentuk persampelan selari (*parallel sample design*).¹²³

Soal selidik adalah kaedah tunggal memungut data dan merupakan instrumen laporan sendiri iaitu responden membuat laporan berkenaan dirinya berasaskan pada soalan yang dikemukakan, yang digunakan bagi memungut maklumat berkenaan pembolehubah-pembolehubah yang diminati penyelidik. Soal selidik terdiri daripada sebilangan soalan atau item yang dibaca dan dijawab oleh responden. Soalan atau item itu boleh berbentuk berstruktur di mana kategori respons dinyatakan atau tidak berstruktur di mana kategori respons tidak dinyatakan.¹²⁴ Metode soal selidik yang digunakan dalam kajian tinjauan ini adalah untuk mendapatkan maklumat secara umum tentang amalan kerohanian golongan belia perlu perhatian. Golongan BPP sebagai pupolasi kajian di mana sampel kajian adalah *target population* dan jenis sampel adalah dipilih secara rawak.

Dalam kajian ini pengkaji sertakan hipotesis nul yang dinyatakan dalam bentuk tiadanya hubungan dan tiadanya perbezaan bagi pembolehubah berikut:

1. Komponen amalan kerohanian

Ho₁: Tiada hubungan di antara semua komponen amalan kerohanian

Ha₁: Terdapat hubungan di antara semua komponen amalan kerohanian

2. Program kerohanian dan aktiviti kerohanian

Ho₂: Tiada hubungan antara program kerohanian dan aktiviti kerohanian

Ha₂: Terdapat hubungan antara program kerohanian dan aktiviti kerohanian

¹²² Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*, 211.

¹²³ *Ibid.*, 212.

¹²⁴ Lim Chong Hin, *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif* (Malaysia: McGraw-Hill Education, 2007), 192.

Hipotesis nul juga disertakan bagi mengukur tujuh (7) item amalan kerohanian yang dinyatakan dalam bentuk tiadanya perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian dan terdapatnya perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian, sebagaimana berikut

1. Amalan Solat

Ho₁: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan solat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₁: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

2. Amalan Puasa

Ho₂: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan puasa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₂: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan puasa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

3. Amalan Zakat

Ho₃: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan zakat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₃: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan zakat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

4. Amalan Membaca al-Quran

Ho₄: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan membaca al-Quran sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₄: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan membaca al-Quran sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

5. Amalan Wirid, Zikir dan Istighfar

Ho₅: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan wirid, zikir dan istighfar sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₅: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan wirid, zikir dan istighfar sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

6. Amalan Doa

Ho₆: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan doa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₆: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan doa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

7. Muhasabah Diri

Ho₇: Tiada perbezaan yang signifikan dalam muhasabah diri sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₇: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam muhasabah diri sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Berdasarkan konsep kajian, pengkaji telah membina satu set soal selidik mengandungi lima bahagian terdiri daripada Bahagian A: Demografi terdiri dari latar belakang responden, Bahagian B: Program dan Aktiviti Serta Amalan Kerohanian, Bahagian C: Penilaian Diri Sebelum Mengikuti Program dan Aktiviti Serta Amalan Kerohanian, Bahagian D: Penilaian Diri Selepas Mengikuti Program dan Aktiviti Serta Amalan Kerohanian dan Bahagian E: Kesan Daripada Mengikuti Program dan Aktiviti Serta Amalan Kerohanian. Bahagian B, bahagian C, bahagian D dan bahagian E dibina dengan menggunakan Skala Likert bagi memudahkan responden untuk menjawab dan memudahkan data dianalisis.

Sebelum soal selidik diedarkan sepenuhnya, pengkaji terlebih dahulu memastikan soal selidik yang dibina melalui proses; (i) pra-uji, (ii) pengesahan kandungan instrumen oleh pakar bidang, (iii) ujian rintis dan (iv) dapatan data hasil ujian rintis dianalisis dengan menggunakan *Cronbach's Alpha* untuk menguji kebolehpercayaan instrument kajian.¹²⁵

Soal selidik disemak oleh lima (5) orang rakan terdekat dengan tujuan untuk memperbaiki kelemahan dan kesilapan dalam pembinaan kontrak dan item. Setelah itu, bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan yang tinggi, maka kandungan instrumen perlu melalui proses penyemakan pakar. Dan kandungan instrumen kajian ini telah disemak oleh seramai lima (5) orang pakar akademik mewakili beberapa buah universiti dan tiga (3) orang pegawai mewakili pusat-pusat

¹²⁵ Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan Buku 2* (Malaysia: McGraw-Hill, 2006), 2: 84.

penempatan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Brunei Darussalam, pada akhir Ogos 2014.

Berdasarkan komentar dan saranan tersebut, beberapa pembaikan dan pembetulan telah pun dilakukan seperti pembetulan pada pembahagian kategori umur, pembetulan dengan membuang bahagian kerohanian bagi non-muslim di samping memperbaiki dan memperincikan item pada bahagian kerohanian bagi muslim. Setelah dibuat beberapa pembetulan dan juga pembaikan tersebut maka soal selidik telah pun diedarkan kepada empat puluh lima (45) orang sebagai ujian rintis (*pilot study*) untuk mengukur kebolehpercayaan item.

Dalam kajian kuantitatif, ujian rintis (*pilot study*) dilakukan bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan setiap item. Kebolehpercayaan adalah satu ukuran yang dibuat untuk melihat sifat ketekalan sesuatu item yang terdapat di dalam satu set soal selidik. Setiap item dalam soal selidik perlu diukur atau dinilai dari segi pekali korelasi koefisien melalui *Cronbach's Alpha*.¹²⁶ Bagi memastikan soal selidik yang digunakan mencapai nilai kebolehpercayaan *Alfa Cronbach* maka keseluruhan item perlu dianalisis. Hasil analisis, keseluruhan item soal selidik telah mencapai nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach melebihi .70. Menurut Chua Yan Piaw,¹²⁷ nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach yang melebihi .65 merupakan nilai kebolehpercayaan yang mencapai tahap memuaskan di mana item-item yang diukur boleh digunakan. Dengan pencapaian nilai tersebut, maka tiada sebarang perubahan perlu dilakukan ke atas instrument kajian.

Soal selidik mula diedarkan sepenuhnya kepada golongan Belia Perlu Perhatian pada akhir September 2014 bagi tujuan mengenalpasti penglibatan dan penyertaan golongan ini dalam program dan aktiviti kerohanian yang disediakan oleh pihak berkenaan. Soal selidik diedarkan kepada Belia Perlu Perhatian (BPP) menerusi jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, sebagai sebuah kementerian yang dipertanggungjawabkan tentang hal ehwal perkembangan hampir keseluruhan golongan belia di negara Brunei Darussalam. Golongan Belia Perlu

¹²⁶ Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*, 338.

¹²⁷ Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan* Edisi 2, 2: 127; Lihat juga Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*, 75.

Perhatian (BPP) dalam kajian ini terdiri daripada belia yang berada di dalam Kompleks Rumah Kebajikan (KRR), penjara tahanan dan pusat pemulihan yang sedang menjalani bimbingan, pengawasan dan pemulihan.

1.11.2 Penganalisan Data

Data yang telah dikumpulkan terdiri daripada dua jenis data iaitu data kualitatif dan data kuantitatif. Analisis data bagi kajian kualitatif adalah dengan menggunakan statistik verbatim yang diuraikan dalam pendekatan metode induktif, deduktif dan komparatif. Analisis data bagi kajian kuantitatif dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*).

i. Analisis Data Kualitatif

Induktif adalah kata adjektif diambil daripada perkataan induksi yang bererti proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta atau maklumat yang bersifat khusus.¹²⁸ Dengan erti kata lain, pendekatan atau teori induktif ialah satu proses yang logik yang memberikan penjelasan yang umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik. Dalam pendekatan induktif, penyelidikan bermula dengan satu set dapatan kajian atau hasil kajian daripada sesebuah penyelidikan dan berusaha untuk membangunkan satu penjelasan teoretikal daripada hasil tersebut.¹²⁹ Dalam kajian ini, pemerhatian khusus diberikan kepada gagasan Negara Zikir di mana pengkaji membuat satu kesimpulan yang berbentuk umum berkaitan dengannya.

Pendekatan deduktif juga digunakan dalam menghuraikan data yang diperolehi. Deduktif adalah kata adjektif daripada perkataan deduksi yang bermaksud kesimpulan atau rumusan yang dibuat daripada maklumat atau fakta yang ada.¹³⁰ Dalam pendekatan deduktif, penyelidik akan memulakan kajiannya dengan sesuatu untuk menjelaskan sesuatu pemerhatian. Dengan itu, penyelidik akan mengumpul data mengenai sesuatu kes dan menggunakan teori tersebut untuk menjelaskan data yang diperolehi. Pendekatan teori deduktif menggunakan proses logik yang bermula dengan kesimpulan yang umum dan membuat ramalan berdasarkan pengujian ke atas pemerhatian yang

¹²⁸ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 576, entri “induksi.”

¹²⁹ Sabihah Merican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2005), 18.

¹³⁰ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 325, entri “deduktif.”

spesifik. Ia bermula daripada persoalan yang umum kepada pernyataan yang khusus.¹³¹ Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan metode deduktif bagi mendapatkan gambaran umum tentang konsep dan maklumat yang berkaitan dengan konsep Negara Zikir dengan mengambil kira kepentingan elemen *Tazkiyah al-Nafs* menerusi program dan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan kepada golongan Belia Perlu Perhatian.

Selain itu, metode komparatif merupakan proses bagi membuat perbandingan dan penilaian terhadap beberapa data dan fakta yang didapati dalam sesuatu penyelidikan. Metode ini digunakan bagi mencari persamaan dan perbezaan dua atau lebih unsur yang serupa, dengan kaedah membandingkannya.¹³² Menerusi kajian ini, metode komparatif digunakan ketika melakukan perbandingan kelompok golongan belia yang berbeza. Dengan itu, penulis dapat mengetahui sudut-sudut persamaan dan perbezaan di antara mereka sekali gus membuat kesimpulan hasil daripada perbandingan tersebut. Secara keseluruhannya, hasil daripada penganalisan data dan dapatan dibincangkan dalam dalam bab empat kajian.

ii. Analisis Data Kuantitatif

Analisis data bagi kajian kuantitatif adalah dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) dan maklumat diberikan dalam bentuk jadual. Analisis dihuraikan secara deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai dengan menggunakan teknik analisis sesuai dengan bentuk data yang diperolehi serta memenuhi objektif kajian.

1.12 Organisasi Kajian

Bab 1 menghuraikan latar belakang masalah kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi tajuk kajian, skop dan batasan kajian, justifikasi kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian dan organisasi kajian.

¹³¹ Sabihah Merican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 19.

¹³² Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2007), 71.

Bab 2 kajian membahaskan tazkiyah al-nafs dari sudut definisi, konsep, metode dan beberapa istilah tasawuf lainnya berhubungkait dengan *tazkiyah al-nafs*. *Tazkiyah al-nafs* menurut al-Quran, kitab tasawuf, kitab tafsir dan juga kitab hadith juga dirujuk dari perspektif pelbagai dalam membentuk landasan konsep kajian. Penulisan dalam bab ini juga menghuraikan amalan kerohanian dalam masyarakat Islam Brunei Darussalam sebagai asas pembangunan rohani dan spiritual.

Bab 3 kajian membincangkan definisi zikir, zikir menurut al-Quran dan al-Sunnah, hukum memperbanyakkan zikir dan adab zikir diikuti dengan pembahasan tentang gagasan Negara Zikir dari sudut teori, konsep, asas dan ciri Negara Zikir dan juga hubungkait elemen *Tazkiyah al-Nafs* menerusi amalan *zikrullah* sebagai asas pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) selaras dengan gagasan Negara Zikir bagi membentuk masyarakat supaya beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.

Bab 4 kajian menghuraikan program dan aktiviti kerohanian dalam kalangan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP), menjelaskan definisi belia dan juga perbezaan antara belia dan remaja. Martabat belia dalam Islam secara umum dan profile golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) yang berada di pusat bimbingan, pusat tahanan dan pusat pemulihan juga disentuh dalam pembahasan ini kemudian diikuti dengan pembahasan mengenai isu dan cabaran dalam pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan kerohanian.

Bab 5 kajian membincangkan program pengukuhan Negara Zikir menerusi amalan *zikrullah* dalam kalangan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, bab ini juga melaporkan hasil analisis amalan *zikrullah* sebagai metode *tazkiyah al-nafs*. Hasil analisis kesan amalan *zikrullah* sebagai program pengukuhan Negara Zikir dalam kalangan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) juga dibahaskan.

Bab 6 penutup kajian, membincangkan kesimpulan bagi keseluruhan bab kajian dengan mengetengahkan beberapa saranan dan cadangan kajian serta pengisi jurang kajian seterusnya khususnya di dalam bidang berkaitan.

BAB 2: TAZKIYAH AL-NAFS

2.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan perkembangan kehidupan kerohanian Islam, definisi *tazkiyah al-nafs* menurut al-Quran dan al-Sunnah, *tazkiyah al-nafs* menurut pandangan ulama Tasawuf diikuti dengan pembahasan mengenai *al-nafs*, penciptaan *al-nafs*, sifat *al-nafs* dan juga peringkat *al-nafs*. Metode *tazkiyah al-nafs*, proses *tazkiyah al-nafs*, martabat *tazkiyah al-nafs* dan juga tujuan serta matlamat *tazkiyah al-nafs* juga turut dibincangkan.

2.2 Perkembangan Kehidupan Kerohanian Islam

Islam merupakan agama syumul yang mengutamakan pembangunan holistik merangkum segenap aspek yang bersifat material dan spiritual atau kerohanian dalam memelihara kesejahteraan dan keluhuran akidah, akhlak dan ibadah di samping memelihara hubungan baik dengan Allah, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan makhluk lainnya ciptaan Allahu ‘Azza Wa Jallā.

Kehidupan kerohanian dalam Islam bermula dengan kehidupan kerohanian Nabi Muhammad SAW. Baginda merupakan contoh ikutan atau qudwah pertama dan utama dalam mengamalkan amalan kerohanian dalam kehidupan sehari-hari. Amalan baginda menjadi ikutan para sahabat, yang kemudiannya diteruskan pula oleh para Tabi‘in dan Tabi‘ al-Tabi‘in berterusan hingga ke hari ini dan menjadi ikutan bagi setiap muslim yang ingin mencapai ketinggian rohani.¹³³

Sirah Rasulullah SAW sebelum baginda diangkat dan diutus menjadi Rasul, baginda berkhawlat sehari-hari dan bermalam-malam sendirian di Gua Hira.¹³⁴ Semasa baginda dalam khalwah baginda duduk bertafakkur iaitu merenung dan memikirkan tentang kejadian alam, tentang hal ehwal masyarakat, tentang kekuasaan dan keagungan Maha Pencipta, mencari ketenangan dan keheningan jiwa yang mana semua ini

¹³³ Muhammad Mustafa Hilmī, *Al-Hayāh al-Rūhiyyah fi al-Islām* (Kaherah: al-Hay’ah al-Misriyyah al-‘Ammah, 1970), 12.

¹³⁴ Gua Hira’ letaknya di atas Bukit Thaur atau Jabal Thaur dengan jarak lima batu dari Utara Mekah. Gua ini merupakan tempat turunnya wahyu yang pertama. Bersempena dengan peristiwa yang amat bersejarah ini Jabal Thaur dikenali dengan Jabal Nur. Disinilah juga Rasulullah SAW dan Abu Bakar RA bersembunyi sebelum berhijrah ke Madinah.

merupakan jalan rohaniyah, jalan mensucikan jiwa daripada kekotoran dan keseronokan kehidupan duniawi.¹³⁵

Ketika Nabi Muhammad SAW berada di Gua Hira', baginda melatih diri mendidik jiwa, bertekun, berjihad, berfikir dan memperhatikan keadaan alam dan susunannya dengan mata hatinya. Sehingga dengan demikian menjadikan pandangan lahir dan batinnya menjadi sangat bersih dan suci lalu membentuk kesempurnaan peribadi baginda SAW. Memiliki kebeningan dan kejernihan hati yang sangat luar biasa, bersih dan suci, melayakkan baginda menerima wahyu dari Allah SWT.¹³⁶ Firman Allah dalam ayat berikut:

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا ۚ مَا كُنتَ تَدْرِي مَا أَلَكْتُبُ وَلَا
الْإِيمَنُ وَلَكِن جَعَلْنَاهُ نُورًا ۖ نَهْدِي بِهِ لِمَن نَّشَاءُ مِّنْ عِبَادِنَا ۚ وَإِنَّكَ لَهْدَى
إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾

Asy-Syura 42:52

Terjemahan: Dan demikianlah Kami wahikan kepadamu (wahai Muhammad) - al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati) dengan perintah Kami; engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahikan kepadamu): apakah Kitab (al-Quran) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan al-Quran: cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah memberi pertunjuk dengan al-Quran itu ke jalan yang lurus.

Setelah Nabi Muhammad menjadi rasul, baginda meneruskan tugas dan tanggungjawab menyampaikan risalah kebenaran daripada Allah kepada kaumnya, masyarakat jahiliyah. Baginda dan para sahabat juga berjuang di medan perang untuk menegakkan agama Allah. Di samping itu, mereka juga berjuang mempertingkatkan rohaniyah, menjalani kehidupan zuhud, tidak mementingkan kebendaan dunia, pangkat kebesaran dan kemasyhuran diri. Sebaliknya mereka dengan sepenuh hati menumpukan

¹³⁵ Muhammad Mustafa Hilmī, *Al-Hayāh al-Rūhiyyah fī al-Islām*, 12.

¹³⁶ *Ibid.*, 14; Lihat Mustafa Zahri, *Kunci Memahami Ilmu Tasawuf* (Surabaya: Penerbitan PT Bina Ilmu, 1983), 31.

perhatian kepada Allah, berusaha meningkatkan *mujāhadah al-nafs* melawan hawa nafsu dan godaan syaitan. Di samping melaksanakan tugas dan tanggungjawab dakwah menegakkan *amar ma'rūf* dan *nahy munkar* dan untuk mencapai keredhaan Allah.¹³⁷

Demikianlah pola dan cara kehidupan rohaniah Rasulullah SAW dan para sahabat RA yang sentiasa dipenuhi dengan penumpuan beribadat, kehidupan penuh zuhud, *mujāhadah al-nafs*, berjihad pada jalan Allah merupakan benih pertama kehidupan rohaniah Islamiah sehingga menyuburkan iman dan takwa kemudian berkembang subur melahirkan sistem rohaniah yang mempunyai kaedah dan cara tertentu sehingga menjadi amalan para tabi'in, para sufi dan amalan umat Islam kemudiannya.¹³⁸

Dalam perkembangan kehidupan kerohanian atau kehidupan bertasawuf, kajian telah mengklasifikasikan bahawa kurun pertama dan kedua hijriyyah merupakan period kehidupan kerohanian dalam bentuk zuhud di mana masyarakat menumpukan sepenuh masa dengan melakukan amal ibadah sebagai cara untuk mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala. Inilah period permulaan kehidupan kerohanian dalam Islam yang melahirkan tokoh-tokoh zuhud yang termasyhur antaranya Ḥasan al-Basrī (w.110H) dan Rabī'ah al-'Adawiyah (w.185H). Kehidupan kerohanian pada period ini membawa kepada fasa perkembangan berikutnya dikenali dengan kehidupan bertasawuf.¹³⁹

Pada permulaan kurun ketiga dan keempat Hijriyyah, kehidupan bertasawuf terus mengalami perkembangan pesat di mana ahli tasawuf memberi penekanan kepada kehalusan jiwa dan tingkah laku. Period ini dikenali dengan perkembangan tasawuf akhlak iaitu tasawuf menjadi sebagai satu bidang ilmu akhlak Islam di mana definisi tasawuf mula dibincangkan, pembersihan jiwa dan menghiasinya dengan akhlak terpuji serta membuang akhlak yang keji di samping struktur tasawuf *maqām* dan *hāl* juga mula diperkenalkan. Pelbagai definisi diberikan tentang erti dan makna tasawuf. Bahkan amat sukar mencari definisi yang tepat kerana kebanyakan definisi yang diberikan

¹³⁷ *Ibid.*, 23-24; *Ibid.*, 32.

¹³⁸ Muhammad Mustafa Hilmī, *Al-Hayāh al-Rūhiyyah fī al-Islām*, 15-17.

¹³⁹ Al-Taftāzānī, Abū al-Wafā' al-Ghanīmī, *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islāmī* (Kaherah: Dar al-Thaqafah, 1979), 17; Lihat Ahmad Daudy, *Kuliah Ilmu Tasawwuf* (Universiti Brunei Darussalam: Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, 2002), 5.

adalah berdasarkan pengalaman kerohanian peribadi individu.¹⁴⁰ Kurun ini juga menyaksikan wujudnya satu aliran tasawuf yang dipelopori oleh al-Hallāj yang dihukum bunuh pada tahun 309H kerana penulisannya tentang konsep *al-hulūl*. Fenomena ini memberi impak negatif kepada perkembangan tasawuf dan sebahagian masyarakat mengambil sifat bersederhana dalam berakhlak dan bertasawuf.¹⁴¹

Pada kedua-dua kurun tersebut, tasawuf dalam perkembangannya mempunyai dua aliran; Pertama, aliran tasawuf sunni yang berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah dan yang menghubungkan *maqām* dan *hāl* dengan keduanya. Aliran ini terus berkembang hingga kurun kelima Hijriyyah. Kedua, aliran falsafi yang membahaskan konsep *al-hulūl* yang mana bibit awal pertumbuhan aliran ini sudah ada. Bagaimanapun, aliran ini muncul dalam kurun ke-enam Hijriyyah dalam bentuk yang lain melalui beberapa individu ahli falsafah tasawuf.¹⁴²

Dalam kurun kelima Hijriyyah, perkembangan tasawuf berada dalam fasa pembetulan dan pemurnian iaitu dengan mengembalikan tasawuf ke sumber asalnya al-Quran dan al-Sunnah. Di antara tokoh sufi terpenting dalam kurun ini ialah ‘Abd al-Karim Ḥawāzin al-Qushayrī (w.465H) beliau menulis kitab *al-Risālah al-Qushayriyyah*, al-Harawī kemudian diikuti dengan Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazzālī (w.505H) yang terkenal dengan kitab *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*.¹⁴³ al-Ghazzālī berpendirian bahawa beliau tidak menerima tasawuf kecuali yang benar-benar sesuai dengan al-Quran dan al-Sunnah yang membawa kepada kehidupan zuhud, qana‘ah, kehidupan yang mendidik jiwa dan memperbaiki akhlak.¹⁴⁴

Pada kurun keenam Hijriyyah, tasawuf di dalam perkembangannya menyaksikan ajaran tasawuf mula dicampur aduk di mana tasawuf diungkap dan dibahas menerusi pemikiran falsafah yang dikenali dengan teosofi atau tasawuf falsafi. Antara tokoh terkenal dalam perkembangan ini ialah Abū al-Futuh Yahya ibn Habsh ibn Fanirak, digelar dengan Shihāb al-Dīn al-Suhrawardi al-Maqtul. Falsafah beliau dikatakan

¹⁴⁰ *Ibid.*, 17; *Ibid.*, 20.

¹⁴¹ *Ibid.*, 18; Lihat Abū al-Wafā’ al-Ghanīmi al-Taftāzānī, *Perkembangan Tasawwuf Islam*, terj. Abdul Syukor Haji Husin dan Mudasir Rosder (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1996), 19.

¹⁴² *Ibid.*, 145; *Ibid.*, 165.

¹⁴³ *Ibid.*, 146-147; *Ibid.*, 166.

¹⁴⁴ Ahmad Daudy, *Kuliah Ilmu Tasawwuf*, 19.

beraliran “*ḥikmah al-ishrāq*” dan Muhyi al-Dīn bin ‘Arabī (w. 638H) yang dikatakan terkenal dengan fahaman “*wahdah al-wujūd*”. Karya beliau yang termasyhur ialah “*al-Futūḥāt al-Makkiyyah*” dan “*Fusūs al-Hikam*”.¹⁴⁵

Pada akhir kurun keenam dan awal kurun ketujuh Hijriyyah merupakan fasa perkembangan tasawuf tarekat atau tarekat tasawuf yang merlahirkan ramai tokoh-tokoh ulama tasawuf yang membangun tarekat dengan konsep madrasah yang terdiri dari guru dikenali sebagai syeikh atau *murshid* dan juga murid. Syeikh atau *murshid* ini akan membimbing murid masing-masing dengan tatacara khusus untuk mencapai *taqarrub* kepada Allah SWT.¹⁴⁶

Antara tarekat tasawuf yang paling lama dan terkenal ialah tarekat Qadiriyyah yang dinisbahkan kepada pengasasnya Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Jilānī (w.561H). Tarekat Rifa’iyyah yang dinisbahkan kepada al- Shaykh Ahmad al-Rifā‘ī (w.570H), Tarekat Syazaliyyah oleh Shaykh Abū Hasan al-Shazali (w.656H), Tarekat Ahmadiyyah (w.675H) yang dinisbahkan kepada Shaykh Ahmad Badawī, Tarekat Naqsyabandiyah yang dinisbahkan kepada Shaykh Bahā al-Dīn Muhammad bin Muhammad al-Uwaysh al-Bukhārī (w.791H) dan lain-lain.¹⁴⁷

Kurun berikutnya memperlihatkan perkembangan tasawuf mula menghadapi zaman menurun dan pudar dengan ketiadaan tokoh tasawuf yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam bidang kerohanian sebagaimana tokoh-tokoh tasawuf yang berada pada peringkat awal perkembangannya khususnya pada peringkat tasawuf akhlak.¹⁴⁸ Namun begitu tidak dinafikan bahawa perkembangan dunia kerohanian hari ini adalah lanjutan dari beberapa fasa perkembangan kehidupan bertasawuf sebelumnya bertujuan membersihkan hati dan jiwa menerusi pendekatan *tazkiyah al-nafs* untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dengan kata lain, kehidupan kerohanian dalam Islam adalah kehidupan mendidik jiwa dan hati nurani dengan berpandukan al-Quran dan menjadikan kehidupan

¹⁴⁵ al-Taftāzānī, Abū al-Wafā’ al-Ghanīmī, *Madkhal ilā al-Tasawwuf al-Islāmī*, 192-194, 200; Lihat Abu al-Wafa’ al-Ghanimi al-Taftazani, *Perkembangan Tasawwuf Islam*, 222-224, 230-231.

¹⁴⁶ *Ibid.*, 192-194, 200; *Ibid.*, 222-224, 230-231. Lihat Ahmad Daudy, *Kuliah Ilmu Tasawwuf*, 54-58.

¹⁴⁷ *Ibid.*, 54-58.

¹⁴⁸ *Ibid.*, 20; *Ibid.*, 22.

kerohanian Rasulullah SAW sebagai contoh tauladan atau *qudwah hasanah* dalam mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

2.3 Definisi *Tazkiyah al-Nafs*

Menurut Ibn Manẓūr di dalam *Lisān al-‘Arab*, *tazkiyah* adalah berasal daripada perkataan زَكَا - يَزْكُو - زَكَاءٌ yang bermaksud pertumbuhan dan penyucian. *Tazkiyah* memberi erti pertumbuhan, penyucian dan keberkatan.¹⁴⁹ Perlakuan seseorang memberi ‘sedekah harta’ dinamakan sebagai perlakuan mengeluarkan ‘zakat’ iaitu istilah yang terbit daripada akar kata yang sama dengan akar kata bagi perkataan *tazkiyah* kerana dengan pemberian sedekah tersebut, harta berkenaan ‘menjadi bersih’ hasil daripada pengeluaran hak Allah SWT yang terdapat dalam harta tersebut.¹⁵⁰

Dalam *Mu’jam al-Wasit*, *tazkiyah* berasal dari kalimah (ذَكَى), yang bermaksud أَصْلَحَ iaitu memperelok.¹⁵¹ Dengan erti kata lain bermaksud menjadikan sesuatu itu elok dan menghapuskan kerosakannya.¹⁵² Menurut *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* pula, penyucian merupakan proses (perbuatan, cara) menyucikan iaitu menyucikan dengan maksud membersihkan daripada segala yang keji (tentang hati, fikiran, batin, perasaan).¹⁵³ Menurut *Kamus Ensiklopedia Dunia Melayu*, suci bererti tidak ternoda, tidak berdosa, bersih daripada sebarang kekotoran dan bersih daripada sebarang kejahatan atau keburukan.¹⁵⁴

Sementara *al-nafs* pula diterangkan dalam *Lisān al-‘Arab*, bahawa manusia memiliki dua nafs; *nafs al-‘aql* (akal) yang dengan akal manusia mampu berfikir dan *nafs al-rūh* yang dengan ruh manusia hidup¹⁵⁵ dan *al-nafs* juga bermaksud jiwa, iaitu

¹⁴⁹ Ibn Manzur, Jamāl al-Dīn Muhammad ibn Mukarram ibn ‘Alī, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dar al-Sadir dan Dar Bayrut, 1955), 60: 358.

¹⁵⁰ Zakaria Sapa, *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat Wadah Pemerkasaan Jati Diri Ummah*, 57.

¹⁵¹ Nasir Said Ahmad et al., ed. *Al-Mu’jam al-Wasit* (Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, 2008), 283, entri “zakaa.”, Lihat Ibrahim Madkur, *al-Mu’jam al-Wasit* (Kaherah: al-Maktabah al-Islamiyyah, 1972), 396, entri “zakaa.” bermaksud suci.

¹⁵² Nasir Sa’id Ahmad et al., ed. *Al-Mu’jam al-Wasit* (Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, 2008), 52, entri “aslaha.” وَأَصْلَحَ الشَّيْءُ : جَعَلَهُ أَصْلَحَ وَأَزَلَّ فُسَادَهُ

¹⁵³ Haji Mahmud bin Haji Bakry et al., ed. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 2606, entri “menyucikan.” dan 2607, entri “penyucian.”

¹⁵⁴ Hasan Hamzah, *Kamus Ensiklopedia Dunia Melayu* (Shah Alam: Anzagain Sdn Bhd., 1997), 2:285.

¹⁵⁵ Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*, 26: 235.

jiwa yang bersifat *latif* (lembut), ruhani (*immaterial, abstract*) dan rabbani.¹⁵⁶ Menurut kalangan ahli tasawuf, *al-nafs* mempunyai dua maksud. Pertama, tempat di mana terhimpunnya sifat-sifat tercela dari manusia. Kedua, *al-nafs* yang halus di mana pada hakikatnya dialah manusia, iaitu diri manusia dan zatnya. *Al-nafs* ini mempunyai sifat pelbagai menurut keadaannya.¹⁵⁷ Terdapat juga pelbagai istilah dikaitkan dengan *al-nafs* yang menggambarkan beberapa peringkat sifat bagi diri insan nafsani.¹⁵⁸ Insan nafsani inilah insan yang halus *latifah*, yang bersifat ghaib yang mengisi insan jasmani (jasad) yang bersifat kasar.¹⁵⁹

Secara umumnya *tazkiyah al-nafs* bermaksud pembersihan, penyucian dan penyuburan. Kajian ini akan membincangkan *tazkiyah al-nafs* menurut ahli tasawuf dan akan menghuraikan sifat-sifat dan keadaan *al-nafs* yang turut memberi kesan sama ada positif atau negatif ke atas amal ibadah dan juga aktiviti sosial lainnya.

2.3.1 *Tazkiyah al-Nafs* menurut al-Quran dan al-Sunnah

Dalil al-Quran telah menjelaskan tentang penciptaan *al-nafs* adalah dengan meniupan Allah daripada RohNya, maka bermulalah sebuah kehidupan pada insan jasmani manusia. Allah Maha Pencipta juga telah menyediakan dalam insan nafsani dua jenis fitrah semulajadi; iaitu fitrah semulajadi ke arah ketakwaan dan fitrah semulajadi ke arah kefasikan.¹⁶⁰ Daripada dua persediaan ini maka dalam diri insan lahirnya dua sifat akhlak; iaitu akhlak yang buruk dan akhlak yang baik.

Menurut al-Quran juga bahawa *al-Nafs al-Insani* ini wajib melalui proses pembersihan iaitu dibersihkan dari sifat-sifat yang buruk serta wajib dihias dengan sifat-sifat yang baik. Usaha pembersihan ini disebut sebagai *al-tazkiyah*¹⁶¹ sebagaimana yang terungkap dalam firman Allah pada ayat berikut:

¹⁵⁶ Azyumardi Azra, ed. *Ensiklopedia Tasawuf* (Bandung: UIN Syarif Hidayatullah, 2008), 3:1318, entri "tazkiyah al-nafs."

¹⁵⁷ al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dar al-Sha'ab, t.t.), 8: 1345.

¹⁵⁸ *Ibid.*, 8: 1345.

¹⁵⁹ *Ibid.*

¹⁶⁰ Al-Rāzī, Muhammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn, *Tafsir al-Fakhr al-Rāzī* (Bayrut: Dar al-Fikr, 1401H/1981M), 31: 192-193.

¹⁶¹ *Ibid.*, 31: 194. Lihat Al-Alūsī, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmud al-Alūsī al-Baghdadi, *Rūh al-Ma'āni*, ed. Muhammad Ahmad al-Amad dan 'Umar 'Abd al-Salām al-Salami (Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, t.t.), 30:143-144.

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾ فَأَهْمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ
خَابَ مَن دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

Al-Syams 91: 7-10

Terjemahannya: Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Jelas daripada ayat di atas, Allah SWT menciptakan jiwa itu dengan sempurna dan lurus di atas fitrah yang benar. Allah juga telah menjelaskan kepada jiwa itu, mana jalan menuju kejahatan dan mana jalan menuju ketakwaan. Dengan kata lain, Allah menampakkan hal itu kepada jiwa tersebut dan memudahkannya kepada apa yang telah Dia tetapkan untuknya.¹⁶²

Ibn ‘Abbas RA mentafsirkan ayat yang bermaksud “Maka Dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaannya” iaitu Allah menjelaskan kepada jiwa itu tentang kebaikan dan kejahatan. Mujāhid, Qatādah, al-Dahhāk dan al-Thawrī juga memberikan penafsiran yang sedemikian.¹⁶³ Sayyid Qutb di dalam menjelaskan ayat di atas, menyebutkan bahawa manusia itu mempunyai dua tabiat, dua kesediaan dan dua kecenderungan. Maksud dua tabiat ialah manusia telah diciptakan dari tanah bumi dan dari tiupan roh ciptaan Allah. Ia telah dilengkapi dengan kesediaan-kesediaan yang sama untuk menuju ke jalan yang baik dan ke jalan yang jahat, ke jalan hidayat dan ke jalan kesesatan. Ia berkeupayaan untuk membezakan mana yang baik dan mana yang tidak baik, begitu juga ia berkemampuan untuk mengarahkan dirinya ke jalan yang baik dan jalan yang tidak baik. Keupayaan dan kemampuan ini tersembunyi di dalam

¹⁶² Ibn Kathir, ‘Imād al-Dīn Abu al-Fida’ Isma‘īl al-Quraisy al-Dimasyq, *Tafsīr Ibn Kathir* (Madinah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam, 1993M/ 1413H), 4:517; Lihat Ibn Kathir, *Al-Misbāh al-Munīr fī Tahdhīb Tafsīr Ibn Kathir: Shaḥīḥ Tafsīr Ibnu Katsir*, terj. Abu Ihsan al-Atsari (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2012), 9:607-608.

¹⁶³ Al-Tabari, Abū Ja‘far Muhammad bin Jarīr al-Tabari, *Jāmi‘ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āyi al-Qur’ān* (Mesir: Maktabah Mustafa al-babi al-Halabi, 1968), 29:210; Ibn Kathir, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fida’ Isma‘īl al-Quraisy al-Dimasyq, *Tafsīr Ibn Kathir*, 4:517; Lihat Ibn Kathir, *Al-Misbāh al-Munīr fī Tahdhīb Tafsīr Ibn Kathir: Shaḥīḥ Tafsīr Ibnu Katsir*, terj. Abu Ihsan al-Atsari, 9:607-608.

jiwanya, yang kadang-kadang disebut oleh al-Quran sebagai ilham seperti disebutkan dalam surah al-Syams ayat 8.¹⁶⁴ Menurut Sayyid Qutb barang siapa yang mempergunakan keupayaan dan kemampuan ini untuk menyucikan dan membersihkan jiwanya dan mengalahkan segala sifat keji maka ia termasuk dalam kalangan orang yang berjaya,¹⁶⁵ sebagaimana disebutkan dalam ayat 9, surah al-Syams.

Dalil *tazkiyah al-nafs* menerusi hadith sebagaimana al-Ṭabrānī meriwayatkan dari Ibn Abbas RA., yang berkata: “Apabila Rasulullah SAW membaca ayat ini (surah al-Syams ayat 8) firman yang bermaksud: “*Demi jiwa serta penyempurnaan (ciptaan)nya. Maka Dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaan.*” Baginda berhenti, kemudian berdoa:

اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا، أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا، وَخَيْرُ مَنْ رَزَّاهَا

Terjemahan: “Ya Allah, limpahkanlah ketakwaan kepada jiwaku ini. Engkau-lah Pemiliknya dan Pelindungnya, dan Engkau-lah sebaik-baiknya Zat yang menyucikannya.”¹⁶⁶

Dan daripada Zayd bin Arqam RA, mengatakan bahawa Rasulullah SAW pernah berdoa:

[اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْبُخْلِ وَالْجُبْنِ وَالْهَرَمِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ.
اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا، وَرَزَّاهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ رَزَّاهَا، أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا. اللَّهُمَّ
إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ، وَمِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَدَعْوَةٍ
لَا يُسْتَجَابُ].

Terjemahan: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari kelemahan dan kemalasan, dari sifat bakhil, pengecut, nyanyuk dan azab kubur. Ya Allah, limpahkanlah ketakwaan kepada jiwaku ini dan sucikanlah ia kerana Engkau-lah sebaik-baik Zat yang

¹⁶⁴ Sayyid Qutb, *Tafsīr fī Zilāl al-Qur’ān* (Bayrut: Dar al-Shuruq, 1987M/ 1407H), 6:3917; Lihat Sayyid Qutb, *Tafsīr Fī Zilālil Quran: Di Bawah Bayangan Al-Quran*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob (Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000), 17:397.

¹⁶⁵ Sayyid Qutb, *Tafsīr Fī Zhilalil-Quran*, 12:282.

¹⁶⁶ Al-Ṭabrānī, Abū al-Qasim Sulaymān bin Ahmad al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Kabīr li al-Ṭabrānī*, ed. Abū Mustafa Hamdi bin Abd al-Majid bin Isma’īl al-Salāfī, no. Hadith 11191, (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyah, 1983), 11: 106; Lihat Ibn Kathir, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fida’ Isma’īl al-Quraishy al-Dimasyq, *Tafsīr Ibn Kathir* (Madinah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam, 1993M/ 1413H), 4:517; Ibn Kathir, *al-Misbāh al-Munīr fī Tahdhīb Tafsīr Ibn Kathir: Shaḥīḥ Tafsīr Ibnu Katsir*, terj. Abu Ihsan al-Atsari (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2012), 9:610-611; Lihat Sa’id Hawā, *al-Mustakhlās fī Tazkiyyah al-Anfus, Intisari Ihya’ Ulum al-Din*, terj. Aunur Rafiq Shaleh Tamhid (Jakarta: Robbani Press, 2001), 174.

menyucikannya, Engkaulah Pemiliknya dan Pelindungnya. Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari jiwa yang tidak kenyang dan dari hati yang tidak khusyu' dan dari ilmu yang tidak bermanfaat serta dari do'a yang tidak dikabulkan.”¹⁶⁷

Zayd berkata, ‘Rasulullah SAW mengajarkan do'a tersebut kepada kami, dan kami pun mengajarkannya kepada kalian’.¹⁶⁸ Berdasarkan daripada keterangan ayat di atas, jelaslah bahawa *tazkiyah al-nafs* yang ditetapkan dalam Islam melalui amal kebajikan akan dapat menyucikan jiwa manusia untuk kembali kepada fitrah asal mereka sebagai hamba Allah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Begitu juga dengan hadis yang menyebutkan bahawa Rasulullah SAW mengajarkan doa agar diberikan limpahan ketakwaan ke atas jiwa iaitu jiwa sentiasa kenyang, hati sentiasa khusyu', ilmu bermanfaat dan doa yang dikabulkan. Doa ini juga menunjukkan bahawa manusia dan jiwanya sangat lemah dan sangat tiada berupaya. Justeru, perlu kepada *tazkiyah al-nafs* untuk melindungi jiwa daripada sifat keji dan tercela demi untuk mencapai ketakwaan kepada Allah SWT.

2.3.2 *Tazkiyah al-Nafs* menurut Pandangan Ulama Tasawuf

Tazkiyah al-nafs sering dibahas oleh golongan sufi dalam disiplin ilmu tasawuf sebagai salah satu usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala dan juga jalan untuk mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah 'Azza wa Jallā. Pembahasan tentang *tazkiyah al-nafs* menjadi agenda penting para sufi klasik dan kontemporari dalam upaya membina dan membentuk akhlak yang baik terutama dalam menangani masalah keruntuhan moral dan akhlak bahkan sebagai terapi jiwa dan motivasi bagi mereka yang menghadapi masalah kejiwaan.

Terdapat ramai daripada kalangan ulama tasawuf yang membahaskan konsep *tazkiyah al-nafs* di dalam penulisan mereka, antaranya; Hārith al-Muhāsibī (w. 243H/ 857M) dalam kitabnya *Wasāyā*, Abū Tālib al-Makkī (w. 386H/ 966M) dalam kitabnya

¹⁶⁷ Al-Nasā'ī, Abd al-Rahmān Ahmad ibn Shu'ib al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasaie*, Kitāb al-isti'adhah, Bāb al-isti'adhah min do'a la yustajab, no Hadith 5553 (Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, t.t.), 923.

¹⁶⁸ Al-Nasā'ī, Abd al-Rahman Ahmad ibn Shu'ib al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, Kitāb al-isti'adhah, Bab al-isti'adhah min do'a la yustajab, no Hadith 5538, ed. Muhammad Nāsir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 1417H), 834.

Qut al-Qulūb dan juga Imam al-Ghazzālī (w. 505H/ 1111M) di dalam kitab beliau yang termasyhur iaitu kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*.¹⁶⁹

Al-Muhāsibī (w.243H/ 857M)¹⁷⁰ dikatakan antara ulama Tasawuf yang terawal membahaskan tentang *al-nafs* iaitu bermula pada akhir kurun kedua hijriyah di mana beliau telah menjelaskan tentang cara penyucian *al-nafs* dan keaiban *al-nafs*.¹⁷¹ Menurut beliau cara untuk *tazkiyah al-nafs* ialah dengan melazimkan diri supaya sentiasa berilmu dan beramal sesuai dengan al-Quran dan al-Sunnah dan juga amalan *khulafa' al-Rashidin* serta *salaf al-salih* kerana kedua-dua sumber tersebut merupakan petunjuk dan hidayah dari Allah dalam melaksanakan *tazkiyah al-nafs* iaitu ke atas roh dan jiwa.¹⁷²

Selain itu, beliau juga merupakan seorang tokoh sufi yang sangat prihatin dan peka terhadap bisikan-bisikan yang terkandung di dalam jiwanya. Beliau mengetahui setiap perilaku jiwanya dan mengetahui setiap rahsia dan segala yang tersirat di dalamnya.¹⁷³ Oleh itu, beliau menyarankan antaranya, agar selalu *murāqabah* atau *muhāsabah* di mana beliau menyebutkan “perhitungkanlah dirimu pada setiap bahaya, dan Allah Maha Pemerhati pada setiap jiwa.”¹⁷⁴

Muhāsabah menurut al-Muhāsibī ialah merenungkan dan menetapkan dengan membezakan apa yang tidak disenangi oleh Allah ‘Azza wa Jallā dan apa yang disukaiNya. Bahkan *muhāsabah* itu terdapat dalam dua bentuk. Pertama, merenung dan berhati-hati dalam perbuatan-perbuatan yang akan datang. Ini bermaksud supaya sentiasa melihat akibat sehingga terlepas daripada penyesalan. Kedua, merenung dan

¹⁶⁹ ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, ed. *Risālah al-Mustarshidīn li al-Hārith al-Muhāsibī*, (Halab: Maktabah al-Matbu‘ah al-Islamiyyah, 1964), 13-20.

¹⁷⁰ Nama penuh beliau ialah Abu ‘Abd Allah al-Harith bin Asad al-Muhasibi dan dilahirkan di Basrah. Beliau diberi gelaran al-Muhāsibī berdasarkan kesungguhan beliau mempraktikkan amalan *muhasabah al-nafs* ke atas dirinya sebagai menyahut seruan athar “hasibu anfusakum qabla an tuhasabu”. ‘Abd al-Halīm Mahmūd, *Ustādh al-Sāirin: al-Hārith al-Muhāsibī* (Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1973), 181.

¹⁷¹ ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, ed. *Risālah al-Mustarshidīn li al-Hārith al-Muhāsibī*, 13.

¹⁷² *Ibid.*, 31.

¹⁷³ *Ibid.*, 207.

¹⁷⁴ *Ibid.*, 36; Lihat ‘Abd al-Halīm Mahmūd, *Ustādh al-Sāirin: al-Hārith al-Muhāsibī* (t.tp. Dar al-Ma‘arif, t.t.), 180.

berhati-hati dalam perbuatan-perbuatan yang telah lalu.¹⁷⁵ Sebagaimana firman Allah dalam ayat berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٥٩﴾

Al-Hasyr 59:18

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.

Dengan kata lain, al-Muhāsibī mengutamakan berilmu dan beramal dengan al-Quran dan al-Sunnah sebagai cara untuk *tazkiyah al-nafs*. Bagaimanapun beliau juga menjadikan muhasabah sebagai langkah berhati-hati terhadap sebarang lintasan hati yang terkandung di dalam jiwanya kerana mempunyai hubungkait dengan niat di mana setiap perkara yang dilakukan adalah tergantung kepada niat.

Menurut al-Ghazzālī pula, *tazkiyah al-nafs* adalah membersihkan jiwa dari sifat musyrik dan cabang-cabangnya, merealisasikan kesuciannya dengan tauhid dan cabang-cabangnya, dan berakhlak dengan nama-nama Allah yang baik di samping ubudiyah yang sempurna kepada Allah dengan membebaskan diri dari pengakuan rububiyah. Semua ini melalui contoh teladan daripada Rasulullah SAW¹⁷⁶ malah *tazkiyah al-nafs* merupakan kunci untuk meluruskan suluk (perilaku).¹⁷⁷ Selain itu, *tazkiyah al-nafs* menurut al-Ghazzālī juga adalah merujuk kepada suatu usaha gigih yang mesti dilakukan untuk tujuan membersihkan diri seseorang daripada pelbagai sifat *madhmūmah* dan digantikan pula dengan sifat-sifat *maḥmūdah*. Proses penyingkiran dan pembersihan daripada sifat-sifat *madhmūmah* disebut sebagai *takhallī*. Sementara

¹⁷⁵ Al-Muhāsibī, Abū ‘Abd Allāh al-Hārith, *al-Ri‘āyah li Huquq Allāh*, ed. Abd al-Halīm Mahmūd (Kaherah: Dar al-Ma‘arif, t.t.), 48; Lihat ‘Abd al-Halīm Mahmūd, *Ustādh al-Sāirin: al-Hārith al-Muhāsibī*, 180.

¹⁷⁶ Al-Ghazzālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad, *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 3:15-17; Lihat Sa‘id Hawa, *al-Mustakhlās fi Tazkiyah al-Anfus: Intisari Ihya ‘Ulum al-Din*, terj. Aunur Rafiq Shaleh Tamhid (Jakarta: Robbani Press, 2001), 173.

¹⁷⁷ Sa‘id Hawwā, *al-Mustakhlās fi Tazkiyah al-Anfus: Intisari Ihya ‘Ulum al-Din*, terj. Aunur Rafiq Shaleh Tamhid (Jakarta: Robbani Press, 2001), xii.

proses menghiaskan diri dengan sifat-sifat *mahmūdah* pula disebut sebagai *tahallī*.¹⁷⁸

Kitab *al-Luma'*, menjelaskan maksud *al-takhallī* itu sebagai berpaling dari segala rintangan yang menyibukkan, baik secara batin mahupun lahir dengan berkhawatir atau menyendiri dan mengutamakan beruzlah atau mengasingkan diri serta membiasakan menyendiri. Sementara *al-tahallī* pula bermaksud meniru orang-orang yang memiliki kejujuran (*al-sādiqin*) dengan ucapan dan menampakkan amal perbuatan.¹⁷⁹

Berdasarkan penjelasan di atas, *tazkiyah al-nafs* merupakan suatu usaha gigih manusia yang mencakupi dua dimensi: Pertama, proses penyingkiran dan pembersihan sifat-sifat *madhmūmah* dari diri manusia yang diistilahkan dalam bidang kerohanian Islam sebagai *al-takhallī*. Kedua, proses perhiasan atau pemakaian diri sejati manusia dengan sifat-sifat *mahmūdah* yang juga diistilahkan di dalam bidang kerohanian Islam sebagai *al-tahallī*.¹⁸⁰

Proses *al-takhallī* pada tahap awal sebagaimana dirakamkan dalam al-Quran adalah permulaan untuk mengendalikan dan menguasai hawa nafsu. Firman Allah SWT:

وَمَا أُبْرِيْ نَفْسِيْ ۚ إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوْءِ ۚ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي ۚ إِنَّ رَبِّي غَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ



Yusuf 12:53

Terjemahan: "Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Ayat tersebut menunjukkan bahawa *al-nafs al-ammārah* adalah tingkatan nafsu yang paling rendah yang selalu mengajak kepada kejahatan hawa nafsu yang didorong

¹⁷⁸ Al-Ghazzālī, Abū Ḥamid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, 3:77; Lihat Al-Shahat al-Tahhan dan Abd Allāh al-Munsiyawi, ed. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, "Kitab Riyaḍah al-Nafs", cet. ke-1 (Jami'ah al-Azhar: Maktabah al-Iman, 1996), 3:81.

¹⁷⁹ 'Abd al-Halīm Mahmūd dan Ṭaha Abd al-Baqī Surūr, ed. *al-Luma'* (Mesir: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1960), 440; Lihat Abū Nashr Al-Sarrāj, *al-Luma' rujukan lengkap ilmu tasawuf*, terj. Wasmukan dan Samson Rahman (Surabaya: Risalah Gusti, 2009), 717-718.

¹⁸⁰ Al-Alūsī, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Alūsī al-Baghdādī, *Rūh al-Ma'āni*, 13:2-3.

oleh bisikan dan hasutan syaitan. Menerusi ayat tersebut diperjelaskan bahawa kejahatan hawa nafsu adalah tercegah dengan inayah dan rahmat Allah jua yang hanya dimiliki oleh orang-orang yang beriman, sentiasa berusaha keras serta selalu memohon rahmat Allah.¹⁸¹ Perbuatan sentiasa berusaha keras adalah merujuk kepada usaha yang dilakukan bersungguh-sungguh untuk membersihkan jiwa dari sifat *madhmūmah* dan menghiasinya dengan sifat *maḥmūdah* di samping melakukannya dengan penuh ketaatan kepada Allah serta penuh kesabaran diiringi dengan proses *mushāraṭah*, *murāqabah*, *muhāsabah*, *mu‘āqabah*, *mujāhadah* dan *mu‘ātabah*.¹⁸²

Namun perlu difahami secara mendalam bahawa *tazkiyah al-nafs* atau proses *al-takhallī* dan *al-tahallī* ini, bukanlah satu perkara mudah untuk dilaksanakan oleh seseorang. Banyak halangan dan rintangan yang perlu dihadapi. Ini kerana untuk mempraktik dan menyempurnakannya, memerlukan kesungguhan dan keazaman yang tinggi dan juga tertakluk kepada limpah kurnia dan rahmat Allah SWT sebagaimana diungkapkan dalam firman Allah Ta‘ala pada ayat berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۚ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكَا مِنْكُمْ مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤﴾

Al-Nur 24:21

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar. Dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan (ingatlah Allah Maha Mendengar) lagi Maha mengetahui.

Ayat di atas memperingatkan supaya jangan mengikut ajakan syaitan ke arah melakukan kemungkaran. Allah memberikan rahmat kepada sesiapa sahaja yang dikehendakiNya, teristimewa kepada sesiapa yang menyerahkan seluruh jiwa raganya

¹⁸² Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, 15: 2739.

kepada Allah SWT dan berbuat amal kebaikan. Allah memberikan ganjaran pahala kepada mereka yang tidak akan merasa ragu dan tidak akan berdukacita.¹⁸³

2.4 Mengenal *al-Nafs*

Kebanyakan daripada ulama tasawuf dan penulisan kitab-kitab tasawuf dan akhlak tidak terlepas daripada menjelaskan perihal *al-nafs*. Malahan mengenali dan memahami penciptaan *al-nafs*, sifat *al-nafs* dan juga peringkat sifat *al-nafs* itu amat penting bagi setiap manusia sebelum dia melakukan *tazkiyah al-nafs* sebagai sarana mendekatkan diri kepada Allah. Ini disebabkan yang perlu pada *tazkiyah* itu adalah *al-nafs* itu sendiri. *Al-nafs* di sini bermaksud hakikat diri insan itu sendiri.

2.4.1 Penciptaan *al-Nafs*

Menurut al-Quran, unsur awal kepada semua kejadian yang hidup di dunia adalah dari *al-turāb* (التراب) dan *al-mā'* (الماء). Manusia tidak terkecuali dari dua unsur tersebut. Khusus Nabi Adam AS, Allah Maha Pencipta telah menciptanya daripada dua unsur; pertama dari tanah dan kedua, unsur kerohanian iaitu pertemuan di antara unsur tanah dengan meniupan roh dari Allah terciptalah *al-nafs* kemudian Allah sempurnakan kejadiannya dengan lengkap yang tidak diketahui hakikat bagaimana dan caranya. Penyempurnaan ini disebut dalam al-Quran dengan *al-taṣwīyah*. Setelah itu Allah meniupkan dari RohNya yang tidak diketahui hakikatnya.¹⁸⁴ Sebagaimana Firman Allah pada ayat berikut:

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ ۖ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنسَانِ مِن طِينٍ ۖ ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُ
مِنْ سُلَالَةٍ مِّن مَّاءٍ مَّهِينٍ ۚ ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِ ۚ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ
وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ ۚ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٣٢﴾

Al-Sajdah 32: 7-9

Terjemahan: Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya, dan dimulakanNya kejadian manusia berasal dari tanah; Kemudian ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, iaitu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang; Kemudian ia

¹⁸³ Al-Rāzī, Muhammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* (Bayrut: Dar al-Fikr, 1401H/1981M), 23: 186-187.

¹⁸⁴ Al-Alūsī, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Alūsī al-Baghdādī, *Rūh al-Ma'āni*, ed. Muhammad Ahmad al-Amad dan 'Umar 'Abd al-Salam al-Salami, 21:124.

menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaanNya. Dan ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

Sementara itu, hakikat kejadian zuriat dan keturunan Nabi Adam AS pula adalah dicipta daripada ‘*alaqah*’ (علقة) sebagaimana Firman Allah dalam surah berikut:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾
ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا فَكَسَوْنَا
الْعِظْمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا ءَاخِرَ ۖ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

Al-Mu'minun 23:12-14

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku; lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.

Dengan meniupan roh kepada jasmani manusia, maka terciptalah *al-nafs al-insānī* dan serentak dengan itu terciptalah kehidupan pada insan jasmani manusia. Allah Maha Pencipta juga telah menyediakan dalam insan nafsani dua jenis fitrah sebagai daya persediaan semula jadi yang berlawanan yang selaras dengan unsur kejadiannya yang berlainan; pertama, fitrah semula jadi kepada ketakwaan dan kedua, fitrah semula jadi kepada kefasikan. Penyediaan kedua fitrah semula jadi tersebut adalah bersesuaian dengan matlamat dan hakikat penciptaan insan iaitu untuk menghakikatkan kehambaan diri kepada Allah Maha Pencipta melalui akidah, ubudiyah dan akhlak.¹⁸⁵

Bagaimanapun Allah, Tuhan Maha Pencipta manusia dan Pencipta unsur-unsur kejadiannya telah menegaskan tentang kedua-dua persediaan tersebut dan manusia yang

¹⁸⁵ Al-Alūsī, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Alūsī al-Baghdādī, *Rūh al-Ma‘ānī*, ed. Muhammad Ahmad al-Amad dan ‘Umar ‘Abd al-Salam al-Salami (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, t.t.), 30:143.

berjaya ialah mereka yang membersihkannya dan manusia yang kecewa ialah mereka yang mengotorkannya¹⁸⁶, sepertimana firman Allah:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ۖ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿٨٦﴾

Al-Syams 91:7-8

Terjemahan: Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Oleh kerana insan jasmani itu berasal dari unsur tanah atau benda maka tuntutan dan keperluannya juga berupa dan bersifat materi. Al-Quran mengisyaratkan bahawa tuntutan dan keperluan jasmani tersebut dirumuskan dalam tiga keperluan asas semula jadi iaitu, makan minum, pakaian dan kediaman. Bahkan disebutkan dalam al-Quran bahawa keinginan syahwah adalah sebahagian daripada keperluan tersebut selain isteri, anak, wang, kenderaan, bendang dan ladang.¹⁸⁷ Sebagaimana terungkap dalam firman Allah:

فَقُلْنَا يَتَادُمُ إِنَّ هَذَا عَدُوٌّ لَكَ وَلِزَوْجِكَ فَلَا يُخْرِجَنَّكَ مِنَ الْجَنَّةِ فَتَشْقَى ﴿١١٧﴾
إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَى ﴿١١٨﴾ وَأَنَّكَ لَا تَظْمَأُ فِيهَا وَلَا تَصْحَى ﴿١١٩﴾

Taha 20:117-119

Terjemahan: Maka, Kami berfirman: "Wahai Adam, sesungguhnya Iblis ini musuh bagimu dan bagi isterimu; oleh itu, janganlah ia menyebabkan kamu berdua keluar dari Syurga, kerana dengan yang demikian engkau (dan isterimu) akan menderita. "Sesungguhnya telah dikurniakan berbagai ni'mat bagimu, bahawa engkau tidak akan lapar dalam Syurga itu dan tidak akan bertelanjang. "Dan sesungguhnya engkau juga tidak akan dahaga dalam Syurga itu, dan tidak akan merasa panas matahari".

Selain keperluan dan tuntutan asas tersebut, *al-shahwah* iaitu keinginan yang diciptakan oleh Allah secara semulajadi dalam diri insan nafsani, juga diciptakan untuk

¹⁸⁶ Al-Rāzī, Muhammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, 31: 194. Lihat Al-Alūsī, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Alūsī al-Baghdādī, *Rūh al-Ma'ānī*, ed. Muhammad Ahmad al-Amad dan 'Umar 'Abd al-Salām al-Salāmī, 30:143-144.

¹⁸⁷ Al-Rāzī, Muhammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, 22: 125. Lihat Al-Alūsī, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Alūsī al-Baghdādī, *Rūh al-Ma'ānī*, ed. Muhammad Ahmad al-Amad dan 'Umar 'Abd al-Salām al-Salāmī, 16: 271.

menjadi pendorong bagi mendapatkan keperluan dan tuntutan insan jasmani. Bagaimanapun, jika *al-shahwah* dibiarkan dan tidak dikawal maka akan sebatil dengan *al-hawa* iaitu keinginan dan kecenderungan yang melampaui batas yang menuju kepada kesalahan, kerendahan dan kehinaan dalam diri insan nafsani.¹⁸⁸

2.4.2 Sifat *al-Nafs*

Manusia dicipta daripada dua unsur; unsur roh dan unsur tanah maka terkumpul di atasnya empat macam sifat; *bahmīyah*, *sabu'iyah*, *syaitaniyah* dan *rabbaniyyah*. Sementara insan rohani juga telah disediakan dalam dirinya beberapa naluri untuk menjadi pembantu kepada insan rohani dalam mencapai matlamat dari penciptanya, atau kehadirannya ke dunia ini, iaitu untuk menjalani perjalanan menuju Allah melalui asas Tauhid dan jalan ubudiyah. *Al-quwwah al-shahwiyyah* merupakan naluri pertama dan paling hampir kepada tuntutan atau keperluan semulajadi insan jasmani.¹⁸⁹

Manusia yang membiarkan dan tidak mengawal *al-shahwah* sehingga sebatil dengan *al-hawā* iaitu keinginan dan kecenderungan yang menyimpang atau melampaui batas, akan berada di tahap yang serendah-rendahnya dan sehinah-hinanya. Manusia seperti ini dikenali dengan manusia yang bertabiatkan haiwan atau bersifat *bahimiyah*. Sifat *bahimiyah* melahirkan sifat-sifat tercela seperti busuk hati, kikir, membazir, riya, tamak, kegelojohan dan sebagainya.¹⁹⁰

Selain *al-shahwah*, diri insan nafsani juga disediakan dengan naluri marah atau *Quwwah al-ghadab*. Allah ciptakan naluri marah, bertujuan untuk mendorong manusia berusaha bagi mempertahankan keselamatan diri insan jasmani, untuk keselamatan keluarganya, hartanya dan seterusnya untuk kesejahteraan rohaninya dan keselamatan di akhirat kelak. Bagaimanapun, jika manusia dikuasai oleh naluri *al-ghadab* bersifat seperti binatang yang garang dan ganas maka ia dikenali dengan sifat *sabu'iyah* antaranya; sifat kebuasan, permusuhan, kezaliman, keangkuhan, merendah-rendah dan menghina sesama makhluk dan seumpamanya.¹⁹¹

¹⁸⁸ Al-Alūsī, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Alūsī al-Baghdādī, *Rūh al-Ma'ānī*, ed. Muhammad Ahmad al-Amad dan 'Umar 'Abd al-Salam al-Salami, 16: 271.

¹⁸⁹ Al-Ghazzālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dar al-Sha'ab, t.t.), 8: 1345.

¹⁹⁰ Mohd Sulaiman bin Hj Yasin, *Akhlak dan Tasawuf* (Selangor: Yayasan Salman Bangi, 1992), 176, 182.

¹⁹¹ Al-Ghazzālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, 8: 1422.

Sementara insan nafsani yang telah dikuasai oleh *al-hawā* yang menghasilkan sifat *bahimiyah* kemudian disokong oleh naluri *al-ghadab* yang melahirkan sifat-sifat *sabu'iyah*, maka daya akal akan digunakan sebagai alat dan hawa nafsu melalui pujukan, bisikan dan was-was syaitan sehingga melahirkan sifat *syaitaniyah*.¹⁹²

Dengan erti kata lain, *al-nafs al-insani* yang dikuasai oleh *al-hawā* melahirkan tiga bentuk sifat iaitu; *bahimiyah*, *sabu'iyah* dan *syaitaniyah*. Sifat-sifat yang melampaui batas dan tidak terkawal inilah yang meletakkan manusia berada di tahap yang rendah dan hina. Sifat-sifat ini hanya boleh dihapuskan dengan melakukan *tazkiyah al-nafs*.

2.4.3 Peringkat sifat *al-Nafs*

Sebagaimana disebutkan sebelumnya, manusia dijadikan daripada dua unsur bahawa diri insan nafsani dan insan rohani yang disebutkan adalah satu tetapi zat diri insan nafsani yang satu ini mempunyai beberapa gelaran dan nama yang berlainan. Kelainan nama-nama tersebut adalah kerana kelainan sifat yang telah menguasai diri insan nafsani. Kelainan ini juga menggambarkan peningkatan nilai diri insan nafsani dari peringkat yang terendah hingga kepada peringkat yang lebih tinggi. Peningkatan ini adalah hasil dari usaha pembersihan (*al-tazkiyah*) atau hasil dari perjuangan (*jihād al-nafs*) dan kejayaan serta kemenangan manusia adalah bagi mereka yang membersihkan dan menyucikan *al-nafs* dari kekotoran dan kehinaan.¹⁹³

Adalah menjadi kewajaran bagi seseorang untuk mengenal diri sendiri bahkan mengenal diri merupakan satu sarana penting dalam ilmu Tasawuf sehingga wujud ungkapan sufi masyhur, “sesiapa mengenal dirinya maka dia mengenal Tuhannya.” Untuk memudahkan seseorang hamba mengenal Allah SWT maka dia dikehendaki mengenal dirinya terlebih dahulu. Salah satu cara untuk mengenal diri adalah dengan memahami jenis-jenis *al-nafs* yang wujud dalam diri insan nafsani kerana dengan cara ini dapat membantu perjalanan seseorang untuk menghampiri Allah SWT. Dalam kehidupan seharian dapat disaksikan bahawa seseorang boleh terlibat dengan pelbagai

¹⁹² *Ibid.*

¹⁹³ *Ibid.*, 8: 1345.

jenis gejala sosial kerana jahil dalam mengenal jenis-jenis nafsu.¹⁹⁴ Dan terdapat tiga jenis *al-nafs* yang disebutkan di dalam al-Quran, iaitu:

i. *Al-Nafs al-Ammarah*

Nafs ammarah adalah nama bagi *al-nafs al-insani* dalam peringkat yang terendah sekali. Diri insan dalam peringkat ini disifatkan oleh al-Quran sebagai menyuruh kepada keburukan atau kejahatan. Artinya diri insan nafsaninya telah dikuasai sepenuhnya oleh unsur kejahatan dan kerendahan kerana dirinya telah dikuasai oleh *al-shahwah* dan *al-hawa* sehingga manusia ini telah menjadi hamba kepada hawa nafsunya. Oleh itu, pendidikan dan perhatian sangat diperlukan untuk mengawal nafsu ammarah kerana nafsu inilah yang menyebabkan manusia terlibat dengan segala jenis gejala sosial dan kemungkaran, bahkan kecuaiannya dalam menjalankan tanggungjawab agama dan sosial.¹⁹⁵

ii. *Al-Nafs al-Lawwāmah*

Diri insan nafsani dalam peringkat ini akan merasa kesal atas ketelanjuran melakukan kesalahan atau kekurangan dalam menunaikan kewajibannya. Nafsu ini banyak menegur dan mengkritik tuannya demi kebaikan dalam kehidupan seharian jika berlaku kecuaiannya atau apa saja kesalahan sama ada sejenis dosa atau kelalaian, demi peningkatan ke arah yang positif. Nafsu ini lebih positif daripada *ammārah*. Untuk mencapai nafsu *lawwāmah*, ia memerlukan pendidikan dan latihan kerana ramai manusia melakukan dosa namun nafsu Lawwamahnya tidak berfungsi. Malahan mereka tidak berasa bersalah apatah lagi berasa perlu bertaubat kerana teguran dan kritikan tidak ada dari dalam dirinya sendiri.¹⁹⁶

iii. *Al-Nafs al-Mutma'innah*

Nafsu *mutmainnah* adalah diri insan nafsani yang telah mencapai taraf lebih sempurna dalam usaha membersihkan nafsunya atau *mujāhadah* nafsunya. Ini disebabkan tabiat nafsu yang sentiasa bergelora dan membara tanpa ada batas kepuasannya. Maka usaha membersihkan nafsu berasas dan berpanduan kepada syari'at Allah dan taat perintah

¹⁹⁴ Ahmad Farid, *Tazkiyah al-Nufus* (Bayrut: Dar al-Qalam, 1985), 69.

¹⁹⁵ *Ibid.*, 73.

¹⁹⁶ *Ibid.*, 72.

Allah dan seterusnya telah dapat membentuk nafsunya terpelihara daripada melakukan maksiat lahir dan batin maka diri insan nafsani yang mencapai tahap ini telah mencapai ketenangan.¹⁹⁷

Nafsu *mutma'innah* juga adalah hasil daripada pendidikan yang berterusan kepada nafsu *ammārah* dan berinteraksi dengan baik dengan nafsu *lawwamah*. Untuk mencapai nafsu *mutmainnah* bukanlah mudah kerana ia memerlukan banyak pengorbanan terutama sekali dalam mencari ilmu dan seterusnya beramal. Jiwa yang tenang tidak akan dapat dimiliki secara mudah tanpa usaha daripada pihak manusia sendiri. Melihat kepada kepentingan mengenali *al-nafs*, kitab *Tanwīr al-Qulūb* memperincikan pembahasan mengenainya dengan tambahan empat jenis *al-nafs*¹⁹⁸ berikutnya:

iv. *Al-Nafs al-Mulhimah*

Diri insan nafsani dalam peringkat ini adalah yang diilhamkan oleh Allah bersifat *al-hilm* (murah hati), *tawadhu'* (rendah diri), *qana'ah* (berkecukupan), *sakhawah* (dermawan) yang melahirkan sifat *sabr* (sabar), *tahammul* (menahan diri) dan *shukr* (syukur). *Al-nafs* pada peringkat ini boleh menerima suatu saranan dalam dirinya sama ada yang berunsur kejahatan atau berunsur kebaikan.¹⁹⁹

v. *Al-Nafs al-Rāḍiyah*

Dalam peringkat ini diri insan nafsani telah dapat mendiamkan syaitan dari dalam dirinya dan Allah telah menurunkan *al-sakīnah* atau ketenangan dalam hatinya. Bahkan diri insan nafsani peringkat ini telah menghayati sifat rida dan menjadi maqamnya. Namun demikian diri insan nafsani masih merasa bimbang dan merasakan belum diterima oleh Allah.²⁰⁰

¹⁹⁷ Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, 8: 1420.

¹⁹⁸ Muhammad Amin al-Kurdi, *Tanwīr al-Qulūb* (Beirut: Dar al-Fikr, 2004), 297.

¹⁹⁹ *Ibid.*, 297.; Lihat Muhammad Amin al-Kurdi, *Tanwirul Qulub: Membentuk Jiwa Sufi Ajaran Tariqah Naqsyabandiyah*, terj. Jahid Hj Sidek (Selangor: Al-Falah Publication, 2011), 218.

²⁰⁰ *Ibid.*, 297.; *Ibid.*, 218.

vi. *Al-Nafs al Marḍiyah*

Diri insan nafsani dalam peringkat ini adalah yang benar-benar diredai oleh Allah, bersifat sangat lembut serta jauh dari unsur-unsur jasmaniah. *Al-nafs* pada peringkat ini memiliki sifat kemuliaan, ikhlas, sentiasa ingat Allah dan sentiasa meletakkan ma'rifah Allah sebagai satu keutamaan, di samping merasa dekat dengan Allah yang merupakan satu pemberian atau kurniaan Allah jua. Bagaimanapun, *al-nafs* pada peringkat ini juga terdedah kepada sifat *madhmūmah* yang berbahaya iaitu seperti hasad dengki, khianat, takabbur dan munafiq.²⁰¹

vii. *Al-Nafs al-Kāmilah*

Diri insan nafsani pada peringkat ini adalah yang memiliki sebatipelbagai sifat kesempurnaan insan. *Al-nafs* pada peringkat ini mempunyai kelembutan dan pada peringkat ini tahap kesedaran kemanusiaan adalah paling bersih dari pengaruh unsur-unsur materi yang lebih rendah.²⁰²

Menerusi penjelasan mengenai *al-nafs* di atas, difahami bahawa *al-nafs* telah disediakan dalam dirinya naluri secara semulajadi dengan tujuan untuk menjadi pembantu kepada insan rohani dalam mencapai matlamat penciptaannya di dunia iaitu untuk menjalani perjalanan menuju Allah melalui asas tauhid dan jalan ubudiyah. Bagaimanapun, jika *al-nafs* gagal mengawal *al-shahwah* sehingga *al-hawā* menguasainya maka menjadi punca timbulnya pelbagai sifat *madhmūmah* kemudian membentuk menjadi akhlak seseorang insan yang mana jika tidak diperbaiki akan memberi impak kepada orang lain dan masyarakat sekeliling sama ada melalui percakapan dan perlakuan.

Mengenali serba sedikit peringkat sifat yang ada pada diri *al-nafs* sekurang-kurangnya membantu seseorang dalam mempertingkatkan kefahaman tentang kepentingan *tazkiyah* ke atas *al-nafs* di samping sebagai sarana dalam mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.

²⁰¹ *Ibid.*

²⁰² *Ibid.*

2.5 Metode *Tazkiyah al-Nafs*

Dijelaskan dalam definisi sebelumnya, bahawa *al-nafs* adalah *latīfah rabbānīyah* iaitu *al-rūh* sebelum ianya bersemadi di dalam jasad. Allah telah menjadikan roh-roh itu sebelum Allah menciptakan jasad-jasad. Pada masa sebelum diciptakan jasad itu, roh-roh itu adalah berada hampir dengan Allah dan roh-roh itu kenal benar Allah sebagai Tuhannya.²⁰³ Namun apabila manusia terdedah kepada suasana persekitaran kehidupan dengan pelbagai ujian dan cabaran bahkan sebagai manusia, dia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan sama ada besar atau kecil. Maka untuk membersihkan jiwa yang kotor dan tercemar tersebut adalah perlu pada *tazkiyah al-nafs* yang menjadi fokus utama kajian ini.

Metode atau cara pelaksanaan *tazkiyah al-nafs* ini adalah merujuk kepada setiap amalan yang telah dipraktikkan dalam kehidupan sehinggalah ia melahirkan kesan positif ke atas *al-nafs* atau jiwa manusia, sehingga proses penyembuhan jiwa dapat dilakukan serta dapat pula direalisasikan sepenuhnya dengan nilai-nilai akhlak *mahmūdah*. Penunaian solat, misalnya, dapat membebaskan manusia dari sikap sombong kepada Allah, Tuhan alam semesta, dan pada saat yang sama mampu menerangi hati lalu memantul pada jiwa dengan memberikan dorongan untuk meninggalkan perbuatan keji dan munkar.²⁰⁴

Al-Muhāsibī dalam metode *tazkiyah al-nafs*nya telah memberikan nasihat kepada sesiapa sahaja yang ingin menyucikan jiwa, agar sentiasa memeriksa keadaan *al-nafs* dan beliau telah menggariskan enam perkara untuk melaksanakan *tazkiyah al-nafs*, iaitu niat yang benar serta berpegang kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah, memperbanyakkan zikir, sabar, takwa, *al-khawf* dan *al-rajā'* dan muhasabah diri.²⁰⁵ Menurut beliau lagi, langkah permulaan yang perlu dilakukan oleh seseorang yang ingin melakukan *tazkiyah al-nafs* ialah mendidik jiwa dengan ilmu melalui al-Quran dan al-Sunnah. Jika jiwa tidak dididik maka *takziyah al-nafs* tidak akan tercapai.²⁰⁶

²⁰³ *Ibid.*, 296. ; *Ibid.*, 296.

²⁰⁴ Sa'īd Hawwā, *al-Mustakhlās fī Tazkiyah al-Anfus* (Mesir: Dar al-Salam, 1984), 29.

²⁰⁵ Al-Muhāsibī, Abū 'Abd Allah al-Harith bin Asad, *Wasāyā*, ed. 'Abd al-Qadīr Ahmad 'Ata', cet.1 (Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1986), 59; Lihat Abd al-Halīm Mahmūd, *Ustadh al-Sāirīn: al-Hārith al-Muhāsibī* (t.tp. Dar al-Ma'arif, t.t.), 180-181, 184-186.

²⁰⁶ Amir al-Najjar, *Ilmu Jiwa dalam Tasawuf*, terj. Hasan Abrori, c.1 (Jakarta: Pustaka Azzam, 2000), 257.

Menurut al-Hujwīrī pula, metode penyucian ruhani ialah merenungkan keburukan dunia ini dan memahami bahawa ia palsu dan cepat sirna, dan mengosongkan hati darinya. Hal ini hanya dapat dicapai dengan *mujāhadah* dan tindakan dari *mujāhadah* yang terpenting ialah melaksanakan peraturan-peraturan disiplin lahiriah atau adab zahiriah secara terus menerus dalam keadaan apa pun.²⁰⁷

Sementara Sa'īd Ḥawwā menerusi karyanya "*al-Mustakhlās fī tazkiyah al-anfus*", menukikan secara ringkas tiga belas sarana atau wasilah *tazkiyah al-nafs* sebagaimana dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*.

2.5.1 Solat

Solat merupakan sarana terbesar dan terpenting, merupakan bukti dan ukuran dalam *tazkiyah al-nafs* sekaligus menggabungkan hakikat ubudiyyah, tauhid dan syukur. Mendirikan solat juga merupakan pengakuan terhadap rububiyah selaku pencipta alam semesta dan menghapuskan kesombongan kepada Allah.²⁰⁸

Kesempurnaan pelaksanaan solat adalah tergantung pada kesempurnaan dalam melaksanakan segala rukun, sunnah, adab zahir dan batin di dalam solat. Di antara adab zahir dalam solat ialah menunaikannya dengan anggota badan secara sempurna. Sementara khusus' pula adalah adab batin yang berperanan besar dalam pembersihan jiwa.²⁰⁹ Khusus' merupakan aspek kerohanian yang paling utama di dalam solat. Malah khusus' adalah manifestasi dari hati yang sihat. Ketiadaan khusus' dalam solat menggambarkan hawa nafsu mendominasi hati sehingga menjadi lalai dan leka semasa melakukan solat sedangkan orang yang melakukan solat adalah orang yang bermunajat kepada Tuhannya. Jika solat dilaksanakan tanpa khusus', maka tujuan *tazkiyah al-nafs* sepenuhnya tidak akan tercapai dan pelakunya hanya memperoleh keletihan dan kepenatan.²¹⁰ Firman Allah:

²⁰⁷ Al-Hujwīrī, 'Alī bin 'Utsman, *The Kasf al-Mahjub: The Oldest Persian Treatise on Sufism, Risalah Persia Tertua Tentang Tasawuf*, terj. Suwardjo Muthary dan Abdul Hadi W.M. (Bandung: Khazanah Ilmu-Ilmu Islam, 1992), 263.

²⁰⁸ Sa'īd Ḥawwā, *al-Mustakhlās fī Tazkiyah al-Anfus* (Mesir: Dar al-Salam, 1984), 28; Lihat Sa'īd Ḥawwā, *al-Mustakhlās fī Tazkiyah al-Anfus, Intisari Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, terj. Aunur Rafiq Shaleh Tamhid (Jakarta: Robbani Press, 2001), 33.

²⁰⁹ *Ibid.*

²¹⁰ *Ibid.*, 29; *Ibid.*, 34.

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

Al-Mukminun 23:1-2

Terjemahan: Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya;

Dan Firman Allah dalam ayat berikut:

وَاذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ

وَالْأَصَالِ وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ ﴿٢٠٥﴾

Al-'Araf 7:205

Terjemahan: dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahNya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah Engkau menjadi dari orang-orang yang lalai.

Menurut Sa'īd Ḥawwā yang dinukil dari al-Ghazzālī, kekhusyukan dalam solat merupakan nilai-nilai batiniah yang diukur dengan mengamalkan enam perkara utama. Pertama, kehadiran hati (*ḥudūr al-qalb*) yang bermaksud memberi sepenuh perhatian atau penumpuan kepada apa-apa sahaja yang dilaksanakan atau dibicarakan dan juga setiap gerak-geri mestilah disertai dengan ilmu pengetahuan. Malah kehadiran hati adalah roh solat. Batas minima keberadaan roh ini adalah kehadiran hati pada saat takbiratul ihram. Kedua, pemahaman (*al-tafahhum*) iaitu mengetahui dan memahami apa yang dibaca. Melalui pemahaman inilah solat berfungsi sebagai pencegah kemungkaran dan perbuatan keji. Ketiga, pengagungan (*al-ta'zim*). Pengagungan ini timbul hasil daripada dua ma'rifah iaitu ma'rifah terhadap kebesaran dan keagungan Allah dan ma'rifah terhadap kelemahan diri sendiri. Keempat, ketakutan (*al-haybah*) merupakan rasa takut yang bersumber dari rasa hormat dan rasa pengagungan atas kebesaran Allah SWT. Kelima, pengharapan (*al-rajā'*) dan rasa pengharapan ini adalah berdasarkan kepada rasa pengharapan kepada balasan pahala yang disediakan oleh Allah SWT dan juga rasa takut kepada azab seksaNya dan yang keenam, malu (*al-hayā*)

perasaan malu ini timbul apabila seseorang hamba itu merasa hina atas segala kekurangan dirinya serta merasa berdosa dengan apa yang telah dilakukannya.²¹¹

Demikianlah enam nilai-nilai batiniah yang perlu diamalkan untuk mendapat kekhusukan dalam solat. Kemahuan dan semangat yang tinggi untuk mencapai tahap kekhusukan beserta keimanan yang mendalam terhadap Allah SWT dan hari akhirat akan dapat membantu ke arah penumpuan sepenuhnya kepada ibadat solat. Firman Allah dalam ayat berikut:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

Al-Mu'minun 23:1-2

Terjemahan: Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, Iaitu mereka yang khushyuk dalam sembahyangnya;

2.5.2 Zakat dan Sedekah (infaq)

Zakat dan infaq memainkan peranan yang amat penting kepada setiap individu yang berkemampuan. Ia bertujuan untuk mengikis dan menyingkirkan sifat yang lahir daripada sikap tamak haloba serta sikap bakhil atau kedekut, sepertimana terungkap dalam Firman Allah;

وَإِنْ أَمْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُورًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٢٨﴾

An-Nissa' 4:128

Terjemahan: Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka Sesungguhnya Allah Maha mendalam pengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan.

²¹¹ *Ibid.*, 33-36; *Ibid.*, 38-41; Lihat Abū Ḥāmid al-Ghazzālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, 3: 161.

Matlamat ini boleh dicapai sekiranya seseorang itu mengikut syarat-syarat yang ditetapkan iaitu syarat lahir dan batin. Bahkan syarat batin amat penting difahami dan diketahui. Dalam hal ini al-Ghazālī telah mengemukakan beberapa garis panduan bagi memenuhi objektif ini. Antaranya:²¹²

- Memahami kewajipan dan pengertian zakat serta ujian-ujian yang dialaminya.
- Mensucikan diri daripada sifat bakhil kerana ia sebahagian daripada sifat yang boleh membinasakan.
- Mensyukuri nikmat kurniaan Allah kerana Allah SWT adalah sebaik-baik penganugerah nikmat.
- Pengeluaran harta zakat perlu dilakukan seberapa segera yang boleh, bukannya ditangguh-tangguh atau dilambat-lambatkan tempoh pengeluarannya.
- Amalan tersebut juga mestilah dirahsiakan agar terhindar daripada sifat riya'. Dan hendaklah melihat bahawa pemberian itu kecil atau sedikit sahaja kerana jika dipandang pemberian tersebut besar dan banyak ditakuti akan menimbulkan sifat riya' di dalam hati sipemberi.
- Tidak dibatalkan sedekah tersebut dengan menyebut dan menyakitkan hati orang yang menerimanya. Firman Allah

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ
النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ
وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا ۖ لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي
الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦٤﴾

Al-Baqarah 2:264

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (ria'), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan

²¹² Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, 3: 252.

lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan ria' itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.

- Hendaklah harta tersebut dipilih daripada harta yang baik, mulia, cantik, berharga atau bernilai, disayangi dan lain-lain lagi. Ini kerana Allah hanya akan menerima daripada yang baik-baik sahaja.
- Hendaklah dicari orang untuk menerima sedekahnya, orang yang akan menjadi suci dengan sedekahnya itu. Maksudnya seseorang yang hendak bersedekah mestilah mencari orang yang benar-benar memerlukan harta seperti fakir miskin dan sebagainya, bukannya orang yang berkemampuan. Ini kerana dengan adanya pemberian tersebut, ia dapat membantu menangani masalah yang dihadapinya. Di samping itu, harta yang disedekahkan itu akan mendapat keberkatan dan juga sipemberi sedekah juga mendapat syafaat daripadanya iaitu doa daripada sipenerima.²¹³

2.5.3 Puasa

Puasa merupakan metode ketiga dalam proses *tazkiyah al-nafs* yang telah diperkenalkan oleh al-Ghazzālī. Puasa memainkan peranan utama dalam melatih diri supaya bersabar dan bersederhana dalam segala hal, terutama dalam urusan mengendalikan kehendak hawa nafsu iaitu nafsu perut dan kemaluan²¹⁴. Ini kerana hawa nafsu akan menjadi kuat melalui makanan dan minuman. Oleh yang demikian, kita perlu menyempitkan jalan masuk syaitan dengan cara berlapar. Puasa juga mempunyai kedudukan istimewa berbanding dengan rukun-rukun Islam yang lain.

2.5.4 Mengerjakan ibadat haji

Ibadat haji merupakan suatu penggabungan di antara rasa penyerahan sepenuhnya kepada Allah SWT, pengorbanan harta dan jiwa, juga dapat merapatkan ukhuwah sesama manusia melalui sifat tolong menolong, saling kenal mengenali antara satu sama lain dan menegakkan syi'ar ubudiyah kepada Allah. Ia juga dilakukan dengan penuh

²¹³ *Ibid.*; Lihat Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali, *Ibadah Perspektif Sufistik*, terj. Muhtar Holland (Surabaya: Risalah Gusti, 1999), 66.

²¹⁴ Sa'īd Hawwā, *al-Mustakhlās fi Tazkiyah al-Anfus*, cet.2, 59.

keikhlasan, ketakwaan dan keimanan kepada Allah di samping mengharapkan keampunan dariNya.

2.5.5 Membaca al-Quran

Membaca al-Quran adalah suatu amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Di samping mengamalkan suruhan dan meninggalkan larangannya di dalam diri, keluarga dan masyarakat.²¹⁵

2.5.6 Berzikir

Menurut al-Ghazzālī, selepas membaca al-Quran tidak ada ibadah lain yang dilakukan secara lisan yang lebih utama selain daripada berzikir (mengingati Allah). Ini ditegaskan dalam al-Quran dalam ayat berikut:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

Al-Baqarah 2:152

Terjemahan: oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu Dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).

Sebenarnya tuntutan berzikir bukan sekadar menyebut nama Allah SWT sahaja bahkan hendaklah dilakukan sehingga diri merasakan bahawa segala tindak-tanduk serta seluruh lintasan batinnya berada di dalam pemerhatian Allah SWT. Maka dengan ini seseorang individu itu tidak akan tergamak untuk melakukan dosa dan perbuatan maksiat kepada Allah SWT.

2.5.7 Bertafakkur terhadap kejadian alam

Menurut al-Ghazzālī, berfikir adalah anak kunci untuk memperolehi “nur”. Ia merupakan pokok penglihatan mata hati serta sebagai satu alat untuk mencapai ma‘rifah, ilmu pengetahuan dan pengalaman, sebagaimana disebutkan dalam ayat berikut:

²¹⁵ *Ibid.*, 105-106.

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ
 الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
 السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

A-li 'Imraan 3:190-191

Terjemahan: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah Kami dari azab neraka.

Ahli-ahli tasawuf menekankan kepentingan “tafakkur” dalam kehidupan sebagaimana yang telah diucapkan oleh ahli sufi iaitu Hasan al-Basri. Beliau mengatakan: “Bertafakkur sesaat itu lebih baik daripada berdiri semalaman mengerjakan solat sunat”.²¹⁶

2.5.8 Mengingati mati dan memendekkan angan-angan

Kematian adalah sesuatu yang pasti yang akan ditempuhi oleh setiap makhluk di dunia ini. Firman Allah dalam ayat berikut:

قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلْقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ
 وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦٢﴾

Al-Jumu ‘ah 62:8

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sebenarnya maut yang kamu melarikan diri daripadanya itu, tetaplah ia akan menemui kamu; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, lalu ia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah lakukan (serta membalasnya)".

Islam menganjurkan umatnya supaya banyak mengingati mati dan memendekkan angan-angan kerana dengan cara ini seseorang itu akan dapat mengikis

²¹⁶ Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazzālī, *Rauḍḥah al-Tālibīn wa ‘Umdah al-Sālikīn* (Bayrut: Dar al-Nahdah al-Hadithah, t.t.), 1: 187.

sifat cintakan dunia dan seterusnya dapat melawan kehendak hawa nafsu serta meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

2.5.9 Memerhatikan perbuatan diri (*murāqabah*), menghitung diri setelah melakukan sesuatu (*muhāsabah*), mujāhadah dan mencaci diri (*mu‘āṭabah*)

Al-Ghazzālī menjelaskan bahawa dengan mengamalkan metode-metode seperti yang dinyatakan di atas, seseorang itu akan dapat melakukan proses *tazkiyah al-nafs*.²¹⁷ Oleh kerana manusia tidak pernah terlepas daripada belenggu hawa nafsu serta halangan-halangan lain yang sering mengajak diri melakukan kemaksiatan kepada Allah SWT, maka perlulah sentiasa diingatkan kepada jiwa terhadap apa yang telah dilakukan dan juga perlulah mempraktikkan perkara-perkara yang disebutkan di atas. Kesemuanya ini merupakan suatu usaha untuk membersihkan jiwa atau *tazkiyah al-nafs* agar jiwa benar-benar mentaati Allah SWT dalam setiap hal yang dilakukan.

2.5.10 Menyeru melakukan kebaikan dan menegah daripada melakukan kemungkaran serta berjihad

Ketiga-tiga ungkapan di atas mempunyai hubungkait di antara satu sama lain dengan metode *tazkiyah al-nafs* yang telah diperkenalkan oleh al-Ghazālī, sebagaimana terungkap dalam Firman Allah:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

A-li ‘Imraan 3:104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Dan Firman Allah

²¹⁷ Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Bayrut: Dar al-Ma‘rifah, 1982), 3:393.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ

لَعَلَّكُمْ تَفْلَحُونَ ﴿٥٣﴾

Al-Maa'idah 5:35

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan.

Jika diteliti secara mendalam, kedua-dua petikan al-Quran di atas, menunjukkan pertalian yang tidak dapat dipisahkan. Ini kerana tuntutan berjihad dan menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemunkaran adalah perlu dan wajib dilaksanakan oleh setiap individu untuk melakukan *tazkiyah al-nafs*.

2.5.11 Khidmat dan tawadhu'

Khidmat dan tawadhu', kedua-duanya merupakan akhlak yang menyentuh hubungan sesama insan. Sikap suka menghulurkan bantuan dan mengutamakan orang lain dalam kehidupan seseorang muslim itu akan melatih diri menjadi seorang yang pemurah, ikhlas, tidak mementingkan diri sendiri, bersifat tawadhu', belas kasihan serta menjauhkan diri daripada sifat-sifat keji seperti bakhil, sombong, megah dan sebagainya.

2.5.12 Ketahui pintu masuk syaitan ke dalam jiwa dan cara mencegahnya

Al-Quran telah menyebutkan secara jelas bahawa syaitan adalah musuh bani Adam hingga hari kebangkitan. Menurut al-Ghazzālī, hati manusia yang taat pada perintah Allah merupakan benteng kukuh. Namun begitu syaitan sebagai musuh bani Adam hingga hari kebangkitan sentiasa mengintai dan mencari peluang untuk menembusi benteng kukuh tersebut menerusi sifat *madhmūmah* yang dikuasai oleh hawa nafsu seperti marah, hasad, kenyang yang berlebihan, tergesa-gesa, cinta dunia, cinta harta, kikir dan takut miskin serta perbuatan menguap.²¹⁸

²¹⁸ Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazzālī, *Rauḍḥah al-Ṭālibīn wa 'Umdah al-Sālikīn*, 4: 85.

2.5.13 Mengetahui penyakit-penyakit hati dan cara merawatnya

Hati (*qalbu*) memainkan peranan penting sebagai struktur jiwa yang mampu memberi kesan kepada jasad manusia. Daripada al-Nu'mān bin Bashīr, ditegaskan oleh baginda Rasulullah SAW menerusi sabdanya:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ،
أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Terjemahan: Sesungguhnya dalam tubuh terdapat segumpal daging. Apabila ia baik maka seluruh tubuh menjadi baik, tetapi apabila ia rosak maka seluruh tubuh menjadi rosak. Ketahuilah bahawa ia adalah hati.²¹⁹

Hadith ini menjelaskan bahawa kehidupan manusia adalah bergantung kepada hati yang dimiliki yang berfungsi dengan baik sesuai dengan fitrah asalnya yang disebut oleh al-Ghazzālī sebagai jiwa yang mempunyai fitrah ketuhanan (*fitrah ilahiyyah*). Jika jiwa ini tidak dapat berfungsi untuk berilmu, berhikmah, ma'rifah, mencintai Allah SWT yang dikuasai oleh hawa nafsu diiringi dengan bisikan syaitan yang sentiasa mengarahkan untuk melakukan kejahatan maka akan melahirkan sifat *madhmūmah* berupa penyakit hati seperti hasad dengki, tidak amanah dan sebagainya.²²⁰

Oleh itu, menurut al-Ghazzālī penyakit hati ini perlu disembuhkan melalui *tazkiyah al-nafs* yang perlu dilakukan dengan menanam keazaman yang tinggi dan kuat ke arah mengendalikan keaiban yang terdapat di dalam diri. Ketahuilah bahawa pengetahuan, keimanan dan ketakwaan memainkan peranan yang amat penting untuk mencapai matlamat *tazkiyah al-nafs*. Tanpa pengetahuan yang luas mengenainya, *tazkiyah al-nafs* tidak akan tercapai. Selain daripada itu, usaha yang berterusan dan penuh kesungguhan amat diperlukan bagi membolehkan jiwa yang sihat sejahtera yang akan dihiasi dengan sifat-sifat *maḥmūdah* seperti beriman, yakin, ikhlas, reda, sabar, syukur, tawakal, takut dan harap kepada Allah SWT dan lain-lain lagi.²²¹

²¹⁹ Al-Bukhūrī, al-'Asqalānī, Ahmad bin 'Alī bin Hajar, *Fath al-Bārī bi sharah Saḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab al-Iman, Bāb Fadl Man Istabara Li Dinih, no. Hadith 52, (Riyadh:t.p. 2001), 1: 153.

²²⁰ Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dar al-Sha'ab, t.t.), 8: 1343-1344.

²²¹ *Ibid.*, 8: 1451.

2.6 Proses *Tazkiyah al-Nafs*

Berdasarkan penjelasan di atas, *tazkiyah al-nafs* merupakan satu sarana atau wasilah yang perlu dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah serta mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah di samping mencapai keredaan Allah dengan melaksanakan ibadah dan juga pelbagai amalan kerohanian semasa proses *tazkiyah al-nafs* dilakukan.

Bagaimanapun untuk mencapai kesempurnaan proses dan matlamat *tazkiyah al-nafs*, setentunya tidak akan terlepas dari ruang legar taklif Ilahi yang pada umumnya terbahagi kepada dua dimensi. Pertama, taklif berbentuk suruhan atau amalan soleh terutama sekali semua amalan fardhu. Antara amalan utama yang dapat memberi kesan secara langsung dalam usaha *tazkiyah al-nafs* ini termasuklah solat, puasa, tilawah al-Quran, zikir, tafakur, mengingati mati dan pendek angan-angan, *murāqabah*, *muhāsabah* dan *mujāhadah*, jihad, menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kejahatan, menyumbang khidmat kepada kalangan yang memerlukan dan mengamalkan sifat tawaduk dan rendah diri.²²²

Bahkan semua amalan tersebut mestilah dilaksanakan dalam taraf yang sempurna dan hendaklah diangkat taraf penunaianya ke tahap *al-ihsan* iaitu segala sesuatu yang dilakukan mestilah disertakan dengan keyakinan, rasa kehadiran dan rasa kebersamaan Allah SWT yang sentiasa menuntun setiap apa yang dilaksanakan dalam setiap detik dan waktu. Hanya apabila segala amalan dilaksanakan pada taraf dan tahap yang dinyatakan, barulah amalan-amalan tersebut boleh diharapkan untuk memberi sumbangan yang amat berkesan kepada proses *tazkkiyah al-nafs*.²²³

Kedua, taklif yang dikaitkan dengan penggunaan tujuh anggota lahir insan iaitu mata, telinga, lidah, perut, organ seks, tangan dan kaki. Hal ini bermakna bahawa dalam proses pelaksanaan *tazkiyah*, anggota lahir yang tujuh itu mestilah dibersihkan daripada melakukan perbuatan atau perilaku yang bertentangan atau ditegah oleh syariat Islam. Hal ini dapat memberi sumbangan yang besar dalam memantapkan *tazkiyah al-nafs*. Oleh itu, proses pelaksanaan *tazkiyah* anggota lahir yang tujuh tidak boleh dilakukan

²²² *Ibid.*,15: 2740.

²²³ *Ibid.*

secara berkala dan sambil lewa kerana jika dilakukan sedemikian akan memberi ruang kepada fujur untuk menguasai diri insan tersebut.²²⁴

Oleh itu, memahami dan menghayati proses *tazkiyah al-nafs* dalam penjelasan di atas dapat membantu untuk mengesahkan bahawa potensi positif bergelar *takwa* yang ada di dasar diri insan itu sentiasa berada dalam keadaan yang menang, mengatasi potensi negatif bergelar *fujur*. Ini disebabkan jika proses *tazkiyah al-nafs* tercerna dengan sempurna dalam diri seseorang, maka orang berkenaan akan sentiasa menghayati nilai-nilai akhlak yang mulia. Hal ini kerana penghayatan *takwa* itu sendiri sebenarnya merujuk kepada sikap hidup yang sentiasa menjaga adab-adab syariat serta menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang boleh menyebabkan diri berkenaan menjadi jauh daripada Allah SWT, iaitu dengan cara sentiasa mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW sama ada dalam hal yang berkaitan dengan perbuatan atau perkataan.²²⁵

2.6.1 Perbezaan *Mujāhadah al-Nafs* dan *Riyāḍah al-Nafs*

Pembentukan akhlak dan pemurnian jiwa sangat bergantung pada kejayaan dalam melaksanakan *tazkiyah al-nafs* yang mana di dalamnya perlu melalui proses *mujāhadah al-nafs* dan *riyāḍah al-nafs*.

Menurut al-Qusyairī, *mujāhadah al-nafs* ialah berusaha dan berjuang mengendalikan dan membebaskan diri dari menuruti hawa nafsu yang menjadi kebiasaannya, serta mengarahkan jiwa untuk selalu menentang hawa nafsunya setiap waktu.²²⁶ Al-Ghazzālī pula menyebutkan bahawa *mujāhadah al-nafs*, dimulai dengan melakukan ketaatan dan latihan jiwa²²⁷ dan *mujāhadah* merupakan satu proses di mana setiap manusia diamanahkan oleh Allah SWT untuk berjuang di jalanNya dengan melaksanakan *amar makruf nahi munkar*.²²⁸

²²⁴ *Ibid.*, 8: 1348-1349.

²²⁵ *Ibid.*, 8: 1420.

²²⁶ Amir Al-Najar, al-‘Ilmu al-Nafsi al-Sufiyah, *Ilmu Jiwa Dalam Tasawwuf Studi Komparatif dengan Ilmu Jiwa Kontemporer*, terj. Drs Hasan Abrori (Indonesia: Pustaka Azzam, 2001), 255

²²⁷ Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazzālī, *Mukashafah al-Qulūb*, ed. Ahmad Hijazi al-Saqa (Beirut: Dar al-Jil, 1991), 29.

²²⁸ Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 8: 1439-1440.

Menurut Sa'īd Ḥawwā, *mujāhadah* adalah jalan untuk mendapat hidayah dari Allah dan hidayah pula adalah pembuka jalan menuju takwa. Permulaan *mujāhadah* adalah beriman dengan keesaan Allah SWT dan beriman dengan kerasulan Nabi Muhammad SAW,²²⁹ sebagaimana terungkap dalam Firmah Allah:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ ۚ فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَإِنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ



Al-Taghabun 64:12

Terjemahan: Dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasulullah; maka kalau kamu berpaling (enggan taat, kamulah yang akan menderita balasannya yang buruk), kerana sesungguhnya kewajiban Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas nyata.

Kemudian diikuti tahap kedua, dari *mujāhadah* itu ialah melaksanakan kewajiban seorang muslim seperti solat, puasa, zakat, haji, bermasyarakat sesuai dengan ajaran Islam, bersilatullah, berbakti kepada orang tua dan pengekangan diri daripada hawa nafsu. Seterusnya diikuti tahap ketiga *mujāhadah* iaitu melaksanakan program kerohanian secara teratur dan terencana seperti melakukan ibadah sunat termasuk membaca al-Quran, zikir, iktikaf, wirid harian dan sebagainya dengan kadar kemampuan masing-masing. Dan tahap keempat dan terakhir daripada *mujāhadah* ialah melaksanakan rukun-rukun *mujāhadah* seperti mengasingkan diri, diam, berlajar dan berjaga malam.²³⁰

Berdasarkan penjelasan tersebut, *mujāhadah* adalah usaha manusia manakala hidayah adalah pemberian dan kurniaan dari Allah SWT. Kedua-duanya saling berhubungan di mana *mujāhadah* merupakan jalan untuk memperolehi hidayah daripada Allah SWT dan hidayah pula jalan pengantar menuju kepada takwa. Bagaimanapun, menurut beliau lagi, hidayah dan *mujāhadah* tidak akan sempurna tanpa taufiq dan pertolongan Allah SWT.²³¹

²²⁹ Sa'īd Ḥawwā, *Tarbiyyatuna al-Rūhiyah*, cet.2 (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1981), 152.

²³⁰ *Ibid.*, 153.

²³¹ *Ibid.*, 151.

Menurut al-Ghazzālī, *riyāḍah al-naḥs* merupakan satu latihan jiwa menuju ke arah kebaikan secara beransur-ansur sehingga sampai ke satu tahap di mana sesuatu yang berat serta payah untuk dilakukan pada peringkat awal, akhirnya menjadi mudah dan ringan untuk dilaksanakan.²³² Berdasarkan apa yang dapat difahami, *riyāḍah al-naḥs* juga bermaksud latihan jiwa atau latihan kerohanian yang akan memberi kesan yang lebih positif jika dilakukan dalam tempoh tertentu dan dalam jangka waktu yang panjang seperti bersuluk.

Dengan kata lain, *mujāḥadah al-naḥs* dan *riyāḍah al-naḥs* merupakan dua proses yang perlu dilakukan untuk menyempurnakan *tazkiyah al-naḥs*. *Mujāḥadah al-naḥs* adalah satu kaedah proses *tazkiyah al-naḥs* dilakukan dengan bersungguh-sungguh disebut juga sebagai *al-takhallī* iaitu mengosongkan diri dari perbuatan dan sifat *maḥmūmah*. Bagaimanapun, secara logiknya apabila sudah dikosongkan dari sifat keji secara spontan akan diikuti dan dihiasi dengan sifat *maḥmūdah* kerana *al-takhallī* dan *al-tahallī* keduanya saling berhubungkait. Sementara *riyāḍah al-naḥs* adalah latihan jiwa dilakukan secara bertahap menuju ke arah kebaikan sehingga dapat menghiasi hati dengan sifat-sifat *maḥmūdah*. Kaedah ini seolah-olah sama seperti proses *al-tahallī* iaitu menghiasi diri dengan dengan kebaikan untuk mendekatkan diri kepada Allah.

2.7 Martabat *Tazkiyah al-Nafs*

Sesungguhnya *tazkiyah al-naḥs* ini mempunyai martabat atau kedudukan yang cukup tinggi dan amat penting dalam kehidupan seseorang insan. *Tazkiyah al-naḥs* diiktiraf sebagai salah satu cabang utama tugas keagamaan atau tugas utama para Rasul diutus oleh Allah ke muka bumi ini.

Sa'īd Hawwā telah merangkaikan doa Nabi Ibrahim AS, sebagaimana Firman Allah dalam ayat berikut:

رَبَّنَا وَابْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ

وَيُزَكِّيهِمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾

Al-Baqarah 2:129

²³² Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, "Rauḍḥah al-Ṭalibīn wa 'Umdah al-Sālikīn" dalam *Majmu'ah Rasā'il al-Imam al-Ghazzālī* (2) (Bayrut: Dar al-Kutub al-ilmiyah, 1986), 103.

Terjemahan: “Wahai Tuhan kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firman)Mu dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (Al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan ma’siat). Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

dengan ayat berikut yang merupakan jawapan terhadap doa dan kurnia atas umat ini.

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ ءَايَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿١٥١﴾

Al-Baqarah 2:151

Terjemahan: (Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.

Dan dari dua rangkaian ayat tersebut beliau menjelaskan bahawa *tazkiyah al-nafs* adalah termasuk misi para Rasul, sasaran orang yang bertakwa dan menentukan keselamatan dan kecelakaan di sisi Allah.²³³

Manakala di dalam surah yang lain pula terdapat juga nas-nas yang berkaitan dengan hal ehwal Nabi diutuskan kepada sekalian umat bertujuan untuk menyampaikan wahyu dan juga memberi petunjuk kepada jalan kebenaran serta mensucikan diri kepada Tuhan semesta alam sebagaimana firman Allah:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ ءَايَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٦٢﴾

Al-Jumu‘ah 62:2

Terjemahan: Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari i’tiqad yang sesat), serta mengajarkan

²³³ Sa‘īd Ḥawwā, *al-Mustakhlash fi Tazkiyah al-Anfus*, cet.2, 5.

mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syara'). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

Menerusi ayat-ayat al-Quran tersebut, tercatat ungkapan *يزكيهم* atau *يزكيكم* (membersihkan mereka atau kamu) yang merupakan salah satu daripada tugas para Rasul utusan Allah yang mesti disempurnakan dalam misi kebangkitan atau kehadiran mereka di alam ini. Menurut tafsiran para ulama, ungkapan *يزكيهم* atau *يزكيكم* secara tegas merujuk kepada *tazkiyah al-nafs* (pembersihan jiwa/hati mereka) iaitu proses penggilapan *al-nafs* serta penghiasannya dengan menerapkan nilai-nilai akhlak yang mulia (*al-faḍāil*), di samping pembuangan secara sempurna daripada *al-nafs* tersebut nilai akhlak tercela (*al-radhāil*).²³⁴

Tafsiran di atas jelas menunjukkan bahawa *tazkiyah al-nafs* merupakan salah satu tugas para Rasul sekaligus meletakkan ia pada kedudukan yang cukup penting dalam skema keagamaan Islam merangkumi aspek penghayatan dan pengamalan yang dibawa oleh para Rasul sejak zaman berzaman. Antara lainnya tafsiran tersebut juga diperkukuhkan lagi dengan matlamat Rasulullah diutuskan kepada umatnya adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Malahan ungkapan penyempurnaan akhlak yang mulia hanyalah ungkapan lain kepada istilah *tazkiyah al-nafs*.²³⁵

Dengan kata lain, kepentingan *tazkiyah al-nafs* sebagai tugas utama para Rasul adalah sebanding dengan tugas utama Rasulullah yang diutus kepada umatnya untuk menyempurnakan akhlak.

2.8 Tujuan dan Matlamat *Tazkiyah al-Nafs*

Menurut al-Ghazzālī dalam kitab *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn*, secara umum tujuan *tazkiyah al-nafs* adalah membina dan membentuk keharmonian hubungan yang bersifat tiga arah; pertama, secara vertikal iaitu hubungan manusia dengan Allah, kedua, secara horizontal

²³⁴ Abū al-Hasan 'Alī al-Nadwī, *Rabbaniyyah la Rahbaniyyah* (Bayrut: Dar al-Fath, 1969), 12; Lihat Zakaria Stapa, *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat Wadah Pemerkasaan Jati Diri Ummah*, 60.

²³⁵ Zakaria Stapa, *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat Wadah Pemerkasaan Jati Diri Ummah*, 60.

iaitu hubungan manusia sesama manusia dan ketiga secara individual iaitu hubungan diri manusia itu sendiri.²³⁶

Secara khususnya tujuan al-Ghazzālī membahaskan *tazkiyah al-nafs* menerusi kitab ibadat yang terdapat pada *rubu'* awal kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, adalah untuk membentuk manusia menjadi alim (berilmu), mukmin, *'ābid* (suka beribadat), *muqarrib* (suka mendekatkan diri kepada Allah), suka beramal, berdoa, berzikir, menjadikan al-Quran sebagai pedoman hidup dan berkemampuan menjadikan seluruh aktiviti hidupnya bernilai ibadat kepada Allah.²³⁷ Sementara tujuan khusus *tazkiyah al-nafs* menerusi kitab *al-'adat* atau muamalat pada *rubu'* kedua daripada kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* antara lain adalah untuk membentuk manusia yang berakhlak dan beradab dalam bermuamalah sesama manusia, sedar akan hak dan kewajibannya, sedar akan tugas dan tanggungjawabnya serta mempunyai hubungan baik secara peribadi, sesama keluarga, masyarakat, negara dan agama.²³⁸

Dapatlah difahamkan bahawa kitab *al-'ādāt* atau muamalat ini lebih menjurus kepada kebijaksanaan dalam membina hubungan baik sesama manusia terutama dalam bidang pendidikan, ekonomi, sosial, politik dan jiwa di samping berusaha dengan tekun dalam menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh teladan dalam kehidupan.

Dalam *rubu'* atau komponen *al-muhlikāt* pula, tujuan khusus *tazkiyah al-nafs* adalah membentuk manusia supaya bersifat sederhana dalam mempergunakan segala potensi yang dimilikinya seperti mempergunakan potensi nafsu, syahwat, marah dan rasa cinta kepada sesuatu dengan batas kewajarannya.²³⁹ Dengan kata lain, bersifat sederhana ke atas semua potensi yang dimiliki akan membebaskan diri manusia daripada perbuatan keji dan sifat tercela. Menerusi *rubu'* atau komponen *al-munjiyāt* pula, tujuan khusus *tazkiyah al-nafs* adalah membentuk manusia yang berakhlak mulia terhadap dirinya seperti suka bersabar, sentiasa bersyukur, takut (khawf), harap, fakir,

²³⁶ H.Imam Malik, *Tazkiyah al-Nafs (Suatu Penyucian Jiwa)* (Surabaya: Lembaga Kajian Agama dan Filsafat, 2005), 192.

²³⁷ *Ibid.*

²³⁸ *Ibid.*

²³⁹ *Ibid.*,193.

zuhud, tauhid, tawakkal, ikhlas, reda, muraqabah, muhasabah, tafakkur dan mengingati mati.²⁴⁰

Demikianlah tujuan umum dan khusus *tazkiyah al-nafs* sebagaimana terdapat dalam pembahasan kitab *Ihya 'Ulūm al-Dīn* dan sebagai satu kesimpulan *tazkiyah al-nafs* adalah bertujuan untuk membentuk manusia yang taat, bertakwa dan beramal soleh dalam hidupnya. Mempunyai hubungan baik dalam keluarga, masyarakat, negara dan agama. Bersikap sederhana dalam berakhlak dan memiliki jiwa yang sihat sejahtera serta berupaya mendekatkan diri kepada Allah agar memperolehi kemenangan. Secara keseluruhannya, untuk mencapai tujuan *tazkiyah al-nafs* adalah dengan melakukan *mujāhadah* kerana Allah akan menunjukkan jalan bagi sesiapa yang berusaha bersungguh-sungguh, sebagaimana terungkap dalam Firman Allah

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Al-'Ankabut 29:69

Terjemahan: Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak ugama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Jelas daripada huraian di atas, tujuan *tazkiyah al-nafs* ialah membina hubungan di antara manusia dengan Allah sebagai Tuhan Maha Pencipta dan juga hubungan manusia sesama manusia dan juga makhluk Allah yang lainnya. Kesempurnaan dalam menunaikan ibadah khusus dan umum di samping amalan utama yang terdiri daripada zikir, wirid, do'a, istighfar, taubat dan membaca al-Quran, kesemuanya adalah jalan untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengambilkira kepentingan elemen *tazkiyah al-nafs* melalui amalan kerohanian khususnya amalan *zikrullah*.

²⁴⁰ *Ibid.*

2.9 Kesimpulan

Allah SWT menciptakan manusia adalah untuk menyembahNya dan melaksanakan ‘ubudiyah selaku hamba Allah yang taat dan patuh pada perintah Allah namun jiwa (*al-nafs*) manusia selalu menjadi kendala utama. Kalangan ulama tasawuf menekankan bagaimana menyucikan jiwa (*al-nafs, al-qalb dan al-ruh*). Usaha menyucikan jiwa ini yang disebut sebagai *tazkiyah al-nafs*. *Tazkiyah al-nafs* atau penyucian jiwa adalah bertujuan untuk kembali kepada fitrah asal manusia itu sendiri sebagai hamba Allah. Dalam perspektif pendidikan Islam jiwa merupakan hakikat diri manusia itu sendiri yang harus diarahkan kepada pembentukan dan pembinaan akhlak dengan pendekatan *tazkiyah al-nafs* yang merangkumi proses penyingkiran dan pembersihan sifat-sifat madhmūmah dari dalam diri manusia yang diistilahkan dalam bidang kerohanian sebagai *takhallī* dan proses menghiasi diri dengan sifat-sifat mahmūdah yang disebut dalam bidang kerohanian sebagai *tahallī*. Pembinaan dan pembentukan akhlak ini sangat relevan dengan misi dan tugas pengutusan Rasulullah SAW kepada seluruh umat manusia untuk membentuk akhlak mulia. *Tazkiyah al-nafs* mempunyai hubungan dengan pembentukan jiwa yang thahir, zakiah, salim dan mutmainnah yang hanya dimiliki oleh orang-orang yang bertakwa. Begitu juga *Tazkiyah al-nafs* mempunyai hubungan penting dengan kesejahteraan hati iaitu dengan melaksanakan dan menghayati amalan kerohanian; *zikirullah*, membaca al-Quran, istighfar, berdoa, membaca salawat kepada Nabi Muhammad SAW dan solat malam. Mengamalkan amalan kerohanian menjadi benteng kukuh dalam memelihara kesejahteraan jiwa dan ketenteram hati. Menghayati kepentingan *tazkiyah al-nafs* menerusi amalan kerohanian khususnya amalan *zikrullah* dan menerapkannya dalam semua aspek kehidupan melahirkan generasi beriman dan bertakwa.

BAB 3: GAGASAN NEGARA ZIKIR BRUNEI DARUSSALAM DAN AMALAN KEROHANIAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan definisi zikir, zikir menurut al-Quran dan al-Sunnah, hukum memperbanyakkan zikir, kategori zikir dan pelaksanaan zikir. Titah negara zikir, istilah negara zikir, teori gagasan negara zikir, kerangka negara zikir, merealisasikan negara zikir juga turut dibincangkan. Amalan kerohanian di alam Melayu dan di Brunei Darussalam juga turut dibincangkan pada akhir bab ini.

3.2 Definisi Zikir

Zikir yang menempati kedudukan yang sangat tinggi antara amalan-amalan yang disyariatkan dalam Islam. *Zikrullah* adalah roh bagi setiap ibadah dan juga jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Menurut kalangan ahli tasawuf, zikir adalah jalan untuk mengenal Allah (*ma'rifatullah*) di samping menjadi terapi ruhi dalam memberikan ketenangan dan kesejahteraan jiwa.

Menurut Ibn Manzur di dalam *Lisān al-'Arab*, perkataan zikir dalam Bahasa Arab dari kata dasar (ذَكَرَ يَذْكُرُ ذِكْرًا). Dari segi bahasa perkataan ini mengandungi dua makna; Pertama, lafaz *al-dhikru*: menyebut dengan lisan. Kedua, lafaz *al-dhukru*: mengingat dengan hati.²⁴¹ Pada bahagian lain disebut lafaz *al-dhikra*: ingat lawan bagi lupa; lafaz *al-dhikri*: memperingat; lafaz *tadhakkur*: mengingat perkara terlupa dan menyebutnya selepas terlupa dengan lisan dan hati.²⁴²

Ensiklopedia Islam juga memberikan maksud perkataan zikir dengan makna menyebut, menuturkan, mengingat, menjaga, mengerti dan perbuatan baik.²⁴³ Lafaz *al-dhikr* yang bermaksud al-Quran disebut sebanyak sembilan belas kali di dalam al-Quran. Dinamakan *al-dhikr* kerana al-Quran itu merupakan penyebutan atau zikir dari Allah SWT. Allah SWT menyebutkan para hambaNya di dalam al-Quran dan

²⁴¹ Ibn Manzur, Jamāl al-Dīn Muhammad ibn Mukarram ibn 'Alī, *Lisān al-'Arab* (Bayrut: Dar al-Sadir wa Dar Bayrut, 1955), 18: 308, entri "zikir".

²⁴² *Ibid.*, 18: 308-309.

²⁴³ *Ensiklopedia Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 5:229, entri "zikir".

mengenalkan kepada mereka tentang taklif dan perintah-perintahNya. Al-Quran adalah *al-dhikr wa al-sharaf* dan kebanggaan bagi Nabi Muhammad SAW dan umatnya yang beriman dengan al-Quran.²⁴⁴

Kamus *al-Siḥḥah* pula menjelaskan bahawa, lafaz *al-dhikra* bacaan baris bawah bermaksud ingat lawan bagi lalai dan juga membawa erti mempunyai kemuliaan sebagaimana firman Allah dalam surah Sad (38):1 bermaksud “Demi al-Quran yang mempunyai kemuliaan.” Firman Allah dalam surah Yusuf (12):45 bermaksud “mengingati Yusuf selepas dia terlupa.”²⁴⁵

Perbezaan lalai dan lupa ialah; lalai adalah meninggal sesuatu berdasarkan pilihan orang melakukannya, sedangkan lupa ialah meninggalkan sesuatu bukan dengan pilihan sendiri. Dengan itu Allah berfirman dalam surah al-A‘raf (7):205 yang bererti: “janganlah kamu termasuk ke dalam golongan orang yang lalai”, kerana lupa tidak termasuk ke dalam taklif dan ia tidak perlu ditegah.²⁴⁶ Menurut al-Hākim al-Tirmīdhī (w. 320H/ 935M), sebagaimana dinukil Abū Nu‘āym al-Aṣfahānī. “dengan mengingat Allah yang diresapkan ke dalam kalbu, hati seseorang akan menjadi lembut. Sebaliknya, hati yang lupa kepada Allah dan dipenuhi dengan pelbagai dorongan nafsu dan kemewahan hidup, akan menjadi keras dan kering.”²⁴⁷

Zikir bermaksud membebaskan diri dari sikap lalai dan lupa dengan menghadirkan hati secara terus menerus bersama Allah. Sebahagian lainnya berpendapat bahawa zikir adalah menyebut nama Allah, salah satu sifat-Nya, salah satu hukum-Nya, atau lainnya, secara berulang-ulang dengan hati dan lisan yang dengannya seseorang dapat mendekatkan diri kepada Allah.²⁴⁸ Namun selalu terjadi keadaan di mana lisan berzikir tetapi hati tidak, maka dalam hal ini Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandarī memperingatkan supaya jangan meninggalkan zikir hanya disebabkan tiadanya kehadiran konsentrasi bersama Allah dalam zikir tersebut kerana kelalaian atas sebab

²⁴⁴ Muhammad Mahmūd Abd al-Jawwād, *al-Barakah* (Iskandariah: Dar al-Iman, t.t.), 24; Lihat Muhammad Mahmud Abdul Jawwad, *Terapi Spiritual Menuju Hidup Penuh Berkah*, terj. H. Abdullah Tsani (Selangor: Jasmin Publications, 2013), 34.

²⁴⁵ *Al-Siḥḥah Tāj al-Lughah wa Siḥḥah al-‘Arabiyyah*, 2:664, entri “zikir”.

²⁴⁶ Ibn Manzur, *Lisān al-‘Arab*, 18: 309-310, entri “zikir”.

²⁴⁷ Aṣfahānī, Abū Nu‘āym Ahmad bin ‘Abd Allāh, *al-Hilyat al-Awliyā’* (Bayrut: Dar al-Fikr, 1416H/1996M), Juz: 10.

²⁴⁸ Tāj al-Dīn Ahmad Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandarī, “Miftāh al-Falāh wa Misbāh al-Arwāh,” hawamish dalam *Lataif al-Minan wa al-Akhlaq* li Abd al-Wahhāb al-Sha‘rānī (Mesir: t.p.,t.t.), 2: 90.

tidak berzikir langsung itu jauh lebih berat berbanding kelalaian ketika berzikir tanpa konsentrasi.²⁴⁹

Sementara dalam konteks ibadat, pengertian zikir merupakan suatu amalan disebut berzikir dan zikir Allah atau *zikrullah*, ertinya ingat kepada Allah atau menyebut Allah.²⁵⁰ Zikir juga merupakan puji-pujian kepada Allah SWT yang diucapkan berulang-ulang seperti menyebut kalimah استغفر الله (*Astaghfirullāh*), أكبر (*Allāhuakbār*) dan سبحان الله (*Subhānallāh*) dengan lidah ataupun dalam hati.²⁵¹ Menurut al-Nawawī, zikir itu tidak terbatas hanya pada *tasbīh*, *tahlīl*, *tahmīd*, *takbīr* dan yang seumpamanya sahaja tetapi setiap orang yang beramal kerana Allah adalah orang yang berzikir kepadaNya.²⁵² Zikir juga bermaksud melakukan ketaatan *amar ma'ruf nahy munkar* dan juga perkara berhubungkait dengan halal dan haram yang menjadi kewajiban ke atas setiap muslim untuk mengambil berat tentang kepentingannya.²⁵³

Dari segi syara', zikir merupakan satu istilah umum bagi setiap perkataan (zikir qawli) atau perbuatan (zikir fi'li) yang tidak ada percanggahannya dengan hukum syara'. Zikir dengan ertikata lain ialah menyebut Allah dengan membaca tasbih (سبحان الله), tahlil (لا إله إلا الله), tahmid (الحمد لله), takbir (الله أكبر), *basmalah* (بسم الله الرحمن الرحيم), *hasbalah* (حسبي الله), *hawqalah* (لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم) dan lain-lain lagi dan juga membaca al-Quran serta doa-doa yang ma'tsur, iaitu doa yang diterima dari Baginda Rasulullah SAW.²⁵⁴

Dan Ibn Hajar al-'Asqalāni berpendapat bahawa zikir adalah lafaz-lafaz yang digalakkan oleh syara' untuk membacanya dan membanyakkan menyebutnya untuk menghasilkan jalan mengingat dan mengenang Allah seperti kalimah-kalimah *al-*

²⁴⁹ Syeikh 'Ata' Allah al-Sakandari, *Al-Hikam Induk Hikmah* (Selangor: Thinkers Libraryā, 1994), 34.

²⁵⁰ M.Zain Abdullah, *Tasawuf Dan Zikir* (Johor: Jahabersa, 1995), 67.

²⁵¹ *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 3047, entri "zikir."

²⁵² Al-Nawawī, Muhyi al-Dīn Abū Zakariyā Yahya bin Sharaf, *al-Adhkār al-Nawawiyyah* (Beirut: Dar al-Fikr, 1424H/ 2003M), 9; Al-Imam Al-Nawawī, *Al-Adhkār: Terjemah Al-Azkar*, terj. Drs. M. Tarsi Hawi (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1987), 8.

²⁵³ Ghuddah, 'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, ed. *Risālah al-Mustarshidīn li al-Hārith al-Muhāsibī* (Halab: Maktabah al-Matbu'ah al-Islamiyah, 1964), 42-43.

²⁵⁴ Hasbi al-Shiddieqy, *Pedoman Zikir dan Doa* (Malaysia: Thinkers Library Sdn Bhd, 1983), 36.

Baqiyāt al-Ṣālihāt (لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم), *Hawqalah* (سبحان الله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر), *Basmalah* (بسم الله الرحمن الرحيم), *Istighfar* (استغفر الله العظيم) dan doa-doa yang diterima dari Nabi Muhammad SAW²⁵⁵ dan mengerjakan segala tugas agama yang diwajibkan oleh Allah SWT, menjauhkan diri dari segala laranganNya, membaca al-Quran, mempelajari hadith-hadith, ilmu-ilmu agama, melaksanakan solat sunat juga dinamakan zikir.²⁵⁶

Kesimpulannya, keseluruhan definisi zikir di atas tidak keluar dari ruang lingkup menyebut dan mengingat. Kedua elemen menyebut dan mengingat melengkapkan konsep zikir dalam Islam yang menjadi nadi dan roh segala amal ibadah yang tidak terbatas pada *tasbīh*, *tahlīl*, *tahmīd*, *takbīr* sebagaimana ianya juga tidak terbatas pada ruang, masa, tempat dan keadaan.

3.3 Zikir menurut al-Quran

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menganjurkan untuk mengingat Allah. Antaranya, Allah Ta‘ala berfirman

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿٢١٥﴾

Al-Baqarah 2:152

Terjemahan: Oleh itu, ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan ni‘matKu).

Al-Qurṭubī mentafsirkan ﴿فَاذْكُرْنِي أَذْكُرْكُمْ﴾ dengan maksud “ingatlah kamu kepada Allah dengan melakukan ketaatan, Allah mengingat kamu dengan balasan pahala dan keampunan”.²⁵⁷ Al-Tabari pula menjelaskan ayat tersebut bahawa Allah memperingatkan hambaNya yang beriman supaya melakukan ketaatan kepada Allah dengan melakukan segala perintahNya dan meninggalkan segala bentuk laranganNya.

²⁵⁵ Al-‘Asqalāni, Ahmad Ibn Ali Ibn Hajar, *Fath al-Bāri* (Beirut Lubnan: Dar al-Ma‘rifah, t.t.), 11: 209.

²⁵⁶ *Ibid.*

²⁵⁷ Al-Qurṭubī, ‘Abd Allāh Muhammad bin Ahmad al-Ansārī, *al-Jami’ li Ahkām al-Qur’ān* (Mesir: Dar al-Katib al-‘Arabi, 1967M/ 1387H), 2:171.

Bahkan Allah memberikan limpah kurnia rahmatNya dengan keampunan kepada hamba yang sentiasa mengingatiNya. Sebagaimana Sa'īd bin Jabir juga mentafsirkan ayat tersebut dengan mengatakan: “Ingatlah kamu kepadaKu dengan mentaatiKu, Aku mengingati kamu dengan KeampunanKu”²⁵⁸

Berdasarkan pentafsiran tersebut, al-Qurṭubī di dalam *al-Jamī' li Ahkām al-Qur'ān* mentafsirkan ayat di atas secara umum dan menghubungkaitkannya dengan ganjaran pahala dan keampunan bagi hambaNya yang sentiasa mengingatiNya. Manakala al-Ṭabarī pula di dalam *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āyi al-Qur'ān* menghubungkaitkan perbuatan mengingat itu dengan melakukan ketaatan kepada Allah, melakukan segala perintahNya dan meninggalkan segala bentuk laranganNya iaitu *amar ma'ruf nahi munkar* khusus bagi orang-orang yang beriman.

Sementara al-Rāzī menerusi kitab *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* mentafsirkan, ﴿فَاذْكُرْنِي﴾ dengan maksud ingat dan fikir. Mengingat dengan lisan iaitu dengan bertahmid, bertasbih dan membaca al-Quran. Mengingat dengan hati terbahagi kepada tiga bahagian: Pertama, memikirkan dalil-dalil kewujudan Allah, dalil-dalil sifatNya dan menolak segala dalil-dalil yang meragukan; kedua, memikirkan dalil-dalil berkaitan dengan perintah dan laranganNya yang mengandungi segala hukum-hakam, larangan, tegahan dan juga ancaman; dan ketiga, memikirkan segala rahsia kejadian yang terkandung di dalam penciptaan alam. Manakala mengingat dengan anggota badan itu ialah mempergunakan seluruh anggota badan untuk mengarah kepada segala bentuk kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT iaitu melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya. Maka ibadat solat yang dilaksanakan dengan penuh ketaatan adalah termasuk dalam mengingati Allah.²⁵⁹

Manakala al-Alūsī menerusi kitab *Rūh al-Ma'āni* menjelaskan maksud mengingat dan cara bagaimana mengingat itu dilakukan supaya mencapai maksud

²⁵⁸ Al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muhammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āyi al-Qur'ān* (Mesir: Maktabah Mustafa al-babi al-Halabi, 1968), 2:37

²⁵⁹ Al-Rāzī, Muhammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* (Beirut: Dar al-Fikr, 1414H/1993M), 4: 159-160.

sebenarnya di mana beliau menterjemahkan ﴿فاذكرني﴾ dengan maksud mengingat yang dihubungkan dengan melakukan ketaatan kepada Allah. Umumnya mengingat itu adalah dengan lidah, hati dan anggota badan. Pertama, mengingat dengan lidah itu ialah berzikir, bertasbeih, bertahmid dan membaca al-Quran. Kedua, mengingat Allah dengan cara berfikir iaitu dengan cara memikirkan bukti-bukti taklif yang berupa perintah dan larangan serta memikirkan zat dan sifatNya. Ketiga, mengingat Allah dengan mengarahkan seluruh anggota badan melakukan ketaatan dan menjauhi segala laranganNya. Untuk menjadikan ibadat solat mencapai tahap mengingat Allah seperti yang dimaksudkan maka hendaklah mengingatiNya dengan lidah, hati dan anggota badan. Sebagaimana firman Allah Ta'ala dalam surah al-Jumu'ah ayat 9, yang mana menurut ahli haqiqah mengingat Allah SWT itu ialah dengan melupakan segalanya kecuali Allah.²⁶⁰

Al-Alūsī juga mentafsirkan ﴿أذكركم﴾ iaitu Allah mengingati seseorang yang dihubungkan dengan pemberian ganjaran pahala di mana zikir kepada Allah yang paling istimewa itu adalah zikir yang dilakukan dengan hati dan lisan yang mampu dan berupaya menumbuhkan ma'rifat kepada Allah, kecintaan kepadaNya dan mendapatkan ganjaran pahala dan kebaikan yang melimpah ruah dariNya. Zikir merupakan kemuncak rasa syukur seorang hamba sebagaimana Allah memerintahkan ﴿واشكروا لي ولا تكفرون﴾ untuk mensyukuri atas segala nikmat yang diberikan dan melarang mengkufuri nikmatNya.²⁶¹

Menurut al-Sa'di menerusi kitab *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*, beliau mentafsirkan ﴿فاذكرني أذكركم﴾ dengan maksud bahawa zikir kepada Allah SWT yang paling istimewa adalah zikir yang dilakukan dengan hati dan lisan iaitu zikir yang menumbuhkan ma'rifat kepada Allah, kecintaan kepada-Nya dan

²⁶⁰ Al-Alūsī, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Alūsī al-Baghdādī, *Rūh al-Ma'āni*, ed. Muhammad Ahmad al-Amad dan 'Umar 'Abd al-Salām al-Salami (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 1999M/1420H), 1:571.

²⁶¹ *Ibid.*

menghasilkan ganjaran yang banyak dari-Nya. Zikir adalah puncaknya rasa syukur, oleh kerana itu Allah memerintahkan hal tersebut secara khusus, kemudian memerintahkan untuk bersyukur secara umum ﴿واشكروا لي﴾ dengan maksudnya bersyukur atas apa yang telah Allah nikmatkan kepada kalian dengan nikmat tersebut dan Allah jauhkan dari kalian pelbagai jenis kesulitan. Syukur itu dilakukan dengan hati berbentuk pengakuan atas kenikmatan yang diperolehinya, dengan lisan berbentuk zikir dan pujian, dan dengan anggota tubuh berbentuk ketaatan kepada Allah serta kepatuhan terhadap perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.²⁶² Sayyid Qutb menyebutkan ﴿أذكركم﴾ sebagai bukti bahawa ingatan Allah kepada para hambaNya merupakan limpahan kurnia dan kemurahan Allah sebagai balasan atas ingatan hambaNya. Ingatan Allah kepada hambaNya pula merupakan kurniaan dan kemurahan Allah yang diberikan tanpa sebab dan tanpa ada yang mewajibkan melainkan semata-mata kerana Allah bersifat Maha Pemurah dan Maha Limpah KurniaNya.²⁶³

Dengan kata lain, huraian penafsiran bagi ayat 152 dari surah al-Baqarah tersebut merupakan satu perintah agar sentiasa mengingat Allah dengan melakukan segala bentuk kepatuhan dan ketaatan, melaksanakan *amar ma'ruf nahi munkar* dan sebagai balasan baik dari Allah, Allah juga sentiasa mengingat hambaNya dan hendaklah hambaNya sentiasa mensyukuri ni'mat Allah dan janganlah mengkufuri ni'matNya.

Selain itu, Allah juga menganjurkan kepada orang-orang yang beriman agar menyebut dan mengingat Allah sebanyak-banyaknya sebagaimana firman Allah pada ayat berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾

Al-Ahzab 33: 41

²⁶² Al-Sa'di, 'Abd al-Rahmān bin Nasir al-Sa'di, *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalām al-Manan* ed. Jamal Nasr (Kaherah: Dar al-'Aqidah, 2007M/ 1428H), 85.

²⁶³ Sayyid Qutb, *Tafsir fi Zilal al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Shuruq, 1996M/ 1417H), 1:140; Lihat Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob (Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000), 317.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya.

Allah juga memperihal keadaan orang yang sentiasa mengingatNya sama ada dalam keadaan berdiri, duduk dan berbaring sebagaimana pada ayat-ayat berikut:

Firman Allah Ta'ala:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ



‘Ali-Imran 3: 191

Terjemahan: (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingat Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

Allah juga berfirman pada ayat berikut

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ فَإِذَا
أَطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا



Al-Nisa’ 4: 103

Terjemahan: Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingat Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

Ibn ‘Abbās RA dalam mentafsirkan kedua ayat tersebut di atas, berkata: “Sebut dan ingat Allah Ta’ala pada malam dan siang, dalam perjalanan di tanah lapang, di laut,

di dalam pelayaran, di kota, di masa kaya dan miskin, di masa sakit dan sihat, dan di masa rahsia dan terang-terangan”.²⁶⁴

Dengan kata lain, al-Quran menjelaskan tentang kepentingan sentiasa menyebut dan mengingat Allah tanpa dibatasi ruang, masa, tempat dan keadaan. Begitu juga dengan amalan lain yang dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah adalah dikategorikan sebagai mengingat Allah.²⁶⁵

3.4 Zikir menurut al-Sunnah

Hadith menyebut tentang kedudukan orang yang sentiasa ingat Allah itu mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah, sentiasa mendapat naungan daripada Allah dan juga sentiasa mendapat Rahmat Allah.

Daripada Abū Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda di dalam sebuah hadis Qudsi²⁶⁶, Allah Ta‘ala berfirman:

قال النبي صلى الله عليه وسلم: يقول الله تعالى: أنا عند ظن عبدي بي، وأنا معه إذا ذكرني، فإن ذكرني في نفسي ذكرته في نفسي، وإن ذكرني في ملاء ذكرته في ملاء خير منهم، وإن تقرب إلي شبراً تقربت إليه ذراعاً؛ وإن تقرب إلي ذراعاً تقربت إليه باعاً، وإن أتاني يمشي أتيته هرولة.

Terjemahan: Nabi SAW bersabda: Allah Ta‘ala berfirman: “Jika hambaKu mengingatiKu dalam dirinya, Aku pasti mengingatnya dalam diriKu. Jika dia menyebut namaKu di hadapan khalayak ramai, Aku akan menyebut namanya di hadapan khalayak yang lebih mulia daripada khalayaknya. Jika dia menghampiriKu sejengkal, Aku akan menghampirinya sehasta, jika dia mendekatiKu sehasta, Aku akan mendekatinya sedepa. Jika dia datang berjalan kepadaKu, Aku akan berlari kepadanya. Yakni segera menyahut segala permintaannya.”²⁶⁷

²⁶⁴ Ahmad Mustafa al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī* (Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi, 1946), 5: 143.

²⁶⁵ *Ibid.*

²⁶⁶ Hadis qudsi ialah hadith yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW dan disandarkan kepada Allah. Bermaksud Rasulullah SAW meriwayatkannya bahawa itu adalah kalam Allah. Maka Rasulullah SAW menjadi perawi bagi kalam Allah dan lafaznya dari baginda Rasulullah SAW sendiri dengan mengatakan “Allah berfirman,” di sini Rasulullah SAW menyandarkan perkataan itu kepada Allah, dalam erti kata lain baginda meriwayatkan hadith tersebut dari Allah SWT. Lihat Muhammad ‘Ajaj al-Khatīb di dalam kitab *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1988), 22.; Muhammad Muhammad Abū Zahu, *al-Hadith wa al-Muhaddithūn* (Mesir: al-Azhar al-Sharif, 1958), 16.

²⁶⁷ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Isma‘īl al-Bukhārī, *al-Jamī‘ al-Sahīh li al-Bukhārī* Kitab Tauhīd, Bāb Qawl Allāh Ta‘ala ﴿wa Yuhadhīrukum Allāh Nafsa﴾, no. Hadith 7405, (Kaherah: Matba‘ah

Daripada Abū Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda tentang golongan yang sentiasa berzikir adalah di antara tujuh golongan manusia yang mendapat naungan dari Allah.

عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: سبعة يُظِلُّهم الله يوم القيامة في ظلِّه يومَ لا ظلَّ إلا ظلُّه: إمام عادل، وشابٌّ نشاء في عبادة الله، ورجلٌ ذكر الله في خلَاء ففاضت عيناه، ورجل قلبه معلق في المسجد، ورجلان تحاباً في الله، ورجلٌ دَعَتْهُ امرأةٌ ذات منصب وجمال إلى نفسها قال: إني أخافُ الله، ورجلٌ تصدَّقَ بصدقَةٍ فأخفاها حتى لا تَعلَمَ شماله ما صنَعَتْ يمينه.

Terjemahan: Daripada Abū Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda: “Tujuh golongan manusia yang akan mendapat naungan Allah pada hari tidak ada naungan kecuali naunganNya: Pemimpin yang adil, seorang yang menyibukkan dirinya dengan beribadah kepada Allah, seorang yang berzikir kepada Allah tatkala sendirian sehingga mengalir air matanya, seorang yang hatinya selalu terikat pada masjid, dua orang yang saling mencintai kerana Allah, seorang lelaki diajak berzina oleh wanita yang kaya dan cantik tapi ia menolak sambil berkata: ‘Aku takut kepada Allah’ dan seseorang yang bersedekah dan menyembunyikannya sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh tangan kanannya”.²⁶⁸

Allah juga menurunkan rahmat dan memberikan ketenteraman kepada orang yang duduk berkumpul sambil berzikir. Daripada Abu Sa‘īd al-Khudri dan Abū Hurayrah, Rasulullah SAW bersabda:

لا يَفْعُدُ قَوْمٌ يَذْكُرُونَ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِلَّا حَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَعَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ، وَنَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ.

Terjemahan: “Tiadalah suatu kaum duduk berkumpul sambil berzikir (menyebut-nyebut) nama Allah ‘Azza wa Jalla melainkan mereka itu dikelilingi oleh para malaikat dan diselubungi oleh rahmat dan

al-Salafiyah, 1400H.), 4: 384; Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, *Saḥīh Muslim bi Sharāh al-Nawawī* Kitab al-Dhikr wa al-Du‘ā wa al-Tawbah wa al-Istighfar, (Mesir: Matba‘ah al-Misriyah, 1929), 17: 2.

²⁶⁸ Hadith riwayat al-Bukhari, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Isma‘īl al-Bukhārī, Kitab Hudud, Bab Fadhl Man Taraka al-Fawahish, no. Hadith 6806, *al-Jami’ al-Saḥīh li al-Bukhārī* (Kaherah: Matba‘ah al-Salafiyah, 1400H.), 4: 252.

diturunkan ketenteraman ke atas diri mereka dan mereka akan disebut-sebut oleh Allah dihadapan para malaikat yang ada disisiNya”.²⁶⁹

3.5 Hukum Memperbanyak Zikir

Di dalam al-Quran disebutkan dengan banyaknya perintah Allah SWT kepada hamba-hambaNya yang beriman untuk memperbanyakkan mengingat dan menyebut Allah. Sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾

Al-Ahzab 33: 41-42

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya; Dan bertasbihlah kamu kepadaNya pada waktu pagi dan petang.

‘Alī bin Abi Ṭalhah menuturkan dari Ibn ‘Abbās RA tentang firman Allah;

﴿ اذكروا الله ذكرا كثيرا ﴾, “Sesungguhnya Allah SWT tidak mewajibkan suatu kewajiban kepada hamba-hambaNya terkecuali Dia jadikan kewajiban itu memiliki suatu batasan tertentu. Kemudian Allah menentukan batasan-batasan uzur yang membolehkan seseorang meninggalkan kewajiban tersebut, terkecuali kewajiban berzikir. Sesungguhnya Allah SWT tidak membuat batasan-batasan tertentu dan tidak seorang pun yang beruzur meninggalkannya melainkan kerana terpaksa ia meninggalkannya.”²⁷⁰

Ijmak ulama mengharuskan dan membolehkan zikir dan bacaan *tahlīl*, *tahmīd*, *takbīr*, selawat ke atas Nabi Muhammad SAW, doa dan lain-lain zikir bagi orang yang berada dalam keadaan berhadad, junub, perempuan haid dan nifas dengan lisan dan hati.²⁷¹ Bagaimanapun, diharamkan bagi orang berjunub, perempuan haid dan nifas membaca al-Quran sama ada sedikit atau banyak, sekalipun satu suku dari suatu ayat al-

²⁶⁹ Hadith riwayat Muslim, Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, Kitab al-Zikr wa al-Du‘a wa al-Tawbah wa al-Istighfar, Fadhl al-Ijtima‘ ‘ala Tilawah al-Quran wa ‘ala al-zikr, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah al-Nawawī* (Mesir: Matba‘ah al-Misriyah, 1929), 17: 21-22.

²⁷⁰ Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muhammad bin Jarir al-Ṭabarī, *Jamī‘ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āyī al-Quran*, ed. ke-3 (Mesir: Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halab, 1388H/ 1968M), 22:17; Lihat Ibn Kathir, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin Umar bin Kathir al-Quraisyi al-Dimasyqi, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*, ed. Sami bin Muhammad al-Salamah (Riyadh: Dar al-Tayyibah, 1430H/ 2009M), 4:431.

²⁷¹ Muhyi al-Dīn Abū Zakariyā Yahya bin Sharaf Al-Nawawī, *al-Adhkar al-Nawawīyyah* (Beirut: Dar al-Fikr, 1424H/ 2003M), 11; Al-Imam Al-Nawawī, *Al-Azkar: Terjemah Al-Azkar*, terj. Drs. M. Tarsi Hawi (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1987), 10; Lihat Ismail bin Omar Abdul Aziz, *Tasawuf dan Tarikat Menurut Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah* (Negara Brunei Darussalam: Pusat Da‘wah Islamiah, 2003), 37.

Quran kecuali jika mereka membaca al-Quran dalam hati tanpa dilafazkan dengan suara atau melihat tulisan yang tertera atau ayat al-Quran di dalam mushaf al-Quran lalu dibaca di dalam hati maka ini adalah dibolehkan.²⁷²

Sebagaimana ulama Shafi'iyah juga mengharuskan dan membolehkan bagi orang yang berada dalam keadaan junub, perempuan haid dan nifas; menyebut ketika musibah dan kesusahan: *سُبْحَانَ الَّذِي إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ* dan ketika menaiki kendaraan: *رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا* dan ketika berdoa: *سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ* dengan niat zikir walaupun pada hakikatnya lafaz bagi zikir-zikir tersebut sama lafaznya dengan ayat yang ada tersebut dalam al-Quran. Dengan kata lain adalah harus dan boleh dibaca ayat al-Quran itu dengan tujuan zikir.²⁷³ Bagi orang yang berjunub dan haid, apabila menyebut *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* tidaklah berdosa bagi mereka selama mana tiada diqasadkan dengan al-Quran.²⁷⁴ Jika orang yang berjunub dan haid, bersuci dengan bertayammum, maka kedua-duanya dibolehkan dan diharuskan membaca al-Quran meskipun setelah itu ia berhadass kecil lagi.²⁷⁵

3.6 Kategori Zikir

Amalan zikir merupakan amalan kerohanian yang sangat dituntut di dalam Islam dan merupakan di antara perintah Allah SWT yang paling besar serta mempunyai hubungan yang sangat tinggi dan sangat erat dengan Allah sehingga Dia begitu hampir dengan hamba-hambanya. Menurut al-Nawawi, tujuan zikir adalah menghadirkan hati. Maka orang yang berzikir hendaklah ia berusaha untuk menghadirkan zikir lisan dan zikir hati dengan memahami apa yang ia ucapkan sebagaimana ia membaca al-Quran.²⁷⁶ Dan al-Nawawi di dalam *al-Adhkār*, menukilkkan pendapat yang sahih dan *mukhtār* dari kalangan ulama salaf dan khalaf bahawa disunatkan bagi orang yang berzikir dengan kalimat *لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ* memanjangkan zikirnya itu.²⁷⁷

²⁷² *Ibid.*

²⁷³ *Ibid.*

²⁷⁴ *Ibid.*

²⁷⁵ *Ibid.*

²⁷⁶ *Ibid.*, 13.; *Ibid.*, 14-15.

²⁷⁷ *Ibid.*, 44.; *Ibid.*

Dalam *Ensiklopedi Tasawuf*, zikir lisan bermaksud zikir mengingat atau menyebut nama Allah dengan melafazkan *kalimat tayyibat* atau ungkapan zikir tertentu yang dilafazkan sama ada dengan suara yang keras atau pun dengan suara perlahan yang hanya dapat didengar oleh orang yang berzikir itu sendiri.²⁷⁸ Zikir hati (*al-qalb*) pula, merupakan zikir yang tersembunyi di dalam hati, tanpa suara dan kata-kata. Zikir dalam pengertian ini dilaksanakan dengan sepenuh hati dan juga dengan penuh kesedaran merasakan Allah dekat dengan hambaNya. Malah untuk mencapai zikir ini diperlukan latihan intensif teratur dan penuh disiplin.²⁷⁹

Abū Nasr al-Sarrāj salah seorang ulama tasawuf menyebutkan bahawa dia pernah mendengar jawapan Ibn Salīm tentang tiga bentuk zikir, iaitu zikir dengan lisan yang memiliki sepuluh kebaikan, zikir dengan hati yang memiliki tujuh ratus kebaikan dan zikir yang pahalanya tidak dapat ditimbang dan dihitung, iaitu puncak kecintaan kepada Allah serta perasaan malu kerana kedekatanNya.²⁸⁰

Kitab *al-Tafsīr al-Kabīr*, telah memperincikan zikir dengan menyebutkan bahawa yang dikehendaki dengan sebutan lidah ialah menyebutkan kata-kata yang menunjuk kepada *tasbīh*, *tahmīd*, manakala yang dikehendaki dengan ingatan hati ialah: memikirkan dalil-dalil adanya Allah, dalil-dalil sifatNya, dalil-dalil perintah dan laranganNya untuk dapat diketahui hukum-hukumNya dan rahsia-rahsia yang terkandung di dalam penciptaan alam. Manakala yang dimaksudkan dengan sebutan anggota, ialah mempergunakan segala anggota untuk segala bentuk kepatuhan kepada Allah SWT sebagaimana Solat Juma'at yang dihubungkan dengan zikir²⁸¹ menerusi firman Allah pada ayat berikut:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا نُودِيَ لِلصَّلٰوةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا اِلَىٰ ذِكْرِ اللّٰهِ
وَذَرُوْا الْبَيْعَ ۚ ذٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ اِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿٩﴾

Al-Jumu'ah 62:9

²⁷⁸ *Ensiklopedi Tasawuf* (Indonesia: Angkasa Bandung, 2008), 3: 1506.

²⁷⁹ *Ibid.*, 3: 1508.

²⁸⁰ 'Abd al-Halīm Mahmūd dan Ṭaha Abd al-Baqī Surūr, ed. *Al-Luma'* (Mesir: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1960), 290; Lihat Abu Nashr As-Sarraj, *Al-Luma': Rujukan Lengkap Ilmu Tasawuf*, terj. Wasmukan dan Samson Rahman (Surabaya: Risalah Gusti, 2009), 441.

²⁸¹ Al-Rāzī, Al-Fakhr al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 30:10-12.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jum'at, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jum'at) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

'Abd al-Qādir 'Isā dalam kitabnya *Ḥaqā'iq 'an al-Tasawwuf*, membahagikan zikir kepada dua bahagian. Pertama Zikir *Muqayyad* iaitu zikir yang disunnahkan oleh Rasulullah SAW yang terikat dengan waktu atau tempat tertentu seperti zikir setiap kali selesai menunaikan solat iaitu tasbih, tahmid dan takbir. Ini juga termasuk zikir bagi orang musafir, zikir bagi orang yang sedang makan, sedang minum, zikir pernikahan, zikir ketika ditimpa kesusahan, zikir untuk menolak bencana, zikir ketika sakit, zikir selesai solat jumaat, zikir ketika berbuka puasa, zikir ketika melakukan ibadah haji, zikir pagi dan petang, zikir ketika hendak tidur, zikir ketika mendengar ayam berkokok dan sebagainya. Kedua, Zikir *Mutlaq* iaitu zikir yang tidak terikat dengan waktu dan tempat. Orang mukmin dituntut untuk melakukan zikir ini disetiap masa tempat dan keadaan sehingga lidahnya basah dengan zikir kepada Allah.²⁸²

Sementara Abdul Manam Mohamad al-Merbawi pula menyebutkan zikir terbahagi kepada dua. Pertama, zikir hasanah iaitu zikir yang dilakukan bertujuan untuk mendapatkan ganjaran atau pahala di sisi Allah di akhirat nanti. Kedua, zikir darajah ialah zikir yang dilakukan bertujuan membersihkan hati, meningkatkan tahap kejernihan dan membuang hijab-hijab yang menghalang sehingga tercapai *ma'rifah* secara *musyahadah* iaitu menerusi pandangan matahati, di mana ia bukan semata-mata mengharapkan ganjaran pahala di sisi Allah.²⁸³

Terdapat beberapa ciri lain yang membezakan di antara dua jenis zikir tersebut. Antaranya zikir *darajah* dilaksanakan dengan hemah (semangat) yang tinggi disertai dengan kesungguhan dan istiqamah serta tumpuan diberikan kepada menghadirkan makna-makna zikir yang antara caranya ialah melaksanakan kaifiyat-kaifiyat tertentu

²⁸² 'Abd al-Qādir 'Isā, *Ḥaqā'iq 'an al-Tasawwuf* (Surya: Dar al-'Irfan, 2001), 146; Lihat Abd al-Qadir 'Isa, *Ḥaqā'iq 'an al-Tasawwuf: Hakekat Tasawuf*, terj. Khairul Amru Harahap dan Afrizal Lubis (Jakarta: Qisthi Press, 2005), 117.

²⁸³ Abdul Manam bin Mohamad al-Merbawi, "Zikir dan Kepentingannya dalam Tarbiyah Ruhiyyah," dalam *Himpunan Kertas Kerja (Siri 1) Simposium Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan Darul Khusus: Madrasah al-Sa'adiyah, 2012)*, 40.

termasuklah juga bagaimana zikir itu diterima dan diperturunkan. Zikir *darajah* memerlukan *bai'ah*, *talqīn* dan *irshād* daripada mursyid. Manakala zikir *hasanah* tidak memerlukan semua ini.²⁸⁴ Zikir *darajah* inilah yang dinamakan oleh ahli tasawwuf sebagai zikir tarekat yang diwarisi dan difokuskan untuk penyucian jiwa dan mencapai *ma'rifah* dan seterusnya mendapat redha Allah dengan kaifiyat dan persyaratan tertentu seperti yang digariskan oleh para ulama tasawwuf.²⁸⁵

3.7 Perlaksanaan Zikir

Zikir amat penting dalam kehidupan seorang yang beriman kerana tanpa zikir manusia tidak merasakan kehadiran Allah SWT dalam jiwanya. Sebagaimana dijelaskan sebelumnya tujuan zikir adalah untuk menghadirkan hati. Maka amat perlu untuk mengetahui bagaimana cara berzikir yang betul supaya jiwa dapat merasakan kehadiran Allah SWT. Secara umumnya terdapat tiga elemen utama yang dihubungkan dengan pelaksanaan zikir iaitu masa, tempat dan pengamal zikir.²⁸⁶

3.7.1 Masa Mengamalkan Zikir

Masa untuk mengamalkan zikir itu hendaklah dilakukan setelah selesai solat subuh iaitu pada akhir waktu subuh sebelum terbit matahari, setelah selesai solat zohor iaitu setelah tergelincir matahari dan setelah selesai solat asar iaitu sebelum terbenam matahari. Selain daripada masa-masa tersebut, zikir juga dikerjakan setelah selesai solat fardhu.²⁸⁷ Keistimewaan masa untuk melaksanakan zikir tersebut telahpun dijelaskan dalam surah Qaf (50):39-40

Menurut al-Nawawī, berzikir setiap saat sentiasa disukai oleh Allah kecuali pada waktu-waktu tertentu yang dikecualikan. Di antara waktu pengecualian itu ialah dimakruhkan berzikir ketika buang air, jimak, ketika mendengarkan khutbah, ketika

²⁸⁴ *Ibid.*

²⁸⁵ *Ibid.*

²⁸⁶ Mustafa Haji Daud, *Konsep Ibadat Menurut Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 126-127.

²⁸⁷ Al-Nawawī, Muhyi al-Dīn Abū Zakariyā Yahya bin Sharaf, *Al-Adhkar* (Beirut: Dar al-Fikr, 1424H/2003M), 9. Mustafa Haji Daud, *Konsep Ibadat Menurut Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 126-127.

berdiri betul dalam solat untuk membaca al-Fatihah dan ketika mengantuk. Tidak dimakruhkan berzikir di jalanan dan tidak pula di dalam kamar mandi.²⁸⁸

3.7.2 Tempat Melaksanakan Zikir

Begitu juga dengan tempat berzikir, al-Nawāwī menyebutkan demi kemuliaan zikir dan kebesaran mengingati Allah SWT, selayaknya tempat berzikir itu adalah di tempat yang tenang, bersih dan tidak mudah terganggu. Oleh itu, masjid merupakan tempat mulia lagi terpuji²⁸⁹ untuk dijadikan tempat berzikir kerana ianya adalah rumah Allah SWT yang Maha Suci. Selain itu surau, madrasah dan musala juga boleh dijadikan tempat berzikir.²⁹⁰

3.7.3 Pengamal Zikir

Bagi orang-orang yang berzikir mestilah ia dalam keadaan sempurna akhlak iaitu duduk pada suatu tempat dengan duduknya menghadap kiblat dengan penuh khusyuk dan tawadhu, tenang, tidak banyak bergerak dan menundukkan kepala dan mereka juga haruslah bersih dari segala-galanya seperti bersih tubuh badan, pakaian, rohani dan jasmani.²⁹¹ Sebagaimana firman Allah Ta'ala pada ayat 4-5, surah Muddathir (74). Bagaimanapun, menurut 'Abd al-Qādir 'Isā, cara pelaksanaan zikir juga adalah tertakluk kepada adab dan bagaimana zikir itu dilaksanakan; secara individu dan secara jemaah.²⁹²

i. Individu

Seseorang yang berzikir haruslah memiliki sifat penyempurna dan penuh beradab di mana apabila berzikir mengambil tempat duduk di suatu tempat yang sunyi dan bersih dengan menghadap kiblat penuh tawadhu, khusyuk dan menundukkan kepala. Adab

²⁸⁸ *Ibid.*, 12; Al-Imam Al-Nawawī, *Al-Adhkar: Terjemah Al-Azkar*, terj. Drs. M. Tarsi Hawi (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1987), 14.

²⁸⁹ *Ibid.*

²⁹⁰ *Ibid.*; Al-Imam Al-Nawawī, *Al-Adhkar: Terjemah Al-Azkar*, terj. Drs. M. Tarsi Hawi, 13.; Lihat Mustafa Haji Daud, *Konsep Ibadat Menurut Islam*, 126-127.

²⁹¹ Al-Nawawī, Muhyi al-Dīn Abū Zakariyā Yahya bin Sharaf, *Al-Adhkar*, 12; Al-Imam Al-Nawawī, *Al-Adhkar: Terjemah Al-Azkar*, terj. Drs. M. Tarsi Hawi, 13; Lihat Mustafa Haji Daud, *Konsep Ibadat Menurut Islam*, 126-127.

²⁹² 'Abd al-Qādir 'Isā al-Halabi, *Haqā'iq 'an al-Tasawwuf* (Suriyah: Dar al-'Irfān, 2001), 138; Lihat 'Abd al-Qādir 'Isā, *Haqā'iq 'an al-Tasawwuf: Hakekat Tasawwuf*, terj. Khairul Amru Harahap dan Afrizal Lubis (Jakarta: Qisthi Press, 2005), 110.

sedemikian dilakukan kerana tujuannya adalah menghadap Allah. Oleh kerana itu, zikir di dalam masjid dan di tempat-tempat yang mulia sangat terpuji. Di samping mengutamakan kebersihan mulut dengan bersiwak.²⁹³

Mengutamakan kebersihan zahir hukumnya adalah sunnah, maka kebersihan hati amat penting dari segala kotoran seperti dengki, takabbur, bakhil, riya' dan dari pelbagai sifat yang menjadi penghalang termasuk segala kesibukan duniawi kerana ia menjadi tumpuan dan fokus yang diperhati dan dinilai oleh Allah SWT tatkala menghadapNya.²⁹⁴

Zikir disunnahkan di setiap keadaan dan tumpuan utama dalam zikir adalah kehadiran hati. Oleh sebab itu, orang yang berzikir harus memperhatikan dan merenungkan makna-makna yang dizikirkannya. Sebagai contoh, apabila seseorang beristighfar, maka dia harus memperhatikan hatinya ketika meminta keampunan dari Allah. Begitu juga apabila berselawat kepada Nabi Muhammad SAW, maka harus menghadirkan rasa keagungan dan kecintaan kepada baginda Rasulullah. Apabila berzikir dengan lafaz "*Lā ilāha illa Allāh*", maka harus menafikan segala aktiviti yang dapat membuatnya lupa kepada Allah.²⁹⁵

Bagaimanapun, hati yang tidak hadir semasa berzikir bukanlah alasan kukuh untuk meninggalkan zikir malah seharusnya tetap berzikir kepada Allah dengan lisannya, meskipun hatinya lalai. Ini disebabkan kelalaian manusia dari zikir merupakan indikasi berpalingnya dari Allah secara total dan dengan adanya zikir, dalam bentuk apa pun, itu menunjukkan wujud dirinya menghadap Allah. Lidah yang sentiasa dengan zikir kepada Allah bererti menghiasi diri dengan ketaatan kepada-Nya. Sedangkan meninggalkan zikir itu menyebabkan dirinya tenggelam dengan pelbagai kesibukan dunia dan sebagainya.²⁹⁶

Pandangan di atas adalah senada dengan pandangan Ibn 'Ata' Allāh al-Sakandari, beliau berkata: "Janganlah engkau meninggalkan zikir kerana ketidakhadiran hatimu bersama Allah kerana kelalaianmu pada saat engkau tidak berzikir jauh lebih

²⁹³ *Ibid.*

²⁹⁴ *Ibid.*

²⁹⁵ *Ibid.*, 110

²⁹⁶ *Ibid.*, 110-111.

parah daripada kelalaianmu pada saat engkau berzikir. Mudah-mudahan Allah berkenan meningkatkan derajatmu dari zikir yang disertai kelalaian menuju zikir yang disertai dengan konsentrasi hati, dari zikir yang disertai dengan konsentrasi hati menuju zikir yang disertai hadirnya hati, dan dari zikir yang disertai hadirnya hati menuju zikir yang disertai lenyapnya segala sesuatu selain objek zikir (Allah). Dan hal itu sungguh mudah bagi Allah Yang Maha Perkasa”.²⁹⁷

Dengan kata lain, hendaklah orang yang berzikir itu sentiasa membiasakan zikir lisan itu sampai terbuka hatinya lalu meresap ke dalam jiwanya dan sehinggalah zikir tersebut mampu menjadikan hatinya merasa kehadirannya bersama Allah.

ii. Jemaah

Menurut ‘Abd al-Qādir ‘Isā, terdapat tiga adab berzikir yang perlu diambil perhatian ketika melaksanakannya secara berjemaah. Pertama, adab pendahuluan iaitu secara lahirnya, pengamal zikir hendaklah memakai pakaian yang bersih, berbau wangi, berwudhu dan serta bersih dari penghasilan dan makanan yang haram. Adab secara batinnya pula, seorang itu harus menyucikan hatinya dengan taubat yang benar, membebaskan dirinya dari semua penyakit hati, melepaskan kemampuan dan kekuatannya, lalu menghadap ke hadrat Allah dengan penuh tawadhu, penuh rasa kefakiran terhadap kurnia dan rahmatNya.²⁹⁸

Kedua, adab ketika zikir iaitu secara lahirnya hendaklah berzikir sesuai dengan zikir yang diamalkan di samping berusaha menyembunyikan suara dalam suara mereka, sehingga tidak terdengar berbeza dari mereka. Hendaklah memejamkan mata ketika berzikir sehingga tidak disibukan oleh seseorang dari kehadiran hatinya bersama Allah.²⁹⁹ Sementara adab batinnya, hendaklah ia berjuang untuk mengusir godaan syaitan serta bisikan-bisikan nafsu di samping berusaha bersungguh-sungguh agar hati dan tekadnya hadir dalam zikir dan kondisi spiritualnya.³⁰⁰

²⁹⁷ *Ibid.*, 111.

²⁹⁸ *Ibid.*, 111.

²⁹⁹ *Ibid.*

³⁰⁰ *Ibid.*, 112.

Ketiga, adab penutup zikir ialah secara zahirnya hendaklah sentiasa memelihara diri supaya berada dalam keadaan khusyu' ketika mendengar bacaan al-Quran dan muzakarah dari guru mursyid di samping mendengar nasihat dan sesi muzakarah sebelum majlis zikir bersurai. Majlis zikir diakhiri dengan bacaan doa serta bersalaman berjabat tangan atau mencium tangan guru mursyid sebagai tanda menghormati agar memperoleh keberkatan daripada guru mursyid tersebut.³⁰¹ Ini juga bertujuan memelihara batinnya, diri dan hatinya dari segala fikiran yang terlintas di dalamnya serta memohon agar sentiasa dikurniakan nikmat dan rahmat dari Allah jua.³⁰²

3.8 Titah Negara Zikir

Negara Zikir dalam kajian ini merupakan cetusan idea Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah, dititahkan sempena Hari Raya 'Aidil Adha pada 9 Zulhijjah 1428H bersamaan dengan 19 Disember 2007. Petikan titah seperti berikut:

“Brunei adalah negara yang selalu bersama-sama dengan *Ar-Rahman* (Yang Maha Mengasihi), yang sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya sebagai rutin kebiasaan. Kerana itu Allah pun dengan rahmatNya memalingkan kita dari sebarang kesusahan dan bencana dari pelbagai anasir yang boleh merosakkan keamanan.

Beta, Insya Allah akan terus berazam untuk menjadikan Brunei sebuah ‘Negara Zikir’ yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaanNya, sesuai dengan janjiNya dalam surah Al-Baqarah ayat 152, tafsirnya: *Kamu ingatlah Aku, nescaya Aku mengingati kamu pula*”.³⁰³ (Lihat Lampiran A)

Negara Zikir dalam titah di atas adalah jelas menunjukkan bahawa amalan zikir merupakan amalan rutin dan telah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Islam Brunei sedari dulu hingga ke hari ini sama ada dalam acara peringkat kekeluargaan, kemasyarakatan hinggalah membawa kepada acara peringkat kenegaraan. Tiada ada tujuan lain di sebalik rutin dan kebiasaan amalan tersebut melainkan hanya mengharapkan sedikit rahmat dari Allah dari sekian banyak dan besarnya rahmat Allah

³⁰¹ *Ibid.*

³⁰² *Ibid.*, 113, 115.

³⁰³ Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya 'Aidil Adha, 9 Zulhijjah 1428H bersamaan dengan 19 Disember 2007.

agar negara sentiasa berada dalam keadaan aman makmur sejahtera selayaknya sebagai dar *al-salam*.

Justeru, keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati negara telah mendorong ketulusan dan keikhlasan pemerintah tertinggi negara untuk terus berazam menjadikan negara sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengagungkan Allah agar rakyat sentiasa dalam perhatianNya dan pemeliharaanNya jua sebagaimana janji Allah dalam surah *al-Baqarah* yang *dinaqal* dalam petikan titah di atas.

3.8.1 Definisi Negara Zikir

Perkataan ‘negara’ bermaksud suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan.³⁰⁴ Negara merupakan satu tempat atau kawasan tertentu mempunyai garis sempadan yang sah, didiami oleh sekumpulan manusia, mempunyai undang-undang dan mempunyai sebuah kerajaan yang memerintah dan mempunyai kedaulatan.³⁰⁵ Dan terdapat sekurang-kurangnya tiga karakteristik yang membentuk Negara Zikir iaitu, konsep daulah yang jelas, kualiti kepimpinan dalam Negara Zikir dan rakyat yang berkualiti tinggi.³⁰⁶

Menerusi pembentangan kertas kerja Majlis Ilmu 2008, gandingan istimewa dua patah perkataan “Negara Zikir” telah menarik perhatian ramai dari kalangan para ulama dan para akademik untuk cuba memberikan definisi gandingan dua patah perkataan tersebut. Antaranya ialah: Negara zikir ialah negara, di mana ramai orang-orang berzikir; negara yang dibangun dan ditadbir dengan zikir; negara yang dipertahan dan dipelihara dengan zikir; negara yang berorientasi dan berpaksikan zikir dari segenap sudut; siasah, ekonomi, sosial dan pertahanan.³⁰⁷ Negara Zikir juga diertikan sebagai sebuah negara Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, mengamalkan dan menghayatinya dari segi akidah, syari’ah dan akhlaknya³⁰⁸ dan penduduknya

³⁰⁴ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1074, entri “negara.”

³⁰⁵ Pg Dr Hj Mohammad Pg Hj Abd Rahman, “Merealisasikan Negara Zikir Melalui Pendidikan” (makalah, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008).

³⁰⁶ Mahmud Morshidi Othman, *Negara Zikir – Pemahaman NDP*, Negara Brunei Darussalam, 2008.

³⁰⁷ Abdul Aziz Juned, “Negara Zikir” (Kertas Perdana, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 6.

³⁰⁸ Pg Dr Hj Mohammad Pg Hj Abd Rahman, “Merealisasikan Negara Zikir Melalui Pendidikan”, 3.

mengamalkan cara hidup atau budaya yang baik dan sempurna dengan berlandaskan al-Quran dan hadith.³⁰⁹

Selain itu, Negara Zikir juga merupakan imej bagi sebuah negara yang mana rakyatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT, lidah mereka sentiasa basah menyebut nama Allah dan memuji-Nya, melakukan perkara-perkara kebaikan dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang bahkan mereka sentiasa menjunjung tinggi ajaran-ajaran Ugama Islam dan menjadikannya sebagai panduan dan amalan seluruh aspek kehidupan agar nikmat, kerahmatan dan keberkatan akan sentiasa mengiringi dan melindungi negara di samping diperkukuhkan dengan aqidah, syari'ah dan akhlak sebagai asas pendidikan Islam yang didokong oleh insan soleh, teguh imannya serta tinggi budi pekerti akhlaknya.³¹⁰

Malahan Negara Zikir dengan maksud sebuah negara yang masyarakatnya sentiasa ingat Allah Ta'ala dalam berfikir dan bertindak merupakan pendekatan rohaniah untuk menjadi umat terbaik yang mengajak manusia-manusia lain kepada makruf dan meninggalkan mungkar sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran surah Ali Imran, ayat 110.³¹¹

Menurut Muhammad Uthman El-Muhammady, negara yang ahlinya beriman dan bertakwa merupakan indikasi *Baldah Tayyibah wa Rabb Ghafūr* iaitu negara yang baik, aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun. Menghuraikan maksud 'negara yang penduduknya beriman dan bertakwa' itu, beliau memperincikan sebagai; negara yang dibukakan kepada penduduknya pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi; negara yang mana ketika penduduknya beriman, Allah elakkan azab sengsara yang membawa kehinaan dalam kehidupan dunia dari menimpa mereka, dan Allah berikan mereka nikmat kesenangan sehingga suatu masa yang ditentukan; negara yang rakyatnya taat pada ulil amri; negara yang rakyatnya beribadat kepada Tuhan, berzikir dan hidup dalam keadaan

³⁰⁹ Jemat bin Ampal, "Negara Zikir Mencalak Belia Perkasa" (makalah, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 1.

³¹⁰ Pg Hj Bahrom Pg Hj Bahar, "Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir" (Kertas Perdana, Konvensyen Pendidikan Islam, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 30 November 2011)

³¹¹ Mohd Firdaus Noordin, "Melestari Konsep "Negara Zikir" dalam Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam," *Jurnal Institut Perkhidmatan Awam* 20 (September 2008-Februari 2009), 53; Lihat Adi Rumi, *Negara Zikir* (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 47.

jaga rohani dan akal serta gerak-gerinya; dan negara yang para ahlinya menjalankan *amar makruf nahi munkar* dengan syarat-syaratnya.³¹²

Resolusi Seminar Negara Zikir menyebutkan bahawa Negara Zikir dalam makna mengingat dan menyebut Allah, bermaksud mentaati suruhan dan tegahanNya, mensyukuri nikmatNya dan tidak mengkufuriNya dengan ilmu dan keyakinan, didorong oleh keimanan dan ketakwaan kepadaNya sebagai syarat utama untuk mendapat kurnia Allah yang berupa kemakmuran hidup, keamanan dan ketenteraman serta kesejahteraan yang berpanjangan.³¹³

Sebagai kesimpulan, keseluruhan definisi Negara Zikir menjelaskan impak menyebut dan mengingat Allah ke atas negara dan hubungkaitnya dengan gagasan membentuk masyarakat sentiasa ingat serta taat kepada Allah SWT dan menjadikan negara sebagai sebuah negara berkat kerana keterikatannya dengan Allah. Oleh itu, huraian tentang penduduk beriman dan bertakwa yang dikemukakan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady tidak boleh diambil mudah kerana ia jelas menunjukkan peranan dan tanggungjawab penting yang perlu ditandai oleh ahli masyarakat Negara Zikir dalam mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT untuk mencapai redha Allah dan juga mencapai matlamat status negara *Baldah Tayyibah wa Rabb Ghafūr*.

3.8.2 Istilah Negara Zikir

Rangkaian kata Negara Zikir merupakan suatu istilah baru yang ingin dikembangkan dan dimantapkan penggunaannya dalam tradisi keilmuan Islam. Ia berbeza dengan lafaz zikir yang telah lama wujud dan berakar umbi sebagai ajaran dan amalan dalam agama Islam. Namun kedudukannya yang baru itu tidak pula bermakna Negara Zikir itu sesuatu yang asing dan tidak mempunyai sumber kukuh.³¹⁴

³¹² Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "Contoh Para Pemimpin Di Negara Zikir" (makalah, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 1-3.

³¹³ Resolusi Seminar Negara Zikir, sempena Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008.

³¹⁴ Badarudin bin Haji Othman, "Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya dan Menyuburkan Ciri-cirinya" (makalah, Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008), 2.

Negara Zikir dalam konteks Brunei secara asasnya adalah merujuk kepada keIslaman Brunei yang menerima Islam sebagai agama anutan rajanya, pembesar-pembesarnya serta majoriti rakyat dan penduduknya. Kemasukan Islam ke negara Brunei menjadikannya sebagai sebuah negara Melayu berpemerintahan beraja dengan sistem sosial dan politiknya kuat dipengaruhi oleh ajaran agama Islam sehingga dimasyhurkan untuk selama-lamanya kekal sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.³¹⁵ Perkembangan syiar Islam di bawah sistem pemerintahan kesultanan dan pentadbiran Islam, bermula dengan peranan para da'ie dalam menyebarkan ilmu Islam merangkumi fardhu 'ain dan fardhu kifayah termasuklah amalan kerohanian berlandaskan *zikrullah*, seperti amalan zikir tareqat tasawuf, amalan membaca wirid dan ratib sehingga terbentuk suasana kehidupan kerohanian Islam dan telah sebatik dalam kehidupan masyarakat Islam Brunei sehingga berjaya membentuk sahsiah taat beragama dalam kalangan kebanyakan para ulama, para pemimpin dan para pembesar terdahulu di negara ini.³¹⁶

Peruntukan Islam sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan Bertulis Brunei yang pertama tahun 1959 telah menjadi tunjang kukuh mendasari Negara Zikir. Kerasmian Islam bagi Brunei jelas dilihat dan diamalkan. Islam dilembagakan dalam pemerintahan dan adat istiadat. Ajaran Islam disebarkan secara pendidikan formal dan non formal, secara fatwa dan irsyad, secara dakwah dan tabligh menerusi institusi pentadbiran, pendidikan dan media massa.³¹⁷

Aspek penghayatan akidah Islam Ahli Sunnah Waljama'ah dan feqah Mazhab Shafi'e merupakan faktor sangat penting yang telah mempengaruhi Brunei dan budaya kehidupan masyarakatnya. Situasi ini turut sama membentuk sikap dan penghayatan beragama yang sederhana, kukuh dan mantap dalam kalangan masyarakat Islam.³¹⁸ Di samping itu, pengajian ilmu-ilmu Islam sama ada secara konvensional di sekolah-sekolah agama dan di institusi-institusi pengajian Islam, memartabatkan hari-hari kebesaran Islam dengan meraikannya di peringkat negara dan masyarakat serta dengan

³¹⁵ *Ibid.*, 8.

³¹⁶ Hajah Masuriyati Haji Yahya, "Tatawwur al-Madhahib al-Sufiyyah fi Brunei min al-Qarn al-Tasi' 'Ashar wa hatta Waqtina al-Hadir", 42; Lihat Badarudin bin Haji Othman, "Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya dan Menyuburkan Ciri-cirinya", 28.

³¹⁷ Badarudin bin Haji Othman, "Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya dan Menyuburkan Ciri-cirinya", 8.

³¹⁸ *Ibid.*, 9.

bertambahnya bilangan masjid-masjid yang dibina, jumlah jemaah yang semakin ramai merupakan bukti kukuh bahawa Islam terus dihayati dan diamalkan oleh masyarakat Islam di negara ini.³¹⁹

Sebagai rumusan, istilah Negara Zikir adalah merujuk kepada negara dan masyarakat yang kuat beramal dan taat beragama. Secara asasnya Negara Zikir adalah merujuk kepada keIslaman negaranya yang berjaya mempengaruhi keseluruhan nilai-nilai dalam sistem sosial dan politik negara dan telah dimasyhurkan selamanya sebagai negara Melayu Islam Beraja.

3.8.3 Teori Gagasan Negara Zikir

Taat beragama dalam konteks Negara Brunei adalah bersumberkan dari ajaran Islam itu sendiri. Amalan *zikrullah* telah pun diterapkan dalam majlis pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei 1959, dimulai dengan menyebut *basmalah*, diiringi dengan *tahmīd*, *salawat* dan *salam*. Begitu juga dalam titah Majlis Penandatanganan Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan) 2004, titah tersebut dimulakan dengan *salam* dan doa mohon dirahmati dan diberkati disusuli dengan menyebut *basmalah* diiringi dengan *tahmīd*, *salawat* dan *salam*. Titah juga diakhiri dengan pernyataan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani hambaNya setelah penandatangan pemasyhuran pindaan perlembagaan Negara Brunei Darussalam 2004 selamat sempurna dilaksanakan.³²⁰

Pendekatan *zikrullah* dalam dua majlis pemasyhuran di atas telah meletakkan Brunei dalam keadaan dan suasana mengingat Allah. Ianya bertepatan dengan makna zikir yang disyariatkan dalam Islam sekali gus merealisasikan gagasan Negara Zikir untuk membentuk negara yang masyarakatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT dan juga saranan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara berkat kerana keterikatannya dengan Allah. Ia cuma bergerak dan berkembang semata-mata kerana Allah. Ia merancang dan membangun kerana Allah, tidak ada yang lain dari

³¹⁹ *Ibid.*

³²⁰ *Ibid.*, 10.

itu.³²¹ Sebagaimana dikemukakan bahawa negara Zikir mempunyai hubungan langsung dengan Kuasa dan Rahmat Tuhan yang dihubungkan oleh zikir.³²²

Dengan merujuk definisi zikir, perbuatan menyebut dan mengingat diterapkan di dalam majlis tersebut, sebagai salah satu pendekatan pembangunan kerohanian rakyat Negara Zikir dengan penuh rasa tawadhuk dan rasa rendah diri untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ini bersesuaian dengan tujuan utama Allah menjadikan insan adalah untuk menyembahNya dan beribadat kepadaNya.

Firman Allah Ta'ala:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Al-Dharyat 51: 56

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Firman Allah:

قُلْ إِن صَّلَاتِي وَنُفْسِي وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Al-An'aam 6: 162

Terjemahan: Katakanlah: “Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

Selain itu, amalan memartabatkan Hari Kebesaran Islam, Tradisi Pengajian Ilmu Agama dan Tradisi Zikir sedikit sebanyak telah membantu menyuburkan lagi penghayatan dalam beramal dan taat beragama sebagai sebahagian daripada nilai-nilai budaya kehidupan masyarakat negara Melayu Islam Beraja dari dulu hingga sekarang.³²³

³²¹ Abdul Aziz Juned (Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam), dalam temubual dengan penulis, 27 Januari 2015.

³²² Muhammad 'Uthman El-Muhammady, “Contoh Para Pemimpin Di Negara Zikir”, 1.

³²³ Badarudin bin Haji Othman, “Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya dan Menyuburkan Ciri-cirinya”, 9.

i. Hari Kebesaran Islam

Pegangan kepada Islam sebagai agama anutan dan amalan berterusan dapat dilihat dengan jelas menerusi sambutan hari-hari kebesaran Islam yang disambut di peringkat negara dan masyarakat³²⁴ seperti Awal Tahun Hijrah, Maulud Nabi s.a.w, Israk Mikraj, Awal Ramadhan, Nuzul al-Quran, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji.

Hari-hari kebesaran Islam diraikan di seluruh negara dengan perisian program keagamaan yang bersesuaian. Dalam bulan Ramadhan, suasana malam dipenuhi dengan majlis tadarus al-Quran di masjid-masjid, di istana dan juga di rumah pembesar-pembesar negara. Di samping itu terdapat juga kumpulan-kumpulan daripada jabatan kerajaan yang mengadakan majlis bertadarus secara bergilir dari rumah ke rumah.³²⁵

Amalan meraikan hari-hari kebesaran Islam di Negara Brunei Darussalam sudah lama dipraktikkan dan telah berjaya mencorakkan suasana keagamaan dalam kehidupan umat Islam di Brunei di samping membentuk identiti umat Islamnya yang taat beragama dalam bentuk sederhana menurut aliran Akidah Ahli Sunnah Waljama'ah dan fiqah Mazhab Shafi'ei.³²⁶

ii. Tradisi Pengajian Ilmu Agama

Pengajian ilmu agama Islam di Brunei sudah bermula sejak Brunei mula menerima Islam dan terdirinya Kesultanan Brunei pada abad ke-14 Masehi. Ini dibuktikan menerusi Silsilah Raja-Raja Brunei sebagai sumber tradisi yang menyebutkan bahawa Sultan Sharif Ali yang bergelar Sultan Berkat adalah merupakan seorang ulama. Beliau menjadikan masjid, selain sebagai tempat beribadah sebagai tempat menyalurkan ilmu agama. Keterangan ini disokong oleh catatan Sepanyol semasa datang ke Brunei dalam abad ke-16 Masehi yang menyatakan adanya masjid di Brunei dan adanya pendakwah atau guru agama yang menyampaikan pelajaran Islam.³²⁷

³²⁴ *Ibid.*

³²⁵ Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan* (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 110.

³²⁶ *Ibid.*

³²⁷ Pg Dr Haji Mohammad bin Pg Hj Abd Rahman, "Perkembangan Ilmu Islam di Brunei: Peralihan Dari Sistem Balai ke Sistem Persekolahan Moden (1931-1956)", 1-2.

Sebelum wujud sistem persekolahan moden, pelajaran agama diajarkan di masjid-masjid dan di balai-balai secara tradisi oleh imam-imam, khatib-khatib, mudim-mudim dan orang perseorangan yang berkebolehan. Mereka adalah terdiri daripada tokoh-tokoh agama Brunei Darussalam masa lalu. Sebahagian besar mereka berkemahiran dalam menulis kitab-kitab agama, syair dan kitab perubatan. Kebanyakan mereka menguasai bidang agama dan sastera.³²⁸ Di antara tokoh-tokoh agama itu ialah Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hassanuddin (1879-1939M), merupakan tokoh prolifik pada zamannya. Tokoh selainnya ialah Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Abdullah bin Haji Hanafi, Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti bin Haji Nasar (1864-1946M) Pehin Siraja Khatib Haji Saad bin Juru Apong (w. 1968M), Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah bin Mohd Salleh (1870an-1956) dan lain-lainnya.³²⁹

Dan kitab-kitab agama yang diajarkan pula adalah terdiri daripada ilmu fiqh seperti *Maḥla' al-Badrayn*, karangan Dawud al-Faṭānī, *Sabīl al-Muhtadīn li Tafaqquh fi Amr al-Dīn*, karangan seorang ulama Banjar iaitu Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari, *al-Mukhtasar* dan *al-Sirāt al-Mustaqīm*, karangan seorang ulama Aceh Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī; dalam ilmu Fara'id seperti kitab *Ghāyah al-Taqrīb fi Irthi Wata'sib*, dalam bab nikah seperti kitab *Iḍāh al-bāb li murīd bāb al-nikāh bi al-ṣawāb*; dan dalam tasawuf seperti kitab *Wiṣāyā al-afrāh*, *Hidāyah al-Wālid li al-Walad* dan lain-lain.³³⁰ Ternyata dengan sistem balai, ketokohan tenaga pengajar dan kewujudan kitab rujukan muktabar pada waktu itu telah berjaya melahirkan ramai tokoh agama Brunei yang berwibawa dan elit rohani.

iii. Tradisi Zikir

Amalan zikir secara jama'ah, membaca wirid dan ratib merupakan amalan kerohanian berasaskan *zikrullah* yang pernah wujud dalam masyarakat Islam Brunei, khasnya

³²⁸ A.B. Ahmad, "Manuskrip dan Penglibatan Tokoh Agama," *Bahana* 32, no. 195 (Mac 1997), 2.

³²⁹ *Ibid.*

³³⁰ Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 233; Lihat Pg Dr Haji Mohammad bin Pg Hj Abd Rahman, "Perkembangan Ilmu Islam di Brunei: Peralihan Dari Sistem Balai ke Sistem Persekolahan Moden (1931-1956)", 8, 10.

dalam firqah tarekat tasawuf. Bahkan amalan kerohanian seumpama ini masih terus berlangsung hingga ke hari ini meskipun bukan daripada kalangan firqah tertentu.³³¹

Menurut Aisyah Hj Mohd Yusof³³² di dalam kajiannya, menyatakan bahawa kewujudan tradisi pengajian ilmu agama, tradisi zikir berlandaskan *zikrullah* yang menjadi amalan firqah tarekat tasawuf merupakan antara faktor penyumbang yang mendukung kepada perkembangan suasana kehidupan elit rohani sekali gus mempertingkatkan proses pembangunan kerohanian meskipun ia hanya diamalkan oleh sebahagian kecil pengamal tarekat dalam masyarakat di negara ini. Ini disebabkan tarekat tasawuf suatu ketika dulu diamalkan secara tertutup dan terbatas di mana ianya diamalkan secara individu bukannya amalan secara jemaah.

Menurut penulis dapatlah diambil kesimpulan bahawa teori gagasan Negara Zikir berlandaskan amalan *zikrullah* merupakan satu kaedah rohaniah di mana perbuatan menyebut dan mengingat Allah mendorong dalam membentuk sikap taat beribadah dan taat beragama dengan melaksanakan *amar ma'ruf nahi munkar*. Di samping itu meraikan hari-hari kebesaran Islam, mengikuti tradisi pengajian Islam dan tradisi zikir yang sudah lama dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Islam Brunei juga membantu dalam mempertingkatkan penghayatan beramal dan taat beragama. Justeru, amalan *zikrullah* sebagai pendekatan pembangunan kerohanian juga berfungsi sebagai salah satu elemen *tazkiyah al-nafs* dalam mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan serta mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ini selaras dengan gagasan Negara Zikir yang berhasrat untuk membentuk negara yang masyarakatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT dan juga saranan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara berkat kerana keterikatannya dengan Allah.

3.8.4 Kerangka Gagasan Negara Zikir


Dalam perbincangan lepas, teori gagasan Negara Zikir yang berlandaskan amalan *zikrullah* merangkumi konsep zikir menyebut dan mengingat Allah dengan maksud mentaati Allah. Konsep *zikrullah* ini merupakan asas utama dalam kerangka gagasan

³³¹ Badarudin bin Haji Othman, "Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya dan Menyuburkan Ciri-cirinya", 28.

³³² Aisyah Hj Mohd Yusof, *Pusat Dakwah Islamiyah dan Islamisasi Di Brunei Darussalam* (tesis sarjana, Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 1991), 165.

Negara Zikir yang dibina dan disokong dengan beberapa konsep di mana *Khayr Ummah* sebagai objektif,³³³ *Marḍātillāh* pula sebagai matlamat utama Negara Zikir³³⁴ dan *Baldah Ṭayyibah wa Rabb Ghafūr* adalah visi bagi Negara Zikir.³³⁵ Konsep-konsep ini telah melengkapkan keseluruhan kerangka tersebut sebagaimana di dalam rajah 2. Di samping itu, konsep bersyukur dan bertakwa adalah benteng keselamatan dan kesejahteraan menuju kemuliaan negara dan rakyat cemerlang sekali gus menjadi landasan selaku hamba Allah yang sentiasa mencari keredaanNya.³³⁶

Rajah 3.8.4 (a) Kerangka Asas Negara Zikir



³³³ Adi Rumi, *Negara Zikir* (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 47.

³³⁴ *Ibid.*, 38.

³³⁵ *Ibid.*, 60.

³³⁶ Adi Rumi, *Negara Zikir*, iii.

METODE
<i>Zikrullah</i>

Sumber: Abd Aziz Juned, *Negara Zikir*, 2010.

i. ***Zikrullah***

Zikrullah dalam kerangka gagasan Negara Zikir merupakan pendekatan pembangunan kerohanian yang disebut secara umunya sebagai amalan kerohanian. Menurut Syukri Salleh pembangunan kerohanian terdiri daripada ibadah asas, amalan utama dan ibadah umum. Ibadah asas merupakan ibadah-ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap manusia, seperti solat, puasa, zakat, naik haji dan sebagainya. Ibadah asas ini lebih cenderung berbentuk fardhu ‘ain. Dengan melaksanakan ibadah asas, manusia sebenarnya menegakkan hubungannya dengan Allah SWT (*habl min Allah*). Dengan menegakkan hubungannya dengan Allah SWT, manusia sebenarnya menegakkan pembangunan kerohanian. Dengan kata lain, apabila manusia melaksanakan ibadah asas, manusia membangun kerohanian mereka.³³⁷

Amalan-amalan utama pula bermaksud amalan-amalan yang tidak wajib dilaksanakan tetapi sangat digalakkan Islam, seperti berwirid, berzikir, bertasbih, melakukan perkara-perkara sunat dan sebagainya. Ia lebih berbentuk amalan-amalan tambahan kepada amalan-amalan wajib. Oleh sebab amalan-amalan sunat sebegini menurut Hadith Qudsi merupakan salah satu sebab Allah SWT cintakan seseorang, maka ia adalah sangat penting dalam menegak dan menambaheratkan hubungannya dengan Allah SWT. Ertinya, dengan melaksanakan amalan-amalan utama ini, hubungan mereka dengan Allah SWT menjadi sangat rapat dan pembangunan kerohanian mereka menjadi lebih kuat.³³⁸

Dan ibadah umum terdiri dari ibadah-ibadah yang lebih bersifat fardhu kifayah, umpamanya bermunakahah, bermuamalat, berkecimpung dalam bidang ekonomi,

³³⁷ Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam* (Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd, 2003), 48.

³³⁸ Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, 48.

perubatan, perundangan, politik, pembangunan dan sebagainya. Apabila ibadah umum ini ditegakkan, maka tertegaklah hubungan sesama manusia (*ḥabl min al-nās*) dan antara manusia dengan sumber alam. Natiujahnya ialah tertegak pembangunan material dan fizikal.³³⁹ Keseluruhan ibadah asas dan umum serta amalan-amalan utama tidak terlepas dari maksud zikir dalam Islam. Berzikir boleh dilakukan dengan hati dan boleh pula dengan ucapan lisan. Zikir yang lebih utama adalah yang dilaksanakan dengan ucapan lisan dan hati. Jika hendak dilaksanakan dengan salah satunya maka zikir di dalam hati lebih afdhal.³⁴⁰

Mengingat Allah SWT tidak memadai dengan sekadar ingatan hati semata-mata, malahan seseorang dituntut melakukannya menerusi lidah, hati dan anggota badan. Ketiga-tiga unsur ini harus disatukan dalam zikir supaya ia benar-benar menepati maksud zikrullah yang dikehendaki.³⁴¹ Sebagai contoh, solat yang dilakukan hendaklah diisi dengan *zikrullah* iaitu ketika takbiratul ihram, lidah hendaklah menyebut kalimah “*Allāhu Akbar*”, hati menghayati kebesaran dan keagungan Allah, dan anggota tubuh pula melakukan gerakan takbiratul ihram. Begitulah juga dengan rukun-rukun solat yang lainnya bahkan dalam setiap ibadah dan juga kerja-kerja kebajikan yang dianjurkan dalam Islam hendaklah disertakan dengan *zikrullah* yang menepati maksud sebenar. Oleh itu, ibadah yang dilakukan tanpa *zikrullah* dalam maksud sebenar akan terus melenyapkan nilai ibadah dan menjadikannya sebagai pekerjaan rutin biasa.³⁴²

Zikrullah yang diucapkan dengan lisan dan hati adalah amalan paling afdhal dan merupakan kemuncak penting dalam kehidupan seorang mukmin untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Al-Quran menyebutkan bahawa mengingati Allah lebih besar keutamaannya daripada ibadah-ibadah yang lain, iaitu:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٢٤﴾

Al-Ankabut 29:45

³³⁹ *Ibid.*, 49-50.

³⁴⁰ Muhyi al-Din Abu Zakariya Yahya bin Sharaf Al-Nawawi, *al-Azkar al-Nawawiyah*, 9; Al-Imam Al-Nawawi, *Al-Azkar: Terjemah Al-Azkar*, terj. Drs. M. Tarsi Hawi, 7.

³⁴¹ Mohd Sofwan Amrullah, *Doa dan Zikir Senjata & Perisai Orang Mukmin* (Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi, 1995), 19.

³⁴² *Ibid.*, 18-19.

Terjemahan: Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahikan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingat Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Dan daripada Abū Dardā RA, Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا أُنبِّئُكُمْ بِخَيْرِ أَعْمَالِكُمْ، وَأَزْكَاهَا عِنْدَ مَلِكِكُمْ، وَأَرْفَعُهَا فِي دَرَجَاتِكُمْ وَخَيْرٌ لَّكُمْ مِنْ
إِنْفَاقِ الذَّهَبِ وَالْوَرِقِ، وَخَيْرٌ لَّكُمْ مِنْ أَنْ تَلْقَوْا عَدُوَّكُمْ فَتَضْرِبُوا أَعْنَاقَهُمْ وَيَضْرِبُوا
أَعْنَاقَكُمْ؟ قَالُوا: بَلَى. قَالَ: ذَكَرَ اللَّهُ تَعَالَى.

Terjemahan: “Mahukah aku khabarkan kepada kamu mengenai sebaik-baik amalan kamu, yang lebih suci di sisi Allah, yang lebih meninggikan darjat kamu dan yang lebih baik daripada menafkahkan emas dan perak, dan yang lebih baik bagi kamu daripada menghadapi musuh, maka kamu penggalkan leher mereka dan mereka memenggalkan leher kamu? Para sahabat berkata: Ya, Rasulullah. Baginda menjawab: “*Zikrullah*.”³⁴³

Disisi lain, *zikrullah* itu lebih umum dari solat kerana ianya meliputi segala bentuk pergerakan hamba yang mengingat Allah dan hatinya yang berhubung dengan Allah sama ada dia menyebutkan *zikrullah* itu dengan lidah secara lantang atau tidak. Maksud asal dari *zikrullah* ialah adanya hubungan dengan Allah yang menggerakkan dan menyaran ingatan kepada Allah dalam setiap keadaan.³⁴⁴

Sebagaimana Abū Dawūd, meriwayatkan hadith al-A'mash daripada al-Aghar Abū Muslim daripada Abū Sa'īd al-Khudrī dan Abū Hurayrah daripada Nabi SAW, menjelaskan bahawa mengerjakan solat juga termasuk zikir sebagaimana dalam hadith berikut,

إِذَا أَقْبَضَ الرَّجُلُ أَهْلَهُ مِنَ اللَّيْلِ مُصَلِّيًا أَوْ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ جَمِيعًا كُتِبَ فِي الذَّاكِرِينَ
وَالذَّاكِرَاتِ

³⁴³ Abū Isā Muhammad bin Isā bin Saurah al-Tirmidhi, Kitab al-Da'awat, Bāb Mā Jāa fi Fadhl al-Zikr, no. Hadith 3377, *Sunan Tirmidhi*, ed., Muhammad Nasir al-Din al-Albani (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 1417H), 767.

³⁴⁴ Sayyid Qutb, *Tafsīr fī Zilāl al-Quran* (Beirut: Dar al-Shuruq, 1987M/ 1407H), 5:2762.; Lihat juga Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilalil Quran: Di Bawah Bayangan Al-Quran*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob (Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000), 13:121.

Terjemahan: “Jika seorang lelaki mengejutkan ahli keluarganya pada waktu malam, lalu mereka mengerjakan solat dua rakaat bersama-sama, nescaya mereka berdua akan ditulis dan disenaraikan dalam kalangan lelaki-lelaki yang banyak berzikir dan perempuan-perempuan yang banyak berzikir.”³⁴⁵

Mengingat Allah dalam ayat dan hadith di atas menunjukkan wujudnya perhubungan hati dengan Allah dan sentiasa bermuraqabah denganNya. Perhubungan ini bukan diukur dari aspek menyebut dengan menggerak-gerakkan lidah sahaja tetapi wujudnya penghayatan mendalam yang menyebabkan lahirnya rasa kedekatan dengan Allah SWT. Selain itu, mengingat Allah juga tidak dibatasi dengan waktu, masa, tempat dan keadaan tidak seperti ibadah solat dan ibadah selainnya yang juga termasuk dalam kategori zikir tetapi terikat dengan waktu untuk seseorang melaksanakannya, sebagaimana Allah rakamkan dalam ayat-ayat berikut:

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ ۚ فَإِذَا
أَطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ ۚ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا



Al-Nisa' 4:103

Terjemahan: Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

Dalam sesetengah keadaan, Allah juga menghubungkan zikir dengan masa. Sebagaimana firman Allah pada ayat berikut:

وَسَبِّحْهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

Al-Ahzab 33:42

³⁴⁵ Abū Dawūd Sulayman bin Ash'ath bin Ishāq al-Sajistānī, Kitab al-Salāh, Bāb Qiyām al-Layl, no. Hadith 1309, *Sunan Abū Dawūd*, ed., Muhammad Nāsir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 1417H), 225.

Terjemahan: Dan bertasbihlah kamu kepada-Nya pada waktu pagi dan petang.

Allah juga berfirman:

فَسُبِّحْنَ اللَّهَ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ﴿٤٧﴾ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ ﴿٤٨﴾

Al-Rum 30: 17-18

Terjemahan: (Setelah kamu mengetahui yang demikian), maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu subuh. Serta pujilah Allah yang berhak menerima segala puji (dari sekalian makhlukNya) di langit dan di bumi, dan juga (bertasbihlah kepadaNya serta pujilah Dia) pada waktu petang dan semasa kamu berada pada waktu zuhur.

Ayat di atas menyarankan kepada hambaNya untuk mengingat Allah pada waktu pagi dan petang. Bagi hambaNya yang rutin dalam kehidupannya mengingat Allah ianya merupakan satu peluang meskipun dibatasi waktu pasti ianya akan berusaha untuk memanfaatkan waktu tersebut kerana tiada alasan untuk tidak mengingatNya.

Di samping mengingat Allah dan bertasbih kepada-Nya, al-Quran juga menyedarkan hati kita bahawa rahmat, ri'ayah dan iradat Allah ke atas seluruh makhlukNya merupakan limpahan kurniaan Allah jua.³⁴⁶ Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan hal keadaan setiap jiwa dan hati hambaNya. Di mana hati dan jiwa seseorang itu akan terus merasa kekosongan, lalai dan terumbang-ambing sehinggalah dia berhubung dengan Allah, mengingatNya dan berbicara serta meminta denganNya, maka ketika itu barulah hatinya berada dalam hal keadaan yang mantap dan teguh dalam menentukan hala tuju.³⁴⁷ Oleh sebab inilah, al-Quran dan al-Sunnah begitu banyak sekali menggalakkan manusia supaya mengingat Allah. Al-Quran menghubungkan di antara *zikrullah* dengan waktu-waktu dan keadaan-keadaan yang dilalui manusia agar waktu-waktu dan keadaan-keadaan itu sentiasa mengingatkan

³⁴⁶ Sayyid Qutb, *Tafsir fī Zilāl al-Qur'ān* (Beirut: Dar al-Shuruq, 1987M/ 1407H), 5:2763; Lihat Sayyid Qutb, *Tafsir fī Zilāl al-Qur'ān: Di Bawah Bayangan Al-Quran*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob (Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000), 13:122.

³⁴⁷ *Ibid.*, 13:122.

mereka supaya mengingat dan berhubung dengan Allah agar hati mereka tidak lupa dan lalai.³⁴⁸

Sebagai rumusan, *zkrullah* secara literal terdiri dari dua elemen asas iaitu menyebut dan mengingat yang merupakan pendekatan pembangunan kerohanian terdiri dari ibadah asas dan umum serta amalan-amalan utama. *Zkrullah* yang dilaksanakan dengan lidah, dihayati oleh hati lalu diikuti oleh gerakan anggota badan adalah sebaik-baik amalan di sisi Allah SWT. *Zkrullah* dalam makna yang luas juga bermaksud mentaati Allah dengan mengamalkan *amar ma'ruf nahi munkar* dan bersyukur atas segala nikmatNya. Ini selaras dengan gagasan Negara Zikir untuk melahirkan masyarakat beriman dan bertakwa dan menjadikan negara sebagai sebuah negara yang diberkati Allah.

Zkrullah sebagai pendekatan pembangunan kerohanian berfungsi sebagai salah satu elemen *tazkiyah al-nafs* ke arah melahirkan generasi beriman dan bertakwa yang juga menjadi indikasi penting ke arah pencapaian status negara *Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafūr* iaitu negara yang baik, aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun.

a. Mentaati Allah

Zkrullah tidak hanya sebatas menyebut dan mengingat semata sebaliknya dengan pengertian tersebut ia juga bermaksud 'mentaati Allah'.³⁴⁹ Mentaati Allah itu ialah tidak membelakangi Allah dan tidak memerangi Allah kerana mentaati Allah adalah kubu, benteng dan perisai bagi semua musibah tidak terkecuali musibah mungkar.³⁵⁰ Negara yang mentaati Allah adalah negara selamat iaitu *Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafūr*.³⁵¹

Allah menyebut bahawa orang-orang yang mentaati dan menjaga batas-batas Allah adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman, sebagaimana firman Allah pada ayat berikut:

³⁴⁸ *Ibid.*,13:121.

³⁴⁹ Penulis atau pengarang asal buku *Negara Zikir* menggunakan kalimah 'memelihara Allah. Lihat Adi Rumi, *Negara Zikir* (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 42. Bagaimanapun pengkaji lebih cenderung untuk mengaplikasikan 'memelihara Allah' dengan 'mentaati Allah' agar lebih mudah difahami. Lihat juga nota kaki terdahulu.

³⁵⁰ Adi Rumi, *Negara Zikir*, 42-43.

³⁵¹ Abdul Aziz Juned, "Negara Zikir", 20.

التَّائِبُونَ الْعَبِدُونَ الْحَمِيدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ
السَّاجِدُونَ الْأَمْرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَالْحَافِظُونَ
لِحُدُودِ اللَّهِ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٢﴾

Al-Taubah 9: 112

Terjemahan: (Mereka itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang ruku', yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian).

Mentaati Allah adalah usaha menegakkan hukum-hukum Allah untuk dilaksanakan terhadap diri sendiri dan orang ramai dan menentang mereka yang menggugat atau mencerobohkannya. Usaha ini sama dengan tugas *al-Amru bi al-Ma'ruf* dan *al-Nahy 'an al-munkar* yang hanya dilaksanakan ke atas masyarakat Islam yang diperintah oleh syari'at Allah di mana manusia hanya taat kepada Allah semata-mata dan tugas utama menyuruh melakukan ma'ruf yang terbesar ialah menegakkan *uluhiyah* Allah Yang Maha Esa dan merealisasikan pembangunan masyarakat Islam. Dan tugas utama melarang melakukan kemungkaran yang terbesar iaitu mencegah pemerintahan Taghut dan perbuatan memperhambakan manusia kepada yang lain selain Allah.³⁵²

Daripada Ibn Abbas RA, Rasulullah SAW bersabda:

يا غلام إني أعلمك كلمات: احفظ الله يحفظك. احفظ الله تجده تجاهك، إذا سألت فاسأل الله، وإذا استعنت فاستعن بالله. واعلم أن الأمة لو اجتمعت على أن ينفعوك بشيء لم ينفعوك إلا بشيء قد كتبه الله لك، ولو اجتمعوا على أن يضروك بشيء لم يضروك إلا بشيء قد كتبه الله عليك، رفعت الأقلام وجفت الصحف.

Terjemahan: Wahai budak, aku akan mengajarkan kepadamu beberapa perkara: Jagalah Allah, niscaya Dia akan menjagamu, Jagalah Allah

³⁵² Sayyid Qutb, *Tafsir fi Zilal al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Shuruq, 1987M/ 1407H), 3:1720; Lihat Sayyid Qutb, *Tafsir fi Zilalil Quran: Di Bawah Bayangan Al-Quran*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob (Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000), 8:79.

niscaya Dia akan selalu berada dihadapanmu. Jika kamu meminta, mintalah kepada Allah, jika kamu memohon pertolongan, mohonlah pertolongan kepada Allah. Ketahuilah sesungguhnya jika sesuatu umat berkumpul untuk mendatangkan sesuatu manfaat kepadamu, mereka tidak akan dapat memberikan manfaat sedikitpun kecuali apa yang telah Allah tetapkan bagimu, dan jika mereka berkumpul untuk mencelakakanmu dengan sesuatu, niscaya mereka tidak akan mencelakakanmu kecuali kecelakaan yang telah Allah tetapkan bagimu. Pena telah diangkat dan lembaran telah kering.³⁵³

b. Syukur Nikmat Allah

Syukur bermaksud menggunakan segala nikmat yang Allah kurniakan untuk melakukan amal ketaatan kepada-Nya. Dan apabila nikmat-nikmat Allah itu tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya, maka itulah yang dikatakan kufur. Kejahilan dan kelalaian adalah faktor utama menghalang manusia daripada mensyukuri nikmat Allah. Justeru, memiliki ilmu sangat penting bagi seseorang kerana dengan adanya ilmu, ia akan mendorong seseorang mengenal dan menggunakan nikmat itu di jalan Allah.³⁵⁴

Andai kata seseorang mengetahui bahawa segala nikmat itu datangnya dari Allah dan memahami pula bagaimana hendak menggunakan segala nikmat tersebut tetapi masih lagi merasa berat untuk melahirkan rasa syukur, maka yakinlah bahawa yang menghalangnya adalah pengaruh syahwat yang membelenggu hatinya disertai syaitan yang mengalahkannya, maka ia hendaklah melakukan proses *mujāhadah al-nafs* agar hati kembali bersinar dan menerima Nur Ilahi,³⁵⁵ sebagaimana dirakamkan dalam ayat berikut:

وَإِذْ تَأَذِّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي

لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Ibrahim 14: 7

Terjemahan: Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah

³⁵³ Hadith riwayat al-Tirmidhi, Kitāb Sifat al-Qiyāmah, Bab Awani al-Hawdh, no. Hadith 2516. Hadith Hasan Sahih. Abū Isā Muhammad bin Isā bin Saurah al-Tirmidhi, “Sunan al-Tirmidhi,” dalam *al-Jami ‘al-Saḥih*, ed. Abd al-Wahhab Abd al-Latif (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyah bi al-Madinah al-Munawwarah, 1384H/ 1964M), 4: 667.

³⁵⁴ Shamsul Mohd Nor, *Menyelami Samudera Tasawuf* (Selangor: Yamani Angle Sdn Bhd), 183, 186.

³⁵⁵ *Ibid.*

ni‘matku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar seseungguhnya azabku amatlah keras.”

Menurut Sayyid Qutb tatkala menjelaskan ayat tersebut, mensyukuri nikmat Allah merupakan bukti adanya kejujuran di dalam hati manusia kerana kesyukuran merupakan suatu balasan tabi‘i berlandaskan fitrah yang lurus. Dan hati yang bersyukur kepada Allah atas nikmat yang dikurniakan itu membolehkannya sentiasa bermuraqabah dengan Allah. Di samping itu, kesyukuran juga dapat membersihkan hati manusia dan mendorongnya ke arah melakukan amalan soleh dan ke arah menyuburkan dan menambahkan keberkatan nikmat yang diberikan.³⁵⁶ Dengan kata lain, syukur seorang hamba itu meliputi tiga rukun; pertama, mengakui kenikmatan secara batiniah, kedua, mengucapkannya secara lahiriah dan ketiga, menggunakannya sebagai motivasi untuk peningkatan ibadat kepada Allah SWT.³⁵⁷

Dengan demikian, syukur merupakan panduan antara perilaku hati, lisan dan anggota tubuh. Hati, untuk ma‘rifat dan mahabbah, lisan sebagai pencetus pujian dan sanjungan dan anggota tubuh digunakan sebagai media pelaksana dari rasa syukur itu sendiri dan mencegahnya dari bermaksiat kepada Allah SWT.³⁵⁸ Allah berfirman dalam ayat berikut:

مَا يَفْعَلُ اللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِن شَكَرْتُمْ وَءَامَنْتُمْ ۚ وَكَانَ اللَّهُ شَاكِرًا عَلِيمًا ﴿١٤٧﴾

Al-Nisa’ 4: 147

Terjemahan: Apa gunanya Allah menyiksa kamu sekiranya kamu bersyukur (akan ni‘matNya) serta kamu beriman (kepadaNya)? Dan (ingatlah) Allah sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya), lagi Maha Mengetahui (akan hal keadaan mereka).

Bagaimanapun, faedah kesyukuran itu sama sekali tidak kembali kepada Allah dan kesan kekufuran itu juga tidak menjejaskan Allah kerana Allah Maya Kaya dan

³⁵⁶ Sayyid Qutb, *Tafsir fi Zilal al-Quran*, 4:2089; Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilalil Quran: Di Bawah Bayangan Al-Quran*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob, 9:441; Lihat Al-Ghazzali, *Ihya’ Ulumiddin*, terj. Ibnu Ibrahim Ba’adillah (Jakarta: Republika Penerbit, 2011), 8: 66-75.

³⁵⁷ Ahmad Faried, *Tazkiyah al-Nufus wa Tarbiyatuha Kama Yuqarriruhu Ulama al-Salaf: Menyucikan Jiwa Konsep Ulama Salaf*, terj. M.Azhari Hatim (Surabaya: Risalah Gusti: 1993), 103.

³⁵⁸ *Ibid.*

Maha Terpuji dengan zat-Nya, bukannya kerana Dia dipuji dan disyukuri manusia terhadap limpah kurnia-Nya.³⁵⁹

ii. *Khayr Ummah*

Khayr Ummah atau sebaik-baik umat merupakan objektif yang ingin dicapai oleh Negara Zikir.³⁶⁰ Allah berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Ali ‘Imran 3: 110

Terjemahan: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

Konsep ﴿ خَيْرَ أُمَّةٍ ﴾ dalam ayat tersebut adalah merujuk kepada orang Islam yang terdahulu atau yang akan datang secara mutlak. Ini merupakan pendapat yang rājih.³⁶¹ Pandangan lain menyebutkan konsep tersebut adalah merujuk kepada umat Nabi Muhammad SAW sebagai satu keutamaan.³⁶²

Diriwayatkan dari Abu Hurairah RA mengenai ayat ini, ﴿ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ ﴾, beliau berkata: “Kamu adalah umat terbaik yang memberi kebaikan kepada manusia lainnya. Kamu datang menyelamatkan mereka tatkala belenggu-belenggu melilit di leher mereka kemudian belenggu-belenggu itu terlepas, sebaik saja mereka masuk Islam”.³⁶³ Ibn ‘Abbās, Mujāhid, ‘Atiyyah al-‘Awfi, ‘Ikrimah, ‘Atā’, dan al-Rabi’

³⁵⁹ *Ibid.*

³⁶⁰ Adi Rumi, *Negara Zikir* (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 47.

³⁶¹ Al-Ṭabarī, Abī Ja‘afar Muhammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āyi al-Qur‘ān Taqrīb wa Tahdhīb* (Damsyiq: Dar al-Qalam, 1997M/ 1418H), 2: 355.

³⁶² Ibn Kathir, *Al-Misbāh al-Munir fī Tahdhīb Tafsīr Ibn Kathir: Shahih Tafsīr Ibnu Katsir*, terj. Abu Ihsan al-Atsari (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2012), 2: 260.

³⁶³ al-‘Asqalāni, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar, *Fathu al-Bārī bi sharah Ṣaḥih al-Bukhārī* (Kaherah: Dar al-Bayan al-Turath, 1988M/ 1409H), 8: 72; al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Kitāb Tafsīr al-Qur‘ān*, Bab ﴿kuntum khair ummah ukhrijat li al-nas﴾, no. Hadith 4557, *al-Jami‘ al-Ṣaḥih li al-Bukhārī* (Kaherah: Matba‘ah al-Salafiyah, 1400H.), 3: 210; Lihat Ibn Kathir, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fida’ Ismā‘īl bin Kathir, *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm* (Madinah Munawwarah: Maktabah al-‘Ulum wa al-

bin Anas juga sependapat mengenai ayat di atas, yaitu sebaik-baik manusia bagi manusia lainnya.³⁶⁴ Menurut Ibn Kathīr, indikasi umat terbaik dan manusia paling bermanfaat bagi yang lainnya, ialah mereka yang menegakkan *amar ma'ruf nahi munkar* dan beriman kepada Allah".³⁶⁵

i. Amar Ma'ruf Nahy Munkar

Islam mewajibkan umatnya menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran kepada semua umat tanpa mengira bangsa, warna kulit, pemimpin dan rakyat, orang ternama dan orang awam, lelaki dan perempuan, tua dan muda, majikan dan pekerja. Tugas ini merupakan satu tugas sosial ke atas semua individu umat Islam tanpa ada pengecualian ke atas sesiapa pun. Setiap orang menjalankannya mengikut keadaan, kemampuan serta keimanan masing-masing dan mereka disifatkan sebagai orang-orang yang berjaya.³⁶⁶ Asas kepada tugas ini dirakamkan dalam ayat berikut:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Ali 'Imraan 3:104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembang Islam), dan menyuruh berbuat segera perkara yang baik, serta melarang daripada segera yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Melaksanakan *amar ma'ruf nahi munkar* merupakan kewajipan fardhu kifayah. Bermaksud jika ada suatu golongan yang bangun bergerak melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahy munkar*, maka gugurlah dosa orang yang lainnya dan tentulah keberuntungan dapat diperolehi bagi pihak yang melaksanakannya. Namun jika golongan tersebut

Hikam, 1993M/ 1413H), 9: 369; Ibn Kathīr, *Al-Misbāh al-Munīr fī Tahdhīb Tafsīr Ibn Kathīr: Shahih Tafsīr Ibnu Katsir*, terj. Abu Ihsan al-Atsari (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2012), 2: 260.

³⁶⁴ Ibn Kathīr, 'Imād al-Dīn Abū al-Fida' Ismā'īl bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* (Madinah Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, 1993M/ 1413H), 9: 369; Ibn Kathir, *Al-Misbāh al-Munir fī Tahdhīb Tafsīr Ibn Kathīr: Shahih Tafsīr Ibnu Katsir*, terj. Abu Ihsan al-Atsari (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2012), 2: 260.

³⁶⁵ *Ibid.*

³⁶⁶ Abd Allāh Nasih 'Ulwān, *Tarbiyah al-Awlad fī al-Islām* (Mesir: Dar al-Salam, 2015), 1: 465-466.

ingkak untuk melaksanakannya, maka dosa akan ditanggung oleh golongan tersebut dan melibatkan orang lain secara keseluruhannya.³⁶⁷

Tugas untuk melaksanakan kewajiban amar makruf nahi munkar bukanlah suatu tugas yang mudah bahkan ia perlu dilakukan secara kolektif berdasarkan beberapa prinsip dan juga syarat. Antaranya, orang yang menyeru kepada kebaikan dan melarang kemungkaran itu hendaklah memperkatakan sesuatu yang dilakukannya kerana ianya akan menjadi ikutan atau contoh tauladan kepada yang lain, hendaklah perbuatan yang ditegah itu mestilah sesuatu yang disepakati kemungkarannya, hendaklah mencegah kemungkaran secara berperingkat, hendaklah bersikap lemah lembut, tidak terburu-buru dan berakhlak baik dan hendaklah bersabar dengan ujian.³⁶⁸

Dari Abū Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

Terjemahan: Sesiapa sahaja dari kalangan kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah ia mencegahnya dengan tangan (kuasa), sekiranya ia tidak mampu, maka hendaklah ia mencegahnya dengan perkataan (teguran), dan sekiranya ia tidak mampu berbuat demikian maka hendaklah ia mencegahnya dengan hati dan itu selemah-lemah iman.³⁶⁹

Berdasarkan hadith tersebut, proses mencegah kemungkaran dilakukan secara berperingkat-peringkat. Meskipun begitu, kebijaksanaan dalam melaksanakannya amat diperlukan bersesuaian dengan situasi dan keadaan supaya seseorang tidak tergelincir daripada matlamat asal perlaksananya dan tidak memberi kesan yang lebih buruk.³⁷⁰ Oleh itu, Allah menyifatkan golongan yang melaksanakan amar makruf nahi munkar sebagai umat yang paling baik yang dilahirkan untuk kepentingan manusia yang lainnya, sebagaimana dirakamkan dalam ayat berikut:

³⁶⁷ Al-Ghazzālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, 7: 1196.

³⁶⁸ 'Abd Allāh Nāsīh 'Ulwān, *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islām*, 1: 469-474.

³⁶⁹ Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dar Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1955), 1:69.

³⁷⁰ 'Abd Allāh Nāsīh 'Ulwān, *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islām*, 1: 468, 472.

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ
الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Ali ‘Imraan 3:110

Terjemahan: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

Dan Allah juga menyifatkan orang-orang yang melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar sebagai orang-orang mukmin.³⁷¹ Dan setiap perkara kebajikan yang dilakukan adalah menjadi amalan soleh yang diberikan ganjaran pahala, sebagaimana dinyatakan dalam ayat berikut:

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وُسِرُّعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَٰئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾ وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ
فَلَنْ يُكْفَرُوهُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾

Ali ‘Imraan 3: 114-115

Terjemahan: Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari orang-orang yang soleh. Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertakwa.

Dalam konteks Negara Zikir, umumnya pelaksanaan *amar ma‘ruf nahi munkar* adalah bermula dengan pengislaman raja pertama selaku pemimpin negara iaitu Sultan

³⁷¹ Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā’ ‘Ulum al-Dīn*, 7: 1197.

Muhammad Shah. Baginda memilih Islam sebagai ugama anutan dan panutan serta menjadi contoh teladan kepada pemimpin selepasnya. Impak perlaksanaan *amar ma'ruf nahi munkar* yang penting dan utama jelas boleh dilihat hingga ke hari ini. Antaranya, pada zaman pemerintahan Sultan Sharif 'Ali baginda telah melakukan beberapa perkara seperti menguatkan syari'at Islam, membangun masjid, menentukan arah kiblat, membaca khutbah Juma'at dan larangan memakan daging khinzir. Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hassan, baginda telah mengemaskan undang-undang Islam dengan memperbaiki isi Hukum Kanun Brunei berdasarkan ajaran Islam. Peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Hukum Kanun Brunei adalah ringkas tetapi meliputi bidang yang luas termasuk undang-undang jenayah, *hudud*, *qisās* dan *ta'zir*, undang-undang muamalah, undang-undang keluarga termasuk pinang-meminang, nikah, cerai, fasakh. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa Hukum Kanun Brunei berdasarkan hukum syara'.³⁷²

Pada zaman pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III, baginda telah memartabatkan Islam sebagai ugama rasmi di dalam Perlembagaan Negara 1959, mengikut aliran Ahli Sunnah Waljama'ah dan Mazhab Shafi'ie, menjana pendidikan agama Islam dengan menghantar anak-anak tempatan belajar di Sekolah Arab al-Junid Singapura, menubuh sekolah-sekolah ugama, mengasas Sekolah Arab Lelaki dan Perempuan, mengepalai laungan takbir *Allahu Akbar* sebanyak tiga kali untuk mengiringi pemasyhuran kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.³⁷³

Dan sepanjang pemerintahan Sultan Haji Hassan al-Bolkiah, baginda telah melaksanakan pelbagai perkara selaras dengan kehendak Negara Zikir. Antara yang terpenting ialah membaca al-Quran sebelum memulakan tugas, penerbitan Mushaf Brunei Darussalam, al-Quran sebagai ganti cokmar Universiti Brunei Darussalam, pengharaman arak, pengendalian Qanun Jina'i Islam (*Islamic Criminal Act*), membentaras ajaran-ajaran sesat, penetapan pakaian paramugari bertudung, doa safar, barangan dan produk halal, larangan merokok di tempat awam,³⁷⁴ penutupan sementara

³⁷² Ahmad Abdussalam Abdul Rahman, "Brunei Darussalam Negara Zikir: Hasrat Sultan Haji Hassan al-Bolkiah" (makalah, Annual Conference on Islamic Studies, Hotel Arum Banjarmasin, Kalimantan Selatan, 1-5 November 2010), 69-70.

³⁷³ *Ibid.*, 71-72

³⁷⁴ *Ibid.*, 73-76.

premis perniagaan pada waktu solat fardhu Jumaat³⁷⁵, Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012³⁷⁶ dan Perintah Kanun Hukum Jenayah 2013.³⁷⁷

iii. *Marḍatillāh*

Marḍatillāh atau keredhaan Allah merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh Negara Zikir.³⁷⁸ Selaku masyarakat Negara Zikir sudah tentu pencapaian untuk menjadi yang terbaik bukan hanya dinilai dari ukuran manusia semata-mata tetapi mencapai keredhaan Allah merupakan konsep menjadi orang terbaik dalam Islam.

Di dalam al-Quran, *marḍatillāh* menerusi ayat berikut bermaksud seseorang sanggup mengorbankan segala harta dan kesenangan hidup dunia dan menyerahkan dirinya semata-mata untuk Allah. Inilah gambaran tepat mengenai sifat bagi jiwa seorang mukmin yang mempunyai keimanan yang tulus kepada Allah semata-mata dan memandang rendah kepada segala harta dan kesenangan hidup di dunia.³⁷⁹

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْرِي نَفْسَهُ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ



Al-Baqarah 2:207

Terjemahan: Dan di antara manusia ada yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredaan Allah semata-mata; dan Allah pula Amat belas-kasihan akan hamba-hamba-Nya.

Allah SWT memberi perumpamaan ke atas kaum mukminin yang menginfakkan hartanya untuk mencari redha Allah demi untuk keteguhan jiwa mereka seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua

³⁷⁵ Aimi Sani, “Penutupan Premis Perniagaan Merealisasikan Hasrat Negara Zikir,” *Pelita Brunei*, 7 Januari 2013, 6.

³⁷⁶ Aryentty Hj Ariffin, “Perintah Pendidikan Ugama Wajib Mekanisme Jayakan Wawasan Negara,” *Pelita Brunei*, 12 Januari 2013.

³⁷⁷ Hanan Abdul Aziz dan Ahmad Abdussalam Abdul Rahman, “Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal” (makalah, Seminar Antarabangsa Perundangan Islam Dalam Masyarakat Kontemporari 2013 [ISLAC 2013], Hotel Permai, Kuala Terengganu, 30 November – 1 Disember 2013).

³⁷⁸ Adi Rumi, *Negara Zikir*, 38.

³⁷⁹ Ibn Kathir, ‘Imad al-Din Abu al-Fida’ Isma‘il bin Kathir, *Tafsir al-Quran al-‘Azeem* (Madinah Munawwarah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam, 1993M/ 1413H), 1: 234; Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilalil Quran: Di Bawah Bayangan Al-Quran*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob (Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000), 1:486-487.

kali ganda. Ini bermaksud tatkala manusia menginfak, hati mereka sangat yakin dan teguh bahawa Allah akan memberikan pahala atas amal perbuatan mereka dengan pahala yang lebih banyak daripada apa yang mereka infakkan.³⁸⁰ Firman Allah SWT,

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ
كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَفَاتَتْ أَكْطُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا
وَابِلٌ فَطُلٌّ ۖ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

Al-Baqarah 2:265

Terjemahan: Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat, maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan.

Sebagai rumusan, *marḍatillāh* (redha Allah), merupakan pengakhiran matlamat yang diharapkan bagi setiap perkara kebajikan atau perbuatan baik yang disumbangkan kepada orang lain dengan niat tulus ikhlas tanpa mengharap sebarang imbalan, ganjaran dan habuan daripada penerima, melainkan hanya mengharapkan keredhaan dari Allah SWT jua.

iv. **Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr**

Dalam konteks Negara Zikir, *Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr* merupakan visi dan takwa diperlukan sebagai satu syarat untuk mencapai visi tersebut.³⁸¹ Saranan gagasan Negara Zikir juga bertujuan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara diberkati kerana keterikatan negara dan masyarakatnya semata-mata kerana Allah.

Imej *Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr* dirujuk sebagai sebuah negara berkat, dihuni oleh penduduk negeri Saba'. Ia merupakan negara yang dilimpahi kemewahan,

³⁸⁰ Ibn Kathīr, *Al-Misbāh al-Munīr fī Tahdhīb Tafsīr Ibn Kathir: Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, terj. Abu Ihsan al-Atsari (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2012), 2: 39.

³⁸¹ Adi Rumi, *Negara Zikir*, iii, 60.

kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan. Cuaca negaranya teduh dan buminya subur dengan tanaman dan buah-buahan³⁸², sebagaimana Allah rakamkan dalam ayat-ayat berikut:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ ءَايَةٌ ۖ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ ۚ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ ۚ بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Saba' 34: 15

Terjemahan: Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba' satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kariah mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): “Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya;” (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan ma'mur), dan (Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun).

Dan firman Allah:

وَجَعَلْنَا بَيْنَهُم وَبَيْنَ الْقُرَى الَّتِي بَرَكَتْنَا فِيهَا قُرَى ظَهْرَةً وَقَدَرْنَا فِيهَا السَّيْرَ ۚ سِيرُوا فِيهَا لَيَالَى وَأَيَّامًا ءَامِنِينَ ﴿١٨﴾

Saba' 34: 18

Terjemahan: Dan di antara tempat tinggal mereka (di negeri Yaman) dengan bandar-bandar (di daerah negeri Syaam) yang Kami limpahkan berkat kepadanya (dengan kemakmuran), Kami adakan beberapa buah bandar yang jelas kelihatan (kepada orang-orang yang melalui jalan itu), dan Kami tentukan jarak perjalanan di antaranya (sekadar yang dapat dijadikan tempat-tempat persinggahan), (serta dikatakan kepada mereka): “Berjalanlah kamu di bandar-bandar itu pada bila-bila masa yang kamu suka, malam dan siang, dalam keadaan yang aman.”

Menerusi ayat-ayat tersebut, Allah menceritakan tentang kaum Saba' yang merupakan satu kaum yang tinggal dan mendiami di satu kawasan bumi yang subur di Selatan Yaman. Kaum Saba' telah melalui tamadun yang tinggi. Mereka berjaya membina sebuah takungan air tabi'i di antara dua buah bukit. Mereka telah bina sebuah

³⁸² Ibn Kathir, *Al-Misbah al-Munir fi Tahdhib Tafsir Ibn Kathir: Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, terj. Abu Ihsan al-Atsari, 7: 412.

empangan yang boleh dibuka dan ditutup di muka lembah di antara dua bukit tersebut. Mereka dapat menyimpan air yang banyak di belakang empangan itu dan dapat mengendalikannya mengikut keperluan mereka.³⁸³

Bagaimanapun, Allah memperingatkan mereka tentang ni'mat kemakmuran dan kemewahan negeri mereka dan juga ni'mat keampunan Allah yang memaafkan kecuaiannya kerana enggan bersyukur dan melakukan banyak kesalahan. Sehingga ke satu masa, mereka enggan bersyukur kepada Allah, enggan melakukan amalan-amalan yang soleh serta enggan menggunakan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah itu dengan pengendalian yang baik, lalu Allah merampas kembali kemewahan dan kemakmuran hidup mereka dengan melepaskan banjir yang dahsyat yang menghanyutkan batu-batuan yang ada di tengah jalannya lalu memecahkan empangan mereka menyebabkan berlakunya banjir besar sehingga menenggelamkan negeri tersebut.³⁸⁴

Sementara negara berkat adalah merujuk kepada keberkatan yang dijanjikan Allah kepada orang-orang yang beriman, kadang-kadang dicapai dengan rezeki yang sedikit jika digunakan dengan sebaik-baiknya, ia akan membawa kebaikan, keamanan, kerelaan, kepuasan dan keriangian.³⁸⁵ Perkataan berkat berasal daripada bahasa Arab *barakah*. Dari segi bahasa, *al-barakah* memiliki dua makna, iaitu; pertama, tetap dan terus menerus dan kedua, tumbuh berkembang dan bertambah.³⁸⁶ Dan dalam ayat-ayat berikut, lafaz *barakat* disebutkan:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ

وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٦﴾

Al-A'raf 7: 96

Terjemahan: Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman dan bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada

³⁸³ Sayyid Qutb, *Tafsir fī Zilāl al-Qur'ān*, 5:2900; Lihat Sayyid Qutb, *Tafsir Fī Zilālil Quran: Di Bawah Bayangan Al-Quran*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob, 13: 198.

³⁸⁴ *Ibid.*, 13: 199.

³⁸⁵ *Ibid.*, 6:247.

³⁸⁶ Muhammad Mahmud Abd al-Jawwād, *al-Barak*, 5; Lihat Muhammad Mahmud Abdul Jawwad, *Terapi Spiritual Menuju Hidup Penuh Berkat*, 5.

mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

Keberkatan yang dicapai melalui keimanan dan ketakwaan ialah keberkatan yang meliputi segala benda, keberkatan-keberkatan di dalam jiwa dan perasaan, keberkatan-keberkatan dalam kesenangan hidup dan keberkatan yang menyubur dan memajukan hayat.³⁸⁷ Lafaz *barakat* juga dirakamkan dalam ayat berikut:

قِيلَ يٰ نُوحُ اهْبِطْ بِسَلَامٍ مِّنَّا وَبَرَكَاتٍ عَلَيْكَ وَعَلَىٰ أُمَمٍ مِّمَّنْ مَعَكَ

Hud 11: 48

Terjemahan: Allah berfirman: “Wahai Nuh! Turunlah (dari bahtera itu) dengan selamat dan berkat dari Kami kepadamu dan kepada umat-umat yang bersama-samamu.

Barakat dalam ayat di atas adalah rahmat kasihan belas Allah yang telah menyelubungi dan mententeramkan hati Nabi Nuh AS dan memberkatinya bersama dengan zuriat keturunannya yang soleh. Dengan kata lain, Allah telah mengurniakan kepada Nabi Nuh AS ni‘mat berupa keselamatan dari malapetaka banjir besar yang menenggelamkan seluruh manusia yang mendiami kawasan itu kecuali penumpang-penumpang bahtera Nabi Nuh sahaja yang selamat.³⁸⁸ Jelas dari ayat-ayat di atas, barakat itu ada ketikanya diberikan dalam bentuk kurniaan ni‘mat dan ada juga dalam bentuk rahmat. Maka untuk mendapatkan *barakah*, hanya diperlukan dua syarat asas iaitu iman kepada Allah SWT dan juga takwa yang mencakupi tiga hal iaitu kekhuatiran, ketaatan dan ibadah serta penyucian hati dari segala dosa.³⁸⁹

i. Iman

Iman merupakan suatu unsur yang amat penting kepada setiap individu Muslim. Iman adalah yang membezakan seseorang individu sama ada Islam atau kafir. Iman ialah berikrar dengan lidah bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah SWT dan

³⁸⁷ Sayyid Qutb, *Tafsir fī Zilāl al-Qur’ān*, 3:1339; Lihat Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilalil Quran: Di Bawah Bayangan Al-Quran*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob, 6:247.

³⁸⁸ *Ibid.*, 4:1880-1881; *Ibid.*, 8: 474.

³⁸⁹ Muhammad Mahmud Abd al-Jawwād, *al-Barakah*, 123, 130.; Lihat Muhammad Mahmud Abdul Jawwad, *Terapi Spiritual Menuju Hidup Penuh Berkat*, 157, 169.

Nabi Muhammad SAW pesuruh Allah, membenarkan dengan hati serta mengerjakan dengan anggota segala yang diperintah dan meninggalkan larangan-Nya.³⁹⁰

Pengertian keimanan atau akidah itu tersusun daripada enam perkara iaitu, makrifat kepada Allah, makrifat dengan alam yang ada di sebalik alam semesta ini iaitu alam yang tidak dapat dilihat, makrifat dengan kitab-kitab Allah, makrifat dengan nabi-nabi dan rasul-rasul Allah, makrifat dengan hari akhir dan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada hari tersebut dan makrifat kepada takdir iaitu qadha' dan qadar,³⁹¹ sebagaimana dirakamkan dalam ayat berikut:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ
وَكُتُبِهِ ۚ وَرُسُلِهِ ۚ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ ۚ

Al-Baqarah 2: 285

Terjemahan: Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): “Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain dari Rasul-rasulNya”.

Iman merupakan satu proses kepatuhan yang amat berkait rapat dengan hati, budi, jiwa dan rohani seseorang muslim. Walaupun hakikat iman itu terpendam jauh di dasar jiwa sanubari manusia, namun kualiti keimanan seseorang muslim masih boleh diukur dan dinilai berdasarkan amal ibadah atau amal soleh. Sejauh mana kuantiti dan kualiti amal soleh seseorang itu, maka sejauh itulah juga pencapaian dan prestasi keimanan yang boleh diraihny di sisi Allah SWT.³⁹²

Oleh itu, setiap orang Islam hendaklah sentiasa menjaga iman kerana iman seseorang itu boleh meningkat dan menurun berdasarkan kuantiti dan kualiti amalan soleh yang dilakukan. Iman dan amal soleh keduanya mempunyai hubungan yang sangat rapat dan tidak boleh dipisahkan sama sekali dalam Islam. Malah kedua-duanya

³⁹⁰ Yazid Haji Maarof dan Mohammad Kamil Ab Majid, Panduan Akidah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 68.

³⁹¹ Sayid Sabiq, Akidah Islam (Singapura: Pustaka Nasional, t.t), 8; Yazid Haji Maarof dan Mohammad Kamil Ab Majid, Panduan Akidah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 73.

³⁹² Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi, Membangun Modal Insan Melalui Pemantapan Akidah (Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), 51.

menjadi tonggak utama yang menjulang Islam sebagai agama yang bersifat syumul dan menyeluruh dalam seluruh ruang lingkup kehidupan manusia. Iman dan amal soleh juga merupakan prasyarat utama bagi seseorang muslim menuju ke arah kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.³⁹³ Firman Allah dalam ayat berikut:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

Fussilat 41:46

Terjemahan: Sesiapa yang mengerjakan amal salih maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya.

ii. Takwa

Takwa juga merupakan suatu sifat yang sentiasa diwasiatkan oleh Allah sepanjang sejarah perkembangan umat manusia melalui perutusan nabi-nabi dan rasul-rasulNya. Pengulangan sebutan perkataan takwa dalam al-Quran menjadi petunjuk jelas betapa pentingnya takwa sebagai sifat paling asas yang menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.³⁹⁴ Firman Allah dalam ayat berikut:

وَلَقَدْ وَصَّيْنَا الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَإِيَّاكُمْ أَنِ اتَّقُوا اللَّهَ

Al-Nisa' 4:131

Terjemahan: ...dan demi sesungguhnya, Kami telah perintahkan orang-orang yang diberi Kitab dahulu daripada kamu, dan juga (perintahkan) kamu, iaitu hendaklah bertakwa kepada Allah;

Hakikat takwa itu adalah: Menjaga diri agar tidak mendapat kemurkaan Allah SWT, iaitu dengan menjalankan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya, bermuraqabah dengan cara sembunyi-sembunyi atau dengan cara terang, takut terhadap dosa-dosa dan selalu bertaubat. Dialah Allah yang Maha Mulia, dan yang Maha diagungkan di dalam hati. Maka takwa itu adalah beriman dengan roh dan jasad. Sesiapa yang berkata: "Tidak ada Tuhan selain Allah," maka dia harus bertakwa kepadaNya.³⁹⁵ Menurut *Kamus Dewan*, takwa bererti ketaatan mengerjakan perintah Allah atau takut

³⁹³ *Ibid.*, 51-52.

³⁹⁴ Mohd Sulaiman bin Hj Yasin, *Akhlaq dan Tasawuf* (Selangor: Yayasan Salman Bangi, 1992), 413.

³⁹⁵ Muhammad Mahmud Abd al-Jawwad, *al-Barakah*, 131; Lihat Muhammad Mahmud Abdul Jawwad, *Terapi Spiritual Menuju Hidup Penuh Berkah*, 170.

kepada Allah.³⁹⁶ Perkataan takwa mengandungi tiga unsur makna: Pertama, mengandungi makna kekuatan “*al-quwwah*”. Kedua, mengandungi makna usaha keselamatan, pengawalan atau pertahanan “*al-wiqāyah*” dan ketiga, mengandungi makna rasa takut lalu berusaha untuk mengawal atau menyelamatkan diri dari sesuatu yang ditakuti seperti yang digambarkan dalam ayat-ayat al-Quran.³⁹⁷

Dengan pengertian di atas, takwa memerlukan; daya kekuatan jasmani dan rohani, perasaan takut kepada Allah Maha Pencipta, perasaan takut kepada azab dan seksaan api neraka, jalan-jalan dan cara-cara untuk mengawal diri dari benda yang ditakuti dan natijah dari keperluan ini adalah nikmat syurga dan keredaan Allah.³⁹⁸

Menurut al-Muhāsibī, takwa adalah berhati-hati dengan cara menjauhi sesuatu yang dibenci oleh Allah ‘Azza wa Jallā dalam dua hal. Pertama, menyia-nyiakan hak-Nya yang wajib. Kedua, melakukan apa yang telah Dia haramkan dan Dia larang, sama ada secara sembunyi mahupun secara terang-terangan. Hal ini merangkumi dua hal pula, iaitu melaksanakan apa yang diwajibkan oleh Allah kerana Allah dan meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah kerana Allah juga.³⁹⁹ Menurut al-Ghazzālī pula, takwa ialah mensucikan hati dari dosa yang belum dilakukan sehinggalah ia mendorongkan kamu hasil daripada keazaman yang kuat untuk meninggalkan dosa itu sebagai benteng di antara engkau daripada maksiat-maksiat itu.⁴⁰⁰

Maka apabila terjadi benteng kawalan di antara seorang hamba daripada maksiat-maksiat, hasil daripada keazaman yang kuat untuk meninggalkan maksiat-maksiat itu, serta kecekalan hati, maka dia sudah boleh disifatkan sebagai “*muttaqī*” (orang yang bertakwa). Dikatakan bahawa kombinasi atau cantuman daripada tiga perkara tersebut iaitu penyucian hati, keazaman dan kecekalan itulah takwa.⁴⁰¹ Di

³⁹⁶ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1579, entri “takwa.”

³⁹⁷ Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Minhāj al-‘Ābidīn* (Beirut: Dar al-Minhaj, 2006), 102.; Lihat Mohd Sulaiman bin Hj Yasin, *Akhlak dan Tasawuf* (Selangor: Yayasan Salman Bangi, 1992), 413.

³⁹⁸ *Ibid.*

³⁹⁹ Al-Muhāsibī, Abū ‘Abd Allāh al-Hārith bin Asad, *Riāyah li Huqūq Allāh*, Abd al-Halīm Mahmūd (ed.), (Kaherah: Dar al-Ma‘arif, 1984), 207; Lihat juga Abū ‘Abd Allāh al-Hārith bin Asad, *Riāyah li Huqūq Allāh: Memelihara Hak-Hak Allah*, terj. Abd al-Halim Mahmud (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2002), 47.

⁴⁰⁰ Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Minhāj al-‘Ābidīn*, 101. Lihat Mohd Fadli b. Ismail, *Taqwa Bekalan Menuju Ke akhirat*, 4.

⁴⁰¹ Mohd Fadli b. Ismail, *Taqwa Bekalan Menuju Ke akhirat* (Kuala Lumpur: Pustaka Al-Irshad, 1995), 4.

dalam al-Quran, takwa sering dikaitkan dengan tiga makna. Pertama, merasa takut dan merasa kehebatan Allah Subhanahu Wata'ala. Kedua, taat dan ibadah dan *ketiga*, membersihkan atau menyucikan hati daripada dosa-dosa. Bagaimanapun, takwa yang dikaitkan dengan membersihkan atau menyucikan hati daripada dosa-dosa itulah hakikat takwa yang sebenarnya.⁴⁰²

Hubungan di antara takwa dan iman ialah iman sebagai asas dan teras kepada takwa. Bahkan sifat takwa adalah hasil dari kesuburan dan kemantapan iman dalam hati. Iman yang menetap dan menyerap ke dasar hati pasti akan melahirkan keadaan kerohanian yang membangkitkan rasa cinta kepada kebaikan dan kebajikan. Hal keadaan kerohanian seperti ini yang semakin tetap atau menetap di dalam hati, itulah yang disebut dengan takwa.⁴⁰³ Firman Allah Ta'ala,

وَأَعْلَمُوا أَنَّ فِيكُمْ رَسُولَ اللَّهِ لَوْ يُطِيعُكُمْ فِي كَثِيرٍ مِّنَ الْأَمْرِ لَعَنِتُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ أُولَٰئِكَ هُمُ الرَّاشِدُونَ ﴿٧٧﴾ فَضَلَّأَ مِّنَ اللَّهِ وَنِعْمَ اللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ ﴿٧٨﴾

Al-Hujuraat 49: 7-8

Terjemahan: Dan ketahuilah! Bahawasanya dalam kalangan kamu ada Rasulullah (maka janganlah kemahuan atau pendapat kamu mendahului pentadbirannya); kalaulah ia menurut kehendak kamu dalam kebanyakan perkara, tentulah kamu akan mengalami kesukaran; akan tetapi (Rasulullah tidak menurut melainkan perkara yang diwahikan kepadanya, dan kamu wahai orang-orang yang beriman hendaklah bersyukur kerana) Allah menjadikan iman suatu perkara yang kamu cintai serta diperhiaskannya dalam hati kamu, dan menjadikan kekufuran dan perbuatan fasik serta perbuatan derhaka itu: perkara-perkara yang kamu benci; mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang tetap menurut jalan yang lurus;- (Mereka dijadikan berkeadaan demikian) sebagai limpah kurnia dan ni'mat pemberian dari Allah; dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Jalan-jalan untuk menjadi orang yang bertakwa atau jalan yang boleh mengekalkan sifat takwa adalah melalui amalan dan kegiatan takwa seperti tilawah al-

⁴⁰² *Ibid.*, 4-5.

⁴⁰³ Mohd Sulaiman bin Hj Yasin, *Akhlak dan Tasawuf*, 433.

Quran, hidayah dan *mujāhadah*, ibadah puasa, menyembah dan mengabdikan kepada Allah dalam pengertian yang umum dan luas.⁴⁰⁴

Jalan untuk menjadi orang yang bertakwa adalah dengan cara melakukan ibadat dengan ikhlas dan mengamalkan ajaran al-Quran dan sentiasa mengikut ajaran Islam sebagai ajaran yang lurus dan benar. Malah sebahagian cara untuk mendekatkan diri kepada Allah itu adalah dengan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, termasuklah berzikir, menghadiri majlis-majlis zikir seperti membaca al-Quran, bertadarus, menghadiri majlis-majlis ilmu, menghadiri majlis ratib yang muktabar dan sebagainya.⁴⁰⁵

Dengan kata lain, takwa dari sudut pandangan al-Muhāsibī secara umumnya adalah memelihara dan menunaikan segala hak-hak Allah. Manakala dari sudut al-Ghazzālī pula, takwa berhubungan dengan hati. Hati yang bersih dari segala maksiat akan mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah melalui amal ibadah yang dilakukan. Kemantapan iman dalam hati yang semakin menetap di dalam hati merupakan hal keadaan kerohanian yang disebut takwa.

Sebagai rumusan, keamanan dan kemakmuran sesebuah negara adalah kurnia ni'mat dan limpahan keberkatan dari Allah SWT jua yang perlu disyukuri dan dimanfaatkan dengan baik dan sempurna menerusi amalan kerohanian khususnya amalan *zikrullah* dan amalan soleh. Dalam konteks Negara Zikir setentunya kedua-dua amalan ini perlu ditunaikan dengan baik dan sempurna kerana ianya memberi kesan kepada nilai kualiti iman dan takwa yang menjadi indikasi penting gagasan Negara Zikir dan ke arah mencapai status negara *Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr*.

3.9 Merealisasikan Gagasan Negara Zikir

Golongan belia penjawat dan petugas di Institut Perkhidmatan Awam menjadi tumpuan selaku pelaksana dan penggerak Negara Zikir. Pelancaran buku “Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir” dan majlis membaca ratib al-‘Attas juga diadakan

⁴⁰⁴ *Ibid.*, 434.

⁴⁰⁵ Md Zain Haji Serudin, *Zikir Menjana Masyarakat Bertakwa* (Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 2009), 53-57.

sempena sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.⁴⁰⁶ Bacaan ratib al-‘Attas merupakan langkah permulaan dalam merealisasikan gagasan Negara Zikir iaitu menyebut dan mengingat Allah diikuti dengan pelaksanaan Program Negara Zikir⁴⁰⁷. Salah satu daripada program tersebut ialah Program Halaqah Zikir Masjid Omar ‘Ali Saifuddien (MOAS)⁴⁰⁸ yang diadakan sekali pada minggu pertama setiap bulan di Masjid Omar Ali Saifuddien sesuai dengan identitinya sebagai “*Rauḍah al-Zikr*”.

Keseluruhan pelaksanaan untuk merealisasikan gagasan Negara Zikir tersebut adalah bertujuan untuk menyahut hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk menjadikan negara sebagai sebuah Negara Zikir di samping memberi kefahaman tentang apa yang dimaksudkan dengan Negara Zikir dan menjadikan zikir sebagai amalan harian bagi setiap kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam Majlis Halaqah Zikir.

Dalam usaha kerajaan menterjemah gagasan Negara Zikir dalam konteks sentiasa mengingat dan menyebut Allah, ia memerlukan metode dan pendekatan yang teratur dan terancang agar konsep memasyarakat zikir dan menzikirkan masyarakat tercapai. Memasyarakatkan zikir bermaksud mempopularkan zikir supaya masyarakat dapat mengenali zikir-zikir mu‘tabar dan memahami bahawa zikir-zikir tersebut mempunyai kelebihan dan keutamaan tertentu, umat Islam mestilah menjadikan zikir sebagai suatu amalan yang berakar umbi di hati dan bukan hanya sesuatu kebiasaan atau *trend* yang sifatnya bermusim dan berkala. Menzikirkan masyarakat pula bermaksud mengingat dan menanam suatu sikap dalam hati dan jiwa umat Islam supaya mereka sentiasa menjadikan zikir sebagai satu sarana ke arah mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata‘ala.⁴⁰⁹

Sehubungan itu, beberapa perancangan teratur telah pun dilaksanakan dalam memberi kefahaman kepada masyarakat tentang konsep zikir dan *zikrullah* dan

⁴⁰⁶ Norliah Md Zain, “Buku ‘Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir’ dilancarkan,” *Pelita Brunei*, 07 March 2009, 22.

⁴⁰⁷ Ak Jefferi Pg Durahman dan Siti Zuraihah Awang Sulaiman, “Program Bimbingan Negara Zikir,” *Pelita Brunei*, 05 September 2009, 7.

⁴⁰⁸ _____, “MOAS adakan program ‘Halaqah Zikir’,” *Pelita Brunei*, 08 Mei 2013, 7.

⁴⁰⁹ Haji Ishaq bin Haji Abdullah, “Teks Ucapan” (Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera, Universiti Brunei Darussalam, 3-4 Mac 2008).

membimbing masyarakat dalam amalan zikir ‘*Rātīb al-‘Attās*’ sebagai satu galakan di samping beramal dengan zikir-zikir yang muktabar. Perancangan dilaksanakan, antaranya menerusi:

3.9.1 Penerbitan

Penerbitan buku “Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir” merupakan tindakan susulan dari titah KDYMM yang berhasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir sebagai salah satu strategi untuk menyebarkan konsep Negara Zikir dalam Perkhidmatan Awam.

Buku tersebut mengandungi penerapan konsep Negara Zikir dalam Perkhidmatan Awam, doa peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, doa dan zikir, selawat-selawat pilihan, garis panduan pembudayaan membaca al-Quran (PMQ), keperluan penyediaan dan fasiliti tempat solat, tatacara solat sunat dhuha, panduan tekad mengeluarkan zakat, tekad menunaikan fardhu haji dan tekad korban⁴¹⁰

Majlis pelancaran buku “Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir” dan membaca Ratib Al-‘Attas diadakan pada 21 Februari 2009, sempena Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Dewan Persantapan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat diikuti dengan penyerahan buku tersebut kepada semua Setiausaha Tetap Kementerian-Kementerian di Negara Brunei Darussalam. Majlis ini diadakan selaras dengan hasrat pemimpin negara untuk merealisasikan cita-cita untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.⁴¹¹

3.9.2 Seminar dan Program

Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera.⁴¹² Sebanyak enam (6) buah kertas kerja dibentangkan termasuk kertas kerja perdana bertajuk “*Zikir Menjana Masyarakat Bertakwa*” oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Awang Md Zain bin Haji Seruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dan satu (1) kertas rumusan seminar. Seminar Negara Zikir⁴¹³

⁴¹⁰ Norliah Md Zain, “Buku ‘Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir’ dilancarkan,” *Pelita Brunei*, 07 March 2009, 22.

⁴¹¹ *Ibid.*

⁴¹² Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera, Brunei: Universiti Brunei Darussalam, 3-4 Mac 2008.

⁴¹³ Seminar Negara Zikir, Brunei: Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, 28-29 Julai 2008.

diadakan sebagai salah satu program atau perisian yang disediakan khas untuk Majlis Ilmu 2008, sempena Hari Keputeraan Baginda Sultan. Sebanyak sebelas buah (11) kertas kerja dibentangkan termasuk kertas kerja perdana bertajuk “*Negara Zikir*” oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam dan satu (1) kertas resolusi Seminar Negara Zikir.

Di samping itu, terdapat dua program utama dilaksanakan untuk merealisasikan Negara Zikir iaitu Program Bimbingan Penggerak Negara Zikir dan Program ‘Halaqah Zikir Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien (MOAS)’. Pertama, Program Bimbingan Penggerak Negara Zikir. Program ini dilaksanakan oleh Institut Perkhidmatan Awam untuk merealisasikan dan mendukung hasrat KDYMM ke arah memartabatkan sistem pentadbiran dan operasi harian Perkhidmatan Awam.⁴¹⁴

Program ini dikendalikan untuk membantu warga Perkhidmatan Awam dalam memahami apa yang dimaksudkan dengan Negara Zikir, di samping membudayakan amalan dan penghayatan isi kandungan buku warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan meningkatkan pengetahuan dan amalan zikir dalam urusan kerja di pejabat.⁴¹⁵ Menerusi program ini peserta juga dibimbing bagaimana cara menghalusi bacaan surah *al-Fatihah* dan peserta juga diberi penjelasan tentang bagaimana menghayati dan membudayakan amalan-amalan yang terdapat di dalam buku terbitan Jabatan Perdana Menteri yang bertajuk “Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir” yang turut dibekalkan kepada para peserta.⁴¹⁶

Kedua, Program ‘Halaqah Zikir Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien (MOAS)’. Bersesuaian dengan identiti Masjid Omar Ali Saifuddien (MOAS) sebagai ‘*Raudhah al-Zikr*’, MOAS telah mengadakan satu program yang dinamakan ‘Halaqah Zikir MOAS’ yang diadakan di masjid tersebut. Program ini diadakan sekali pada minggu pertama setiap bulan.⁴¹⁷ Program ‘Halaqah Zikir MOAS’ ini diadakan bertujuan bagi menyahut

⁴¹⁴ Ak Jefferi Pg Durahman dan Siti Zuraiyah Awang Sulaiman, “Program Bimbingan Negara Zikir,” *Pelita Brunei*, 05 September 2009, 7.

⁴¹⁵ *Ibid.*

⁴¹⁶ *Ibid.*

⁴¹⁷ _____, “MOAS adakan program ‘Halaqah Zikir’,” *Pelita Brunei*, 08 Mei 2013, 7.

hasrat dan titah KDYMM menjadikan Negara Brunei sebagai sebuah Negara Zikir, merealisasikan identiti MOAS sebagai '*Raudhah al-Zikr*' dan menjadikan zikir sebagai amalan harian setiap kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam Majlis Halaqah Zikir.⁴¹⁸

Halaqah zikir diketuai oleh pegawai-pegawai MOAS yang terdiri daripada Pehin-pehin Khatib dan Mudim-mudim. Pengisian dalam halaqah zikir tersebut adalah solat sunat hajat berjemaah, bacaan surah-surah dan zikir-zikir pilihan dan seterusnya bacaan Doa Khas.⁴¹⁹

3.9.3 Peraturan dan Undang-Undang

Selaras dengan Negara Zikir, beberapa peraturan dan undang-undang telah pun dilaksanakan, antaranya:

Pertama, penutupan sementara premis perniagaan bagi solat fardhu Jumaat, mulai jam 12:00 tengah hari hingga jam 2:00 petang di semua premis perniagaan dan pejabat, pusat-pusat hiburan, rekreasi dan sukan termasuk pawagam dan padang permainan, gerai atau tamu dan gedung-gedung perniagaan yang terletak di bawah kawalan Pegawai-Pegawai Daerah dan Pengerusi-Pengerusi Lembaga Bandaran telah pun dilaksanakan berkuat kuasa pada 02 November 2012.⁴²⁰ Penutupan sementara ini bertujuan untuk memperbaiki imej bandar bagi memelihara kesucian agama dan negara sesuai dengan falsafah negara 'Melayu Islam Beraja'. Malah penutupan sementara ini mempunyai hikmah tersendiri di mana secara tidak langsung ia membina asas pendidikan kerohanian golongan masyarakat menerusi pembentukan adab serta akhlak agar tidak berkeliaran di pusat-pusat membeli belah atau berpelisiran di kaki-kaki lima ketika kaum muslimin berada di masjid untuk menunaikan solat fardhu Jumaat. Dengan adanya arahan penutupan sementara tersebut, ianya memberi ruang dan peluang kepada kaum muslimin untuk sama-sama merebut ketinggian nilai dan kelebihan solat fardhu Jumaat.⁴²¹

⁴¹⁸ *Ibid.*

⁴¹⁹ *Ibid.*

⁴²⁰ Aimi Sani, "Penutupan Premis Perniagaan Merealisasikan Hasrat Negara Zikir," *Pelita Brunei*, 7 Januari 2013, 6.

⁴²¹ *Ibid.*

Ini bertepatan dengan tuntutan syarak untuk dilaksanakan iaitu bersegera untuk solat fardhu jumaat dan meninggalkan sementara urusan jual beli sehinggalah selesai solat tersebut, sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ
وَذَرُوا الْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

Al-Jumu'ah 62: 9

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari jum'at, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jum'at) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

Bagi masyarakat bukan Islam, penutupan sementara ini dapat meningkatkan kualiti masa bersama keluarga di samping memupuk budaya saling hormat menghormati demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan dalam bermasyarakat dan bernegara sesuai dengan konsep Negara Zikir.⁴²²

Kedua, Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013. Pelaksanaan Perintah Pendidikan Ugama Wajib merupakan tapak semaian dan mekanisme penting untuk menjayakan beberapa gagasan negara Wawasan 2035 yang berhasrat untuk melahirkan modal insan yang berkualiti duniawi dan ukhrawi, menegakkan falsafah Negara Melayu Islam Beraja serta mengembangkan konsep Negara Zikir.⁴²³ Pelaksanaan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 berimpak besar bagi masa depan negara dan masyarakatnya kerana pendidikan agama di negara ini adalah berlandaskan Akidah Ahli Sunnah Waljama'ah dan Mazhab Shafi'e sebagaimana termaktub dalam perlembagaan negara.⁴²⁴

Ketiga, Perintah Kanun Hukum Jenayah 2013. Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah memperkenankan Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah untuk

⁴²² *Ibid.*

⁴²³ Aryentty Hj Ariffin, "Perintah Pendidikan Ugama Wajib Mekanisme Jayakan Wawasan Negara," *Pelita Brunei*, 12 Januari 2013.

⁴²⁴ *Ibid.*

dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam menerusi titah Baginda sempena sambutan Hari Keputeraan Baginda yang ke-66 tahun, pada 15 Julai 2012. Dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah 2013 telah pun diwartakan pada 22 Oktober 2013.⁴²⁵ Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, dilaksanakan secara berperingkat dalam tiga fasa. Fasa pertama, adalah terdiri daripada “Kesalahan-kesalahan Am” dalam Bahagian IV Penggal IV, kecuali kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati di bawah penggal ini. Fasa kedua, adalah peruntukan-peruntukan yang dikuatkuasakan termasuk kesalahan-kesalahan di dalam Bahagian IV Penggal I, II dan III yang dikenakan hukuman *had*, *qisas*, *diyat*, *arsy* dan *badal al-sulh* kecuali kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati. Fasa ketiga, penguatkuasaan sepenuhnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 termasuklah perlaksanaan hukuman mati.⁴²⁶

Sebelum Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dilaksanakan, beberapa usaha telah pun dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memperkenalkan undang-undang Jenayah Syariah di Negara Brunei Darussalam. Antaranya melalui Kuliah Bersama Mufti, Pendidikan Sekolah-Sekolah Ugama, Institusi Pengajian Tinggi Islam, Majlis Ilmu 2013 dan Khutbah Jumaat Oktober 2013.⁴²⁷

Penjelasan di atas merupakan usaha yang dilaksanakan dalam merealisasikan gagasan Negara Zikir yang berhasrat untuk membentuk negara yang masyarakatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT. Di samping itu, amalan kerohanian yang tidak terbatas pada *zikrullah* secara khusus juga terus diamalkan memandangkan ia memang sudah lama dipraktikan dalam kehidupan masyarakat Islam di Alam Melayu amnya dan masyarakat Islam di Brunei khasnya.

3.10 Amalan Kerohanian di Alam Melayu

Kepentingan elemen *tazkiyah al-nafs* melalui pendekatan *zikrullah* telah lama dipraktikan oleh kebanyakan masyarakat Islam secara global termasuklah masyarakat

⁴²⁵ Hanan Abdul Aziz dan Ahmad Abdussalam Abdul Rahman, “Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal” (makalah, Seminar Antarabangsa Perundangan Islam Dalam Masyarakat Kontemporari 2013 [ISLAC 2013], Hotel Permai, Kuala Terengganu, 30 November – 1 Disember 2013), 29.

⁴²⁶ *Ibid.*, 30.

⁴²⁷ *Ibid.*, 31-34.

Islam yang berada di Alam Melayu. Malah ada juga di antaranya melakukan zikir itu dengan cara beratib iaitu amalan membaca ratib. Semua amalan ini dilakukan adalah untuk membersihkan jiwa dari sifat-sifat keji dan tercela yang menjadi penghalang kepada manusia untuk mencapai takwa kepada Allah.

Corak kehidupan kerohanian tidak hanya dihayati oleh masyarakat di negara Arab dan negara-negara sekitarnya malah terus tersebar subur bersama dengan penyebaran agama Islam di alam Melayu. Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan bila dan bagaimana Islam itu datang dan diterjemahkan di alam Melayu yang terdiri daripada beberapa buah negeri; Indonesia, Filipina, Pattani, Malaysia, Singapura dan Brunei.

Bukti-bukti daripada dapatan kajian telah mengandaikan bahawa orang Islam sudah pun singgah di alam Melayu pada zaman Rasulullah SAW dan Khulafā al-Rasyidīn lagi. Malah dalam sejarah Islam di alam Melayu, peringkat pertapakan Islam itu ditandai dengan kelahiran dua buah kerajaan; pertama, kerajaan Bani Umaiyyah (661-750M) dan kedua, kerajaan Bani ‘Abbasiyyah (750-1258M). Dan usaha dakwah di alam Melayu hanya dikatakan berjaya dengan berkat kegigihan Khalifah ‘Umar Abd al-‘Aziz (717-720M), sebagai seorang khalifah yang warak dan bertakwa.⁴²⁸

Kehidupan kerohanian di alam Melayu terus berkembang seiring dengan perkembangan Islam dan menurut Naguib al-Attas di dalam kajiannya *Some Aspects of Sufism As Understood and Practised Among the Malays* menemukan sebanyak empat belas (14) buah aliran tarekat tasawuf yang diperkenalkan di antara kurun keenam Hijriyyah bersamaan 12M hingga kurun ke-16M, dikatakan masih terdapat tujuh puluh enam (76) cabang tarekat dari dua puluh dua (22) buah tarekat induk termasuk jumlah aliran tarekat tasawuf yang dinyatakan sebelumnya.⁴²⁹

Daripada jumlah tersebut, terdapat sembilan (9) buah tarekat tasawuf yang masih aktif dirantau ini; Qadiriyyah, Naqsyabandiyah, Rifa’iyyah, Syadzliyyah,

⁴²⁸ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 33-35.

⁴²⁹ Syed Naguib al-Attas, *Some Aspects of Sufism As Understood and Practised Among the Malays*, ed. Shirle Gordon (Singapore: Malaysian Sociological Research, 1963), 30-31.

Chistiyah, Syattariyah, Ahmadiyah Idrisiyah, Tijaniyah dan ‘Alawiyyah. Bagaimanapun, daripada sembilan (9) buah tarekat yang disebutkan, hanya tiga (3) buah tarekat sahaja yang tersebar secara meluas di kalangan masyarakat Melayu dan mempunyai pengikut yang ramai iaitu Qadiriyyah, Naqsyabandiyah dan Ahmadiyah Idrisiyah.⁴³⁰ Dengan kewujudan jumlah tarekat tasawuf tersebut tidak dinafikan, ia telah memberi sumbangan yang besar dalam masyarakat Islam Nusantara terutama dalam menyuburkan dan mempertingkatkan penghayatan amalan kerohanian.

3.11 Amalan Kerohanian di Brunei Darussalam

Kepimpinan Sultan Sharif Ali sebagai seorang sultan dan kewibawaan baginda sebagai seorang ulama yang mengutamakan dan mengambil berat tentang ajaran Islam telah menjadi contoh tauladan dalam sejarah kepimpinan dan kesultanan Brunei berikutnya dalam memartabatkan ugama Islam sehingga melahirkan ramai tokoh para ulama silam yang juga turut mendokong dan memainkan peranan penting dalam menyebarkan ajaran Islam.

Perkembangan Islam di Brunei juga turut disokong oleh usaha murni dan sumbangan para mubaligh yang datang dari luar negeri. Tidak dinafikan sebahagian daripada mubaligh tersebut terdiri dari rakyat tempatan yang mempelajari ilmu pengetahuan Islam ketika bermastautin di Mekah dan kembali ke Brunei menjadi tenaga penggerak dalam menyebarkan Islam melalui balai-balai⁴³¹ dan masjid-masjid.⁴³² Corak pengajian di balai terbahagi kepada dua; pertama, pengajian umum yang tidak memerlukan kemahiran membaca dan menulis jawi seperti: Ratib Saman, Dikir Brunei, Mengaji al-Quran, Hadrah, mempelajari ibadat solat dan rukun Islam dan Sifat Dua Puluh. Pengajian umum ini diadakan sebagai satu keperluan kepada masyarakat umum

⁴³⁰ *Ibid.*, 32.

⁴³¹ Balai merupakan rumah yang didirikan dan dijadikan sebagai pusat pengajaran agama dan berunsur agama dan lazimnya balai didirikan di Kampong Air. Kebanyakan balai yang didirikan adalah kepunyaan pehin-pehin yang dikurniakan gelaran oleh Sultan Brunei yang didirikan terletak berdekatan dengan rumah mereka. Balai juga dijadikan tempat untuk solat berjema'ah, belajar agama dan mengaji al-Quran di samping menjadi tempat berkumpul jiran tetangga dan anak buah yang tinggal berdekatan. Lihat Pg Dr Haji Mohammad bin Pg Hj Abd Rahman, "Perkembangan Ilmu Islam di Brunei: Peralihan Dari Sistem Balai ke Sistem Persekolahan Moden (1931-1956)" (makalah, Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara, Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, 20-23 Ogos 2001), 4.

⁴³² Pg Dr Haji Mohammad bin Pg Hj Abd Rahman, "Perkembangan Ilmu Islam di Brunei: Peralihan Dari Sistem Balai ke Sistem Persekolahan Moden (1931-1956)" (makalah, Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara, Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, 20-23 Ogos 2001), 1.

bagi memenuhi tuntutan fardhu 'ain dan fardhu kifayah dan sama sekali bukan bertujuan untuk memenuhi tuntutan material.⁴³³

Kedua, pengajian khusus diadakan bagi orang-orang yang memiliki kemahiran membaca dan menulis di mana mereka mempelajari ilmu Fiqah, Faraid, bab nikah (munakahat), Nahu dan Qawa'id, Tasawuf dan Akhlak serta Tauhid. Pengajian ini bagi membolehkan atau sebagai persiapan untuk menjadi kadhi, juru nikah dan guru dan pengajian ini tidak bertujuan untuk memiliki material.⁴³⁴

Dengan wujudnya pengajian agama tersebut, ajaran Islam yang berkembang luas di Brunei tidak hanya terbatas pada aspek ilmu semata-mata tetapi juga merangkumi aspek amali yang mengutamakan keperluan rohani. Ini terbukti dengan wujudnya kitab-kitab agama dalam ilmu fiqh seperti *Maṭla' al-Badrāyn*, karangan Daud al-Fathani, *Sabīl al-Muhtadīn li Tafaqquh fi Amr al-Dīn*, karangan seorang ulama Banjar Syekh Muhammad Arshād al-Banjari, *al-Mukhtasar* dan *al-Sirāt al-Mustaqīm*, karangan seorang ulama Aceh Syekh Nuruddin al-Rānirī; dalam ilmu Faraid seperti kitab *Ghāyah al-Taqrīb fi Irthi Wata'sib*, dalam bab nikah seperti kitab *Iḍhāḥ al-bāb li murīd bāb al-nikaḥ bi al-ṣawāb*; dan dalam tasawuf seperti kitab *Wiṣāyā al-afrāh*, *Hidāyah al-Wālid li al-Walad* dan lain-lain.⁴³⁵

Sementara tenaga pengajar di balai adalah terdiri daripada para imam, para khatib, para mudim dan orang perseorangan yang berkebolehan. Di antara ulama Brunei yang terlibat dalam kegiatan mengajar agama di balai-balai ialah Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti bin Haji Nasar (1864-1946), Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Awang Abdullah bin Haji Hanafi, Pehin Siraja Khatib Besar dan Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin (1879-1939).⁴³⁶ Selain itu, ulama dari Indonesia juga pernah datang ke Brunei bagi tujuan yang sama dan salah seorang daripadanya ialah Syekh

⁴³³ Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 232.

⁴³⁴ *Ibid.*, 233.

⁴³⁵ *Ibid.*; Lihat juga Pg Dr Haji Mohammad bin Pg Hj Abd Rahman, "Perkembangan Ilmu Islam di Brunei: Peralihan Dari Sistem Balai ke Sistem Persekolahan Moden (1931-1956)" 8, 10.

⁴³⁶ Pg Dr Haji Mohammad bin Pg Hj Abd Rahman, "Perkembangan Ilmu Islam di Brunei: Peralihan Dari Sistem Balai ke Sistem Persekolahan Moden (1931-1956)" (makalah, Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara, Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, 20-23 Ogos 2001), 4; Lihat *Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*, ed. Simat bin Angas, Suhaili bin Haji Hassan dan Haji Ismail bin Ibrahim (Brunei: Jabatan Muzium, 1992), 17, 38.

Ahmad Khatib Sambas, beliau merupakan guru Tarekat Qadiriyyah kepada Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti bin Haji Nasar.⁴³⁷

Menurut *Silsilah Raja-Raja Berunai*, iaitu: “Bermula yang mempunyai dia silsilah ini mengharap ia akan ampun Tuhannya dengan tiada shak. Bermula madzhabnya itu madzhab imam yang dibangsakan kepada Shafi’i. Bermula tarikatnya itu tarikat Saman yang dibangsakan kepada Khalwati”.⁴³⁸ Ternyata catatan ini telah memperjelaskan bahawa pemilik silsilah adalah pemegang Tarekat Saman atau Samaniyah yang merupakan cabang daripada Tarekat Khalwati atau Khalwatiyah yang telahpun dikenali dan diamalkan sejak kurun ke-17.⁴³⁹

Kajian tentang *Silsilah Raja-Raja Berunai*, juga menjelaskan bahawa *Silsilah Raja-Raja Berunai* mula dikarang pada awal abad ke-17 oleh Datu Imam Ya’kob kemudian penulisannya diteruskan oleh Khatib Hj Abd Latif pada tahun 1804M atas titah Sultan Muhammad Tajuddin (w.1807M). Kemudian penulisan silsilah tersebut diteruskan lagi oleh Pehin Orang Kaya Di Gadong Seri Lela Awang Aminuddin pada 5hb November 1841M atas perkenan Sultan Omar Ali Sifuddin II (1828-1852M) dan akhirnya karya ini diselesaikan oleh Haji Abdul Ghaffar bin Abdul Mu’min Sarawak pada tahun 1938M⁴⁴⁰ dikatakan juga dalam bulan November 1936M.⁴⁴¹

Sebagai kesimpulan, kehidupan kerohanian di Brunei Darussalam bermula daripada institusi balai yang telah banyak memberikan sumbangan yang besar dalam mempertingkatkan penghayatan beragama dari sudut ilmu dan amal khususnya yang dilakukan oleh pengamal tarekat tasawuf. Di samping itu, amalan membaca ratib, berwirid dan berfikir secara jema’ah juga diamalkan secara turun temurun meskipun bukan dari kalangan *firqah tariqat* tertentu.⁴⁴²

⁴³⁷ *Ibid.*

⁴³⁸ Sweeney, Amin, “Silsilah Raja-Raja Berunai,” *JMBRAS*, vol. 41 pt.2, (1968), 1.

⁴³⁹ Iik Arifin Mansurnoor, “Brunei Sebagai Sebuah Pusat Jaringan (network) Intelektual Islam di Asia Tenggara” dalam *Sumbangsih UBD* (Brunei: Universiti Brunei Darussalam, 1992), 154.

⁴⁴⁰ Sanib Said, “Silsilah Raja-Raja Berunai: Tinjauan Awal Dari Sudut Sejarah” (makalah Seminar Manuskrip Melayu dan Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Brunei Darussalam, 2 November 1988), 13.

⁴⁴¹ Teuku Iskandar, “Kedudukan Historiografi Tradisional Brunei Di Antara Historiografi Borneo” dalam *Sumbangsih UBD* (Brunei: Universiti Brunei Darussalam, 1992), 136.

⁴⁴² Badarudin bin Haji Othman, “Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya dan Menyuburkan Ciri-Cirinya”, 28; Lihat Masuriyati Haji Yahya, “Tataw wur al-Madhahib al-Sufiyyah fi Brunei min al-Qarn al-Tasi’ ‘Ashar wa hatta Waqtina al-Hadir” (tesis sarjana, Universiti Brunei Darussalam, Brunei, 2006).

Ternyata amalan *zikrullah* secara eksklusif dan komprehensif berjaya membentuk pembangunan kerohanian elit dalam kalangan tokoh ulama Brunei terdahulu dan sehingga kini amalan *zikrullah* cukup sebatik dalam jiwa masyarakat Islam Brunei.

3.11.1 Amalan Zikir Tarekat Tasawuf

Sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya, masyarakat Islam Brunei sememangnya sudah lama terdedah dengan amalan kerohanian berlandaskan *zikrullah* iaitu menerusi amalan zikir tarekat tasawuf dan amalan beratib yang lazimnya diamalkan oleh kebanyakan tokoh-tokoh agama Islam Brunei terdahulu. Amalan kerohanian ini telah banyak membantu masyarakat Islam Brunei terdahulu dalam memahami rukun Islam dan rukun Iman yang terdiri dari ilmu dan amal, teori dan praktikal dengan sempurna sekali gus berupaya membangun rohani dan spiritual.

Di Brunei ditemukan beberapa buah tarekat tasawuf yang diterima dan digunapakai serta diamalkan di Negara Brunei Darussalam sama ada secara individu atau secara jemaah seperti Tarekat Qadiriyyah, Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyah, Tarekat Saman atau Samaniyyah dan Tarekat Ahmadiyah Idrisiyyah.⁴⁴³ Meskipun begitu, tidak pula dinafikan bahawa terdapat juga tarekat tasawuf yang ditolak pengamalannya seperti Tarekat Mufarridiyyah, Tarekat Abd Razak dan mana-mana jua tarekat tasawuf yang didapati berlakunya penyelewengan di dalam zikir, prinsip dan juga kaedah ajaran dan juga pengajarannya.⁴⁴⁴

Tarekat Qadiriyyah merupakan tarekat tasawuf yang diamalkan oleh sebahagian penduduk Bandar Brunei secara persendirian. Kajian sebelumnya tidak menemukan bentuk dan amalan zikir tarekat ini secara bercetak. Namun isu kesahihan silsilah murid dan guru dari jalur silsilah yang betul dan tepat merupakan isu penting yang diambil perhatian dalam perjalanan tarekat ini. Salah seorang tokoh agama terkenal di Brunei Darussalam iaitu Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti bin Haji Nasar (1864-1946) pernah belajar Tarekat Qadiriyyah daripada seorang ulama dari Indonesia iaitu Syekh

⁴⁴³ Masuriyati Haji Yahya, "Tatawwur al-Madhahib al-Sufiyyah fi Brunei min al-Qarn al-Tasi' 'Ashar wa hatta Waqtina al-Hadir", 42.

⁴⁴⁴ Mahmud Saedon bin Awang Othman dan Norarfan bin Haji Zainal, *Ajaran Sesat Di Negara Brunei Darussalam* (Brunei: Pusat Dakwah Islamiah, 2002), 134, 143.

Ahmad Khatib Sambas. Kajian lain pula menyebutkan bahawa guru beliau di Mekkah bernama Haji Ahmad bin Dato Imam.⁴⁴⁵ Dan menurut Hajah Saadiah,⁴⁴⁶ guru kepada Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti bin Haji Nasar adalah Syeikh Ahmad bin Khatib.⁴⁴⁷ Maklumat yang sama juga diperolehi daripada pakar sejarah Islam Sambas iaitu Haji Mohammad Asfia Mahyus yang menurutnya, putera Syeikh Khatib Sambas dikenal sebagai Haji Ahmad.⁴⁴⁸

Merujuk kepada silsilah tarekat Qadiriyyah kepunyaan Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti bin Haji Nasar, beliau mengambil tarekat tasawuf daripada Haji Ahmad bin Dato Imam dan Dato Imam pula mengambil daripada Syeikh Ahmad Khatib Sambas dan seterusnya sebagaimana tercatat dalam silsilah tarekat Qadiriyyah tersebut.⁴⁴⁹ (Lihat Lampiran B) Selain itu, beliau juga pernah berguru dengan salah seorang tokoh ulama terkenal berasal dari Banjar, Indonesia iaitu Dato Haji Ahmad bin Haji Abdul Latif dan beliau dikenali dengan gelaran Haji Ahmad Banjar dan pernah datang ke Brunei Darussalam dalam masa pemerintahan Sultan Abdul Momin (1852-1885) dan menetap di Brunei hingga akhir hayatnya.⁴⁵⁰ Pendapat lain pula mengatakan bahawa Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti bin Haji Nasar mempelajari Tarekat Qadiriyyah dari Syeikh Semaun.⁴⁵¹ Bagaimanapun, sepanjang kajian penulis, tidak ditemukan nama Syeikh Semaun dalam mana-mana pengasas tarekat tasawuf ataupun dalam mana-mana silsilah tarekat tasawuf. Penulis berpendapat kemungkinan yang dimaksudkan dengan Syeikh Semaun itu ialah Syeikh Saman, pengasas Tarekat Samaniyyah yang akan dibincangkan kemudian.

Dalam konteks Nusantara, Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyah (TQN) merupakan hasil penggabungan di antara Tarekat Qadiriyyah dan Tarekat

⁴⁴⁵ Aisyah Hj Mohd Yusof, *Pusat Dakwah Islamiyah dan Islamisasi Di Brunei Darussalam* (tesis sarjana, Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 1991), 166; Lihat Nota kaki Iik Arifin Mansurnoor, "Brunei Sebagai Sebuah Pusat Jaringan (network) Intelektual Islam di Asia Tenggara" dalam *Sumbangsih UBD* (Brunei: Universiti Brunei Darussalam, 1992), 160.

⁴⁴⁶ Hajah Saadiah adalah cucu kepada Pehin Datu Imam Hj Abdul Mokti bin Nasar.

⁴⁴⁷ Iik Arifin Mansurnoor, "Brunei Sebagai Sebuah Pusat Jaringan (network) Intelektual Islam di Asia Tenggara" dalam *Sumbangsih UBD* (Brunei: Universiti Brunei Darussalam, 1992), nota kaki 160.

⁴⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁴⁹ *Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*, ed. Simat bin Angas, Suhaili bin Haji Hassan dan Haji Ismail bin Ibrahim (Brunei: Jabatan Muzium, 1992), 39.

⁴⁵⁰ *Ibid.*, 15, 38; Lihat nota kaki Iik Arifin Mansurnoor, "Brunei Sebagai Sebuah Pusat Jaringan (network) Intelektual Islam di Asia Tenggara" dalam *Sumbangsih UBD* (Brunei: Universiti Brunei Darussalam, 1992), 160.

⁴⁵¹ Awang bin Ahmad, "Manuskrip Lama Brunei: Sumbangan dan Penglibatan Tokoh-tokoh Agama Masa Lalu" dalam *Pangsura* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 91.

Naqsyabandiyah. Tarekat ini diasaskan oleh Syeikh Ahmad Khatib ibn Abdul Ghaffar al-Sambasi (1802M-1872M) yang berasal dari daerah Sambas, Kalimantan Barat. Tarekat ini mempunyai ramai murid dan kemudiannya tarekat ini menggantikan Tarekat Samaniyah sebagai tarekat yang popular di Dunia Melayu. Beliau merupakan seorang ulama besar yang mengajar di Masjid al-Haram di Mekkah dan merupakan pemimpin tertinggi Tarekat Qadiriyyah di Mekkah pada pertengahan abad ke-19M.⁴⁵²

Menurut kajian, perkembangan Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyah (TQN) di Brunei adalah melalui Pehin Dato Imam Hj Abdul Mokti bin Nasar (1864-1946). Beliau mempelajarinya ketika menuntut ilmu agama di Mekkah dan memperdalaminya tarekat tersebut selama empat tahun daripada seorang guru yang bernama Hj Ahmad bin Datu Imam. Setelah kembali ke Brunei beliau mengajarkannya kepada beberapa orang penduduk Bandar Brunei (sekarang dikenali Bandar Seri Begawan) di rumahnya sendiri yang berfungsi sebagai balai, di Kampong Burong Pingai Air.⁴⁵³ Beliau juga mempunyai ramai murid tetapi di antara muridnya hanya dua orang sahaja yang diberikan ijazah iaitu Tuan Imam Hj Hashim dan Begawan Pehin Siraja Khatib Hj Mohd Sa'at bin Juru Apong (w.1968).⁴⁵⁴

Pehin Siraja Khatib Hj Mohd Sa'ad mengambil inisiatif mengajarkan tarekat ini kepada orang-orang yang berkeinginan untuk mempelajarinya sama ada di rumahnya atau di balai-balai ibadat. Bagaimanapun beliau tidak memberikan ijazah kepada murid-muridnya.⁴⁵⁵ Kini, setelah kedua orang murid Pehin Dato Imam Hj Abdul Mokti bin Nasar itu meninggal dunia, pemegang tarekat ini hanya mengamalkannya secara peribadi dan pengamalnya tidak boleh mengajarkannya secara terbuka kerana tidak memiliki ijazah. Ketiadaan pemegang ijazah dalam waktu yang panjang menyebabkan tarekat ini sirna dan hilang dalam peredaran zaman.⁴⁵⁶

⁴⁵² Hj Ali Hj Mohamad, "*Sejarah Tarekat dan Perkembangannya Di Masa Kini*" (makalah Muzakarah Penghayatan Tarekat Dahulu, Sekarang dan Akan Datang, Singapura: Clementi 25 April 1999), 31-33; Lihat Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "*Tasawwuf dan Kedudukannya di Nusantara*" (makalah Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara, Jabatan Mufti, 20-23 Ogos 2001), 13.

⁴⁵³ Aisyah Hj Mohd Yusof, *Pusat Dakwah Islamiyah dan Islamisasi Di Brunei Darussalam*, 166; Lihat *Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*, ed. Simat bin Angas, Suhaili bin Haji Hassan dan Haji Ismail bin Ibrahim, 38.

⁴⁵⁴ *Ibid.*, 167.

⁴⁵⁵ *Ibid.*, 167-168.

⁴⁵⁶ *Ibid.*

Kitab '*Fath al-Ārifīn*' merupakan kitab rujukan ahli tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyah (TQN). Kitab tersebut ditulis oleh Syeikh Ahmad Khatib al-Sambasi⁴⁵⁷ di Mekkah. Beliau juga merupakan syeikh bagi Tarekat Qadiriyyah dan Tarekat Naqsyabandiyah.⁴⁵⁸ Kitab '*Fath al-Ārifīn*' juga pernah dijadikan hadiah kepada pelajar yang berjaya di dalam pembelajaran sekolah agama di Brunei pada tahun 1939.⁴⁵⁹

Sementara, Tarekat Saman atau Samaniyyah merupakan salah sebuah tarekat tasawuf yang terkenal pada kurun ke-19 dan cabang bagi tarekat Syadziliyyah di Mesir.⁴⁶⁰ Di Sambas tarekat ini dikenali dengan nama Khalwatiyyah al-Samaniyyah sebagaimana tercatat dalam *Silsilah Raja-Raja Berunai*.⁴⁶¹ Di Brunei, Tarekat Saman itu tidak dikenali sebagai sebuah *firqah tareqah sufiyyah* tetapi dikenali dengan sebutan Ratib Saman yang merujuk kepada amalan ratib. Hakikatnya ianya tetap sebuah firqah tareqah sufiyyah.

Perkataan Saman dalam *Silsilah Raja-Raja Berunai* merujuk kepada pengasas tarekat Saman atau Samaniyyah iaitu Syeikh Muhammad bin Abdul Karim al-Samani al-Madani (w.1190H/1776M).⁴⁶² Beliau merupakan ulama yang sangat krismatik dan termasyhor dalam kurun ke-18M.⁴⁶³ Beliau terkenal sebagai seorang pendiri sebuah tarekat kerana beliau telah menggabungkan zikir tarekat Khalwatiyyah, Qadiriyyah, Naqsyabandiyah dengan zikir tarekat Syadziliyyah dari Afrika Utara.⁴⁶⁴ Dengan penggabungan baru ini, ratib barunya dikenali sebagai tarekat Samaniyyah dan menjadi tarekat yang tersendiri serta mempunyai zawiyah tersendiri. Tarekat ini mendapat tempat terhormat dalam kalangan kesultanan Palembang. Setelah Syeikh al-Saman

⁴⁵⁷ Nama lengkap beliau Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad al-Sambasi. Lahir di Kampung Dagang, Sambas pada tahun 1802M dan wafat pada tahun 1872M.

⁴⁵⁸ Syed Naguib al-Attas, *Some Aspects of Sufism As Understood and Practised Among the Malays*, ed. Shirle Gordon, 32-33.

⁴⁵⁹ Masuriyati Haji Yahya, "Tatawwur al-Madhahib al-Sufiyyah fi Brunei min al-Qarn al-Tasi" 'Ashar wa hatta Waqtina al-Hadir", 85.

⁴⁶⁰ Mustafa Hilmi, *Daerah al-Ma'arif al-Islamiyyah*, ed. Ahmad al-Syintnawi, Ibrahim Zaki Khursyid dan Abdul Hamid Yunus (Kaherah: Dar al-Fikr, 1933), 5:183, entri "al-tariqah" bermaksud jalan.

⁴⁶¹ Penghulu Haji Abdullah Ghamiri ibn al-Marhum Maharaja, *Kitab Fawaed Silsilah Tareqah al-Syeikh Saman al-Madani*, ed. Muhammad Ma'mur bin Haji Mohd Taib (Singapura: Terbitan Muhd Amin, 1319H/1901M), 2.

⁴⁶² Nama penuh beliau ialah Abū 'Abd Allāh Muhammad b. 'Abd al-Karīm b. Hasan b. Ahmad al-Madani ash-Shifī'i. Lihat Mohammed Hussain Ahmad, *Islam in The Malay World Al-Falimbāni's Scholarship* (Gombak: International Islamic University Malaysia, 2017), 103.

⁴⁶³ Iik Arifin Mansurnoor, "Brunei Sebagai Sebuah Pusat Jaringan (network) Intelektual Islam di Asia Tenggara" dalam *Sumbangsih UBD*, 156.

⁴⁶⁴ Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "*Tasawwuf dan Kedudukannya di Nusantara*" (makalah Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara, Jabatan Mufti, 20-23 Ogos 2001), 13.

wafat, Sultan Palembang telah menyediakan dana untuk membangun zawiyah Samaniyah di Jeddah.⁴⁶⁵

Di Mekah tarekat atau ratib ini diterima oleh Syeikh Abdus Samad al-Falimbani. Beliau merupakan salah seorang murid kepada Syeikh Mohammad al-Saman al-Madani dan menyebarkan tarekat atau ratib ini dalam kalangan jema'ah-jema'ah dari Asia Tenggara yang menunaikan fardhu haji di Mekkah.⁴⁶⁶ Kemungkinan keunikan tarekat saman atau ratib saman itu yang menyebabkan ramai pengamal tarekat saman atau ratib saman ini datangnya dari Alam Melayu khususnya dari kalangan Ulama Melayu yang datang dari Negara Indonesia, Malaysia dan Brunei. Di samping itu kedatangan mereka juga untuk mendalami ilmu-ilmu agama yang diajarkan dalam halaqah-halaqah ilmu yang diadakan di Masjid al-Haram di Mekkah.⁴⁶⁷

Sekitar tahun 1930an hingga 1950an, ramai dari kalangan masyarakat Islam Brunei yang terdiri dari penduduk Kampong Ayer seperti Kampong Burong Pingai Ayer, Kampong Lurong Sikuna dan Kampong Sungai Kedayan mengamalkan zikir Ratib Saman dan menjadikannya sebagai amalan harian setiap selepas menunaikan solat fardhu Isya'.⁴⁶⁸ Pada era pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sekitar tahun 1950an, ratib Saman memainkan peranan penting dalam menyemarakkan majlis khatam al-Quran yang diadakan di Istana Darul Hana. Majlis khatam al-Quran ini biasanya diadakan tiga kali sepanjang bulan Ramadhan. Selain itu, baginda juga menjadikan ratib ini sebagai satu pertandingan dan pada kebiasaannya acara pertandingan ini berlarutan hingga ke waktu pagi.⁴⁶⁹

Bagi Tarekat Ahmadiyah Idrisiyah pula, ia diasaskan oleh Ahmad bin Idris (w.1835M) dalam kurun ke-19, kemudian ia dilengkapkan oleh Ibrahim bin Rashid (w.1872M) dan Mohammad al-Dandrawi (w.1907M). Di alam Melayu, tarekat ini diperkenalkan dan disebarkan oleh seorang tokoh ulama Melayu, Haji Muhammad Said bin Jamaluddin al-Linggi (1875-1926), berasal dari Negeri Sembilan. Beliau menerima

⁴⁶⁵ *Ibid.*

⁴⁶⁶ Hj Hamdan Hassan, "Ruangan Temubual," *Jurnal Beriga* (Januari – Mac 1997), 11-12.

⁴⁶⁷ Hj Mohd Wan Shaghir Abdullah, "Tariqat-tariqat Mu'tabarah Asia Tenggara Suatu Pengenalan Ringkas" dalam *Koleksi Kertas Kerja Ilmiah* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1996), 30.

⁴⁶⁸ Siti Norkhalbi Haji Wahsalfelah, "Ratib Saman," *Jurnal Beriga* bil.54 (Januari – Mac 1997), 6.

⁴⁶⁹ Siti Norkhalbi Hj Wahsalfelah, "Ratib Saman Di Brunei Darussalam: Satu Pengenalan," *Janang* bil.6 (Syawal 1416/ Mac 1996), 163.

ijazah tarekat ini pada penghujung tahun 1318H bersamaan pertengahan April 1901M.⁴⁷⁰

Dalam konteks Negara Brunei, di awal perjalanan tarekat Ahmadiyah Idrisiyah ini, ia diawasi oleh Sayid Hj Abd Rasyid bin Sayid Hj Mohd Said,⁴⁷¹ selaku khalifah dan guru mursyid bagi Tarekat Ahmadiyah Idrisiyah di Brunei Darussalam. Beliau menetap di Singapura dan datang ke Brunei setiap tiga bulan sekali untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 1992, kemudian tarekat ini diawasi oleh anak beliau iaitu Syeikh Muhsin bin Syeikh Hj Abd Rashid.⁴⁷² Kini, tarekat Ahmadiyah Idrisiyah di Brunei Darussalam adalah di bawah pimpinan Ustaz Hj Abd Rajid bin Hj Abd Kadir bin Abd Rahman⁴⁷³ dan dia bertemu buat pertama kalinya dengan Sayid Hj Abd Rasyid bin Sayid Hj Mohd Said di Singapura pada akhir tahun 1981. Beliau telah menerima ijazah sebagai wakil Khalifah Tarekat Ahmadiyah Idrisiyah di Brunei Darussalam daripada guru rasmi beliau iaitu Sayid Hj Abd Rasyid bin Sayid Hj Mohd Said di Singapura. Pengijazahan ini membolehkan beliau memimpin dan mengembangkan Tarekat Ahmadiyah Idrisiyah di negara Brunei Darussalam.⁴⁷⁴

Umumnya, kesemua tarekat-tarekat muktabar tidak ada di dalamnya unsur-unsur *tahqīr al-arwāh* dan hubungan dengan jin. Begitu juga Tarekat Ahmadiyah Idrisiyah di Brunei tidak ada didalamnya unsur *tahqīr al-arwāh* dan hubungan dengan jin dan juga tidak ada fahaman *ittihād* atau *hulūl* atau *wahdah al-wujūd* di dalam mengamalkannya. Tujuan tarekat ini adalah untuk menjadi seorang hamba Allah yang salih dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT.⁴⁷⁵

⁴⁷⁰ Hj Ahmad bin Hj Mohd Said, *Pengantar Kepada Thariqat Ahmadiyah*, ed. Mahmud Haji Ahmad, (t.tp., t.p., 1935), 2-3; Lihat Zarrina Sa'ari, "Haji Muhammad Sa'id bin Jamaluddin al-Linggi: Amalan dan Sumbangannya dalam Perkembangan Tarekat Ahmadiyah di Malaysia," *Jurnal Usuluddin* (Julai 2002), 23.

⁴⁷¹ Nama lengkap beliau ialah Syeikh Hj Abdul Rasyid bin Syeikh Hj Mohd Said bin Jamaluddin al-Linggi.

⁴⁷² Masuriyati Haji Yahya, "Tatawwur al-Madhab al-Sufiyyah fi Brunei min al-Qarn al-Tasi' 'Ashar wa hatta Waqtina al-Hadir", 130-132; Lihat Aisyah Hj Mohd Yusof, *Pusat Dakwah Islamiyah dan Islamisasi Di Brunei Darussalam*, 168-169.

⁴⁷³ Beliau dilahirkan pada 20 Oktober 1948 di Kampong Estet Gadong dan keluarga beliau berasal dari Kampong Pengiran Tajudin Hitam.

⁴⁷⁴ Masuriyati Haji Yahya, "Tatawwur al-Madhab al-Sufiyyah fi Brunei min al-Qarn al-Tasi' 'Ashar wa hatta Waqtina al-Hadir", 132.

⁴⁷⁵ *Ibid.*, 135.

Sebagai sebuah tarekat tasawuf yang muktabar sudah semestinya ingin melihat perkembangan tarekat ini sesuai dengan matlamatnya terutama dalam membentuk adab dan akhlak Muhammadiyah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah di samping membangun dan membina kerohanian ke arah kemantapan iman dan takwa. Tarekat ini mempunyai tiga wirid utama iaitu *al-Tahlīl*, *Salawat Azamiyyah* dan *Istighfār al-Kabīr* dan tidak ada syarat-syarat tertentu yang agak berat dilaksanakan untuk menjadi ahli tarekat ini, ia hanya memadai dengan Islam dan beriman.⁴⁷⁶

Zikir Tarekat Ahmadiyah Idrisiyah mengandungi beberapa zikir yang dibaca mengikut jumlah yang ditetapkan dan dimulai dengan *Fātihah al-Awrād* dan ditutup dengan *Khātimah al-Awrād*, seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3.11.1(i) Zikir Tarekat Ahmadiyah Idrisiyah

فاتحة الأوراد	
اللهم إني أقدم إليك بين يدي كل نفس ولحمة وطرفة يترقب بها أهل السموات وأهل الأرض وكل شيء هو في علمك كائن أو قد كان أقدم إليك بين يدي ذلك كله	
1-	تهليل - لا إله إلا الله محمد رسول الله في كل لحظة ونفس عدد ما وسعه علم الله (100 ×)
2-	صلاوات عظيمة
3-	استغفار كبير
4-	يا لطيف (100 ×)
5-	استغفر الله إن الله كان تواباً (70 ×)
6-	حسبنا الله ونعم الوكيل (70 ×)
7-	فسيكفيهم الله وهو السميع العليم (111 ×)
8-	رب يسر ولا تعسر يا كريم (70 ×)
9-	صلى الله عليك وسلم يا رسول الله في كل لحظة ونفس عدد ما وسعه علم الله (100 ×)
10-	لا إله إلا الله (100 ×)
11-	الله الله (100 ×)
خاتمة الأوراد	
لا إله إلا الله محمد رسول الله في كل لحظة ونفس عدد ما وسعه علم الله (3 ×)	
لا إله إلا الله والله أكبر (4 ×)	

Sumber: Awrad Tariqat Ahmadiyah-Idrisiyyah, Edisi Brunei Darussalam

⁴⁷⁶ Hj Ahmad bin Hj Mohd Said, *Pengantar Kepada Thariqat Ahmadiyah*, ed. Mahmud Haji Ahmad, (t.tp., t.p., 1935), 2.

3.11.2 Amalan Ratib

Ratib dari sudut literal bermaksud jenis zikir atau puji-pujian yang diucapkan berulang-ulang. Ratib juga boleh diertikan sebagai zikir yang disertai dengan pergerakan fizikal. Menurut kajian, di Brunei ada terdapat tiga jenis ratib; ratib tahlil iaitu ratib atau zikir yang biasa dibaca ketika bertahlil, ratib orang darat iaitu kegiatan yang lebih berbentuk *ceremonial* yang diamalkan dalam masyarakat orang darat dalam majlis makan tahun sebagai lambang kegagahan mereka dengan tujuan merobohkan tataruk dan ketiga ratib saman.⁴⁷⁷ Ratib jenis pertama dan ketiga dibaca dalam acara keagamaan. Ratib jenis kedua pula dibaca dalam acara berunsur kebudayaan.

Ratib Saman mempunyai dua ciri utama. Pertama lagu, yang terdiri daripada selawat dan rangkai puisi diiringi dengan gerakan-gerakan tertentu dan kedua suara, kerana suara memainkan peranan penting dalam menentukan persembahan ratib disampaikan dengan sempurna dan teratur. Di samping itu, kemerduan suara juga akan menambah semangat para ahli untuk meneruskan persembahan ratib saman.⁴⁷⁸ Untuk memastikan Ratib Saman itu terlaksana dengan sempurna, ia perlu kepada pengelola atau yang mengetuai kumpulan ratib tersebut disebut '*khalifah*' di samping beberapa tata tertib yang perlu dipatuhi⁴⁷⁹, sebagaimana dalam jadual berikut:

Jadual 3.11.2 (i) Tatacara Ratib Saman

PENGELOLA	TATACARA
Kumpulan Kumpulan tidak kurang dari 10 orang ahli dan seorang '<i>khalifah</i>' perlu dilantik. Khalifah ini biasanya dilantik oleh guru. Khalifah mestilah mempunyai dua ciri utama: - i- Mahir dari segi nasyid, bacaan puisi - ii- Mestilah memiliki suara yang lantang dan merdu. Kedudukan khalifah adalah di tengah-tengah lingkaran kumpulan ratib.	1- Duduk seperti cara duduk ketika <i>tahiyat awal</i> dalam solat dalam bentuk bulatan. 2- Jumlah ahli tidak dihadkan, lebih ramai lebih baik. 3- Sebelum memulakan ratib: 4- Baca surah <i>al-fatihah</i> sebagai mukaddimah dan diikuti dengan bacaan selawat beramai-ramai. Setelah itu ratib akan dimulakan dengan kalimah dan nasyid. Terdapat dua peringkat:

⁴⁷⁷ Siti Norkhalbi Haji Wahsalfelah, "Ratib Saman," *Jurnal Beriga* (Januari – Mac 1997), 4.

⁴⁷⁸ *Ibid.*

⁴⁷⁹ *Ibid.*

Tugas Khalifah: - ii- Membetulkan kesilapan sama ada dalam sebutan atau pun lagu - ii- Memberi isyarat pertukaran sesuatu lagu dengan menepuk tangan sebanyak tiga kali - iii- Memberi arahan kepada ahli untuk membawakan nasyid dan kalimah. Pembawa nasyid: Dilakukan secara bergilir-gilir dari kalangan ahli kumpulan ratib itu sendiri. Pembawa kalimah: Sangat penting kerana ia merupakan kunci ratib di mana jika sumbang pembawaan lagu kalimah maka akan sumbanglah juga nasyid. Kalimah yang digunakan dalam ratib ini ialah kalimah, 'La ilaha illa Allah' dan 'Allah'.	Peringkat Pertama (Duduk) - ii- Para peserta akan menggerakkan badan yang dimulai dari sebelah kanan dan kemudian ke kiri mengikut alunan lagu. - iii- Setiap pergerakan dalam ratib saman mesti dimulai dari sebelah kanan. - iv- Nasyid yang dilagukan adalah menurut rangkaian fasal puisi yang tertentu dan mempunyai alunan yang tersendiri. - v- Ketika duduk, terdapat tiga buah fasal iaitu fasal pertama hingga fasal tiga. Peringkat Kedua (Berdiri) - i- Para ahli akan berdiri - ii- Pada peringkat berdiri ini <u>terdapat dua cara pergerakan.</u> Pergerakan pertama ialah "<i>susun sirih</i>" iaitu bergerak dengan menghayun sedikit kaki (bahagian hujung jari) ke depan yang dimulai dari sebelah kanan. Kalimah 'La ilaha illa Allah' masih lagi dilagukan dan nasyidnya pula rangkaian puisi fasal empat hingga fasal sepuluh. Dalam pergerakan ini, kumpulan ratib akan bergerak dengan agak perlahan dalam bulatan tersebut. Gerakan akan dipercepatkan ketika fasal kelima dilagukan dan gerakan itu disesuaikan dengan rentak kalimah dan nasyid yang dibawakan. Pergerakan kedua ialah gerakan "<i>menyiring</i>". Kalimah "Allah" akan mengiringi rangkaian puisi fasal sebelas hingga selesai. Proses ini boleh berlaku dalam jangka masa yang agak panjang dan ini adalah tertakluk kepada ahli ratib sama ada mereka mengetahui semua rangkaian puisi atau nasyid ratib. 5- Sebelum mengakhiri ratib saman ini, beberapa surah pendek dalam al-Quran akan dibaca. Pemilihan orang yang
---	---

	membaca surah tersebut dilakukan oleh khalifah. 6- Sebagai penutup ratib saman ini, doa selamat akan dibaca. Dalam majlis rasmi biasanya para peratib akan dijamu dengan jamuan ringan, bunga telur akan diberi sebagai buah tangan atau ‘campur’.
--	---

Sumber: Siti Norkhalbi Haji Wahsalfelah, “Ratib Saman”, *Jurnal Beriga*, Januari-Mac 1997.

Dalam konteks masyarakat Islam Brunei, adalah menjadi satu budaya khususnya bagi puak Kedayan amalan membaca ratib saman beramai-ramai di *teratak*⁴⁸⁰ sebelum majlis ‘*Makan Tahun*’ iaitu selepas selesai menuai padi, dimulakan. Majlis ini diadakan setahun sekali sebagai tanda kesyukuran atas hasil tuaian padi dan pembacaan ratib diadakan untuk memohon keberkatan.⁴⁸¹

Selain Ratib Saman, amalan membaca Rātib al-‘Attās mula dilaksanakan secara meluas selepas Negara Zikir dititahkan pada tahun 2007. Ratib ini telah disusun oleh al-Marhum al-‘Ārif bi Allāh al-Habīb ‘Umar bin Abd al-Rahmān al-‘Attās. Beliau wafat pada 23 Rabiul Thani tahun 1072H di Huraidhah, Hadra al-Maut.⁴⁸² Dalam kitab ‘*Azīz al-Manāl wa Fath bāb al-wisāl*’ menyebutkan bahawa susunan ratib al-‘Attās diambil dari ayat-ayat al-Quran, Asma Allāh al-Husnā dan zikir-zikir. Ratib ini dibaca selepas solat Maghrib dan solat Subuh sama ada secara berjema‘ah atau secara persendirian, di masjid atau di rumah.⁴⁸³

Hakikatnya amalan membaca rātib al-‘Attās memang sudah sebatik sebatu sejak sekian lama dalam jiwa masyarakat Islam Brunei. Ia diamalkan secara persendirian di rumah-rumah perseorangan bahkan pernah juga diamalkan di masjid-masjid tetapi ianya

⁴⁸⁰ Teratak merupakan binaan yang dibuat dan dibangunkan di halaman rumah untuk mengadakan acara atau majlis makan tahun atau tempat berkumpul beramai-ramai. Binaan ini dibina dengan sepertiga dinding sahaja sekadar bagi membolehkan orang yang hadir dapat duduk bersandar.

⁴⁸¹ A.B. Ahmad, “Tradisi Makan Tahun dalam Masyarakat Kedayan” dalam *Beriga* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 11.

⁴⁸² Suhaimi bin Haji Abang, ed. *Ratib al-Attas* (Brunei: Jabatan Hal Ehwal Syari’ah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1988), 1.

⁴⁸³ *Ibid.*, halaman depan.

kurang menyerlah.⁴⁸⁴ Pengamalan *rātib al-‘Attās* mula diadakan di masjid-masjid seluruh negara secara meluas setelah Negara Zikir dititahkan. Kini *rātib al-‘Attās* dijadikan sebagai salah satu aktiviti keagamaan secara mingguan di kementerian-kementerian di Negara Brunei Darussalam.

3.11.3 Amalan Zikir *Mawlid Syaraf al-Anām*

Berzikir adalah salah satu tradisi keagamaan di Brunei yang telah diamalkan sekian lama. Tiada diketahui secara tepat tentang asal perkataan berzikir. Ia hanya diturunkan dari mulut ke mulut melalui cara pelbagai.⁴⁸⁵ Namun ada kemungkinan perkataan berzikir mempunyai hubung kait dengan perkataan zikir.

Berdasarkan kajian, dalam kitab *Barzanji*⁴⁸⁶, terdapat nazam khas yang dibaca dengan lagu-lagu yang menarik. Biasanya masyarakat Melayu menamakan pembacaan ini dengan nama marhaban. Acara marhaban ini dilakukan semasa membaca kitab *Barzanji* pada bab keempat iaitu apabila sampai rangkap yang kelapan pada ayat yang menyebut baginda Rasulullah SAW dilahirkan, pada ketika itu orang ramai pun berdiri sambil membaca marhaban.⁴⁸⁷ Ia dilagukan dalam bahasa Arab dan bersumberkan dari kitab *Majmū‘ah Mawlid Sharaf al-Anām*. Marhaban bertujuan mengingati junjungan besar Nabi Muhammad SAW di samping menambahkan kemeriahan majlis diadakan.⁴⁸⁸

Hakikatnya, pengamalan zikir *Mawlid Syaraf al-Anām* menerusi nazam khas yang dibaca dengan lagu disebut sebagai marhaban sangat mendominasi di dalam apa jua aktiviti atau acara kebudayaan dan kemasyarakatan di Brunei. Ia bermula dari upacara-upacara yang melibatkan hari kebesaran Islam terutama *Mawlid al-Rasul*, sambutan

⁴⁸⁴ Hj Abd Wahab bin Hj Tamin (Pegawai Jabatan Masjid, Bandar Seri Begawan), dalam temu bual dengan penulis, 17 Jun 2008.

⁴⁸⁵ Yahya Hj Ibrahim, *Kertas Kerja Bengkel Dikir Brunei* (Brunei Darussalam: Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1991), 2.

⁴⁸⁶ Pengarang Kitab *Mawlid Barzanji* ialah Sayyid Ja‘far bin Hassan bin Abdul Karim bin Sayyid Muhammad Al-Madani. Perkataan *barzanji* dinisbahkan kepada kampung asal keturunan penulis iaitu *arzanj* yang terletak di Iraq. Kitab ini menceritakan rangkaian sejarah hidup Nabi Muhammad SAW menyentuh tentang keturunan, perkembangan kehidupan dari zaman kanak-kanak sehingga menjadi Rasul, juga menyentuh tentang sejarah perjuangan serta keperibadian Rasulullah SAW yang seharusnya menjadi contoh teladan bagi seluruh umat manusia. Lihat Abdul Basit Samat@Darawi, Siti Rugayah Tibek dan Razaleigh Muhamat@Kawangit, “Seni Barzanji dan Marhaban: Sejarah dan Amalannya Dalam Masyarakat Melayu,” *Ulum Islamiyyah Journal* 14 (December 2014), 44-45.

⁴⁸⁷ Abdul Basit Samat@Darawi, Siti Rugayah Tibek dan Razaleigh Muhamat@Kawangit, “Seni Barzanji dan Marhaban: Sejarah dan Amalannya Dalam Masyarakat Melayu,” *Ulum Islamiyyah Journal* 14 (December 2014), 45.

⁴⁸⁸ *Ibid.*, 45.

Israk Mikraj, Tadarus di bulan Ramadhan, sambutan Nuzul al-Quran dan sambutan Awal tahun Hijrah sehinggalah majlis-majlis yang melibatkan kemasyarakatan seperti majlis sempena menyambut kehadiran cahayamata baru, majlis berpindah rumah, majlis berkhatah, majlis berbedak, majlis berinai, majlis pernikahan dan perkahwinan, majlis sempena menyambut kepulangan jema'ah haji serta majlis meraikan saudara baru yang akan diserikan dengan Zikir *Mawlid Syaraf al-Anām* di samping untuk mendapatkan keberkatan.

3.12 Kesimpulan

Zikrullah merupakan amalan kerohanian yang menempati kedudukan yang sangat tinggi antara amalan-amalan yang disyari'atkan dalam Islam. Kedua elemen menyebut dan mengingat melengkapkan konsep zikir dalam Islam yang tidak hanya terbatas pada *tasbih, tahmid, takbir* dan *tahlil* semata-mata tetapi merangkumi aspek *amar ma'ruf nahyi munkar*. *Zikrullah* adalah metode rohaniah untuk membersihkan jiwa mendidik rohani untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan juga jalan untuk mengenal Allah (*ma'rifatullah*) di samping menjadi terapi ruhi dalam memberikan ketenangan hati dan kesejahteraan jiwa. Dalam konteks negara Brunei, gagasan Negara Zikir untuk melahirkan generasi beriman dan bertakwa dan saranan untuk menjadikan negara sebagai sebuah negara yang diberkati kerana keterikatannya dengan Allah SWT. Beriman dan bertakwa merupakan ciri-ciri yang menyempurnakan gagasan Negara Zikir sekali gus melengkapi kerangka Negara Zikir yang terdiri daripada *khayr ummah* menjadi umat terbaik, *marḍātillāh* untuk meraih redha Allah ke arah mencapai visi Negara Zikir *Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr* iaitu negara yang baik, aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun. Namun begitu masyarakat Islam Brunei juga sama sekali tidak pernah melupakan junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah di mana zikir *Mawlid Sharaf al-Anām* juga dibaca dan dilagukan dengan baik dan sempurna di dalam acara atau majlis keagamaan dan kebudayaan untuk mendapat keberkatan. Dengan adanya beberapa bentuk pengamalan zikir ini sekurang-kurang memberi ruang dan pilihan kepada generasi belia hari ini untuk terus beramal dengan yakin dan sempurna, berlandaskan syarak dan tidak terkeluar dari pegangan aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah.

BAB 4 : PROGRAM PENGUKUHAN NEGARA ZIKIR MENERUSI AMALAN KEROHANIAN DALAM KALANGAN GOLONGAN BELIA PERLU PERHATIAN (BPP)

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan definisi belia, perbezaan belia dan remaja, martabat dan kualiti belia Islam, ciri-ciri belia Islam. Dasar Belia Negara Brunei dan matlamat juga dibincangkan diikuti dengan profile golongan Belia Perlu Perhatian (BPP). Bab ini juga menjelaskan program dan aktiviti kerohanian di setiap pusat penempatan; pusat bimbingan dan pemulihan Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), pusat tahanan Penjara Jerudong, pusat pemulihan al-Islah dan Biro Kawalan Narkotik.

4.2 Definisi Belia

Hampir semua negara dunia secara umumnya meletakkan harapan kepada golongan belia di negara masing-masing sebagai pelapis dan peneraju untuk mencapai matlamat kejayaan dan kecemerlangan negara di masa hadapan. Menerusi bab ini akan dijelaskan definisi belia, dasar belia dan beberapa pembahasan lainnya berhubungkait dengan golongan belia perlu perhatian (BPP) menerusi program dan aktiviti kerohanian.

Menurut *Kamus Dewan* belia bermaksud muda belia, sangat muda, golongan muda yang secara keseluruhannya terdiri daripada pemuda dan pemudi.⁴⁸⁹ Ini bermaksud belia adalah satu golongan yang masih muda remaja, masih mentah, belum mempunyai pengalaman yang cukup, belum mempunyai ilmu pengetahuan yang lengkap tetapi tenaga mereka sangat diperlukan. Oleh kerana mereka masih muda maka mereka mempunyai stamina yang kuat lebih daripada orang yang sudah berumur.⁴⁹⁰

Terdapat banyak definisi belia diberikan merangkumi pelbagai perspektif, kaedah dan juga kepelbagaian bidang mengikut keperluan kajian namun umur belia sering diperdebatkan. Ada yang mendefinisikan belia sebagai mereka yang berumur antara 12 tahun hingga 25 tahun. Ada juga pandangan mengatakan bahawa belia adalah dalam lingkungan umur antara 11 tahun dan 26 tahun. Tidak dinafikan, terdapat juga

⁴⁸⁹ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 155, entri “belia.”

⁴⁹⁰ Pg Dr Hj Mohammad Pg Hj Abd Rahman, *Belia Dan Pendidikan Islam Di Brunei Darussalam* (Brunei: Pusat Dakwah Islamiyah, 2011), 16.

belia ditakrifkan mengikut peringkat perkembangan iaitu; umur 12 tahun hingga 21 tahun adalah peringkat remaja dan umur 22 tahun hingga 30 tahun adalah peringkat kematangan. Malahan pandangan lain pula berpendapat bahawa peringkat perkembangan belia yang sudah mencapai akil baligh adalah dalam lingkungan umur 12 tahun dan 13 tahun atau lebih awal lagi atau paling lewat iaitu 18 tahun.⁴⁹¹

Menurut Saifuddin Abdullah, definisi belia merangkumi makna dan kondisi yang kompleks kerana itu belia tidak mudah didefinisikan dan tidak terdapat satu definisi yang dipersetujui oleh semua. Manakala mereka yang terlibat secara aktif dalam proses pembangunan belia, sering kali mencampuradukkan istilah belia dengan kanak-kanak, remaja dan dewasa.⁴⁹²

Dari sudut pengembangan, tahap belia tidak berlaku secara tiba-tiba, malahan ianya merupakan satu tahap transisi yang melibatkan tahap kanak-kanak, remaja dan dewasa, maka untuk memahami belia, adalah lebih baik dengan cara memahami ketiga-tiga tahap tersebut lebih dahulu. Pada waktu yang sama, harus diingat, oleh kerana proses pemahaman ini melibatkan lebih daripada satu teori disiplin ilmu, maka tidak dapat dielakkan akan wujud pertindihan umur pada awal dan akhir setiap tahap yang dibincangkan.⁴⁹³

Kanak-kanak bermakna seseorang yang belum baligh. Tetapi, walaupun baligh biasanya dicapai apabila seseorang itu berumur antara 10 tahun dan 14 tahun, di kebanyakan negara, oleh pelbagai akta dan statut, kanak-kanak turut didefinisikan mengikut pelbagai kumpulan umur, misalnya: di bawah 4 tahun, di bawah 10 tahun, di bawah 14 tahun di bawah 16 tahun dan di bawah 18 tahun.⁴⁹⁴

Remaja pula bermakna keadaan atau proses membesar atau tempoh masa antara baligh dan dewasa atau tempoh masa antara kanak-kanak dan dewasa. Dewasa pula biasanya diterima sebagai seseorang yang mampu berdikari dari segi psikologi, pekerjaan, kewangan, dan bertanggungjawab atas segala keputusan dan tindakannya. Dalam sesetengah budaya, baligh dan perkahwinan turut diambil sebagai kriteria

⁴⁹¹ Zulkifli Zakaria, "Masa: Apa Aktiviti Belia," *Jurnal Perguruan* Tahun 2, (Ogos 2010), 39-40.

⁴⁹² Saifuddin Abdullah, "Penetapan Umur Belia Beri Kesan Meluas," *Utusan*, 15 Nov 2000, 6.

⁴⁹³ *Ibid.*

⁴⁹⁴ *Ibid.*

dewasa. Dalam amalan demokrasi pula, terdapat negara yang menggunakan umur 18 tahun atau 21 tahun sebagai ukuran dewasa lalu membolehkan seseorang yang mencapai umur-umur tersebut untuk mengundi.⁴⁹⁵ Di samping itu, terdapat beberapa undang-undang yang secara tidak langsung mendefinisikan seseorang itu sebagai belum dewasa. Contohnya, umur minimum untuk memandu dan membeli rokok, atau dalam kes rogol statutori (*statutory rape*) wanita di bawah umur 16 tahun dianggap belum dewasa dari segi kerelaannya melakukan hubungan seks.⁴⁹⁶ Sebagai satu tahap pengembangan, dalam sesetengah masyarakat, dewasa ada kalanya dianggap berlaku sekali gus selepas tahap remaja. Bagaimanapun, dalam sesetengah budaya lain, terdapat satu tahap yang digelar belia sebelum seseorang itu dianggap dewasa. Dalam tahap tersebut, orang muda berkenaan diperlukan melakukan sesuatu bentuk khidmat masyarakat atau sosial, misalnya kerahan tenaga.⁴⁹⁷

Berdasarkan penjelasan tersebut, Saifuddin Abdullah merumuskan bahawa umur 40 tahun merupakan tahap akhir definisi belia iaitu dari sudut peranan dan sumbangan berkesan dalam masyarakat yang luas serta kepimpinan belia. Ini bermaksud umur 40 tahun bermula tahap dewasa sepenuhnya dan sematangnya dan sebelum berumur 40 tahun seseorang itu masih belia. Oleh itu, dari sudut kepimpinan, belia adalah pemimpin masa hadapan, pemimpin generasinya, pemimpin generasi lebih muda darinya dan juga rakan pembangunan bersama generasi yang lebih tua darinya.⁴⁹⁸

Dari perspektif Islam, belia dikaitkan dengan tahap pencapaian umur baligh. Al-Quran menyebut perkataan *fatā* yang bermaksud pemuda atau belia di dalam surah al-Kahfi pada ayat berikut:

فَلَمَّا جَاوَزَا قَالَ لِفَتَاهُ إِنِّي جَدَاءٌ إِنَّا لَفِيقِينَ مِّن سَفَرِنَا هَذَا نَصَبًا ﴿٦٢﴾

Al-Kahfi 18: 62

Terjemahan: Setelah mereka melampaui (tempat itu), berkatalah Nabi Musa kepada temannya: “Bawalah makan tengah hari kita, sebenarnya kita telah mengalami penat lelah dalam perjalanan kita ini”.

⁴⁹⁵ *Ibid.*

⁴⁹⁶ *Ibid.*

⁴⁹⁷ *Ibid.*

⁴⁹⁸ *Ibid.*

Islam mengambilkira kepentingan dalam menetapkan usia baligh dan akal sempurna sebagai faktor penentu yang menentukan sama ada remaja itu sudah mencapai tahap mukallaf atau pun tidak. Mukallaf bermaksud orang yang sudah cukup umur dan diwajibkan mematuhi hukum-hakam Islam dan mereka dipertanggungjawabkan ke atas segala tingkah laku serta perbuatan yang dilakukan.⁴⁹⁹

Dalam konteks Brunei Darussalam, definisi belia ialah lelaki dan perempuan yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun, manakala umur pemimpin belia tidak dihadkan.⁵⁰⁰ Terdapat persamaan dan juga perbezaan bagi beberapa buah negara dalam menetapkan had umur belia. Bagaimanapun, penetapan umur belia 15 tahun dalam Dasar Belia Negara, adalah selari dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar RA mengenai penetapan umur 15 tahun sebagai batas usia baligh.

Daripada Ibn ‘Umar RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَرَضَهُ يَوْمَ أُحُدٍ وَهُوَ ابْنُ أَرْبَعِ عَشْرَةَ سَنَةً فَلَمْ يُجِزْنِي ثُمَّ عَرَضَنِي يَوْمَ الْحَنْدَقِ وَأَنَا ابْنُ خَمْسِ عَشْرَةَ سَنَةً فَأَجَازَنِي، قَالَ نَافِعٌ: فَقَدِمْتُ عَلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الْعَزِيزِ وَهُوَ خَلِيفَةٌ فَحَدَّثْتُهُ هَذَا الْحَدِيثَ، فَقَالَ: إِنَّ هَذَا لَحَدُّ بَيْنِ الصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ وَكُتِبَ إِلَى عُمَّالِهِ أَنْ يَفْرِضُوا لِمَنْ بَلَغَ خَمْسَ عَشْرَةَ.

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah SAW telah menunjukku untuk ikut serta dalam perang Uhud, ketika itu usiaku empat belas tahun. Namun Rasulullah tidak memperbolehkan aku, kemudian baginda menunjukku kembali dalam perang Khandaq, yang ketika itu usiaku telah mencapai lima belas tahun. Baginda pun memperbolehkanku. Nafi' berkata: "Aku menghadap Umar bin Abdul Aziz, pada ketika itu beliau memegang jawatan sebagai khalifah, lalu aku menceritakan hadith ini, lalu beliau (Umar bin Abdul Aziz) berkata: "Sesungguhnya ini adalah batas antara orang yang masih kecil dan sudah dewasa dan dicatatkan pekerjaan yang diwajibkan ke atas sesiapa yang mencapai umur lima belas tahun".⁵⁰¹

⁴⁹⁹ *Al-Mu'jam al-Wasit*, ed.ke-4 (Mesir: al-Mujamma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 2003), 825, entri "mukallaf."

⁵⁰⁰ *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam*, 3.

⁵⁰¹ Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin Bardazbah al-Ja'fī al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Shahādāt, Bāb Bulūgh al-Shibyan wa Shahādatihim, no. Hadith 2668, (Kaherah: Maktabah al-Safa', 1423H/ 2003M), 1: 589; Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Imarah, Bāb Bayān Sin al-Bulūgh, no. Hadith 1868 (Bayrut: Dar Ibn Hazm, 1423H/ 2002M), 837.

Al-Nawawī juga menjelaskan hadits tersebut adalah dalil bahawa batasan baligh adalah umur 15 tahun sebagaimana pendapat mazhab al-Shāfi‘ī, al-Awza‘ī, Ibn Wahhāb, Aḥmad Ibn Ḥanbal dan yang lainnya. Mereka menjelaskan bahawa dengan sempurnanya umur 15 tahun maka seseorang itu sudah dihukum mukallaf meskipun belum pernah mengalami mimpi basah, namun hukum-hukum berhubung kewajiban melaksanakan ibadah dan lainnya mula berlaku baginya.⁵⁰²

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadits berikut:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ، وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ.

Terjemahan: Terangkat kalam (catatan amal) daripada tiga perkara; daripada seorang yang tidur sehinggalah dia terjaga, daripada seorang kanak-kanak sehinggalah dia bermimpi dan daripada seorang gila sehinggalah dia menjadi siuman.⁵⁰³

Batas umur 40 tahun juga selaras dengan usia pengangkatan kenabian dan kerasulan Nabi Muhammad SAW iaitu 40 tahun sebagaimana juga Nabi Ibrahim AS dan lainnya AS. Di dalam al-Quran batas umur 40 tahun itu diterjemahkan sebagai peringkat dewasa. Firman Allah Ta‘ala pada ayat berikut:

حَتَّى إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَلَدِي وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٤٦﴾

Al-Ahqaf 46: 15

Terjemahan: Setelah ia besar sampai keperingkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah ia dengan berkata: “Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan ni‘matMu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibubapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan

⁵⁰² Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah al-Nawawī* (Kaherah: al-Matba‘ah al-Misriyah: 1924), 13: 12.

⁵⁰³ Abū Dawūd Sulayman bin Ash‘ath bin Ishāq al-Sajistanī, *Sunan Abī Dawūd*, Kitāb al-Hudūd, Bāb fī al-Majnūn Yasriq aw Yusib Hadd, no Hadith 4403, ed., Muhammad Muhyi al-Dīn ‘Abd al-Hamid (Kaherah: Dar al-Fikr, t.t.) 4: 141.

amal soleh yang Engkau redhai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadaMu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadaMu)”.

Sebagai rumusan, belia adalah golongan muda belia yang secara umumnya merangkumi peringkat perkembangan manusia bermula daripada kanak-kanak, remaja dan dewasa. Bagaimanapun, pandangan Islam dalam menetapkan usia baligh dan berakal merupakan faktor penentu pencapaian tahap *mukallaf* di mana sudah cukup umur seseorang individu muslim untuk melaksanakan kewajipan dan mematuhi hukum-hakam Islam di mana seseorang itu dipertanggungjawabkan ke atasnya setiap rinci perbuatan dan tingkah laku. Manakala umur belia 40 tahun, dipertandakan sebagai seseorang yang memiliki kematangan akal dalam berfikir dan bertindak serta mencapai tahap kedewasaan sempurna yang menjadi ukuran dan nilai utama dalam setiap aspek kepimpinan. Dan umur belia atau responden yang terlibat dalam kajian ini adalah merujuk kepada umur 15 tahun hingga 40 tahun, sebagaimana disebutkan dalam Dasar Belia Negara Brunei Darussalam.⁵⁰⁴

4.2.1 Perbezaan Antara Remaja dan Belia

Remaja menurut *Kamus Dewan* bermaksud mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin.⁵⁰⁵ Terdapat banyak pengertian diberikan dalam menghuraikan perkataan remaja. Ada yang menghuraikannya dengan lingkungan umur dan ada juga huraian yang menghubungkan dengan peringkat perkembangan. Remaja dan lingkungan umur adalah terdiri daripada mereka yang berumur antara 11 tahun hingga 19 tahun. Terdapat banyak istilah dikaitkan dengan remaja, antaranya awal belia; anak muda; dan orang muda. Perkataan *juvana* juga dikaitkan dengan remaja. Selain itu istilah lain seperti baligh dan matang juga digunakan bagi menerangkan sifat umum yang ada pada diri remaja.⁵⁰⁶

Menurut pandangan Islam pula tidak wujud secara khusus istilah peringkat remaja. Namun begitu ada yang berpendapat bahawa peringkat remaja adalah salah satu

⁵⁰⁴ *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam*, 3.

⁵⁰⁵ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1308, entri “remaja.”

⁵⁰⁶ Mohd Ismail Mustari, *Menjadi Belia Cemerlang* (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005), 3-4.

daripada peringkat perkembangan golongan belia yang terbahagi kepada dua peringkat; Peringkat pertama adalah peringkat remaja bermula dari usia 12 atau 13 tahun iaitu umur bermulanya had baligh sehingga 21 tahun. Peringkat kedua adalah peringkat kematangan bermula dari 22 tahun sehingga 30 tahun. Istilah ini menepati syariat Islam yang mewajibkan pelaksanaan rukun Islam ke atas setiap individu muslim *mukallaf*.⁵⁰⁷

Dalam menjelaskan perbezaan antara remaja dan belia, Sidek Baba berpendapat remaja merupakan kelompok manusia yang amat memerlukan perhatian dan memiliki potensi yang pelbagai. Pedoman dan bimbingan perlu diberi agar potensi mereka menjadi remaja yang baik, taat dan beradab dapat dilahirkan. Potensi ini juga jika tidak dibimbing dan diasuh boleh menghasilkan ledakan yang amat bertenaga ke arah hal-hal yang negatif.⁵⁰⁸ Para remaja juga merupakan kelompok manusia yang aktif dan terdapat juga yang hiperaktif. Mereka memiliki idealisme yang tinggi dan sering tidak seialiran dengan perkara yang ada di hadapan mereka. Malah mereka suka kepada yang baharu dan sifatnya berubah-ubah.⁵⁰⁹ Sesetengah remaja memiliki rasa penentangan yang tinggi terhadap apa-apa saja. Mentaliti oposisi ini menyebabkan mereka tidak suka kepada sesuatu yang bercorak tradisi atau pun lama. Jiwa berontak terhadap status quo amat kuat. Mereka mudah terpengaruh dengan kritikan dan cemuhan. Kadang-kadang mereka kurang rasional dan selalunya emosional.⁵¹⁰

Selaras dengan pembahasan sebelumnya, penetapan usia baligh dan berakal dari sudut pandangan Islam merupakan faktor penentu pencapaian tahap *mukallaf* setiap individu muslim. Bagaimanapun, perbezaan di antara golongan remaja dan belia adalah diukur dari sudut perkembangan emosi di mana golongan remaja lebih agresif sementara perkembangan emosi golongan belia puratanya berada dalam keadaan yang lebih stabil dan rasional serta bersifat lebih matang dalam berfikir dan bertindak.

4.2.2 Martabat dan Kualiti Belia Islam

Generasi belia Islam hari ini merupakan golongan yang memikul beban amanah untuk melanjutkan proses pengembangan dakwah dan generasi penerus bagi pembangunan

⁵⁰⁷ Hasnah bt Ghani, *Jenayah Remaja Permasalahan dan Penyelesaian* (Shah Alam: Hizbi, 1995), 3-4.

⁵⁰⁸ Sidek Baba, *Pesan kepada Remaja* (Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn Bhd, 2012), 57.

⁵⁰⁹ *Ibid.*

⁵¹⁰ *Ibid.*

ummah. Peranan belia adalah sangat penting kerana golongan ini adalah pewaris masa depan sesebuah negara dan kepimpinan umat. Pelbagai hadith nabi yang berkaitan dengan peranan golongan belia telah diutarakan bagi menyedarkan para belia tentang hak dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh mereka dalam sesebuah institusi masyarakat menurut kaedah yang telah diterapkan oleh Islam.⁵¹¹

Al-Quran merakamkan dengan jelas bahawa setiap makhluk ciptaanNya adalah untuk menyembahNya dan menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi, sebagaimana dalam ayat-ayat berikut:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Al-Baqarah 2: 30

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”.

Dan firman Allah pada ayat berikut:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Al-Dharyat 51:56

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku, tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Justeru, kecemerlangan melaksanakan tugas sebagai khalifah dan juga sebagai hamba Allah yang soleh dan taat beribadah merupakan di antara tujuh golongan yang mendapat naungan dari Allah SWT di hari kiamat kelak. Hadith sahih mengenainya telahpun disebutkan dalam bab yang lalu iaitu daripada Abū Hurayrah RA, Rasulullah SAW, bersabda:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الإمام العادل، وشابٌّ نشأ بعبادة الله عزَّ وجلَّ، ورجلٌ معلقٌ في المساجد، ورجلان تحابَّا في الله، اجتمعا عليه وتفرقا عليه، ورجلٌ دعته امرأةٌ ذاتُ منصبٍ وجمالٍ، فقال: إني أخافُ الله عزَّ وجلَّ، ورجلٌ

⁵¹¹ ‘Abd Allāh Nāsīh ‘Ulwān, *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islām* (Jeddah: Dar al-Salam, 1992), 2: 824.

تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لَا تَعْلَمَ يَمِينُهُ مَا تُنْفِقُ شِمَالُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا
فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ

Terjemahan: “Tujuh golongan manusia yang akan mendapat naungan Allah pada hari tidak ada naungan kecuali naunganNya: Pemimpin yang adil, seorang yang menyibukkan dirinya dengan beribadah kepada Allah, seorang yang berzikir kepada Allah tatkala sendirian sehingga mengalir air matanya, seorang yang hatinya selalu terikat pada masjid, dua orang yang saling mencintai kerana Allah, seorang lelaki diajak berzina oleh wanita yang kaya dan cantik tapi ia menolak sambil berkata: ‘Aku takut kepada Allah’ dan seseorang yang bersedekah dan menyembunyikannya sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh tangan kanannya”.⁵¹²

Keseluruhan hadith di atas merupakan metode rohaniah dalam membentuk sahsiah dan jati diri generasi belia bahkan ketujuh-tujuh ciri golongan manusia dalam hadith tersebut perlu ada pada setiap generasi muda dan belia bakal peneraju kepimpinan negara di masa depan.

Selain itu, ayat al-Quran dan hadith berikut tidak kurang pentingnya terhadap generasi belia dalam merangka dan merancang masa depan. Masa depan generasi belia perlu diisi dengan usaha dan kerja keras untuk meraih kesempatan dan peluang terbaik lebih-lebih lagi dalam usaha memantapkan kualiti kerohanian generasi belia hari ini. Allah Ta‘ala berfirman:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفَىٰ خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Al-Asr 103: 1-3

Terjemahan: Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

Daripada Ibn ‘Abbas RA, Rasulullah SAW bersabda kepada seorang pemuda dan baginda memperingatkannya:

⁵¹² Al-Bukhāri, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ li al-Bukhārī*, Kitāb Hudūd, Bāb Fadl Man Taraka al-Fawahish, no. Hadith 6806 (Kaherah: Matba‘ah al-Salafiyah, 1400H.), 4: 252.

إِغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ، وَغَنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ.

Terjemahan: “Rebutlah lima perkara sebelum tiba lima perkara, iaitu masa engkau muda belia sebelum tua, masa engkau sihat sebelum sakit, masa engkau kaya sebelum miskin, masa engkau lapang sebelum sibuk dan masa engkau hidup sebelum mati”.⁵¹³

Ayat dan hadith tersebut sewajarnya dilihat sebagai pelengkap kepada hadith sebelumnya terutama dalam memantapkan sahsiah rohaniah golongan belia dengan memanfaatkan segala masa dan peluang yang Allah berikan di dalam kehidupan ini. Melalui hadith ini, Rasulullah SAW memperingatkan untuk merebut lima perkara sebelum terlambat iaitu manfaatkan dan mengisikan masa muda dengan tubuh badan yang sihat dan kuat untuk melakukan ketaatan dengan memperbanyakkan amal ibadah serta mencari keredaan Allah sebagai upaya melahirkan generasi beriman dan bertakwa. Jika sekiranya tubuh badan lemah dan sakit atau berada di dalam kesibukan dan kecemasan sedikit sebanyak akan menghalang waktu luang untuk beramal ibadah.

Hadith tersebut juga menyarankan supaya generasi muda memanfaatkan kehidupan ini untuk menjadi hamba Allah yang soleh serta menjadi khalifah yang adil, melaksanakan amar makruf dan meninggalkan mungkar, melaksanakan amal kebajikan, memberi sumbangan, berinfaq dan bersedekah dengan lebih harta agar kesemuanya menjadi amal jariah di kemudian hari kelak.

‘Abdullāh Nāsīh ‘Ulwān, tatkala membahaskan hadith mengenai usaha memanfaatkan lima perkara, beliau menghubungkaitkan dengan isu taqlid buta di mana generasi belia Islam hari ini lebih banyak meniru nilai budaya yang tidak bersifat Islamik dan tidak produktif seperti budaya lepak yang ternyata jelas menghabiskan masa terbuang begitu sahaja, budaya meniru penampilan sama ada dari segi berpakaian atau akhlak. Nilai budaya ini menjadikan belia Islam sendiri hilang maruah, hilang

⁵¹³ Ibn Hajar al-‘Asqālani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqālani, *Fath al-Bāri sharah ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Riqaq, Bāb Qawl al-Nabi SAW Kun fi al-Dunya Kaannaka Gharīb aw ‘Abir Sabil, no. Hadith 6416, ed., Muhib al-Dīn (Kaherah: Dar al-Rayyan, 1409H/ 1988M), 11:239; Muhammad bin ‘Abd Allāh al-Hakim al-Nisābūrī, *al-Mustadrak ‘ala al-ṣaḥīḥayn*, Kitāb al-Riqaq, no Hadith 3/7846, ed., Mustafa ‘Abd al-Qādir ‘Atā (Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1411H/ 1990M), 4: 341. Hadith ini sahih menurut syarat al-Bukhari dan Muslim.

pendirian dan hilang keyakinan.⁵¹⁴ Oleh itu, disarankan kepada generasi belia supaya merebut dan memanfaatkan peluang serta waktu yang ada sebaik mungkin agar mereka tidak menyesal dan merasa satu kerugian. Ini disebabkan kesempatan emas tersebut pasti tidak akan berulang dan waktunya pasti luput.

Dalam konteks belia Brunei, kajian tentang '*Masa: Apa Aktiviti Belia*' wajar diambil perhatian. Kajian dijalankan ke atas 30 orang belia berumur di antara 12 hingga 32 tahun bertujuan untuk memastikan bagaimana belia menggunakan dan memanfaatkan masa. Hasil kajian menemukan hanya 36.7% (11 orang) daripada jumlah tersebut yang mengikuti aktiviti takmir masjid dan 33.3% (10 orang) dalam keadaan tidak pasti. Malahan 46.7% (14 orang) pula, mereka dalam keadaan tidak pasti bagaimana memanfaatkan hari Juma'at dan hari Ahad.⁵¹⁵ Hasil kajian tersebut menyimpulkan bahawa tidak ramai belia mengikuti aktiviti masjid dan pada masa yang sama hampir 50% belia berada dalam keadaan tidak pasti bagaimana memanfaatkan masa. Dengan statistik ini, jelas ianya tidak memenuhi kriteria seorang belia sebagaimana digariskan dalam hadith-hadith tersebut terutama dalam membentuk belia bijak memanfaatkan masa terluang dengan mengikuti program dan aktiviti kerohanian.

Meskipun kajian seumpamanya ke atas golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) belum ditemukan dan dengan berjalannya waktu maka sewajarnya program Negara Zikir sudah pun diterapkan kepada mereka agar mereka menjadi belia yang sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT selaras dengan gagasan Negara Zikir iaitu membentuk generasi belia beriman dan bertakwa. Justeru, membentuk belia berkualiti menerusi program dan aktiviti kerohanian yang telah pun disediakan untuk golongan Belia Perlu Perhatian merupakan satu langkah tepat untuk membantu golongan belia ini membangun membina asas kerohanian untuk melahirkan belia berkualiti mantap rohani serta cemerlang di dunia dan di akhirat.

4.2.3 Ciri-ciri Belia Islam

Remaja-belia Islam beriman dan bertakwa hendaklah dibentuk ke tahap yang mantap di mana pegangan, semangat, akhlak perjuangan mereka tidak berubah mengikut keadaan masa mahupun tempat. Malah belia-remaja hendaklah berkeupayaan menjaga kualiti-

⁵¹⁴ 'Abd Allāh Nāsīh 'Ulwān, *Hatta Ya'lam al-Shabab* (Kaherah: Dar al-Salam, 1996), 129.

⁵¹⁵ Zulkifli Zakaria, "Masa: Apa Aktiviti Belia," *Jurnal Perguruan* Tahun 2, (Ogos 2010), 42-43.

kualiti tersebut dengan teguh dalam apa jua suasana. Kemantapan yang paling diharapkan ialah belia-remaja Islam terbentuk sebagai contoh atau teladan yang akan diikuti oleh semua pihak yang berdamping dengannya untuk mendapat kejayaan dunia dan akhirat.⁵¹⁶

Sebagaimana disebutkan sebelumnya iaitu hadith sahih daripada Abū Hurayrah RA yang disabdakan oleh baginda Rasulullah SAW mengenai tujuh golongan manusia yang akan mendapat naungan Allah⁵¹⁷ wajar dijadikan contoh teladan dalam melahirkan generasi belia Islam yang memiliki kepimpinan berkualiti, kemantapan rohani, melaksanakan amar makruf dan mencegah kemungkaran di samping memiliki sifat mahmūdah.

‘Abdullāh Nāsih ‘Ulwān menyebutkan antara sifat *maḥmūdah* yang diperlukan untuk membangun dan membentuk perilaku kehidupan belia Islam itu adalah memiliki iman yang teguh, ikhlas, memiliki keazaman dan kesungguhan yang kuat, rajin berusaha dan bekerja keras, berkorban demi mencapai kemenangan terutama dalam menegakkan syiar Islam dan sentiasa beramal dengan al-Quran dan al-Sunnah.⁵¹⁸ Begitulah juga untuk menjadi seorang pendakwah berwibawa serta menjadi contoh teladan kepada generasi belia yang lainnya, mereka hendaklah memiliki sifat *siḍḍiq*, amanah, berlemah lembut, sentiasa bersifat tawaḍhu‘ atau merendah diri dan berjiwa mulia.⁵¹⁹

Dengan kata lain, generasi belia beriman, rajin berusaha dan kerja keras, menegakkan syiar Islam dan sentiasa beramal dengan al-Quran dan al-Sunnah adalah di antara ciri-ciri belia Islam yang perlu dijana sebagai pemangkin pembinaan belia Islam yang berwawasan berjaya di dunia dan di akhirat.

⁵¹⁶ ‘Abd Allāh Nāsih ‘Ulwān, *Hatta Ya‘lam al-Shabab*, 129.

⁵¹⁷ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ li al-Bukhārī*, Kitāb Hudūd, Bāb Fadhl Man Taraka al-Fawahish, no. Hadith 6806 (Kaherah: Matba‘ah al-Salafiyah, 1400H.), 4: 252.

⁵¹⁸ ‘Abd Allāh Nāsih ‘Ulwān, *Hatta Ya‘lam al-Shabab*, 129.

⁵¹⁹ ‘Abd Allāh Nāsih ‘Ulwān, *Akhlaq Para Pendakwah*, terj. Othman bin Mustapha (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1988), 17-46.

4.3 Dasar Belia Negara Brunei dan Matlamat

Dasar Belia Negara Brunei merupakan garis panduan dan landasan bagi semua pihak yang terlibat dalam menentukan halatuju perkembangan dan pembangunan belia dengan memperkasa program-program yang menjurus kepada pembinaan imej baru belia dan pembangunan karakter belia cemerlang berteraskan nilai-nilai luhur falsafah Melayu Islam Beraja.⁵²⁰ Dan untuk memastikan golongan belia negara ini mempunyai tahap keyakinan yang tinggi, maka sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak untuk sama-sama bertanggungjawab dalam memastikan perkembangan dan pembangunan mereka berada pada tahap cemerlang amat diperlukan.⁵²¹

Mewujudkan '*Belia Brunei Cemerlang*' merupakan matlamat Dasar Belia Negara dengan melaksanakan objektif berikut:

- i. Mendukung Islam sebagai ugama rasmi dan menjadikannya sebagai satu cara hidup yang lengkap. Ini bertujuan untuk membentuk belia bertanggungjawab, taat beragama, berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan hidup; memelihara dan mempertahankan kesucian Ugama Islam; mempelajari dan mengamalkan tuntutan fardhu 'ain, celik al-Quran dan mempunyai akhlak yang mulia dan terpuji.⁵²²
- ii. Menyumbang kepada ekonomi, kebudayaan dan masyarakat. Ini membolehkan belia menghargai keperluan untuk menyumbang kepada pencapaian ekonomi yang kukuh; keperluan untuk mendukung kebudayaan dan masyarakat serta menghargai penubuhan yayasan belia.⁵²³
- iii. Mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran hidup bermasyarakat. Ini membolehkan belia memupuk kesedaran diri dan rasa kepunyaan serta mempunyai hala tuju kehidupan yang sempurna; menghargai dan mengamalkan sikap pemedulian, berkhidmat dan berbakti kepada bangsa dan negara; memupuk perpaduan kebangsaan dan antarabangsa.⁵²⁴

⁵²⁰ Hussain Haji Awang Mohd Yusof, "Kata-Alu-Aluan," dalam *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam* (Negara Brunei Darussalam: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 2002), 1.

⁵²¹ *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam*, 3.

⁵²² *Ibid.*, 9.

⁵²³ *Ibid.*

⁵²⁴ *Ibid.*, 10.

iv. Pengetahuan dan Kemahiran. Ini membantu belia mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk: menyumbangkan secara positif kepada pembangunan negara; bersikap positif kepada pekerjaan serta menjadi warganegara yang aktif dan penuh azam.⁵²⁵

v. Sikap dan Kualiti Peribadi. Ini bertujuan untuk membantu belia memperkembangkan sikap dan kualiti peribadi dalam semua aspek kehidupan harian, sosial dan ekonomi dengan mengekalkan sikap dan kualiti beriman dan bertakwa; taat dan setia kepada raja; sikap patriotik; patuh kepada undang-undang; berdaya saing dan berdikari; sikap kepimpinan dan mempunyai daya inisiatif; berkeyakinan dan beriltizam; sikap keusahawanan dan kreatif.⁵²⁶

Sebagai rumusan, Dasar Belia Negara Brunei adalah garis panduan yang disediakan untuk membangun belia menerusi kegiatan fizikal dan aktiviti jasmani dengan beberapa objektif yang telah digariskan. Teras bagi Dasar Belia Negara dalam mewujudkan Belia Brunei Cemerlang adalah dengan menghormati nilai-nilai luhur falsafah Melayu Islam Beraja. Bagaimanapun, Dasar Belia Negara seharusnya meletakkan kepentingan pembangunan kerohanian belia menerusi program dan aktiviti kerohanian yang disediakan oleh unit atau jabatan atau pusat berkenaan. Ini disebabkan roh atau jiwa merupakan unsur yang perlu difahami dan dibangunkan dengan sebaiknya untuk melahirkan insan yang bertakwa. Ketiadaan jiwa yang bertakwa akan mengakibatkan fungsi akal dan fizikal menjadi lemah dan tidak terarah. Manusia secara umumnya akan menggunakan kecerdasan akal dan kekuatan jasmani untuk membina tamadun material. Maka amat penting pembangunan rohani disepadu dengan pembangunan jasmani.

Justeru, kajian ini menelusuri pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian menerusi program dan aktiviti kerohanian yang diberikan kepada penghuni dan residen di pusat perlindungan dan pemulihan KRK, pusat tahanan dan pusat pemulihan.

⁵²⁵ *Ibid.*, 10.

⁵²⁶ *Ibid.*

4.4 Profile Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)

Perkataan “perlu perhatian” yang disandarkan kepada golongan belia dengan singkatan BPP dalam tajuk kajian ini adalah merujuk kepada hal keadaan dalaman golongan belia bermasalah yang menjadi fokus kajian ini di mana mereka merupakan kelompok belia yang perlu diambil peduli dan tidak selayaknya diabaikan.⁵²⁷ Pengabaian jika dilihat dari sudut kes iaitu kes pengabaian adalah bermaksud sikap tidak bertanggungjawab atau tidak ambil peduli terhadap keluarga yang wajib dipertanggungjawabkannya. Contoh-contoh kes pengabaian di Negara Brunei Darussalam seperti tidak memberi pendidikan sempurna, tidak memberi perhatian kepada kesihatan anak-anak serta membiarkan ibu bapa yang lanjut usia terabai penghidupannya.⁵²⁸

Dengan kata lain, belia perlu perhatian dalam kajian ini adalah merujuk kepada hal keadaan dalaman golongan belia bermasalah yang juga mempunyai hubungkait dengan pengabaian luaran. Golongan belia bermasalah yang menjadi fokus kajian ini adalah mereka yang ditempatkan di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) sebagai pusat perlindungan dan bimbingan, Jabatan Penjara Jerudong sebagai pusat tahanan dan pusat pemulihan Al-Islah. Kajian ini mengindikasikan golongan ini sebagai golongan belia yang perlu diambil peduli dan tidak selayaknya diabaikan.

Justeru, pengkaji menerusi kajian ini mengindikasikan golongan Belia Perlu Perhatian sebagai golongan yang sangat perlu kepada perihal kepedulian berimpak rohani dan eksklusif untuk mengajak kembali ke jalan yang benar serta diredhai Allah SWT. Pengindikasian ini juga sebagai *qudwah hasanah* atas sikap dan keprihatinan kebanyakan golongan ulama tasawuf terdahulu dalam keprihatinan mereka yang sentiasa bersikap ambil peduli perihal diri merangkap perihal kekuatan spiritual sebagai landasan pembangunan rohani menerusi amalan kerohanian.

Perkembangan dan pembangunan belia di negara ini adalah di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan yang mempunyai tujuh jabatan, merupakan

⁵²⁷ Haji Isa bin Haji Osman (Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

⁵²⁸ Siti Aynah Mohd Yaakub. “Peranan Jabatan Pembangunan Masyarakat Dalam Mengukuhkan Kesejahteraan Institusi Keluarga dan Masyarakat di Brunei Darussalam” makalah, Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei, 24-25 Februari 2010.

sebuah kementerian yang akan memastikan belia negara ini berada pada tahap cemerlang selaras dengan kemajuan negara. Di antara tujuh buah jabatan tersebut, tiga buah darinya terlibat dengan perkembangan sahsiah belia menerusi program dan aktiviti yang diadakan iaitu, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Program Khidmat Bakti Negara.⁵²⁹

Bagaimanapun golongan belia perlu perhatian (BPP) yang mengikuti program bimbingan, pemulihan dan perlindungan di Kompleks Rumah Kebajikan adalah di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Sementara golongan belia yang berada di pusat tahanan dan pusat al-Islah berada di bawah kementerian berlainan. Meskipun begitu, masing-masing kementerian mempunyai program dan aktiviti kerohanian yang mana perisiannya adalah berdasarkan silibus yang telah disediakan oleh Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang menjadi fokus pembahasan kajian ini.⁵³⁰

Golongan belia mengikut Dasar Belia Negara adalah yang berumur 15 - 40 tahun.⁵³¹ Berdasarkan *Statistik Tahun 2015*, belia berumur 15 tahun hingga 44 tahun, berjumlah 217,800 iaitu 42% lelaki dan 39% perempuan.⁵³² *Borneo Bulletin Yearbook 2017*, mencatat jumlah peratus mengikut tahap umur iaitu: 23.6% adalah terdiri daripada umur bayi hingga berumur 14 tahun, 16.9% mewakili umur lingkungan 15 hingga 24 tahun, 47.9% berumur 25 hingga 54 tahun, 7.4% berumur 55 hingga 64 tahun dan 4.2% berumur 65 tahun ke atas.⁵³³ Berdasarkan peratus tersebut, belia berumur 15 hingga 54 tahun berjumlah 64.8% dan jumlah ini menunjukkan populasi paling ramai di Negara Brunei Darussalam. Dasar Belia Negara menyebutkan bahawa isu pengangguran dan penyalahgunaan dadah merupakan dua isu besar yang melibatkan golongan belia dan menjadi kebimbangan banyak pihak kerana keduanya menjadi punca timbulnya pelbagai gejala sosial lainnya.⁵³⁴

⁵²⁹ <http://www.japem.gov.bn/> dicapai 11 Jun 2016.

⁵³⁰ *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan Tahun 1427H/ 2006M* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1427H/ 2006M), 11.

⁵³¹ *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam*, 3.

⁵³² *Brunei Darussalam Statistical Yearbook* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri, 2015), 16.

⁵³³ *Borneo Bulletin Yearbook 2017, The Guide to Brunei Darussalam* (Brunei: Brunei Press Sdn Bhd, 2017), 34.

⁵³⁴ *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam*, 3, 11.

Negara juga mengambil perhatian serius apabila pertumbuhan persatuan semakin merosot. Kemerosotan ini menunjukkan penglibatan belia berada pada tahap tidak aktif dan tidak produktif. Oleh itu, Dasar Belia Negara diwujudkan sebagai garis panduan untuk mengaktifkan belia.⁵³⁵ Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab terhadap belia serta memastikan belia negara ini bergerak aktif, maka kementerian ini akan merujuk kepada Dasar Kebudayaan Negara yang diluluskan pada tahun 1996, dan Dasar Sukan Negara yang diluluskan pada tahun 1991 merupakan pelengkap kepada Dasar Belia Negara.⁵³⁶ Oleh yang demikian adalah wajar bagi semua projek dan kegiatan kebelaian yang dikendalikan oleh semua institusi, sama ada kerajaan atau bukan kerajaan diselaraskan dan dihubungkan dengan kementerian berkenaan.

4.5 Program dan Aktiviti Kerohanian Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)

Program dan Aktiviti Kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian adalah merujuk kepada subjek Amali/ Ko-kurikulum yang mana perisiannya adalah berdasarkan silibus yang telah disediakan oleh Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam yang menekankan aspek zikrullah yang terdiri daripada empat komponen utama; Pertama, Amalan-Amalan Utama; membaca al-Quran, berwirid, berzikir, beristighfar, bertasbih, bertahmid dan berselawat. Kedua, Solat Fardhu dan Sunat; solat fardhu lima waktu, solat sunat taubat, solat sunat hajat, solat sunat dhuha dan *qiyam al-layl*. Ketiga, Doa Selamat dan Doa Tahlil; kaifiat doa selamat dan doanya, kaifiat tahlil dan doanya dan kaifiat membaca surah Yaasin dan doanya. Keempat, Puasa; puasa-puasa sunat yang disyariatkan⁵³⁷ (Lampiran C) dan komponen amalan kerohanian sebagaimana dalam rajah 4.5. berikut:

⁵³⁵ *Ibid.*, 4.

⁵³⁶ *Ibid.*, 6.

⁵³⁷ *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan Tahun 1427H/ 2006M*, 11.

Rajah 4.5. Komponen Amalan Kerohanian Bagi Golongan Belia Perlu Perhatian

Amalan-amalan Utama	Solat Fardhu dan Sunat	Doa Selamat dan Doa Tahlil	Puasa
• Membaca al-Quran • Wirid • Zikir • Istighfar • Tasbih • Tahmid • Salawat	• Fardhu 5 waktu • Sunat Taubat • Sunat Hajat • Sunat Dhuha • Qiamullail	• Kaifiyah Doa Selamat dan Doa • Kaifiyah Tahlil dan Doa • Kaifiyah Baca Surah Yaasin dan Doa	• Puasa Sunat yang disyariatkan

Sumber: Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan Tahun 1427H/ 2006M, 11.

Secara asasnya tujuan Amali/ Ko-Kurikulum ini untuk memberi kemahiran melalui bimbingan bacaan wirid, kaifiat doa selamat dan tahlil di samping meningkatkan kesedaran dan penghayatan dalam beramal serta berkebolehan dalam melaksanakan amalan-amalan fardhu dan fardhu kifayah serta mengetuai atau mengepalai majlis keagamaan dan juga dalam aktiviti kemasyarakatan.⁵³⁸ Berikut adalah pusat penempatan yang menjalankan program dan aktiviti kerohanian berdasarkan silibus yang disediakan.

4.5.1 Program dan Aktiviti Kerohanian Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Belimbing Subok

Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Pulaie di Negara Brunei Darussalam, mula ditubuhkan pada tahun 1982,⁵³⁹ merupakan institusi kerajaan yang dijadikan tempat perlindungan dan penjagaan sementara bagi individu yang menghadapi masalah sosial, tempat pemulihan dan bimbingan bagi remaja bermasalah atau terlibat kes juvana dan juga merupakan rumah tahanan sementara bagi remaja terlibat dengan masalah juvana.⁵⁴⁰ Bangunan KRK yang baru telah siap dibina pada tahun 2010 di Belimbing Subok. Kesemua penghuni dan residen Kompleks Rumah Kebajikan Pulaie juga telah

⁵³⁸ *Ibid.*

⁵³⁹ *Pamflet Kompleks Rumah-Rumah Kebajikan Pulaie (K.R.R.K)* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 2010).

⁵⁴⁰ *Pamflet Kompleks Rumah Kebajikan (K.R.K)* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan).

pun dipindahkan dan ditempatkan di kompleks baru tersebut.⁵⁴¹ Dan kini, Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Belimbing Subok telah pun diwartakan sebagai sebuah pusat pemulihan dan perlindungan bagi mereka yang menghadapi masalah sosial dan juga mereka yang menjadi mangsa teraniaya dalam masalah sosial.⁵⁴² KRK Belimbing Subok, mempunyai lapan buah rumah dan penempatan berasingan bagi lelaki dan perempuan, mengikut kategori umur dan juga kes atau bentuk kesalahan. Rumah dan penempatan tersebut, seperti berikut:

Jadual 4.5.1 (a) Rumah dan Penempatan KRK Belimbing Subok

Bil	Penempatan	Peruntukan
01	Taman Noor Hidayah 1	bagi perempuan-perempuan dan gadis-gadis di bawah umur 21 tahun yang terlibat dengan masalah sosial seperti kes susah dikawal atau lari dari rumah, pelacuran dan sebagainya.
02	Taman Noor Hidayah 2	bagi perempuan-perempuan dan gadis-gadis di bawah umur 21 tahun yang menjadi mangsa seperti penganiayaan, penderaan, masalah keluarga dan sebagainya.
03	Darussakinah Putera	bagi kanak-kanak dan orang muda (lelaki) di bawah umur 18 tahun yang dirujuk dari pihak mahkamah atas sebab atau melibatkan kes-kes pengabaian, penganiayaan, penderaan dan juga masalah keluarga.
04	Darussakinah Puteri	bagi kanak-kanak dan orang muda (perempuan) di bawah umur 18 tahun yang dirujuk dari pihak mahkamah atas sebab atau melibatkan kes-kes pengabaian, penganiayaan, penderaan, rogol, sumbang mahram, persetubuhan bawah umur dan anak laqit.
05	Darussyafaah Putera	bagi kanak-kanak dan orang muda (lelaki) di bawah umur 18 tahun yang dirujuk dari pihak Mahkamah Juvana.
06	Darussyafaah Puteri	bagi kanak-kanak dan orang muda (perempuan) di bawah umur 18 tahun yang dirujuk dari pihak Mahkamah Juvana.

⁵⁴¹ Muhd Sahrin bin Sulaiman (Ketua Guru Ugama, KRK Belimbing Subok) dan Ramziah binti Haji Osman (Guru Ugama Terlatih, KRK Belimbing Subok), dalam temubual dengan penulis, 13 Mei 2014.

⁵⁴² Rohani Haji Abdul Hamid, "Tinjauan Kemudahan Kompleks Rumah Kebajikan Kampung Belimbing," *Pelita Brunei*, 27 Januari 2015.

07	Darul Irsyad Putera	bagi kanak-kanak dan orang muda (lelaki) di bawah umur 18 tahun yang ditahan reman sementara menunggu perbicaraan dan jatuh hukum dari Mahkamah Juvana.
08	Darul Irsyad Puteri	bagi kanak-kanak dan orang muda (perempuan) di bawah umur 18 tahun yang ditahan reman sementara menunggu perbicaraan dan jatuh hukum dari Mahkamah Juvana.

Sumber: Pamflet Kompleks Rumah Kebajikan (K.R.K) (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan).

Bagi mereka yang ditempatkan di KRK Belimbing Subok, penggunaan istilah penghuni adalah dirujuk bagi mereka yang diberikan perlindungan dan istilah residen pula dirujuk bagi mereka yang diberikan pemulihan.⁵⁴³ Dan penempatan mereka pada bahagian pemulihan dan perlindungan di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) adalah berdasarkan peruntukan akta yang sedia ada di samping ianya merupakan salah satu perkhidmatan secara institusi yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).⁵⁴⁴

Penubuhan KRK Belimbing Subok, bertujuan untuk memberi penjagaan dan tempat perlindungan sementara kepada residen sehingga kes mereka selesai dan untuk memberikan pemulihan, bimbingan dan latihan kepada residen agar menjadi seorang individu yang berakhlak mulia, berdisiplin dan berdaya maju melalui program dan latihan yang diberikan.⁵⁴⁵ Selain itu, penubuhan KRK juga bertujuan untuk membantu dalam membentuk identiti penghuni dan residen supaya memiliki keyakinan diri sebelum kembali ke pangkuan keluarga, masyarakat dan menjadi individu yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.⁵⁴⁶ Sejajar dengan matlamat penubuhan KRK, bahagian Akademik Ugama telah pun ditubuhkan di mana kelas pembelajaran ugama bermula daripada peringkat pra hingga ke peringkat darjah 6 dan tenaga pengajarnya

⁵⁴³ Muhd Sahrin bin Sulaiman (Ketua Guru Ugama, KRK Belimbing Subok) dan Ramziah binti Haji Osman (Guru Ugama Terlatih, KRK Belimbing Subok), dalam temubual dengan penulis, 13 Mei 2014.

⁵⁴⁴ Siti Aynah Mohd Yaakub, "Peranan Jabatan Pembangunan Masyarakat Dalam Mengukuhkan Kesejahteraan Institusi Keluarga dan Masyarakat di Brunei Darussalam" (makalah, Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei, 24-25 Februari 2010).

⁵⁴⁵ *Pamflet Kompleks Rumah Kebajikan (K.R.K)* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan).

⁵⁴⁶ *Pamflet Kompleks Rumah Kebajikan (K.R.K)* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan).

adalah dikhususkan daripada Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.⁵⁴⁷

Matlamat utama KRK menubuhkan bahagian Akademik Ugama pula adalah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan asas agama dan lanjutan serta akidah yang betul di samping memberikan bimbingan positif dan nilai-nilai pendidikan Islam berlandaskan al-Quran dan Hadith menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah.⁵⁴⁸ Dalam merealisasikan Negara Zikir, KRK Belimbing Subok juga telah menyediakan program dan aktiviti kerohanian untuk penghuni dan residennya sebagaimana dalam jadual 4.5.1 (b) berikut:

Jadual 4.5.1 (b) Program dan Aktiviti Kerohanian KRK

MASA	AKTIVITI
7:30-8:00 Pagi	- Solat Dhuha - Solat Taubat - Berzikir
Setiap Hari	1. Asma ul Husna 2. Sifat-Sifat Allah Yang Wajib 3. Nama-Nama Nabi 25 orang 4. Bismillahi بسم الله الذي لا يضر مع اسمه شيء في الأرض ولا في السماء وهو السميع العليم 5. Hasbi Rabbi حسب ربي جلّ الله، ما في قلبي غيرُ الله، نور محمد صلى الله
Isnin	6. Zikir Harian لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم (21x)
Selasa	اللهم صلّ على سيدنا محمد النبي الأمي وعلى آله وصحبه وسلّم (21x)
Rabu	أستغفر الله العظيم (21x)
Khamis	سبحان الله العظيم وبحمده (21x)

⁵⁴⁷ Muhd Sahrin bin Sulaiman (Ketua Guru Ugama, KRK Belimbing Subok) dan Ramziah binti Haji Osman (Guru Ugama Terlatih, KRK Belimbing Subok), dalam temubual dengan penulis, 13 Mei 2014.

⁵⁴⁸ *Ibid.*

Juma'at	يا الله (21x)
Sabtu	لا إله إلا الله (21x)
Ahad	يا حي يا قيوم (21x)
Setiap Hari	7. Ayat Kursi
	8. Ayat Seribu Dinar ومن يتق الله يجعل له مخرجا ويرزقه من حيث لا يحتسب ومن يتوكل على الله فهو حسبه إن الله بلغ أمره قد جعل الله لكل شيء قدرا (7x)
	9. Surah al-Taubah, ayat 128 لقد جاءكم رسول من أنفسكم عزيز عليه ما عنتتم حريص عليكم بالمؤمنين رؤوف رحيم (7x)
	10. Subhanallah سبحان الله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر (33x)
	11. Selawat Syifa (7x)
	12. Selawat Tafrijiyyah (11x)

Sumber: Muhd Sahrin bin Sulaiman dan Ramziah binti Haji Osman, Temubual, 13 Mei 2014.

Setelah selesai mengikuti program dan aktiviti kerohanian tersebut maka penghuni dan residen memulakan sesi pagi persekolahan dimulai dengan mengikuti kelas bimbingan dan kelas kemahiran vokasional. Pada sesi petang, mereka mengikuti kelas akademik iaitu kelas pembelajaran ugama yang diadakan dari darjah pra hingga darjah enam. Bagaimanapun kehadiran mereka ke kelas-kelas tersebut adalah tertakluk kepada jadual yang diberikan. Sebagaimana dinyatakan dalam jadual 4.5.1 (c) berikut:

4.5.1 (c) Jadual Kelas Penghuni dan Residen KRK

MASA	KELAS BIMBINGAN PAGI	KELAS KEMAHIRAN VOKASIONAL	KELAS AKADEMIK
8:00 pagi hingga 12:00 tengahari (kecuali Jumaat, Sabtu dan Ahad)	1. Al-Quran - Membaca dan menghafal surah-surah lazim - Membaca dan menghafal surah-surah pilihan seperti surah <i>Yasin</i>, surah <i>al-Mulk</i>, surah <i>al-Waqi'ah</i> 2. Amali - Membaca dan menghafal lafaz niat wudhu - Membaca dan menghafal niat solat - Membaca dan menghafal doa dan tahlil - Mengajar cara solat 5 waku - Menghalusi bacaan solat 5 waktu 3. Fiqh - Taharah seperti mandi dan berwudhu	1. Bagi penghuni dan residen perempuan - Membuat Songkok - Jahitan - Masakan - Komputer 2. Bagi penghuni dan residen lelaki: - Pertukangan tangan - Komputer	
2:00 petang hingga 4:30 petang (kecuali Jumaat, Sabtu dan Ahad)			Kelas pembelajaran ugama ini diadakan bermula dari peringkat Pra hingga darjah 6 iaitu mengikut darjah masing-masing.
Nota: Kehadiran penghuni dan residen untuk mengikuti Kelas Bimbingan Pagi dan Kelas Kemahiran Vokasional adalah tertakluk kepada jadual yang diberikan kepada penghuni dan residen.			

Sumber: Muhd Sahrin bin Sulaiman dan Ramziah binti Haji Osman, Temubual, 13 Mei 2014.

Selain itu, KRK juga menyediakan beberapa program dan aktiviti seperti Program Latihan Vokasional atau Kemahiran, Aktiviti Sukan dan Riadah yang dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar KRK, Program Pembinaan Diri, Program Kaunseling dan Psikologi melibatkan individu, keluarga dan kelompok serta Lawatan Keluarga.

Jelas dengan adanya program dan aktiviti rohani dan jasmani menunjukkan bahawa penghuni dan residen KRK Belimbing Subok tetap diberikan pendidikan ugama sebagai asas dan benteng kukuh dalam mempertingkatkan keimanan kepada Allah SWT bagi memastikan penghuninya tetap mempunyai pegangan akidah yang teguh dan mantap selaras dengan gagasan Negara Zikir untuk membentuk generasi beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.

4.5.2 Program dan Aktiviti Kerohanian Jabatan Penjara Jerudong

Jabatan Penjara Jerudong mula beroperasi pada 1 Mac 1954 setelah berpindah dari bangunan lama yang dibina pada awal tahun 1950an dan institusi ini diketuai oleh seorang Pegawai Yang Menjaga.⁵⁴⁹ Bangunan Jabatan Penjara ini terdiri daripada blok pentadbiran dan blok penjara yang mempunyai banyak kemudahan seperti klinik perubatan dan pergigian, sel individu dan dormiteri, tempat riadah, rekreasi dan tempat lawatan keluarga. Selain itu, bangunan penjara ini juga dilengkapi dengan dewan makan, dapur, khutub khanah, surau, bilik darjah, padang kawad, bengkel perusahaan, kawasan pertanian dan ternakan, kantin dan lain-lain.⁵⁵⁰

Penjara Jerudong menempatkan banduan wanita dan banduan lelaki yang sebahagiannya terdiri daripada mereka yang masuk berulang kali. Terdapat juga banduan yang menjalani hukuman sehingga mencapai belasan tahun, yang menjalani hukuman sepanjang hayat dan hukuman mati berdasarkan kategori hukuman yang dijatuhkan ke atas pesalah. Bagaimanapun, banduan yang menjalani hukuman dalam tempoh dua hingga tiga bulan akan ditempatkan pada unit pengasingan.⁵⁵¹

⁵⁴⁹ *Pamflet Penjara Jerudong* (Negara Brunei Darussalam: Penjara Jerudong).

⁵⁵⁰ *Ibid.*

⁵⁵¹ Haji Isa bin Haji Osman (Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

Misi Jabatan Penjara Jerudong ialah melindungi masyarakat dengan menahan penghuni secara terkawal, berperikemanusiaan dan pemulihan yang sempurna supaya menjadi anggota masyarakat yang berguna dan bertanggungjawab.⁵⁵² Dan matlamat Jabatan Penjara Jerudong pula ialah menahan dan mengawal penghuni dengan selamat serta mengadakan kemudahan yang bersesuaian; melaksanakan hukuman dan perintah sepertimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa; memulihkan dan membentuk akhlak penghuni melalui pendekatan pemulihan yang sempurna seperti kaunseling, keagamaan, bimbingan dan khidmat nasihat, latihan fizikal dan pembelajaran; melatih dan melengkapkan penghuni dalam pelbagai bidang kemahiran latihan dan vokasional.⁵⁵³

Jabatan Penjara seperti juga pusat bimbingan dan pusat pemulihan lainnya telah menyediakan program pemulihan dan program kerohanian untuk para pesalah atau banduan. Program pemulihan terdiri daripada pemulihan fizikal seperti senaman dan aktiviti kesihatan diri, latihan kawad kaki dan sukan, rekreasi dan lain-lain; pemulihan psikologikal seperti kaunseling individu, kelompok dan keluarga, bimbingan dan khidmat nasihat; pemulihan sosial seperti pendidikan agama Islam, bimbingan al-Quran dan amali ibadat, moral atau akhlak, sivik dan ceramah, pendidikan asas Bahasa Melayu dan Inggeris serta permuzakarahan bersama keluarga penghuni dan latihan kerja dan vokasional seperti pertukangan kayu, pertanian dan ternakan, senikreatif dan senitaman, jahitan dan dobi, tukang masak, kerja-kerja pemuliharaan seperti bangunan, elektrik, kenderaan dan kantin.⁵⁵⁴

Sementara Program Bimbingan dan Aktiviti Kerohanian pula, bermula pada tahun 1999 silibusnya telah disediakan oleh bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam dan bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan asas berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah di mana tenaga pengajarnya juga adalah terdiri daripada guru agama yang ditempatkan secara perbantukan.⁵⁵⁵ Antara mata pelajaran yang diajarkan menerusi program Bimbingan Kerohanian, sebagaimana dalam jadual berikut:

⁵⁵² *Ibid.*

⁵⁵³ *Ibid.*

⁵⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵⁵ Haji Isa bin Haji Osman (Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

Jadual 4.5.2 (a) Program Bimbingan Banduan Penjara Jerudong

Bil	Mata Pelajaran	Perisian	Tujuan
01	Al-Quran	- peringkat asas dan lanjutan	- menjaga sebutan dan makhraj huruf dengan baik - membaca al-Quran dengan baik
02	Amali	- memperelokan sebutan dalam rukun solat - bacaan solat - cara melakukan solat dengan betul - memperelokan sebutan salawat dan zikir - bacaan doa selamat dan - bacaan tahlil kemudian diterapkan ke dalam aktiviti	- melaksanakan ibadah solat dengan sempurna - menerapkannya dalam aktiviti keagamaan - berkebolehan dalam mengepalai dalam acara atau majlis keagamaan
03	Feqah Buku rujukan: <i>Zainul al-Talib</i>	- taharah seperti bersuci - wudhu - mandi hadas - solat seperti rukun solat dan juga solat sunat	- mengutamakan kebersihan diri - memelihara ibadat solat
04	Tauhid Buku rujukan: <i>Kitab Tauhid</i> bagi pelajar sekolah agama darjah 4.	- sifat-sifat wajib bagi Allah Ta'ala - sifat-sifat mustahil bagi Allah Ta'ala - sifat harus bagi Allah Ta'ala - berhubungkait dengan kenabian	- memantapkan keimanan dan kepercayaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW
05	Tasawuf Buku rujukan: <i>Zainul al-Insan</i>	- maksiat zahir dan batin	- sentiasa memelihara diri daripada melakukan dosa besar dan dosa kecil

Sumber: Haji Isa bin Haji Osman, Temubual, 14 Mei 2014.

Program bimbingan tersebut dilaksanakan secara menyeluruh di blok-blok penempatan banduan. Penyelaras program terdiri daripada *Tawwab*in iaitu banduan yang dilantik sebagai imam di dalam blok kediaman dan penyelarasan program dilakukan menerusi perjumpaan yang diadakan seminggu sekali atau dua minggu sekali

setiap bulan. Di samping itu, Bahagian Kerohanian dan Akhlak Penjara juga mengadakan Program Mentaat iaitu program yang disediakan untuk banduan yang akan dibebaskan. Program ini dilaksanakan sebulan atau dua bulan sebelum banduan dibebaskan.⁵⁵⁶

Menerusi Program Mentaat ini, banduan diberi ulangkaji mata pelajaran yang telah diajarkan dan juga melaksanakan aktiviti pembacaan Rātib al-‘Attās, Surah Yāsin, Tahlil dan Doa. Program Mentaat ini juga termasuk dalam jadual Program Pembelajaran Ugama, Bahagian Kerohanian dan Akhlak Penjara.⁵⁵⁷ (Lampiran D) Selain program tersebut, beberapa aktiviti kerohanian juga disediakan yang terdiri daripada aktiviti utama dan aktiviti bermusim, seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.5.2 (b) Aktiviti Kerohanian banduan Penjara Jerudong

Bil	Aktiviti	Jenis Aktiviti	Perlaksanaan
01	Ceramah Agama/ Motivasi sector swasta dan kerajaan	Aktiviti Mingguan	- seminggu sekali [termasuk dalam jadual Program Pembelajaran Ugama bahagian Kerohanian dan Akhlak Penjara] (lampiran D)
02	Tilawah al-Quran	Aktiviti Utama	- penyertaan dalam pertandingan membaca al-Quran setiap tahun
03	Bertahlil dan Membaca surah Yaasin	Aktiviti Utama	- setiap malam jumaat dan malam minggu
04	Membaca Ratib al-‘Attas	Aktiviti Utama	- seminggu sekali
05	Solat Maghrib berjemaah (bagi menggantikan <i>Qiyamullayl</i> yang sebelum ini diadakan sebelum solat subuh sebulan sekali)	Aktiviti Utama	- sebulan sekali (bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara)
06	Acara Kenegaraan		- Hari Kebangsaan - Hari Keputeraan KDYMM
07	Hari Kebesaran Islam	Aktiviti Bermusim	- Awal Tahun Hijrah - Mawlidur Rasul

⁵⁵⁶ Haji Isa bin Haji Osman (Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

⁵⁵⁷ *Ibid.*

			- Israk Mikraj - Nuzul al-Quran
08	Tadarus al-Quran		- Ramadhan
09	Solat Terawih dan Solat Witir		
10	Pembayaran Zakat		- Syawal
11	Solat Hari Raya Aidil Fitri		
12	Solat Hari Raya Aidil Adha		- Zulhijjah

Sumber: Haji Isa bin Haji Osman, Temubual, 14 Mei 2014.

4.5.3 Program dan Aktiviti Kerohanian Pusat Pemulihan Al-Islah

Pusat Al-Islah sebelumnya dikenali sebagai Pusat Pemulihan dan Rawatan Al-Islah telah ditubuhkan pada 1hb Nov 1987 di bawah pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan setelah itu pengurusan dan pentadbiran mula diambil alih oleh Jabatan Penjara di bawah Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri pada 15hb Mac 1990. Pada awal bulan Februari 2008, Pusat Al-Islah diserahkan untuk dikendalikan dan ditadbir oleh Biro Kawalan Narkotik,⁵⁵⁸ Jabatan Perdana Menteri.

Dengan peralihan pentadbiran tersebut, sistem tahanan yang digunakan sejak tahun 1990 hingga 2008 sebagai satu konsep di mana lawatan ke atas penghuni adalah terhad malahan aktiviti keluar masuk mereka sentiasa di periksa dan terus diawasi oleh pegawai bertugas, telah pun ditukar kepada konsep sistem rawatan pemulihan dilakukan secara berkumpulan. Konsep ini lebih mendorong ke arah perubahan tingkah laku dan pembentukan yang positif di bawah kendalian Mayor (mereka yang pernah dirawat tetapi telah mendapat kebebasan sepenuhnya dan sudah berubah sepenuhnya).⁵⁵⁹ Dengan konsep baru ini, lawatan keluarga kepada penghuni adalah terbuka tidak lagi terbatas dan situasi ini memberi peluang kepada penghuni secara terbuka berbincang dengan Mayor mereka masing-masing.⁵⁶⁰

Penempatan penghuni Pusat Pemulihan al-Islah adalah atas perintah mahkamah dan perintah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kerana terlibat dengan penyalahgunaan

⁵⁵⁸ “Puteri NDP di Al-Islah”, laman sesawang Aspirasi NDP, dicapai 11 Januari 2016, http://www.aspirasi-ndp.com/arkib/FEB_09/Puteri_NDP_di_Al_Islah.html

⁵⁵⁹ *Ibid.*

⁵⁶⁰ *Ibid.*

dadah (Penggagal 27) dan Akta bahan-bahan yang membahayakan (Penggagal 116). Terdapat juga sebahagian daripada penghuni secara sukarela diserahkan sendiri oleh ibubapa dan penjaga ke Pusat Pemulihan, setelah melalui ujian air kencing dan didapati positif dadah.⁵⁶¹

Pusat Pemulihan Al-Islah, Kerakas Payau, merupakan sebuah pusat yang dipertanggungjawabkan untuk membantu dan memulihkan golongan belia yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Beberapa program asas telah pun disediakan sepanjang golongan ini mengikuti proses rawatan dan pemulihan. Antaranya ialah program agama, terapi kekeluargaan (*therapeutic community*), kaunseling, vokasional, program kawad dan latihan jasmani, aktiviti sosial dan sukan.⁵⁶²

Menerusi program agama, penekanan diberikan kepada pembelajaran Al-Quran dan Amali yang dilaksanakan mengikut latar belakang pencapaian akademik residen dan juga kemampuan residen. Pembelajaran al-Quran terbahagi kepada dua fasa. Fasa pertama, merupakan fasa intensif keagamaan di mana residen dikehendaki mengikutinya setiap hari dalam seminggu. Dalam fasa pertama ini, residen belajar Iqra' dan dibahagikan kepada dua induksi; Induksi Satu, bagi residen yang tidak tahu huruf Jawi dan tidak tahu membaca Jawi dan Induksi Dua, bagi residen yang sudah boleh membaca walaupun dalam keadaan perlahan dan dibolehkan untuk mengikuti Iqra' Lanjutan.⁵⁶³

Fasa kedua, bagi residen yang tetap mempelajari Iqra' akan mula mengikuti Amali secara intensif di mana mereka diajarkan ilmu Tauhid, Feqah dan Tasawuf dan menjadikannya sebagai terapi keagamaan dalam hubungan pembaikan hati dan jiwa.⁵⁶⁴ Fasa ketiga, bagi residen tetap terus mempelajari Iqra' dan yang mempunyai kemantapan dalam praktikal amali akan mula mengikuti program vokasional. Dan, fasa keempat: residen mengikuti Iqra' Lanjutan dan al-Quran, pada masa yang sama menghayati dan mendalami praktikal amali.⁵⁶⁵ Di samping itu, aktiviti keagamaan yang

⁵⁶¹ *Ibid.*

⁵⁶² *Ibid.*

⁵⁶³ Haji Kani bin Haji Jaludin (Ketua Guru Ugama, Pusat Pemulihan Al-Islah), dalam temubual dengan penulis, 20 September 2014.

⁵⁶⁴ *Ibid.*

⁵⁶⁵ *Ibid.*

lain juga diadakan seperti membaca *Rātīb Al-‘Attās*, *Zikir Sharaf al-Anām*, mengikuti kuliah subuh dan menghadiri ceramah agama.⁵⁶⁶

Terapi kekeluargaan (*therapeutic community*) pula merupakan satu kaedah yang memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan rawatan dan pemulihan dadah di mana dengan kaedah ini proses rawatan dan pemulihan lebih padat untuk bekalan residen melalui kehidupan seharian di dalam Pusat Pemulihan al-Islah.⁵⁶⁷ Meskipun kajian terperinci mengenai keberkesanan terapi kekeluargaan belum dilakukan, tetapi berdasarkan maklum balas daripada beberapa lepasan residen, terapi kekeluargaan tersebut memberi kesan dan perubahan positif kepada mereka dalam memahami erti kehidupan, bersifat terbuka dalam menerima teguran keluarga dan kawan-kawan di tempat kerja dan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab.⁵⁶⁸ Maklum balas positif ini selari dengan pandangan tentang kadar *recidivism* menjadi lebih rendah dari kalangan bekas penagih yang telah mengikuti program terapi kekeluargaan tersebut.⁵⁶⁹

Di samping itu, program kaunseling untuk pembentukan semula tingkah laku, pengendalian emosi dan psikologi, perkembangan pemikiran dan kerohanian, serta program kemahiran vokasional dan kemahiran bersosial juga diberikan sepanjang masa.⁵⁷⁰ Dalam hal ini, Biro Kawalan Narkotik selaku induk dalam pengurusan Pusat Al-Islah juga tidak terkecuali dalam menyediakan program dan aktiviti kerohanian bagi golongan belia yang terlibat dengan permasalahan dadah.

4.5.4 Program dan Aktiviti Kerohanian Biro Kawalan Narkotik (BKN)

Pihak Biro Kawalan Narkotik sebagaimana juga dengan jabatan atau pusat lain, telah menyediakan proram dan aktiviti kerohanian dengan memperkenalkan module *Uswah Hasanah* sebagai satu pendekatan ke arah pembaikan secara holistik dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai *role model* dan juga mencontohi sunnah baginda Rasulullah

⁵⁶⁶ *Ibid.*

⁵⁶⁷ Siti Norhadinah Haji Marsal, “Penggunaan Kaedah Terapi Kekeluargaan (*Therapeutic Community* – TC) Pada Proses Rawatan dan Pemulihan Dadah di Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik,” (makalah, Seminar Pemulihan dan Seliaan, Melayu Islam Beraja: Asas Integrasi, Hotel Centrepont, Gadong, 5-6 Mei 2015).

⁵⁶⁸ *Ibid.*

⁵⁶⁹ Khartini Hamir, “Pusat Al-Islah Jadi Tumpuan Para Menteri, Delegasi Asean,” *Pelita Brunei*, 05 September 2013.

⁵⁷⁰ “Puteri NDP di Al-Islah”, laman sesawang Aspirasi NDP, dicapai 11 Januari 2016, http://www.aspirasi-ndp.com/arkib/FEB_09/Puteri_NDP_di_Al_Islah.html

SAW dalam seluruh aspek kehidupan. *Uswah Hasanah* merupakan satu module baru yang diterapkan dalam pelaksanaan program dan aktiviti tersebut.⁵⁷¹

Program dan aktiviti kerohanian disediakan untuk Orang Yang Dalam Pengawasan (OYDP) dikendalikan oleh bahagian Kemasyarakatan dan Kerohanian, Biro Kawalan Narkotik, bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran kepada OYDP, memberi keyakinan dan meningkatkan jati diri, mempertingkatkan kerohanian dan mempertingkatkan kesedaran hidup bermasyarakat melalui aktiviti sosial.⁵⁷² Program dan aktiviti kerohanian untuk OYDP ini, diberikan dalam dua bentuk. Pertama, program wajib diadakan seminggu sekali, setiap hari khamis dalam setiap bulan dan perisian bagi program wajib terdiri daripada *rātib al-‘Attās*, ceramah, fardhu kifayah dan *taharah*. Kedua, program tambahan yang mana perisiannya khusus kepada pembelajaran al-Quran dari peringkat Iqra yang diadakan pada setiap hari Isnin.⁵⁷³

Di samping itu, pendekatan Rakan Harmoni iaitu menggunakan khidmat bantu bekas penagih dadah yang mempunyai rekod terbaik dan telah pulih sepenuhnya. Mereka juga terpilih sebagai Rakan Harmoni dalam membantu dan mendekati OYDP untuk mengajak kembali ke jalan yang betul dan juga untuk kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat. Selain itu, Rakan Harmoni diwujudkan bagi memudahkan komunikasi di antara mereka dengan OYDP. Pendekatan ini merupakan salah satu kaedah berkesan dan sekali gus membantu mencapai matlamat sokong bantu BKN. Di samping itu, Rakan Harmoni juga bertindak dalam membantu menjalankan program yang diungkayahkan oleh BKN.⁵⁷⁴

4.6 Isu dan Cabaran Program dan Aktiviti Pembangunan Rohani

Pembangunan rohani insan merupakan aspek penting dan utama ke atas setiap individu muslim lebih-lebih lagi kepada golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) mewakili penghuni atau residen Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), Jabatan Penjara, Biro

⁵⁷¹ Pg Saiful Rizal bin Pg Putra Negara Pg Haji Omar (Timbalan Penolong Pengarah Cawangan Pengawasan, Biro Kawalan Narkotik, Brunei Darussalam), dalam temubual dengan penulis, 16 September 2013.

⁵⁷² *Ibid.*

⁵⁷³ *Ibid.*

⁵⁷⁴ *Ibid.*

Kawalan Narkotik (BKN) dan Pusat Pemulihan al-Islah di mana penyuburan aspek rohani telah pun diaplikasikan melalui beberapa program dan aktiviti kerohanian.

Hakikatnya, pembangunan rohani insan hanya akan berlaku apabila seseorang insan melakukan pengabdian diri kepada Allah SWT termasuklah dalam melaksanakan semua perintah dan menjauhi segala laranganNya serta mengekalkan rasa kehambaan kepadaNya. Ibadat yang dituntut Allah SWT ke atas orang Islam berkait rapat dengan *tazkiyah al-nafs* dan juga hubungan kemasyarakatan. Tujuan ibadah diwajibkan juga adalah untuk mengukuhkan jati diri setiap Muslim agar dia mengenali diri dan kewajibannya sebagai hamba Allah.⁵⁷⁵ Dan di dalam proses peribadatan dan perhambaan kepada Allah SWT, manusia turut diperintahkan untuk merasakan kewujudan Allah SWT pada setiap masa dan tempat sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah SAW dalam konsep ihsan.⁵⁷⁶

Namun secara praktikalnya, untuk mencapai konsep ihsan maka sifat *mujāhadah* amat diperlukan dalam proses penyucian jiwa dan memerangi hawa nafsu⁵⁷⁷ kerana manusia itu sendiri sememangnya tidak terlepas daripada bersifat alpa dan cuai tentang asal usul kejadian mereka terutamanya sifat sombong dan angkuh yang dimiliki sejak kejadian mereka disempurnakan. Justeru, *mujāhadah* merupakan satu usaha dan satu perjuangan untuk membuang segala sifat *madhmūmah* dan menggantikannya dengan sifat *maḥmūdah*. Dan usaha menerusi *mujāhadah* yang disertai dengan proses *tazkiyah al-nafs* inilah yang dikatakan sebagai melaksanakan kehidupan kerohanian.⁵⁷⁸

Atas dasar kepentingan pembangunan rohani ke atas golongan Belia Perlu Perhatian, maka konsep pembangunan rohani insan sebagaimana dijelaskan di atas selayaknya diterapkan ke atas golongan tersebut melalui program dan aktiviti kerohanian sebagai upaya untuk memulihkan jiwa dan rohani di samping memperbaiki akhlak dan juga untuk mengajak kembali setiap penghuni dan residen berkenaan

⁵⁷⁵ Mohd Radhi Ibrahim, "Permasalahan Sosial dan Penyelesaiannya Mengikut Perspektif Islam," dalam *Isu Dakwah dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi*, ed. Muhammad Yusuf Khalid et al. (eds.) (Kolej Universiti Islam Malaysia: Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam, 2002), 60.

⁵⁷⁶ *Ibid.*, 63.

⁵⁷⁷ Imran Effendy Hs, *Pemikiran Akhlak Syeikh Abdurrahman Shiddiq al-Banjari* (Riau: LPNU Press, 2003), 82.

⁵⁷⁸ Roslan Ali dan Norsiah Fauzan, *Pembangunan Kerohanian dan Refleksi Budaya Masyarakat Melayu* (Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2007), 35.

kembali ke pangkal jalan dan kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat dengan hati yang bening dan minda sihat sejahtera. Bagaimanapun, pihak institusi dan pusat berkenaan menghadapi kesulitan dalam memastikan keberkesanan program dan aktiviti kerohanian yang memfokuskan kepada perlaksanaan ibadat solat dan membaca al-Quran di samping aktiviti keagamaan terhadap perubahan tingkah laku. Ini disebabkan kedudukan banduan yang sentiasa keluar masuk.⁵⁷⁹

Pada masa yang sama, pelajaran yang diberikan melalui kelas-kelas bimbingan juga berada pada tahap rendah memandangkan latar pendidikan agama golongan berkenaan juga sangat minima bahkan ada dalam kalangan mereka tidak mempunyai pendidikan agama. Oleh yang demikian, perlaksanaan asas yang sangat minima itu adalah sekadar membolehkan penghuni dan residen boleh menunaikan solat, menyebut huruf dengan betul dan membaca al-Quran dengan baik terutama pada surah-surah utama serta dapat mengepalai acara-acara majlis keagamaan melalui bacaan doa, wirid dan zikir, *rātib al-‘Attās* dan sebagainya. Manakala selainnya adalah tertakluk kepada upaya tenaga pengajar untuk mengatasinya.⁵⁸⁰

Di samping itu, tenaga pengajar di pusat tahanan menghadapi kesukaran dalam memastikan tahap kefahaman dan penghayatan penghuni dan residen tentang kepentingan *tazkiyah al-nafs* dan hubungannya dalam pembaikan akhlak dan pemulihan jiwa menerusi kelas bimbingan rohani dan juga menerusi program dan aktiviti kerohanian yang dijalankan memandangkan keadaan golongan belia ini yang sentiasa keluar masuk dari pusat tahanan dan pusat pemulihan tersebut.⁵⁸¹ Hakikatnya, *Tazkiyah al-nafs* ini sangat penting untuk diterapkan kepada golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) dalam pembinaan akhlak dan pemulihan jiwa demi kelangsungan sosio budaya dan masyarakat yang harmoni serta sihat sejahtera di samping kebahagiaan hidup dunia dan juga di akhirat. Ini juga bersesuaian dengan misi bahagian unit agama Jabatan Penjara iaitu ‘ke arah kesempurnaan Insan’.

Meskipun mungkin misi tersebut berbeza dengan misi pusat bimbingan KRK dan juga misi pusat pemulihan Al-Islah akan tetapi penyediaan program atau aktiviti

⁵⁷⁹ Haji Isa bin Haji Osman (Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

⁵⁸⁰ *Ibid.*

⁵⁸¹ *Ibid.*

kerohanian atau keagamaan adalah bertujuan untuk memperbaiki akhlak dan jiwa golongan tersebut. Di samping itu, keberhasilan dalam mencapai tujuan ini juga amat dititikberatkan kerana ia menjadi ukuran dan penilaian dalam prosedur pelaksanaan pembebasan golongan ini daripada pusat-pusat tersebut. Malahan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam pembentukan akhlak atau pemulihan akhlak secara tidak langsung telah mendukung risalah dan matlamat pengutusan Nabi Muhammad SAW untuk menyempurnakan akhlak karimah.

4.7 Kesimpulan

Kepentingan pembangunan rohani dan penerapannya ke atas golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) menerusi program dan aktiviti kerohanian yang telah pun disediakan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bunei Darussalam menerusi subjek Amali/ Ko-Kurikulum secara tidak langsung merupakan sokongan terhadap pelaksanaan program pengukuhan negara zikir yang menekankan amalan kerohanian sebagai elemen *tazkiyah al-nafs*. Penerapan ini merupakan satu pendekatan yang tepat dalam memberikan kemahiran dan mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan dalam beramal supaya golongan BPP menjadi muslim yang beriman dan bertakwa. Di samping itu, penerapan ini merupakan satu usaha dan sokongan padu bertujuan untuk memulihkan jiwa dan rohani, untuk membina, membangun serta memperbaiki akhlak sekali gus mengajak kembali setiap penghuni dan residen berkenaan kembali ke pangkal jalan dan kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat dengan hati dan jiwa yang tenang serta minda sihat sejahtera sekali gus kembali menjadi belia berkualiti mantap rohani, cemerlang di dunia dan di akhirat.

BAB 5 : ANALISIS AMALAN KEROHANIAN SEBAGAI METODE TAZKIYAH AL-NAFS DALAM PEMBANGUNAN KEROHANIAN GOLONGAN BELIA PERLU PERHATIAN (BPP)

5.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang pembinaan item soal selidik, populasi dan persampelan, instrumen dan maklumat demografi responden. Setelah itu dibincangkan program pengukuhan Negara Zikir menerusi amalan kerohanian dalam kalangan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) diikuti dengan analisis amalan kerohanian sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* dalam pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) dan juga analisis kesan amalan kerohanian sebagai program pengukuhan Negara Zikir dalam kalangan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP).

5.2 Pembinaan Item Soal Selidik

Kajian ini memfokuskan amalan kerohanian sebagai elemen *tazkiyah al-Nafs* menerusi program dan aktiviti kerohanian bagi golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Negara Brunei Darussalam. Soal selidik dibina berdasarkan Amali/ Ko-Kurikulum di dalam *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan*⁵⁸² yang bermatlamat melahirkan insan yang taat beribadah⁵⁸³ sekali gus memenuhi matlamat institusi penempatan golongan BPP untuk menyampaikan ilmu pengetahuan Asas Ugama dan Lanjutan melalui Aqidah yang betul dan memberikan bimbingan secara positif dengan nilai-nilai Pendidikan Islam berlandaskan al-Quran dan Hadith menurut Ahli Sunnah Waljama'ah.⁵⁸⁴

Silibus Amali/ Ko-Kurikulum memfokuskan aspek kerohanian sebagai asas pembangunan rohani golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) terdiri daripada empat bahagian utama; Pertama, Amalan-Amalan Utama; membaca al-Quran, berwirid, berzikir, beristighfar, bertasbih, bertahmid dan berselawat. Kedua, Solat Fardhu dan Sunat; solat fardhu lima waktu, solat sunat taubat, solat sunat hajat, solat sunat dhuha

⁵⁸² *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan Tahun 1427H/ 2006M* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1427H/ 2006M), 11.

⁵⁸³ *Ibid.*

⁵⁸⁴ *Laporan Rancangan Kerja Tahunan 2013* (Brunei Darussalam: Kompleks Rumah Kebajikan, Belimbing Subok, 2013).

dan *qiam al-layl*. Ketiga, Doa Selamat dan Doa Tahlil; kaifiat doa selamat dan doanya, kaifiat tahlil dan doanya dan kaifiat membaca surah Yasin dan doanya. Keempat, Puasa; puasa-puasa sunat yang disyariatkan.⁵⁸⁵ Di samping itu, beberapa program dan aktiviti kerohanian juga disediakan bertujuan untuk membimbing dan mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan dalam beramal supaya menjadi muslim yang beriman dan bertakwa dan sebagai persiapan penglibatan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.⁵⁸⁶

Berpanduan kepada silibus Amali/ Ko-Kurikulum tersebut, pengkaji telah membina satu set soal selidik (Lihat Lampiran E) mengandungi lima bahagian terdiri daripada Bahagian A: Demografi berkenaan dengan latar belakang responden, Bahagian B: Program dan Aktiviti Kerohanian, Bahagian C: Amalan Zikrullah Sebelum Mengikuti Program dan Aktiviti Kerohanian Negara Zikir, Bahagian D: Amalan Zikrullah Selepas Mengikuti Program dan Aktiviti Kerohanian Negara Zikir dan Bahagian E: Keberkesanan Amalan Zikrullah Dalam Pembangunan Kerohanian. Soal selidik ini menggunakan skala berbentuk nominal pada Bahagian A, manakala Bahagian B, C dan D menggunakan skala berbentuk ordinal yang menguji tahap kekerapan dengan menggunakan skala Likert Lima Tahap; 1= tidak pernah sama sekali, 2= jarang, 3= sekali-sekala, 4= kadang-kadang dan 5= selalu bagi Bahagian B, C dan D. Bahagian E juga menggunakan skala berbentuk ordinal iaitu menguji tahap persetujuan dengan menggunakan Likert Lima Tahap; 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= tidak pasti, 4= setuju dan 5= sangat setuju. Dengan kata lain, pengukuran tahap kekerapan dan persetujuan adalah tertakluk kepada nombor yang ditanda oleh responden. Semakin tinggi nombor yang ditanda bererti responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut dan begitulah sebaliknya.

⁵⁸⁵ *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan Tahun 1427H/ 2006M*, 11.

⁵⁸⁶ Muhd Sahrin Sulaiman, *Laporan Tahunan Bahagian Keagamaan* (Brunei Darussalam: Kompleks Rumah Kebajikan, Belimbing Subok, 2013); Hj Awg Isa bin Hj Osman (Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong, Negara Brunei Darussalam), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014; Hj Kani Hj Jaludin (Guru Ugama, Pusat Al-Islah, Negara Brunei Darussalam), dalam temubual dengan penulis, 14 September 2013.

5.3 Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objek.⁵⁸⁷ Populasi juga merupakan kumpulan yang menarik perhatian penyelidik yang membolehkan penyelidik membuat generalisasi melalui dapatannya.⁵⁸⁸ Manakala persampelan pula merupakan strategi penyelidikan untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Dan sebahagian individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji tersebut itulah yang dinamakan sampel.⁵⁸⁹ Dengan kata lain, persampelan juga merupakan cara untuk mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan sesuatu masalah tanpa menggunakan seluruh ahli sesuatu populasi⁵⁹⁰ dan persampelan yang mewakili jumlah populasi inilah yang dijadikan sebagai responden kajian.

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Negara Brunei Darussalam yang berjumlah 320 orang bagi tahun 2014. Jumlah ini mewakili seluruh daerah di Negara Brunei Darussalam. Sebanyak 217 set soal selidik diedarkan kepada golongan BPP yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun. Sebanyak 150 set soal selidik berjaya dikutip dan dianalisis dan selebihnya 67 set tidak dikembalikan kerana tidak mendapat kerjasama daripada responden. Responden adalah terdiri daripada golongan Belia Perlu Perhatian yang merupakan *target population* dan jenis sampel adalah dipilih secara rawak mewakili tiga buah pusat penempatan berasingan; pusat bimbingan Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Belimbing Subok, pusat tahanan Penjara Jerudong dan pusat pemulihan al-Islah Kerakas Payau di Negara Brunei Darussalam.

Golongan Belia Perlu Perhatian yang menjadi fokus kajian ini adalah merujuk kepada hal keadaan golongan belia yang terlibat dalam pelbagai isu masalah sosial mengakibatkan keruntuhan akhlak; susah dikawal, pelacuran, sumbang mahram, rogol, gangguan seksual, penderaan, pengabaian, masalah dadah dan sebagainya. Menurut Siti Aynah, permasalahan sosial adalah berpunca daripada isu keluarga dan masyarakat

⁵⁸⁷ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 58.

⁵⁸⁸ Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, ed. ke-2 (Malaysia: McGraw-Hill Education, 2013), 115.

⁵⁸⁹ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 63.

⁵⁹⁰ Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2016), 77-78.

yang pincang dan tidak harmoni disebabkan faktor kemiskinan, perselisihan faham, pengabaian, penderaan dan penganiayaan, kegiatan tidak bermoral, anak remaja susah dikawal dan sebagainya.⁵⁹¹

Golongan belia ini perlu kepada pemulihan dan bimbingan kerohanian menerusi amalan kerohanian sebagai asas pembangunan kerohanian. Amalan kerohanian berasaskan zikrullah merupakan salah satu elemen *tazkiyah al-nafs* untuk membentuk golongan ini menjadi insan soleh, beriman dan bertakwa kepada Allah menerusi program dan aktiviti kerohanian yang disediakan oleh unit atau jabatan berkenaan khusus untuk belia yang secara umumnya di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Brunei Darussalam. Bagaimanapun untuk melengkapkan kajian ini, beberapa prosedur keselamatan di pusat-pusat penempatan berkenaan perlu dipatuhi untuk mendapatkan kerjasama responden dari pusat-pusat berkenaan. (Lampiran F)

5.4 Instrumen Kajian

Soal selidik adalah alat pengumpulan data atau instrumen yang digunakan dalam kajian kuantitatif.⁵⁹² Sebelum soal selidik diedarkan sepenuhnya, terlebih dahulu melalui proses pra-uji yang disemak oleh lima (5) orang rakan terdekat; tiga (3) pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan dua (2) pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Pada peringkat ini terdapat beberapa item yang tidak bersesuaian dengan kontrak dan instrumen telah pun diperbaiki dan diperbetulkan. Setelah itu, instrumen perlu pula melalui proses pengesahan kandungan oleh lima orang pakar.

5.4.1 Kesahan Kandungan Instrumen

Bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan yang tinggi, maka kandungan instrumen perlu melalui proses penyemakan pakar. Justeru, kandungan instrumen kajian ini telah disemak oleh seramai lima (5) orang pakar akademik mewakili beberapa buah universiti dan tiga (3) orang pegawai mewakili pusat-pusat

⁵⁹¹ Siti Aynah Mohd Yaakub, "Peranan Jabatan Pembangunan Masyarakat Dalam Mengukuhkan Kesejahteraan Institusi Keluarga dan Masyarakat di Brunei Darussalam" (makalah, Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei, 24-25 Februari 2010).

⁵⁹² *Ibid.*, 52.

penempatan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Brunei Darussalam, pada akhir Ogos 2014, sebagaimana di dalam jadual 5.4.1. berikut:

Jadual 5.4.1 (a) Pakar Semak Kandungan Instrumen Kajian

Bil	Pakar Semak	Bidang/ Jawatan
01	Shalini Nagaratnam Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia.	Statistik Konsultan
02	Dr Zaharah binti Hussin Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM), Malaysia.	Pendidikan Pengajian Islam
03	Prof Madya Dr Mohd Fauzi bin Hamat Fakulti Usuluddin Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Brunei Darussalam.	Akidah dan Pemikiran Islam
04	Prof Madya Dr Syamsul Bahri Andi Galigo Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Brunei Darussalam.	Pemikiran Islam
05	Dr Hj Sulaiman bin Ibrahim El-Barruhiy Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam.	Tasawuf dan Kerohanian Islam
06	Muhd Sahrin bin Sulaiman Kompleks Rumah Kebajikan, Belimbing Subok Brunei Darussalam.	Ketua Guru Agama
07	Haji Isa bin Haji Osman Penjara Jerudong Brunei Darussalam.	Ketua Guru Agama
08	Haji Kani bin Haji Jaludin Pusat Pemulihan al-Islah, Kerakas Payau Brunei Darussalam.	Ketua Guru Agama

Hasil daripada semakan panel pakar beberapa komentar dan saranan telahpun diberikan terhadap instrumen kajian, sebagaimana dinyatakan dalam jadual berikut:

Jadual 5.4.1 (b) Komentaran dan Saranan Panel Pakar Terhadap Instrumen Kajian

PANEL PAKAR	KOMENTAR	SARANAN
Panel Pakar 1: Shalini Nagaratnam, Bahagian Statistik Universiti Malaya. Kuala Lumpur, Malaysia.	Secara keseluruhan bersetuju dengan pembinaan kontrak dan item pada semua bahagian dalam soal selidik.	
Panel Pakar 2: Dr Zaharah binti Hussin, Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM). Kuala Lumpur, Malaysia.	Golongan belia tidak terbatas kepada yang bermasalah sahaja kerana <i>Tazkiyah al-Nafs</i> menurut al-Ghazali itu juga termasuk mencegah, mengubati dan merawat.	Disarankan kajian didasarkan kepada 3 kelompok: Belia Bermasalah, Belia Sederhana Sihat dan Belia Harapan dengan menggunakan teknik analisis Delphi.
Panel Pakar 3: Prof Madya Dr Mohd Fauzi bin Hamat, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Brunei Darussalam.	Bahagian A: Demografi Tidak bersetuju dengan pembahagian umur sehingga 50 tahun ke atas.	Bahagian A: Demografi Disarankan supaya peringkat umur merujuk kepada Dasar Belia Negara iaitu umur 15 tahun hingga 40 tahun.
		Bahagian B: Kerohanian Bagi Muslim Disarankan supaya semua item dalam kerohanian bagi muslim seperti Solat, Puasa, Zakat dan Sedekah (infaq), Membaca al-Quran, Amalan Wirid, Zikir dan Istighfar serta Muhasabah Diri, dilihat sudut perkembangannya pada tahap sebelum dan selepas mengikuti program dan aktiviti kerohanian.
	Bahagian C: Kerohanian Bagi Non-Muslim Tidak bersetuju dengan bahagian C kerana elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> tidak sesuai dijadikan item pengukuran kepada Non-Muslim.	Bahagian C: Kerohanian Bagi Non-Muslim Disarankan supaya bahagian Non-Muslim ditiadakan memandangkan ianya tidak bersesuaian.
		Bahagian D: Program dan Aktiviti Kerohanian Sebahagian item untuk menilai kesan program dan aktiviti serta amalan kerohanian perlu diperincikan lagi.

Panel Pakar 4: Prof Madya Dr Syamsul Bahri Andi Galigo, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Brunei Darussalam.		Bahagian B: Kerohanian Bagi Muslim Disarankan supaya dimasukkan 'berdoa' sebagai konstruk dalam bahagian B.
	Bahagian C: Kerohanian Bagi Non-Muslim Tidak perlu ada katagori kerohanian bagi non-muslim.	Bahagian C: Kerohanian Bagi Non-Muslim Disarankan supaya mendapatkan pandangan daripada non-muslim melalui temubual sahaja mengenai Negara Zikir.
Panel Pakar 5: Dr Hj Sulaiman bin Ibrahim El-Barruhiy Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Brunei Darussalam.	Bahagian A: Demografi Tidak bersetuju dengan pembahagian umur sehingga 50 tahun ke atas.	Bahagian A: Demografi Disarankan supaya pembahagian umur berdasarkan umur menurut 'Dasar Belia Negara' iaitu umur 15 tahun hingga 40 tahun.
		Bahagian B: Kerohanian Bagi Muslim Disarankan supaya item kerohanian bagi muslim diperbaiki dan diperincikan lagi.
	Bahagian C: Kerohanian Bagi Non-Muslim Tidak bersetuju dengan konstruk kerohanian bagi non-muslim.	Bahagian C: Kerohanian Bagi Non-Muslim Disarankan supaya ditiadakan konstruk Kerohanian Bagi Non-Muslim. Memadai disebut dalam tausiyat bahawa konsep negara Zikir itu tidak mengeneipkan non-muslim.
Panel Pakar 6: Muhd Sahrin bin Sulaiman Kompleks Rumah Kebajikan, Belimbing Subok Brunei Darussalam	Bersetuju dengan pembinaan kontrak dan item pada semua bahagian dalam soal selidik. Bentuk soalan adalah mudah	
Panel Pakar 7: Haji Isa bin Haji Osman Penjara Jerudong Brunei Darussalam	Bersetuju dengan pembinaan kontrak dan item pada semua bahagian dalam soal selidik. Soalan mudah difahami	

Panel Pakar 8:	Bersetuju dengan pembinaan kontrak dan item pada semua bahagian dalam soal selidik.
Haji Kani bin Haji Jaludin Pusat Pemulihan al-Islah, Kerakas Payau Brunei Darussalam	Soalan mudah dan bersesuaian

Sumber: Hasil daripada semakan kandungan oleh pakar, 2014

Berdasarkan komentar dan saranan tersebut beberapa pembaikan dan pembetulan telah pun dilakukan seperti pembetulan pada pembahagian kategori umur, membuang bahagian kerohanian bagi non-muslim di samping memperbaiki dan memperincikan item pada bahagian kerohanian bagi muslim. Setelah dibuat beberapa pembetulan dan juga pembaikan tersebut, maka soal selidik telah pun diedarkan kepada empat puluh lima (45) orang sebagai ujian rintis (*pilot study*) untuk mengukur kebolehpercayaan item.

5.4.2 Kebolehpercayaan Instrumen

Dalam kajian kuantitatif, ujian rintis (*pilot study*) dilakukan bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan setiap item. Kebolehpercayaan adalah satu ukuran yang dibuat untuk melihat sifat ketekalan sesuatu item yang terdapat di dalam satu set soal selidik. Setiap item dalam soal selidik perlu diukur atau dinilai dari segi pekali korelasi koefisien melalui *Cronbach's Alpha*.⁵⁹³ Bagi memastikan soal selidik yang digunakan mencapai nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach, maka keseluruhan item perlu diukur. Setelah diukur, keseluruhan item soal selidik mencapai Nilai Kebolehpercayaan alfa Cronbach melebihi .70 dan dengan pencapaian nilai tersebut, tiada sebarang perubahan perlu dilakukan ke atas instrumen kajian. Perincian pengukuran pada setiap bahagian dilaporkan dalam jadual 5.4.2 (a) berikut:

Jadual 5.4.2 (a) Instrumen Kajian Berdasarkan Nilai Kebolehpercayaan Alfa Cronbach

Bahagian	Bilangan Item	Bilangan Responden	Nilai Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha
A	-	150	-
B	9	150	.714

⁵⁹³ *Ibid.*, 338.

C1	8	150	.931
C2	7	150	.820
C3	6	150	.883
C4	6	150	.887
C5	8	150	.946
C6	6	150	.901
C7	11	150	.943
D1	8	150	.770
D2	7	150	.836
D3	6	150	.820
D4	6	150	.750
D5	8	150	.853
D6	6	150	.809
D7	11	150	.885
E1	4	150	.717
E2	4	150	.836
E3	6	150	.893

Sumber: Ujian Alfa Cronbach bagi Menilai Kebolehanpercayaan Instrumen, Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) Negara Zikir, 2014.

Dan nilai kebolehppercayaan alfa Cronbach yang melebihi .65 merupakan nilai kebolehppercayaan yang mencapai tahap memuaskan di mana item-item yang diukur boleh digunakan⁵⁹⁴ berdasarkan interpretasi dalam jadual 5.4.2 (b) berikut:

Jadual 5.4.2 (b) Interpretasi Nilai Kebolehppercayaan Alfa Cronbach

Nilai Alfa Cronbach	Tahap Kebolehppercayaan	Tindakan
.96 hingga 1.00	Kurang memuaskan	Konsep dalam item-item instrumen atau soal selidik bertindihan. Item-item perlu diubahsuai.
.80 hingga .95	Tinggi dan memuaskan	Item-item sesuai digunakan.
.65 hingga .79	Memuaskan	Item-item boleh digunakan.
.50 hingga .64	Rendah dan kurang memuaskan	Sebilangan item perlu diubahsuai dan ujian kebolehppercayaan dilakukan semula.

⁵⁹⁴ Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan* Edisi 2 (Malaysia: McGraw-Hill, 2012), 2: 127; Lihat Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*, 75.

Di bawah .50

Terlalu rendah dan tidak memuaskan

Instrumen tidak sesuai untuk kajian dan semua item dalam instrumen perlu diubahsuai dan ujian kebolehpercayaan dilakukan semula.

Sumber: Chua Yan Piaw, Asas Statistik Penyelidikan Edisi 2, Malaysia, McGraw-Hill, 2012.

Setelah memenuhi keseluruhan proses tersebut dan setelah dipastikan bahawa instrumen mencapai tahap pengesahan dan kebolehpercayaan, maka soal selidik mula diedarkan sepenuhnya kepada responden pada akhir September 2014.

5.4.3 Taburan Data

Terdapat beberapa cara bagi mengenal pasti data kajian bertaburan normal. Di antaranya dengan menggunakan ujian Kolmogorov-Smirnov, Shapiro-Wilks dan Lilliefors Statistics serta Skewness dan Kurtosis. Dalam kajian ini, pengkaji mengenal pasti normaliti data dengan menggunakan statistik Skewness dan Kurtosis. Berdasarkan hasil ujian normaliti ke atas keseluruhan data pada setiap konstruk instrumen kajian, jadual 4.5. menunjukkan bahawa taburan data adalah normal kerana data kajian berada dalam lingkungan nilai skewness antara ± 1.96 dan nilai kurtosis antara ± 1.96 . Taburan data ini dianggap normal kerana kedua-dua nilai bagi Skewness dan Kurtosis adalah kecil, iaitu kira-kira .1.⁵⁹⁵ Data kajian ini bertaburan normal kerana sampel bagi kajian ini melebihi dari 100 sampel dan berdasarkan Dalil Limit Pusat (*central limit theorem*) iaitu $n=30$ maka data dianggap bertaburan normal.⁵⁹⁶

Jadual 5.4.3 (a) Taburan Data berdasarkan Skewness dan Kurtosis

Bahagian	Bilangan Item	Skewness	Kurtosis
A	-	-	-
B1	5	.204	-.555
B2	4	.240	-.253
C1	8	.251	-.917
C2	7	.476	-.609
C3	6	.076	-.635
C4	6	.442	-.314
C5	8	.413	-.431
C6	6	.103	-.689

⁵⁹⁵ *Ibid.*, 3: 45-49.

⁵⁹⁶ David de Vaus, *Analyzing Social Science Data* (London: SAGE Publication Ltd, 2002), 78.

C7	11	-.079	-.393
D1	8	.411	.405
D2	7	.349	-.580
D3	6	.409	-.259
D4	6	-.160	-.020
D5	8	-.271	-.132
D6	6	-.275	-.657
D7	11	-.306	-.415
E1	4	-.229	-.578
E2	4	-.438	-.520
E3	6	-.431	-.581

Sumber: Nilai Skewness dan Kurtosis bagi Taburan Data Golongan Belia Perlu Perhatian Negara Zikir, 2014.

Berdasarkan hasil ujian normaliti menggunakan statistik Skewness dan Kurtosis, pengkaji mengambil keputusan untuk menggunakan analisis statistik bagi semua pembolehubah yang telah dijalankan dengan menggunakan ujian parametrik iaitu Ujian-T dan Pearson bagi mengenal pasti perbezaan dan korelasi.

5.5 Maklumat Demografi Responden

Profile lengkap mengenai latar belakang responden merangkumi jantina, umur, bangsa/puak, daerah, taraf perkahwinan, pendidikan formal dan pendidikan agama disertakan di dalam jadual 5.5 (a) berikut:

Jadual 5.5 (a) Profil Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)

Perkara	Item	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	126	84.0
	Perempuan	24	16.0
Umur	15-20 tahun	26	17.3
	21-25 tahun	17	11.3
	26-30 tahun	37	24.7
	31-35 tahun	43	28.7
	36-40 tahun	27	18.0
Ugama	Islam	150	100.0
Bangsa/ Puak	Melayu Brunei	116	77.3
	Melayu Kedayan	18	12.0
	Melayu Dusun	7	4.7
	Melayu Belait	6	4.0
	Lain-lain	3	2.0
	Brunei Muara	118	78.7
	Tutong	12	8.0

Daerah	Belait	15	10.0
	Temburong	5	3.3
Taraf Perkahwinan	Bujang	91	60.7
	Berkahwin	41	27.3
	Duda	16	10.7
	Janda	2	1.3
Pendidikan Formal	Sek Rendah	11	7.0
	Sek Men Bawah	29	19.0
	Sek Men Atas	95	64.0
	Institusi Pengajian Tinggi	15	10.0
Pendidikan Agama	Tidak Bersekolah Agama	8	6.0
	Sek Agama Dh 1 hingga Dh 5	82	55.0
	Sek Agama Dh 6	53	36.0
	Sek Arab	5	3.0
Jumlah Keseluruhan		150	

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

5.5.1 Taburan Responden Mengikut Jantina

Berdasarkan jadual 5.5 (a) menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini berjumlah 150 orang terdiri daripada 126 orang lelaki (84%) dan 24 orang perempuan (16%) menunjukkan jumlah lelaki lebih ramai daripada perempuan. Malahan beberapa kajian terdahulu juga mencatatkan jumlah responden lelaki lebih ramai daripada perempuan.⁵⁹⁷ Sebagai contoh jumlah banduan dadah berulang kali adalah terdiri daripada 115 responden lelaki (95.8%) berbanding 5 responden perempuan (4.2%).⁵⁹⁸ Begitu juga dengan jumlah tangkapan yang berhubungkait dengan aktiviti penyalahgunaan dadah, statistik menunjukkan jumlah tangkapan lelaki lebih tinggi iaitu seramai 346 orang berbandingan jumlah tangkapan perempuan seramai 74 orang.⁵⁹⁹

5.5.2 Taburan Responden Mengikut Umur dan Agama

Jadual 5.5 (a) menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini berjumlah 150 orang mewakili daripada pelbagai peringkat umur, dari umur 15 tahun hingga 40 tahun iaitu

⁵⁹⁷ Haji Isa bin Haji Osman (Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

⁵⁹⁸ Zulhilmi bin Haji Jaidin, "Residivisme Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Banduan Di Penjara Jerudong," dalam *Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008), 67.

⁵⁹⁹ Tiga bin Anam, "Dadah dan Tanggungjawab Bersama," dalam *Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008), 121.

lingkungan umur belia di Negara Brunei Darussalam. Peratus tertinggi adalah daripada mereka yang berumur 31-35 tahun iaitu 43 orang (28.7%) diikuti dengan mereka yang berumur 26-30 tahun seramai 37 orang (24.7%), seramai 27 orang (18%) berumur 36-40 tahun, diikuti dengan jumlah 26 orang (17.3%) berumur 15-20 tahun dan selebihnya iaitu 17 orang (11.3%) berumur lingkungan 21-25 tahun. Dan keseluruhan responden iaitu 150 orang (100%) beragama Islam. Dalam kajian ini jumlah responden berumur 31-35 tahun iaitu 43 orang (28.7%) merupakan peratus tertinggi. Kajian lepas, juga melaporkan responden tertinggi adalah terdiri daripada mereka yang berusia 31 tahun ke atas iaitu seramai 171 orang dalam kes tangkapan penyalahgunaan dadah.⁶⁰⁰ Begitu juga dengan kes pengulangan dadah di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27, sebanyak 55.8% yang terlibat adalah yang terdiri dari mereka yang berumur 30-39 tahun.⁶⁰¹

5.5.3 Taburan Responden Mengikut Bangsa/ Puak dan Daerah

Jadual 5.5 (a) menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini berjumlah 150 orang. Majoriti mereka terdiri dari kalangan berbangsa Melayu Brunei iaitu 116 orang (77.3%), merupakan peratus tertinggi berbanding bangsa atau puak yang lain. Manakala Melayu Kedayan pula seramai 18 orang (12%), Melayu Dusun 7 orang (4.7%), Melayu Belait seramai 6 orang (4%) dan 3 orang (2%) daripada mereka tidak mendedahkan bangsa/ puak mereka. Responden ini mewakili keempat-empat buah daerah di mana seramai 118 orang (78.7%) daripada mereka tinggal di daerah Brunei Muara, 12 orang (8%) tinggal di daerah Tutong, 15 orang (10%) tinggal di daerah Belait dan 5 orang (3.3%) tinggal di daerah Temburong. Dengan kata lain, peratus responden tertinggi adalah dari kalangan berbangsa Melayu Brunei yang tinggal di daerah Brunei Muara. Kajian lepas menyebutkan bahawa majoriti responden berketurunan Melayu iaitu 93.3% dan 65.0% menetap tinggal di daerah Brunei Muara. Alasan yang dikemukakan ialah majoriti penduduk Brunei adalah terdiri dari warganegara tempatan iaitu 97.5% dan mereka menetap tinggal di daerah Brunei Muara yang juga merupakan pusat bandar.⁶⁰²

⁶⁰⁰ *Ibid.*, 122.

⁶⁰¹ Zulhilmi bin Haji Jaidin, "Residivisme Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Banduan Di Penjara Jerudong", 67.

⁶⁰² *Ibid.*, 67-69.

5.5.4 Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan

Jadual 5.5 (a) diperlihatkan bahawa responden dalam kajian ini berjumlah 150 orang dan seramai 91 orang (60.7%) terdiri dari kalangan mereka yang masih bujang dan merupakan peratus tertinggi berbanding dengan mereka yang sudah berkahwin iaitu seramai 41 orang (27.3%). Selebihnya seramai 16 orang (10.7%) adalah duda dan 2 orang (1.3%) adalah janda. Merujuk kepada kajian lepas, peratus tertinggi yang terlibat dalam pengulangan dadah juga terdiri daripada responden yang berstatus bujang iaitu sebanyak 45.8% dan statistik juga merekodkan bahawa 51.7% responden adalah yang tinggal bersama ibu bapa.⁶⁰³

5.5.5 Taburan Responden Berdasarkan Pendidikan Formal

Jadual 5.5 (a) menunjukkan bahawa 150 orang responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada 95 orang (63.3%) mempunyai pendidikan formal pada peringkat menengah atas, 29 orang (19.3%) berada pada peringkat menengah bawah sebagai pendidikan terakhir dan hanya 11 orang (7.3%) sahaja berada pada tahap pendidikan peringkat rendah dan selebihnya seramai 15 orang (10%) mempunyai latar belakang pendidikan peringkat Institusi pengajian Tinggi (IPT). Sebagaimana juga dalam kajian lepas, ada disebutkan bahawa responden terlibat dalam penyalahgunaan dadah, majoritinya terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap pendidikan di sekolah menengah iaitu 73.3% dan hanya 1.7% sahaja yang mempunyai latar belakang kolej atau pun universiti⁶⁰⁴ sehinggakan dalam satu kajian, sekolah menengah dijadikan sebagai salah satu tempat yang sesuai untuk menjalankan kajian kes remaja bermasalah.⁶⁰⁵

Bagaimanapun, pengkaji tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut meskipun kes remaja bermasalah boleh ditemukan di sekolah menengah, ini disebabkan penulisan yang dikemukakan tidak dijalankan secara menyeluruh dan hanya dijalankan di tiga buah sekolah menengah di Daerah Brunei Muara sahaja. Berbanding dengan jumlah sekolah menengah di seluruh negara Brunei, terdapat sebanyak 39 buah sekolah menengah dengan jumlah keseluruhan pelajarinya iaitu 37,769 pelajar.⁶⁰⁶ Berdasarkan

⁶⁰³ *Ibid.*, 69-70.

⁶⁰⁴ *Ibid.*, 71.

⁶⁰⁵ Dayangku Norhairnawati Pengiran Matzin, *Remaja Lari Dari Rumah* (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 14.

⁶⁰⁶ *Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam 2014* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perangkaan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2015), 199, 204.

jumlah sekolah menengah dan jumlah pelajar yang agak besar dan mewakili seluruh daerah di negara Brunei Darussalam dengan tumpuan khusus kepada masalah remaja lari dari rumah, adalah mustahil jumlah atau peratusnya lebih besar daripada yang tidak bermasalah.

5.5.6 Taburan Responden Berdasarkan Pendidikan Agama

Jadual 5.5 (a) menunjukkan bahawa 150 orang responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada 53 orang (35.3%) mempunyai pendidikan agama iaitu lulus pada peringkat darjah enam (6) agama sebagai satu tahap paling minimum yang telah ditetapkan dalam pendidikan agama ke atas setiap golongan belia di Negara Brunei Darussalam. Dan seramai 84 orang (54.7%) dari jumlah responden mempunyai pendidikan agama dalam peringkat darjah satu (1) hingga darjah lima (5), 5 orang (3.3%) berpendidikan agama dari sekolah Arab. Bagaimanapun, dalam kajian ini ditemukan sejumlah 8 orang (5.3%) daripada mereka tidak mempunyai pendidikan agama. Ini dapat dilihat pada peratus mereka yang tidak bersekolah agama, yang merekodkan tahap keperihatinan mereka dalam hal ehwal keagamaan iaitu; 1 orang (50%) sangat tidak mengambil berat, dan 4 orang (12%) kurang mengambil berat, menjadikan jumlah keseluruhan peratus tahap keperihatinan yang rendah menjadi 62% dan hanya 3 orang (38%) sahaja yang sangat mengambil berat, sepertimana dalam jadual 5.5.6 (a) berikut:

Jadual 5.5.6 (a) Keperihatinan Golongan BPP Tidak Bersekolah Agama
Dalam Hal Keagamaan

		Sangat tidak mengambil berat	Kurang mengambil berat	Sangat mengambil berat	Jumlah & Peratus
	n	1	4	3	8
Tidak bersekolah agama	%	50%	12%	38%	100%

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Bagaimanapun, alasan bagi mereka ‘tidak bersekolah agama’ agak tidak selaras dengan keperihatinan dalam hal keagamaan di mana 6 orang (75%) daripada mereka bersekolah agama adalah atas dorongan keluarga dan selebihnya bersekolah agama atas kesedaran sendiri iaitu 2 orang (25%), sepertimana dalam jadual 5.5.6 (b) berikut:

Jadual 5.5.6 (b) Alasan Bersekolah Agama

		Dorongan Keluarga	Kesedaran Sendiri	Jumlah & Peratus
	n	6	2	8
Tidak bersekolah agama	%	75%	25%	100%

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Sebagai kesimpulan, hampir keseluruhan responden dalam kajian terdahulu mempunyai persamaan pada ciri-ciri demografi yang mana peratus tertinggi tertumpu kepada lelaki yang bujang dalam lingkungan umur 31-35 tahun. Ia terdiri dari belia beragama Islam dari kalangan bangsa Melayu Brunei. Di samping itu peratus tertinggi juga selalu ditemukan pada bahagian latar belakang pendidikan formal pada tahap sekolah menengah, Institusi Pengajian Tinggi dan juga pada bahagian pendidikan agama. Namun agak membimbangkan juga bila mana ditemukan peratus responden yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan formal dan juga pendidikan agama semakin meningkat.

5.6 Program Pengukuhan Negara Zikir menerusi amalan kerohanian dalam kalangan Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di Brunei Darussalam.

Gagasan Negara Zikir yang bersumberkan al-Quran iaitu *zikrullah* dengan maksud menyebut dan mengingat Allah diterjemahkan dan diperkukuhkan dalam bentuk program negara yang bermatlamat membentuk negara dan masyarakat supaya sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT⁶⁰⁷ dan juga saranan untuk menjadikan negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang diberkati kerana keterikatannya dengan Allah⁶⁰⁸ dalam merancang, membangun dan berkembang maju semata-mata kerana Allah.

Golongan belia warga perkhidmatan awam menerusi Institut Perkhidmatan Awam menjadi tumpuan selaku pelaksana dan penggerak Negara Zikir. Pelancaran buku “Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir” dan membaca *Rātib al-*

⁶⁰⁷ Pg Hj Bahrom Pg Hj Bahar, “Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir”.

⁶⁰⁸ Abdul Aziz Juned (Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam), dalam temubual dengan penulis, 27 Januari 2015.

'Attās sempena sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam⁶⁰⁹ merupakan langkah permulaan dalam merealisasikan gagasan Negara Zikir iaitu menyebut dan mengingat Allah. Setelah itu, diikuti dengan pelaksanaan Program Negara Zikir⁶¹⁰. Salah satu daripada program tersebut ialah Program Halaqah Zikir Masjid Omar 'Ali Saifuddien (MOAS)⁶¹¹ yang diadakan sekali pada minggu pertama setiap bulan di Masjid Omar Ali Saifuddien sesuai dengan identitinya sebagai "*Rauḍah al-Zikr*".

Golongan BPP terdiri dari golongan belia yang menjalani bimbingan, pemulihan dan menjalani hukuman di pusat-pusat tahanan yang berasingan kerana terlibat dengan pelbagai gejala sosial yang menyumbang kepada berlakunya keruntuhan akhlak. Justeru penyelesaian kepada permasalahan ini menuntut kerjasama dari semua pihak untuk menanganinya bersama. Menurut Adanan, faktor golongan remaja terlibat dengan pelbagai masalah adalah disebabkan kurangnya program bimbingan keagamaan dan kurangnya mendalami ajaran-ajaran Islam. Kajian beliau mencatatkan hasil analisis deskriptif min 3.51 menunjukkan kurangnya program bimbingan keagamaan dan kurangnya mendalami ajaran-ajaran Islam iaitu min 3.62 menyebabkan para remaja terjebak dalam kemungkaran, kefasikan dan jenayah remaja.⁶¹² Malahan kajian yang sama juga melaporkan bahawa nilai akhlak yang sangat kritikal dalam kalangan remaja adalah berpunca dari institusi keluarga di mana hasil analisis deskriptif min mencatatkan 3.28 tidak mengamalkan kewajipan solat secara berjemaah dan disokong dengan min 3.31 kurangnya pengamalan zikir/ doa harian sebagaimana diajarkan oleh baginda Rasulullah SAW.⁶¹³

Adanan dalam kajian beliau menyebutkan bahawa golongan belia perlu kepada pendekatan dan bimbingan kerohanian berasaskan amalan zikrullah sebagai asas pembangunan kerohanian. Menyedari kepentingan bimbingan rohani maka pihak berkenaan telah menyediakan subjek Amali/ Ko-kurikulum untuk golongan Belia Perlu

⁶⁰⁹ Norliah Md Zain, "Buku 'Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir' dilancarkan," *Pelita Brunei*, 07 March 2009, 22.

⁶¹⁰ Ak Jefferi Pg Durahman dan Siti Zuraihah Awang Sulaiman, "Program Bimbingan Negara Zikir," *Pelita Brunei*, 05 September 2009, 7.

⁶¹¹ _____, "MOAS adakan program 'Halaqah Zikir'," *Pelita Brunei*, 08 Mei 2013, 7.

⁶¹² Adanan bin Haji Basar, "Masalah Sosial Remaja dan Peranan Institusi Keluarga," dalam *Prosiding Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit (Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008), 102-103.

⁶¹³ *Ibid.*, 105-106.

Perhatian. Subjek Amali/ Ko-kurikulum ini telah memfokuskan amalan kerohanian yang terdiri daripada empat komponen utama; Pertama, Amalan-Amalan Utama; membaca al-Quran, berwirid, berzikir, beristighfar, bertasbih, bertahmid dan berselawat. Kedua, Solat Fardhu dan Sunat; solat fardhu lima waktu, solat sunat taubat, solat sunat hajat, solat sunat *dhūha* dan *qiyam al-layl*. Ketiga, Doa Selamat dan Doa Tahlil; kaifiat doa selamat dan doanya, kaifiat tahlil dan doanya dan kaifiat membaca surah Yaasin dan doanya. Keempat, Puasa; puasa-puasa sunat yang disyariatkan.⁶¹⁴ Lazimnya, komponen satu, dua dan tiga sahaja yang diterapkan sama ada dalam pelaksanaan program kerohanian atau aktiviti kerohanian sebagai Ko-kurikulum bagi golongan BPP.

Secara asasnya tujuan Amali/ Ko-Kurikulum ini untuk membimbing dalam bacaan-bacaan wirid, kaifiat doa selamat dan tahlil, memberi kemahiran, mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan dalam beramal supaya menjadi muslim yang beriman dan bertakwa. Di samping itu menerusi Amali/ Ko-kurikulum ini, ia akan dapat mempersiapkan diri dengan amalan-amalan fardhu dan fardhu kifayah yang menuntut penglibatan diri dalam kemasyarakatan.⁶¹⁵

Berdasarkan laporan tahunan dari kesemua pusat bimbingan, pusat tahanan dan pusat al-Islah, beberapa aktiviti kerohanian lain yang dilaksanakan secara mingguan dan bermusim oleh masyarakat awam di Negara Brunei Darussalam juga turut dilaksanakan oleh golongan BPP seperti Zikir Maulud, membaca *Rātib al-‘Attās*, membaca surah Yasin dan Tahlil.⁶¹⁶ Beberapa majlis keagamaan yang melibatkan kegiatan sosial juga diadakan seperti majlis Khatam al-Quran, majlis Doa Kesyukuran dan majlis korban. Selain itu, program ceramah umum berbentuk keagamaan dan motivasi juga diadakan di samping program usrah dan juga program tazkirah.⁶¹⁷

⁶¹⁴ *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan Tahun 1427H/ 2006M*, 11.

⁶¹⁵ *Ibid.*, 11.

⁶¹⁶ Muhd Sahrin Sulaiman, *Laporan Tahunan Bahagian Keagamaan* (Brunei Darussalam: Kompleks Rumah Kebajikan, Belimbing Subok, 2013); Hj Awg Isa bin Hj Osman (Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong, Negara Brunei Darussalam), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014; Hj Kani Hj Jaludin (Guru Ugama, Pusat Al-Islah, Negara Brunei Darussalam), dalam temubual dengan penulis, 14 September 2013.

⁶¹⁷ *Ibid.*

5.6.1 Analisis Komponen Amalan Kerohanian

Amalan *zikrullah* menempati kedudukan tertinggi antara amalan-amalan yang disyari'atkan dalam Islam dan menjadi roh bagi setiap amal ibadah yang dilakukan. Menyebut dan mengingat Allah adalah jalan mudah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan Allah kurniakan ketenangan dan ketenteraman di dalam setiap jiwa yang menyebut dan mengingatNya⁶¹⁸, firman Allah:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Al-Ra'd 13: 28

Terjemahan: “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan *zikrullah*. Ketahuilah! Dengan “*zikrullah*” itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Zikrullah juga merupakan amalan yang mudah dan senang untuk dilakukan, boleh dilafaz sama ada di dalam hati atau dengan suara yang jelas bahkan melakukan *zikrullah* juga tidak terikat dengan aturan batas minima atau maksima kecuali dilakukan dengan niat serta hati yang ikhlas dan seterusnya akan melahirkan insan yang bertakwa.⁶¹⁹

Untuk memastikan setiap komponen amalan kerohanian khususnya *zikrullah* yang mendasari pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) memberi kesan dalam pembangunan kerohanian selaras dengan matlamat Amali/ Ko-kurikulum untuk melahirkan insan yang taat beribadah⁶²⁰ maka analisis komponen amalan kerohanian telah pun dilakukan sebagaimana dilaporkan dalam jadual 5.6.1 (a) berikut:

⁶¹⁸ Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram ibn ‘Ali, *Lisan al-‘Arab* (Beirut: Dar al-Sadir dan Dar Beirut, 1955), 18: 308-309, entri “zikir”; Mohd Zain Haji Mahmood, “Kefahaman dan Amanan ‘Negara Zikir’” (makalah, Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, 03-04 Mac 2008).

⁶¹⁹ Md Zain bin Hj Serudin, “Zikir Menjana Masyarakat Bertaqwa” (makalah, Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, 03-04 Mac 2008).

⁶²⁰ *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan Tahun 1427H/ 2006M*, 11.

Jadual 5.6.1 (a) Skor Min Komponen Amalan Kerohanian

Komponen	Item	Min	Interpretasi
1	Amalan Utama	2.47	rendah
2	Amalan Solat	2.59	rendah
3	Doa Selamat dan Tahlil	2.49	rendah
4	Amalan Puasa	2.50	rendah

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September - Oktober 2014

Jadual 5.6.1 (a) di atas menunjukkan bahawa skor min bagi setiap komponen amalan kerohanian yang menjadi asas kepada perlaksanaan program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) berada pada tahap yang rendah, sebagaimana tertera dalam interpretasi skor min, jadual 5.6.1 (b)

Jadual 5.6.1 (b) Interpretasi Nilai Min Skala Likert Mengikut Lima Tahap

Nilai Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Ghazali Darusalam dan Sufean Husin, Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2016

Ujian Nilai Pekali Korelasi (r) juga dijalankan bagi memastikan terdapat hubungan signifikan yang menilai aras kekuatan hubungan di antara kesemua komponen amalan kerohanian tersebut sepertimana dalam jadual 5.6.1 (c) berikut:

Jadual 5.6.1 (c) Nilai Korelasi Pearson

		Amalan Utama	Amalan Solat	Doa Selamat dan Tahlil	Amalan Puasa
Amalan Utama	Korelasi Pearson	1	.559**	.095	.118
	Sig. (pengujian 2-arah)		.000	.248	.151
	N	150	150	150	150
Amalan Solat	Korelasi Pearson	.559**	1	.152	.242**
	Sig. (pengujian 2-arah)	.000		.063	.003

	N	150	150	150	150
Doa Selamat dan Tahlil	Korelasi Pearson	.095	.152	1	.000
	Sig. (pengujian 2-arah)	.248	.063		1.000
	N	150	150	150	150
Amalan Puasa	Korelasi Pearson	.118	.152	.000	1
	Sig. (pengujian 2-arah)	.151	.063	1.000	
	N	150	150	150	150

**. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (pengujian 2 arah).

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Berdasarkan jadual 5.6.1 (c) hasil analisis pekali korelasi (r) menunjukkan terdapatnya hubungan yang sederhana antara pembolehubah amalan utama dengan amalan solat di mana nilai pekali korelasinya ialah $r = .559$, $p = < .000$. Manakala hasil analisis korelasi bagi pembolehubah amalan utama dengan doa selamat dan tahlil menunjukkan terdapatnya hubungan yang sangat lemah dengan nilai pekali korelasi $r = .095$, $p = > .248$. Bagaimanapun, nilai pekali korelasi menunjukkan hubungan yang sangat lemah bagi pembolehubah amalan utama dengan amalan puasa iaitu $r = .118$, $p = > .063$. Interpretasi aras kekuatan Nilai Pekali Korelasi ' r ' disertakan dalam jadual 5.6.1 (d) berikut:

Jadual 5.6.1 (d) Interpretasi aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi ' r '

Nilai Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
.91 hingga 1.00 atau -.91 hingga -1.00	Sangat Kuat
.71 hingga .90 atau -.71 hingga -.90	Kuat
.51 hingga .70 atau -.51 hingga -.70	Sederhana
.31 hingga .50 atau -.31 hingga -.50	Lemah
.01 hingga .30 atau -.01 hingga -.30	Sangat Lemah
.00	Tiada Korelasi

Sumber: Chua Yan Piaw, Asas Statistik Penyelidikan Edisi 2, Malaysia, McGraw-Hill, 2012.

Sebagai rumusan, hasil analisis deskriptif min bagi komponen amalan kerohanian yang menjadi asas kepada pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) menunjukkan bahawa keseluruhan min bagi

kesemua komponen amalan kerohanian berada pada tahap rendah iaitu tahap min di bawah 2.60 sebagaimana dalam jadual 5.6.1 (a) (Skor Min Komponen Amalan Kerohanian) dan jadual 5.6.1 (b) (Interpretasi Nilai Min Skala Likert Mengikut Lima Tahap).

Manakala hasil analisis Ujian Nilai Pekali Korelasi (r) yang dijalankan bagi memastikan **aras kekuatan hubungan di antara kesemua komponen amalan kerohanian** tersebut menunjukkan terdapatnya ketidakseimbangan di antara komponen amalan kerohanian tersebut. Ketidakseimbangan ini menghasilkan ketidakberkesanan program dan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan untuk golongan Belia Perlu Perhatian (BPP). Hasil analisis tersebut juga adalah selari dengan pandangan Haji Isa bin Haji Osman tentang kesukaran dalam menilai keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian terhadap perubahan akhlak banduan lebih-lebih lagi kedudukan banduan yang sentiasa keluar masuk disebabkan terlibat dalam kes pengulangan kesalahan.⁶²¹ Bahkan pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian juga tidak mampu mempertingkatkan kawalan diri bila golongan ini kembali ke pangkuan masyarakat. Ia dibuktikan melalui luahan pandangan salah seorang banduan:

“di dalam penjara mereka mudah mengerjakan solat dan mudah melaksanakan puasa. Kawalan dan peraturan penjara dapat membentuk akhlak bahkan penjara atau bilik tahanan merupakan tempat memperolehi kebaikan. Sepanjang tempoh berada di dalam bilik tahanan mereka dikawal oleh peraturan akan tetapi apabila mereka bebas daripada tahanan sebahagian daripada mereka tidak mampu atau gagal mengawal diri sendiri.”⁶²²

Berdasarkan hasil keseluruhan analisis tersebut iaitu analisis deskriptif min dan analisis ujian pekali korelasi (r) yang menguji aras kekuatan hubungan ke atas komponen amalan kerohanian iaitu amalan harian/ utama, solat fardhu dan sunat, doa selamat dan tahlil dan puasa yang terdapat di dalam *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan*⁶²³ maka pengkaji berpendapat bahawa silibus tersebut yang menjadi rujukan dan digunapakai pada masa ini sudah sampai kepada satu tahap yang memerlukan kepada rombakan minimum di

⁶²¹ Haji Isa bin Haji Osman (Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

⁶²² *Ibid.*

⁶²³ *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan Tahun 1427H/ 2006M*, 11.

mana item-item di setiap komponen amalan kerohanian perlu kepada penambahbaikan. Perkara ini dilihat amat penting ditambah pula dengan usia sukatan tersebut sudah hampir 10 tahun digunapakai iaitu bermula pada tahun 2006 iaitu setahun sebelum Negara Zikir dititahkan pada tahun 2007.⁶²⁴ Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan silibus dalam tempoh masa yang terlalu lama menjadikan sebahagian pengisian setiap komponen menjadi tepu dan tidak mendatangkan kesan kerana sudah tidak lagi selaras dengan perkembangan semasa.

Kajian ini telah memberi perhatian yang serius terhadap keberkesanan amali/ ko-kurikulum dalam pembangunan kerohanian terutama dalam aspek penghayatan dan aspek kawalan diri serta dalaman golongan Belia Perlu Perhatian. Oleh itu, perubahan dan penambahbaikan perlu dibuat pada setiap komponen yang digariskan dalam *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan* agar matlamat pembangunan kerohanian untuk melahirkan insan yang taat beribadah dapat direalisasikan dengan lebih efektif dan lebih inovatif selaras dengan gagasan Negara Zikir iaitu membentuk masyarakat sentiasa ingat serta taat kepada Allah SWT dan menjadikan negara sebagai sebuah negara berkat kerana keterikatannya dengan Allah.⁶²⁵ Pandangan pengkaji tentang perlunya dilakukan penambahbaikan dan perubahan pada *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan* juga disokong dengan analisis yang dilakukan ke atas tahap kekerapan penyertaan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) dalam perbincangan seterusnya.

5.6.2 Kekerapan penyertaan Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) dalam Program dan Aktiviti Kerohanian

Penyediaan beberapa program dan aktiviti kerohanian untuk golongan BPP ini bertujuan untuk membimbing dan mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan dalam beramal supaya menjadi muslim yang beriman dan bertakwa dan sebagai persiapan penglibatan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.⁶²⁶ Dengan kata lain, ia untuk membangun kerohanian dan membentuk sahsiah serta akhlak yang baik menerusi

⁶²⁴ Haji Isa bin Haji Osman (Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

⁶²⁵ Abdul Aziz Juned (Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam), dalam temubual dengan penulis, 27 Januari 2015.

⁶²⁶ *Sukatan Pelajaran Pusat Pemulihan Di Bawah Bahagian Bimbingan Dan Pelajaran Lanjutan Tahun 1427H/ 2006M*, 11.

perlaksanaan program dan aktiviti kerohanian. Kajian ini mengenal pasti perbezaan kekerapan penyertaan golongan BPP dalam program kerohanian berdasarkan jantina yang dianalisis dalam bentuk deskriptif min sebagaimana diperjelaskan dalam jadual 5.6.2 (a)

Jadual 5.6.2 (a) Penyertaan Program Kerohanian Berdasarkan Jantina

Jantina		Ceramah	Tazkirah	Motivasi	Usrah
Lelaki	Min	2.89	2.29	2.73	2.29
	N	126	126	126	126
Perempuan	Min	2.54	2.50	2.67	2.50
	N	24	24	24	24
jumlah	Min	2.83	2.33	2.72	2.33
	N	150	150	150	150

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September - Oktober 2014

Analisis deskriptif min dalam jadual 5.6.2 (a) menunjukkan bahawa majoriti penyertaan program kerohanian didominasi oleh belia lelaki dengan kekerapan penyertaan dalam program ceramah 2.89 diikuti dengan motivasi 2.73. Manakala tahap penyertaan dalam program tazkirah dan usrah adalah sama 2.29. Sementara tahap penyertaan belia perempuan pula lebih tinggi dalam program motivasi 2.67 diikuti dengan program ceramah 2.54 dan dalam program tazkirah dan usrah memperoleh tahap kekerapan yang sama iaitu 2.50. Sebagai rumusan, tahap kekerapan penyertaan belia lelaki dalam program kerohanian lebih tinggi berbanding dengan belia perempuan dan secara keseluruhan tahap kekerapan penyertaan golongan BPP dalam program kerohanian berada pada tahap sederhana rendah.

Jadual 5.6.2 (b) Penyertaan Aktiviti Kerohanian Berdasarkan Jantina

Jantina		Ratib al-‘Attas	Zikir Maulud	Zikir Khatam al-Quran	Doa Selamat dan Kesyukuran
Lelaki	Min	2.34	2.37	2.56	2.40
	N	126	126	126	126
perempuan	Min	2.42	2.13	3.00	2.08
	N	24	24	24	24

jumlah	Min	2.35	2.33	2.63	2.35
	N	150	150	150	150

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Manakala dalam jadual 5.6.2 (b) di atas analisis deskriptif min menunjukkan bahawa tahap kekerapan penyertaan belia lelaki dalam aktiviti zikir sempena majlis khatam al-Quran adalah 2.56 diikuti dengan doa selamat dan kesyukuran 2.40. Manakala dalam aktiviti zikir Maulud 2.37 dan membaca rātib al-‘Attās 2.34. Bagi belia perempuan, tahap kekerapan penyertaan mereka agak tinggi dalam aktiviti zikir sempena majlis khatam al-Quran iaitu 3.00 diikuti dengan membaca rātib al-‘Attās 2.42. Manakala penyertaan mereka dalam zikir Maulud 2.13 dan doa selamat dan kesyukuran 2.08. Ringkasnya, belia lelaki dan belia perempuan kedua-duanya aktif dalam penyertaan zikir sempena majlis khatam al-Quran. Namun terdapat perbezaan tahap kekerapan penyertaan antara belia perempuan dan belia lelaki di dalam aktiviti kerohanian di mana belia perempuan lebih aktif 3.00 berbanding belia lelaki 2.56. Bagaimanapun secara keseluruhannya tahap penyertaan golongan belia ini dalam aktiviti kerohanian berada pada tahap sederhana rendah.

5.6.3 Analisis Hubungan Program Kerohanian dan Aktiviti Kerohanian

Analisis pekali korelasi (r) digunakan untuk melihat sama ada terdapat hubungan signifikan antara program kerohanian; ceramah, tazkirah, motivasi serta usrah dan aktiviti kerohanian; Ratib al-‘Attas, Zikir Maulud, Zikir Khatam al-Quran serta Doa Selamat dan Kesyukuran, yang disediakan untuk golongan belia perlu perhatian (BPP) sepertimana dalam jadual 5.6.3 (a) berikut:

Jadual 5.6.3 (a) Korelasi antara Program Kerohanian dan Aktiviti Kerohanian

		Program Kerohanian	Aktiviti Kerohanian
Program Kerohanian	Korelasi Pearson	1	.299**
	Sig. (pengujian 2-arah)		.000
	N	150	150
Aktiviti Kerohanian	Korelasi Pearson	.299**	1
	Sig. (pengujian 2-arah)	.000	
	N	150	150

**. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (pengujian 2 arah).

Berdasarkan jadual 5.6.3 (a) hasil analisis pekali korelasi (r) menunjukkan bahawa hubungan antara pembolehubah program kerohanian (ceramah, tazkirah, motivasi, *qiam al-layl* dan usrah) dengan pembolehubah aktiviti kerohanian (membaca ratib, zikir Maulud, zikir Khatam al-Quran dan doa kesyukuran) adalah sangat lemah di mana nilai pekali korelasi ialah $r = .299$, $p = < .000$. Ini menunjukkan bahawa program kerohanian dan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan tidak membantu dalam meningkatkan pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian.

5.7 Analisis Amalan Kerohanian Sebagai Elemen *Tazkiyah al-Nafs* Dalam Pembangunan Kerohanian Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)

Amalan kerohanian termasuk amalan *zikrullah* yang tidak hanya terbatas dalam melafazkan kalimah-kalimah zikir seperti Subhanallah, Alhamdulillah, Allah Akbar dan sebagainya. Ini termasuklah di dalamnya perbuatan menuntut ilmu, solat, puasa, zakat, haji, bersedekah, membaca al-Quran, berdakwah, menyeru kepada makruf dan mencegah dari munkar, menyampaikan ilmu, berjihad, berdoa, berzikir, berselawat, bersuci, menghidupkan amalan sunnah dan sebagainya yang dilakukan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.⁶²⁷ Kajian ini menganalisis amalan kerohanian sebagai salah satu elemen *tazkiyah al-nafs* dan muhasabah diri golongan BPP untuk memastikan jika terdapat perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian dengan menggunakan Ujian-t.

5.7.1 Amalan Solat

Solat lima waktu sehari semalam adalah wajib dilaksanakan oleh orang Islam lelaki dan perempuan yang sudah mencapai akil baligh. Solat adalah tiang agama, benteng kukuh mencegah diri dari melakukan segala kemungkaran dan jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Solat juga merupakan terapi jiwa berkesan dalam memperolehi ketenangan jiwa sekali gus berfungsi dalam membersihkan jiwa dari pelbagai penyakit hati.⁶²⁸

⁶²⁷ Muhyi al-Dīn Abū Zakariyā Yahya bin Sharaf Al-Nawawī, *Al-Adhkar* (Beirut: Dar al-Fikr, 1424H/2003M), 9; Lihat Al-Nawawī, *Al-Azkar: Terjemah Al-Azkar*, terj. Drs. M. Tarsi Hawi (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1987), 8.

⁶²⁸ Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dar al-Rayyan al-Turath, 1987), 1:175.

Ujian-*t* dilaksanakan untuk melihat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Persoalan kajian: Adakah terdapat perbezaan dalam amalan solat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian?

Ho₁: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan solat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₁: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Keputusan Ujian-*t* dalam jadual 5.7.1 menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ($t = -1.727$, $df = 149$, $p > .086$) iaitu nilai p yang diperolehi lebih besar daripada nilai .05, maka pengkaji gagal menolak hipotesis nul. Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa program dan aktiviti kerohanian tidak memberikan kesan maksima dan tidak banyak membantu dalam mempertingkatkan tahap amalan solat golongan Belia Perlu Perhatian (BPP).

Interpretasi nilai skor min menunjukkan tahap amalan solat berada pada tahap rendah 2.59 sebelum menyertai program dan aktiviti kerohanian berbanding selepas menyertainya berada pada tahap sederhana 2.78. Dan nilai skor min amalan solat sebelum dan selepas mengikuti program dan aktiviti kerohanian hanya menunjukkan perbezaan yang sangat minima dan ini membuktikan bahawa program dan aktiviti kerohanian tidak berkesan dalam meningkatkan tahap amalan solat sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* dan juga asas pembangunan rohani tetapi memadai sebagai asas permulaan bagi golongan ini untuk memperbaiki prestasi amalan solat.

Jadual 5.7.1 Amalan Solat Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Statistik Sampel Berpasangan

Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian		Min	N	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min
Solat	Sebelum	2.59	150	1.031	.084
	Selepas	2.78	150	.731	.060

Hubungan Sampel Berpasangan

Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	N	Korelasi	Signifikan
Solat sebelum & Solat selepas	150	-.041	.618

Ujian Sampel Berpasangan

		Perbezaan Berpasangan					Nilai t-kiraan	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan (pengujian 2-arah)	
		Min	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min	95% Selang Kepercayaan Perbezaan					
				Terendah	Tertinggi					
Solat	sebelum – selepas	-.182	1.288	.105	-.390	-.026	-1.727	149	.086	

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

5.7.2 Amalan Puasa

Amalan puasa seperti juga amalan solat diwajibkan ke atas umat Islam untuk melaksanakan puasa Ramadhan bertujuan untuk menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkannya. Puasa Ramadhan memiliki keistimewaan tersendiri kerana ianya mempunyai hubungan langsung dengan Allah SWT, sebagaimana disebutkan dalam hadis qudsi menerusi jalur Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

قال الله: كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ

Terjemahan: Allah berfirman, ‘semua amalan anak Adam adalah untuknya kecuali puasa sesungguhnya puasa itu untuk Ku dan Aku yang akan membalasnya’,⁶²⁹

Melaksanakan ibadat puasa, selain menahan diri dari lapar dan dahaga juga merupakan proses untuk membersihkan jiwa di mana puasa melatih diri supaya bersabar

⁶²⁹ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, Kitāb al-Ṣaum, Bāb Hal Yaquḥ Inni Ṣaim Idha Shutima, No. Hadith 1904 (Kaherah: Matba‘ah al-Salafiyah, t.t.), 2: 31; Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Ṣiyām, Bāb Fadhl al-Ṣiyām, (Mesir: t.p., 1327H), 3: 157. Lihat Mustafa bin al-‘Adawi, *al-Ṣaḥīḥ al-Musnad al-Aḥādith al-Qudsiyah* (Mesir: Dar al-Sahabah li al-Turath, t.t.), 168.

terutama dalam mengendalikan kehendak hawa nafsu iaitu nafsu perut dan kemaluan.⁶³⁰ Pelaksanaan proses membersihkan jiwa perlu dilakukan bersama dengan mujahadah iaitu usaha yang dilakukan untuk melawan hasutan syaitan dan juga melawan hawa nafsu. Oleh itu, melaksanakan puasa adalah bermaksud melakukan ketaatan kepada Allah dan melakukannya dengan penuh kesabaran kerana melalui pelbagai ujian hawa nafsu dan cabaran dari hasutan dan bisikan syaitan yang sentiasa mengarahkan untuk melakukan keburukan dan kejahatan. Firman Allah dalam ayat berikut:

إِنَّمَا يُوفِي الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٩﴾

Al-Zumar 39: 10

Terjemahan: Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas.

Dan amalan puasa dalam kajian ini juga termasuk dalam zikrullah bertujuan untuk membina dan membentuk sifat sabar dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ujian-*t* dilaksanakan untuk melihat perbezaan yang signifikan dalam amalan puasa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Persoalan kajian: Adakah terdapat perbezaan dalam amalan solat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian?

Ho₂: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan puasa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₂: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan puasa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Berdasarkan Ujian-*t* dalam jadual 5.7.2 keputusan kajian adalah signifikan ($t = -7.431$, $df = 149$, $p < .000$). Hipotesis nul ditolak dan pengkaji membuat keputusan bahawa terdapat perbezaan tahap amalan puasa golongan Belia Perlu Perhatian sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

⁶³⁰ Al-Muhāsibī, Harīth bin Asad, *al-Taubah* (Kaherah: Dar al-Fadhilah, t.t.), 27; Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Minhāj al-ʿĀbidīn* (Bayrut: Dar al-Minhaj, 2006), 94; Saʿīd Hawwā, *al-Mustakhlās fī Tazkiyyah al-Anfus*, cet.2 (Kaherah: Dar al-Salam, 1988), 59; ʿAbd al-Qādir ʿIsā al-Halabī, *Haqāʾiq ʿan al-Tasawwuf* (Suriyah: Dar al-ʿIrfan, 2001), 98; ʿAbd al-Qādir ʿIsa, *Haqāʾiq ʿan al-Tasawwuf: Hakekat Tasawuf*, terj. Khairul Amru Harahap dan Afrizal Lubis (Jakarta: Qisthi Press, 2005), 72.

Interpretasi nilai skor min menunjukkan amalan puasa selepas mengikuti program dan aktiviti kerohanian berada pada tahap sederhana 2.81 berbanding sebelum mengikuti program dan aktiviti kerohanian tersebut berada pada tahap rendah iaitu 2.19. Ini menunjukkan bahawa amalan puasa sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* dapat membantu meningkatkan kerohanian golongan BPP meskipun pada kadar minima.

Jadual 5.7.2 Amalan Puasa Sebelum dan Selepas
Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Statistik Sampel Berpasangan					
	Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	Min	N	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min
Puasa	Sebelum	2.19	150	.756	.062
	Selepas	2.81	150	.912	.074

Hubungan Sampel Berpasangan			
Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	N	Korelasi	Signifikan
Puasa sebelum & Puasa selepas	150	.271	.001

Ujian Sampel Berpasangan									
		Perbezaan Berpasangan						Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan (pengujian 2-arah)
		Min	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min	95% Selang Kepercayaan Perbezaan		Nilai t-kiraan		
					Terendah	Tertinggi			
Puasa	sebelum - selepas	-.615	1.014	.083	-.779	-.452	-7.431	149	.000

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

5.7.3 Amalan Zakat Fitrah

Melaksanakan amalan zakat fitrah merupakan salah satu dari rukun Islam dan menjadi satu kewajiban ke atas semua orang Islam yang berkemampuan untuk membayarnya. Kepentingan mengeluarkan zakat fitrah sangat jelas sehingga hampir setiap ayat al-

Quran yang menyebutkan kewajiban mendirikan solat selalu diikuti dengan kewajiban membayar zakat. Firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Al-Baqarah 2: 43

Terjemahan: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, ruku'lah kamu semua (berjema'ah) bersama-sama orang yang ruku'.

Zakat fitrah salah satu kewajiban yang ditetapkan oleh Rasulullah SAW ketika selesai melaksanakan puasa pada bulan Ramadhan. Kewajiban mengeluarkan zakat atas setiap muslim dan muslimah adalah berdasarkan hadits menerusi jalur Ibn Umar RA berkata: "Rasulullah SAW telah memfardhukan (mewajibkan) zakat fitrah satu sha' tamar atau satu sha' gandum atas hamba sahaya, orang merdeka, laki-laki atau perempuan dari kalangan kaum Muslimin."⁶³¹ Zakat juga memberi maksud pertumbuhan dan penyucian⁶³² malahan perlakuan seseorang memberi 'sedekah harta' dinamakan sebagai perlakuan mengeluarkan 'zakat' iaitu istilah yang dengan pemberian sedekah tersebut, harta berkenaan 'menjadi bersih' hasil daripada pengeluaran hak Allah SWT yang terdapat dalam harta tersebut.⁶³³

Ujian-t dilaksanakan untuk melihat perbezaan yang signifikan dalam amalan zakat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Persoalan kajian: Adakah terdapat perbezaan dalam amalan zakat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian?

Ho₃: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan zakat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₃: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan zakat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

⁶³¹ Al-'Asqalāni, Ahmad bin Ali bin Hajar, *Fathu al-Bārī* (Riyadh: Maktabah al-Malik al-Fahd, 2001M/1421H), 3: 432; Lihat Wahbah al-Zuhaili, al-Wajis fi al-Fiqhi al-Islami (Damsyik: Dar al-Fikr, 2006), 1: 358

⁶³² Ibn Manzur, Jamāl al-Dīn Muhammad ibn Mukarram ibn 'Alī, *Lisān al-'Arab*, 60: 358.

⁶³³ Zakaria Stapa, *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat Wadah Pemerkasaan Jati Diri Ummah*, 57.

Berdasarkan Ujian-t dalam jadual 5.7.3 keputusan kajian menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ($t = 1.399$, $df = 149$, $p > .164$) iaitu nilai p yang diperolehi lebih besar daripada nilai .05, maka pengkaji gagal menolak hipotesis nul. Keputusan ujian menunjukkan bahawa program dan aktiviti kerohanian tidak membantu dalam mempertingkatkan tahap amalan zakat golongan Belia Perlu Perhatian (BPP). Nilai skor min amalan zakat menunjukkan adanya kadar penurunan selepas mengikuti program dan aktiviti kerohanian iaitu 2.79 berbanding sebelum mengikutinya 2.90. Berdasarkan interpretasi nilai skor min menunjukkan tahap amalan zakat sebelum dan selepas mengikuti program dan aktiviti kerohanian berada pada tahap yang sama iaitu tahap sederhana.

Justeru, kajian ini cuba untuk mengenalpasti jika terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap amalan zakat golongan BPP sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian sepertimana dalam jadual 5.7.3 berikut:

Jadual 5.7.3 Amalan Zakat Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Statistik Sampel Berpasangan					
	Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	Min	N	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min
Zakat	Sebelum	2.90	150	.918	.075
	Selepas	2.79	150	.911	.074

Hubungan Sampel Berpasangan			
	Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	N	Korelasi
	Zakat sebelum & Zakat selepas	150	.457
			.000

Ujian Sampel Berpasangan									
Perbezaan Berpasangan									
		Min	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min	95% Selang Kepercayaan Perbezaan		Nilai t-kiraan	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan (pengujian 2-arah)
					Terendah	Tertinggi			
Zakat	sebelum – selepas	.109	.953	.078	-.045	.263	1.399	149	.164

Ringkasnya, tiada berlakunya peningkatan yang ketara sama ada sebelum dan selepas mengikuti program dan aktiviti kerohanian tersebut. Ini menunjukkan bahawa amalan zakat sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* pada tahap ini tidak dapat membantu dalam mempertingkatkan kerohanian golongan BPP namun tidak dinafikan manfaat amalan zakat bagi golongan Belia Perlu Perhatian yang diamalkan ketika sedang mengikuti proses bimbingan, pemulihan dan penahanan dapat membantu usaha *tazkiyah al-nafs* dan yang paling penting golongan ini dapat menunaikan tuntutan kewajiban seorang muslim dalam melaksanakan pembayaran zakat fitrah.⁶³⁴

5.7.4 Amalan Membaca Al-Quran

Amalan membaca al-Quran merupakan salah satu ibadah utama yang memberikan banyak manfaat kepada pembacanya khususnya di bulan Ramadhan dan al-Quran diturunkan di dalam bulan Ramadhan, sebagaimana firman Allah dalam ayat berikut:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى
وَالْفُرْقَانِ

Al-Baqarah 2: 185

Terjemahan: (Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi pertunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan pertunjuk, dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dan yang salah.

Antara manfaat atau kelebihan membaca al-Quran ialah mendapat pahala dan pemberi syafaat di hari akhirat. Rasulullah SAW bersabda:

اقرأوا القرآن فإنه يأتي يوم القيامة شفيعاً لأصحابه

⁶³⁴ Haji Isa bin Haji Osman (Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara Jerudong), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

Terjemahan: “Bacalah oleh kalian Al-Qur`an. Karena ia (Al-Qur`an) akan datang pada Hari Kiamat kelak sebagai pemberi syafa’at bagi orang-orang yang rajin membacanya.”⁶³⁵

Ujian-*t* dilaksanakan untuk melihat perbezaan yang signifikan dalam amalan membaca al-Quran sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Persoalan kajian: Adakah terdapat perbezaan dalam amalan membaca al-Quran sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian?

Ho₄: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan membaca al-Quran sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₄: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan membaca al-Quran sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Berdasarkan Ujian-*t* dalam jadual 5.7.4 (a) menunjukkan keputusan kajian adalah signifikan ($t = -4.384$, $df = 149$, $p < .000$). Hipotesis nul ditolak dan kajian menunjukkan keputusan bahawa terdapat perbezaan tahap amalan membaca al-Quran dalam golongan Belia Perlu Perhatian sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian. Nilai skor min berada pada tahap sederhana selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian 2.78 berbanding sebelum mengikutinya yang berada pada tahap rendah iaitu 2.23.

Jadual 5.7.4 (a) Amalan Membaca Al-Quran Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Statistik Sampel Berpasangan					
	Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	Min	N	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min
Membaca Al-Quran	Sebelum	2.23	150	.682	.056
	Selepas	2.78	150	.735	.060

Paired Samples Hubungan Sampel Berpasangan			
Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	N	Korelasi	Signifikan
Membaca al-Quran sebelum &	150	.275	.001

⁶³⁵ Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, *Sahih Muslim* (Mesir: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, 1955), no. Hadith 804.

Membaca al-Quran selepas

Ujian Sampel Berpasangan

		Perbezaan Berpasangan					Nilai t-kiraan	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan (pengujian 2-arah)
		Min	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min	95% Selang Kepercayaan Perbezaan				
						Terendah	Tertinggi		
Baca al-Quran	sebelum – selepas	-.306	.854	.070	-.444	-.158	-4.384	149	.000

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Ini menunjukkan bahawa nilai skor min amalan membaca al-Quran sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* bukan hanya semata-mata dapat membantu meningkatkan tahap amalan membaca al-Quran dalam kalangan golongan BPP tetapi mampu membentuk sikap sebahagian daripada golongan ini untuk mendekati dan membaca al-Quran iaitu dengan membacanya ketika mempunyai waktu terluang dan membacanya sebagai satu pendekatan untuk mendapatkan ketenangan jiwa tatkala berdepan dengan pelbagai masalah dan tekanan. Ini terbukti menerusi perincian purata pada setiap item amalan membaca al-Quran dalam jadual berikut:

Jadual 5.7.4 (b) Perincian Purata Item Amalan Membaca Al-Quran Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

			Purata	
Item			sebelum	selepas
N				
01	setiap lepas solat lima waktu	150	2.23	2.97
02	setiap hari	150	2.41	3.03
03	bila ada kesempatan dan kelapangan	150	2.14	2.33
04	untuk mencari ketenangan	150	2.10	2.51
05	ketika menghadapi masalah	150	2.22	2.15
06	ketika berada dalam tekanan	150	2.25	2.67

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Berdasarkan jadual 5.7.4 (b) di atas, terdapatnya peningkatan yang minima dalam amalan membaca al-Quran dan peningkatan yang minima ini mempunyai hubungkait dengan latar belakang pendidikan responden.

5.7.5 Amalan Wirid, Zikir dan Istighfar

Amalan membaca wirid dan zikir adalah amalan yang sangat dituntut oleh syarak dan merupakan salah satu jalan paling mudah untuk mengingat Allah SWT. Begitu juga dengan amalan membaca lafaz istighfar merupakan ungkapan memohon keampunan dari Allah SWT dan ungkapan ini merupakan suatu lafaz bertaubat dari dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh seorang hamba terhadap Allah SWT.

Ujian-*t* dilaksanakan untuk melihat perbezaan yang signifikan dalam amalan amalan wirid, zikir dan istighfar sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

persoalan kajian: adakah terdapat perbezaan dalam amalan wirid, zikir dan istighfar sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian?

H₀₅: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan wirid, zikir dan istighfar sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

H_{a5}: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan wirid, zikir dan istighfar sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ujian-*t* dalam jadual 5.7.5 (a) berikut, memperlihatkan bahawa keputusan kajian adalah signifikan ($t = -7.890$, $df = 149$, $p < .000$). Hipotesis nul ditolak dan kajian mendapati keputusan bahawa terdapat perbezaan pada tahap amalan wirid, zikir dan istighfar golongan Belia Perlu Perhatian sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian. Nilai skor min menunjukkan amalan wirid, zikir dan istighfar berada pada tahap yang tinggi 3.48 selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian berbanding sebelum menyertainya berada pada tahap sederhana iaitu 2.71.

Jadual 5.7.5 (a) Amalan Wirid, Zikir dan Istighfar Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Statistik Sampel Berpasangan

	Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	Min	N	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min
Wirid, Zikir dan Istighfar	Sebelum	2.71	150	1.111	.091
	Selepas	3.48	150	.817	.067

Hubungan Sampel Berpasangan

Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	N	Korelasi	Signifikan
Wirid, zikir dan istighfar sebelum & Wirid, zikir dan istighfar selepas	150	.258	.001

Ujian Sampel Berpasangan

		Perbezaan Berpasangan					Nilai t-kiraan	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan (pengujian 2-arah)
		Min	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min	95% Selang Kepercayaan Perbezaan				
					Terendah	Tertinggi			
Wirid, zikir dan istighfar	sebelum – selepas	-.771	1.197	.098	-.965	-.578	-7.890	149	.000

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Malah jika dilihat secara terperinci dalam jadual 5.7.5 (b) berikut, purata tertinggi selepas mengikuti program dan aktiviti kerohanian, diperolehi tatkala mereka mengamalkannya pada waktu lapang atau untuk mencari ketenangan dan juga tatkala menghadapi masalah.

Jadual 5.7.5 (b) Perincian Purata Item Amalan Wirid, Zikir dan Istighfar Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Item		N	Purata	
			sebelum	selepas
01	setiap lepas solat lima waktu	150	2.51	3.17

02	setiap hari	150	3.00	3.01
03	bila ada kesempatan dan kelapangan	150	2.52	3.90
04	untuk mencari ketenangan	150	2.66	3.84
05	ketika sakit	150	2.55	3.45
06	ketika menghadapi masalah	150	2.67	3.63
07	ketika berada dalam tekanan	150	2.55	3.44
08	istighfar bila mengenang dosa	150	3.06	3.37

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Peningkatan purata tersebut membuktikan bahawa amalan wirid, zikir dan istighfar sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* dalam pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian sangat membantu pembangunan kerohanian golongan BPP. Namun tidak dinafikan, tiada peningkatan yang ketara jika amalan wirid, zikir dan istighfar dilakukan setiap hari, kemungkinan keadaan ini mempunyai hubungkait dengan pelaksanaan pada sebahagian program dan aktiviti yang diadakan secara berkala.

5.7.6 Amalan Doa

Berdoa adalah lambang pengabdian dan pengakuan tulus ikhlas seorang hamba di hadapan Allah Maha Pencipta. Allah menyeru kepada hamba-hambaNya agar selalu memohon dan berdoa kepadaNya, sebagaimana firman Allah dalam ayat berikut:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي

سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Al-Mu'min (Al-Ghafir) 40: 60

Terjemahan: Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdo‘alah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan do‘a permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdo‘a kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.

Ujian-*t* dilaksanakan untuk melihat perbezaan yang signifikan dalam amalan doa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

persoalan kajian: adakah terdapat perbezaan dalam amalan doa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian?

Ho₆: Tiada perbezaan yang signifikan dalam amalan doa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₆: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan doa sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Hasil analisis Ujian-*t* dalam jadual 5.7.6 (a) menunjukkan bahawa keputusan kajian adalah signifikan ($t = -4.774$, $df = 149$, $p < .000$). Hipotesis nul ditolak dan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam amalan berdoa golongan Belia Perlu Perhatian sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian. Nilai skor min menunjukkan amalan berdoa berada pada tahap tinggi 3.55 selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian berbanding sebelum menyertai program dan aktiviti kerohanian 3.11 iaitu pada tahap sederhana.

Jadual 5.7.6 (a) Amalan Berdoa Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Statistik Sampel Berpasangan					
	Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	Min	N	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min
Berdoa	Sebelum	3.11	150	1.020	.083
	Selepas	3.55	150	.735	.069

Hubungan Sampel Berpasangan				
	Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	N	Korelasi	Signifikan
	Doa sebelum & Doa selepas	150	.304	.000

Ujian Sampel Berpasangan									
		Perbezaan Berpasangan					Nilai t-kiraan	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan (pengujian 2-arah)
		Min	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min	95% Selang Kepercayaan Perbezaan				
		Terendah		Tertinggi					
Berdoa	sebelum – selepas	-.432	1.109	.091	-.611	-.253	-4.774	149	.000

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Peningkatan ini berlaku disebabkan adanya perubahan sikap pada sebahagian besar daripada golongan ini di mana ada di antara mereka mengamalkan doa selepas solat lima waktu dan sebahagian lainnya mengamalkannya setiap hari. Ada juga dari kalangan mereka mengamalkannya ketika mempunyai waktu terluang dan tidak kurang juga ada yang memanjatkan doa tatkala sakit dan berdepan dengan pelbagai masalah dan tekanan. Ini dapat diperhatikan berdasarkan perincian purata item amalan doa dalam jadual 5.7.6 (b) berikut:

Jadual 5.7.6 (b) Perincian Purata Item Amalan Doa
Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

	Item	N	Purata	
			sebelum	selepas
01	setiap lepas solat lima waktu	150	3.25	3.67
02	setiap hari	150	3.21	3.85
03	bila ada kesempatan dan kelapangan	150	3.07	2.99
04	ketika sakit	150	3.10	3.03
05	ketika menghadapi masalah	150	3.00	3.87
06	ketika berada dalam tekanan	150	3.05	3.86

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Dalam jadual 5.7.6 (b) di atas, terdapat peningkatan yang sangat ketara dalam amalan berdoa. Peningkatan ini memberikan gambaran yang jelas bahawa selaku hamba Allah, seseorang hendaklah sentiasa memohon pertolongan dari Allah. Memohon pertolongan dari Allah juga dapat mempertingkatkan tahap keyakinan, keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Ini selaras dengan pendekatan Negara Zikir untuk melahirkan masyarakat bertakwa sekali gus mempertingkatkan pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP).

5.7.7 Muhasabah Diri

Muhasabah diri adalah asas kepada takwa⁶³⁶ dan muhasabah bermaksud merenungkan dan menetapkan setiap perbuatan yang telah lalu dan perbuatan akan datang dengan

⁶³⁶ Abu ‘Abd Allah al-Harith bin Al-Muhasibi, *al-Ri‘ayah li Huquq Allah*, ed. ‘Abd al-Halim Mahmud (Kaherah: Dar al-Ma‘arif, t.t.), 47.

menilai sama ada perbuatan tersebut disukai oleh Allah SWT atau pun sebaliknya. Ini bermaksud supaya manusia melihat akibat sehingga terlepas daripada penyesalan.⁶³⁷ Firman Allah dalam ayat berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ

اللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Al-Hasyr 59:18

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.

Dengan kata lain, muhasabah merupakan satu proses memperhitungkan diri yang lahir dari rasa keinsafan dan kesedaran dari dalam diri yang terbentuk di dalam jiwa seseorang. Muhasabah adalah pembuka jalan untuk bertaubat dan menyesali segala perbuatan keji yang dilakukan di masa lalu.

Ujian-*t* dilaksanakan untuk melihat perbezaan yang signifikan dalam amalan muhasabah diri sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

persoalan kajian: adakah terdapat perbezaan dalam amalan muhasabah diri sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian?

Ho₇: Tiada perbezaan yang signifikan dalam muhasabah diri sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha₇: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam muhasabah diri sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Berdasarkan hasil analisis Ujian-*t* dalam jadual 5.7.7 menunjukkan bahawa keputusan kajian adalah signifikan ($t = -4.390$, $df = 149$, $p < .000$). Hipotesis nul ditolak dan kajian

⁶³⁷ *Ibid.*, 48.

mendapati bahawa terdapat perbezaan pada tahap muhasabah diri golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian. Nilai skor min berada pada tahap tinggi iaitu 3.45 selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian berbanding sebelum menyertainya 3.10 iaitu berada pada tahap sederhana.

Jadual 5.7.7 Muhasabah Diri Sebelum dan Selepas
Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Statistik Sampel Berpasangan									
		Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian		Min	N	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min		
Muhasabah Diri	Sebelum			3.10	150	.982	.080		
	Selepas			3.45	150	.763	.062		

Hubungan Sampel Berpasangan				
Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian		N	Korelasi	Signifikan
Muhasabah Diri sebelum & Muhasabah Diri selepas		150	.396	.000

Ujian Sampel Berpasangan									
Perbezaan Berpasangan									
		Min	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min	95% Selang Kepercayaan Perbezaan		Nilai t-kiraan	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan (pengujian 2-arah)
					Terendah	Tertinggi			
Muhasabah Diri	sebelum – selepas	-.350	.976	.080	-.507	-.192	-4.390	149	.000

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Peningkatan tahap muhasabah diri ini merujuk kepada dua item utama bagi muhasabah diri iaitu penyesalan dan taubat serta akhlak terpuji. Ini membuktikan bahawa komponen amalan zikrullah sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* yang menjadi asas dalam perlaksanaan program dan aktiviti kerohanian berupaya meningkatkan tahap muhasabah diri dalam kalangan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) sehingga

menimbulkan rasa penyesalan dalam diri yang mendorong untuk bertaubat dari segala kesilapan dan perbuatan keji yang dilakukan di masa lalu.

i. Penyesalan dan Taubat

Taubat bermaksud meninggalkan segala dosa yang telah dilakukan.⁶³⁸ Taubat berada di antara dua muhasabah iaitu muhasabah sebelum taubat hukumnya adalah wajib manakala muhasabah selepas taubat hukumnya adalah harus dipelihara.⁶³⁹ Menurut al-Muhāsibī, memelihara anggota tujuh daripada perkara yang haram merupakan syarat sah taubat.⁶⁴⁰ Tahap penyesalan dan taubat diukur melalui item; sentiasa mengingati mati dan siksa azab kubur yang meningkatkan tahap kesedaran atas kesalahan yang dilakukan; sentiasa mengingati dosa yang dilakukan yang menimbulkan rasa penyesalan dan keinsafan dalam diri; sentiasa memperbaiki amalan hasil dari rasa penyesalan dan keinsafan; dan sentiasa memelihara anggota tujuh dari perkara haram.

Ujian-*t* dilaksanakan untuk melihat perbezaan yang signifikan bagi item penyesalan dan taubat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

persoalan kajian: adakah terdapat perbezaan bagi item penyesalan dan taubat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian?

Ho_i: Tiada perbezaan yang signifikan bagi item penyesalan dan taubat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha_i: Terdapat perbezaan yang signifikan bagi item penyesalan dan taubat sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Berdasarkan hasil analisis Ujian-*t* dalam jadual 5.7.7 (i) menunjukkan bahawa keputusan kajian adalah signifikan ($t = -6.042$, $df = 149$, $p < .000$). Hipotesis nul ditolak dan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan tahap penyesalan dan taubat golongan BPP sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian. Nilai skor min

⁶³⁸ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 7: 299.

⁶³⁹ Ibn Qayyim al-Jauziyah, *Madarij al-Salikin*, ed. Muhammad Hamid al-Fiqqi (Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, 1972), 241; Lihat Ibn Qayyim al-Jauziyah, *Tahdhīb Madārij al-Sālikīn* (Tanta: Dar al-Bashir, 1997), 119.

⁶⁴⁰ Abd al-Fattah Abu Ghaddah, *Risalah al-Mustarsyidin li al-Harith al-Muhasibi* (Halab: Maktabah al-Matbu'ah al-Islamiyyah, 1964), 65.

berada pada tahap tinggi 3.55 selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian berbanding sebelum menyertainya yang berada pada tahap sederhana 3.05.

Jadual 5.7.7 (i) Penyesalan dan Taubat Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Statistik Sampel Berpasangan					
	Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	Min	N	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min
Sesal dan taubat	Sebelum	3.05	150	1.081	.088
	Selepas	3.58	150	.880	.072

Hubungan Sampel Berpasangan			
Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	N	Korelasi	Signifikan
Sesal dan taubat sebelum & Sesal dan taubat selepas	150	.404	.000

Ujian Sampel Berpasangan									
Perbezaan Berpasangan									
		Min	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min	95% Selang Kepercayaan Perbezaan		Nilai t-kiraan	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan (pengujian 2-arah)
					Terendah	Tertinggi			
Sesal dan Taubat	sebelum – selepas	-.535	1.084	.088	-.710	-.360	-6.042	149	.000

Jadual 5.7.7 (i) (a) Perincian Purata Item Muhasabah Diri
Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

	Item	N	Purata	
			sebelum	selepas
01	sentiasa mengingati mati dan siksaanya azab kubur	150	3.19	3.62
02	sentiasa mengingati dosa yang dilakukan	150	3.11	3.63
03	sentiasa memperbaiki amalan	150	2.87	3.50
04	sentiasa memelihara tujuh anggota dari perkara haram	150	2.54	3.45

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Jadual 5.7.7 (i) (a) di atas, membuktikan bahawa komponen amalan zikrullah sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* yang menjadi asas dalam pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian berupaya mempertingkatkan tahap penyesalan dan taubat dalam kalangan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) sekali gus dapat membantu golongan ini untuk memperbaiki diri dan juga akhlak.

ii. Akhlak Terpuji

Perubahan dan peningkatan akhlak daripada akhlak *madhmūmah* kepada akhlak *mahmūdah* adalah sebahagian hasil daripada amalan *zikrullah* sebagai elemen *tazkiyah al-nafs*. Peningkatan akhlak terpuji diukur dari item; sentiasa berusaha dan berdoa; redha dengan ujian dan cabaran hidup; sabar dengan ujian dan cabaran hidup dan merasa cukup dengan apa yang ada.

Ujian-*t* dilaksanakan untuk melihat perbezaan dalam akhlak terpuji sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

persoalan kajian: adakah terdapat perbezaan dalam akhlak terpuji sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian?

Ho_{ii}: Tiada perbezaan yang signifikan dalam akhlak terpuji sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Ha_{ii}: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam akhlak terpuji sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian.

Hasil analisis Ujian-t dalam jadual 5.7.7 (ii) memperlihatkan bahawa keputusan kajian adalah signifikan ($t = -2.190$, $df = 149$, $p < .030$). Hipotesis nul ditolak dan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan pada akhlak golongan BPP sebelum dan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian. Nilai skor min berada pada tahap sederhana sama ada sebelum 3.14 atau selepas 3.34 menyertai program dan aktiviti kerohanian sebagaimana catatan pada skor min menunjukkan terdapatnya sedikit peningkatan akhlak.

Jadual 5.7.7 (ii) Peningkatan Akhlak Sebelum dan Selepas Menyertai Program dan Aktiviti Kerohanian

Statistik Sampel Berpasangan					
	Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	Min	N	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min
Akhlak Terpuji	Sebelum	3.14	150	1.031	.084
	Selepas	3.34	150	.829	.068

Hubungan Sampel Berpasangan			
Penyertaan Program dan Aktiviti Kerohanian	N	Korelasi	Signifikan
Akhlak terpuji sebelum & Akhlak terpuji selepas	150	.324	.000

Ujian Sampel Berpasangan									
Perbezaan Berpasangan									
		Min	Sisihan Piawai	Sisihan Ralat Min	95% Selang Kepercayaan Perbezaan		Nilai t-kiraan	Darjah Kebebasan	Nilai Signifikan (pengujian 2-arah)
					Terendah	Tertinggi			
Akhlak Terpuji	sebelum – selepas	-.196	1.094	.089	-.372	-.019	-2.190	149	.000

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Peningkatan akhlak ini berlaku dalam skala minima sahaja dalam kalangan responden. Dengan kata lain, komponen amalan zikrullah sebagai elemen *tazkiyah al-*

nafs yang menjadi asas dalam pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian kurang berkesan dalam mempertingkatkan akhlak golongan Belia Perlu Perhatian (BPP). Berkemungkinan kurangnya peningkatan akhlak sebahagian daripada golongan ini menyumbang kepada berlakunya aktiviti pengulangan penyalahgunaan dadah.⁶⁴¹ Justeru, program dan aktiviti kerohanian yang menerapkan amalan zikrullah perlu kepada penambahbaikan kerana perubahan akhlak selain hasil daripada amalan zikrullah sebagai elemen *tazkiyah al-nafs*, ia juga menjadi ukuran pembebasan golongan Belia Perlu Perhatian dari pusat penempatan tahanan masing-masing.

Secara ringkasnya hasil analisis Ujian-*t* ke atas program dan aktiviti kerohanian berasaskan *zikrullah* sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* dalam pembangunan kerohanian golongan belia perlu perhatian (BPP) boleh dirujuk dalam jadual 5.7.7 (a) berikut:

Jadual 5.7.7 (a) Hasil Analisis Ujian-*t* program dan aktiviti kerohanian golongan belia perlu perhatian (BPP)

Bil	Item	Sebelum	Selepas	Hasil Analisis ujian-t
		menyertai program dan aktiviti kerohanian		
01	Solat	Rendah	Sederhana	program dan aktiviti kerohanian tidak memberikan kesan maksima dalam mempertingkatkan tahap amalan solat sebagai elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dalam kalangan golongan Belia Perlu Perhatian (BPP).
02	Puasa	Rendah	Sederhana	program dan aktiviti kerohanian dalam membangun rohani dapat mempertingkatkan tahap amalan puasa sebagai elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dalam kalangan golongan BPP.
03	Zakat	Sederhana	Sederhana	program dan aktiviti kerohanian tidak membantu dalam mempertingkatkan tahap amalan zakat golongan Belia Perlu Perhatian (BPP).
04	Membaca al-Quran	Rendah	Sederhana	program dan aktiviti kerohanian dalam membangun rohani dapat mempertingkatkan tahap

⁶⁴¹ Zulhilmi bin Haji Jaidin, "Residivisme Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Banduan Di Penjara Jerudong," 66.

				amalan membaca al-Quran sebagai elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dalam kalangan golongan BPP.
05	Zikir dan Istighfar	Sederhana	Tinggi	program dan aktiviti kerohanian dalam membangun rohani dapat mempertingkatkan tahap amalan wirid, zikir dan istighfar sebagai elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dalam kalangan golongan BPP.
06	Doa	Sederhana	Tinggi	program dan aktiviti kerohanian dapat membantu meningkatkan tahap amalan berdoa sebagai elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dalam kalangan golongan BPP.
07	Muhasabah Diri	Sederhana	Tinggi	program dan aktiviti kerohanian dapat membantu meningkatkan tahap muhasabah diri dalam kalangan golongan BPP sekali gus meningkatkan rasa penyesalan dan bertaubat dari mengulangi kesalahan masa lalu.
7 (i)	Penyesalan dan Taubat	Sederhana	Tinggi	program dan aktiviti kerohanian dapat membantu meningkatkan tahap penyesalan dan taubat dalam kalangan golongan BPP dari mengulangi kesalahan masa lalu.
7 (ii)	Akhlak Terpuji	Sederhana	sederhana	program dan aktiviti kerohanian kurang berkesan dalam mempertingkatkan akhlak golongan Belia Perlu Perhatian (BPP).

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Hasil analisis dalam jadual 5.7.7 (a) di atas, menunjukkan bahawa sebahagian daripada program dan aktiviti kerohanian yang disediakan tidak memberi kesan maksimum dalam mempertingkatkan tahap pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian selepas mereka menyertai program dan aktiviti kerohanian terutama dalam amalan solat. Kajian mendapati bahawa berlakunya keadaan sedemikian mempunyai hubungkait dengan silibus amali/ ko-kurikulum. Antaranya terdapat ketidaktepatan item di dalam komponen zikrullah yang menjadi asas perlaksanaan program dan aktiviti kerohanian bagi golongan belia tersebut. Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan yang dibincangkan pada akhir pembahasan bab ini.

5.8 Analisis Kesan Amalan Zikrullah Sebagai Program Pengukuhan Negara Zikir Dalam Kalangan Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP)

Umumnya program pengukuhan Negara Zikir adalah terdiri daripada amalan-amalan utama (*faḍā'īl al-'amāl*) iaitu amalan-amalan yang tidak wajib dilaksanakan tetapi sangat digalakkan dalam syari'at Islam dan melaksanakannya adalah sunat. Amalan-amalan utama (*faḍā'īl al-'amāl*) ini dilaksanakan sebagai tambahan kepada amalan-amalan wajib.⁶⁴² Dalam program pengukuhan Negara Zikir dilaksanakan amalan membaca Ratib al-'Attas, membaca surah-surah dan zikir-zikir pilihan, mendirikan solat sunat dan membaca doa bertujuan untuk mempertingkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT. Kajian ini cuba mengenalpasti keberkesanan amalan *zikrullah* sebagai program pengukuh Negara Zikir yang terdiri daripada membaca rātib al-'Attās, zikir *Mawlid Sharaf al-Anām* dan amalan zikir utama (*faḍā'īl al-'amāl*) secara keseluruhan berdasarkan analisis deskriptif min.

5.8.1 Kesan Amalan Ratib al-'Attas dalam Program Pengukuhan Negara Zikir

Amalan membaca rātib al-'Attās memang sudah menjadi satu budaya dan sudah sebatian sekian lama dalam jiwa masyarakat Islam Brunei. Ianya diamalkan secara persendirian di rumah-rumah perseorangan bahkan pernah juga diamalkan di masjid-masjid tetapi ia kurang mendapat sambutan⁶⁴³ dan mula diamalkan secara meluas selepas titah Negara Zikir 2007. Analisis deskriptif min digunakan untuk mengenalpasti keberkesanan amalan *zikrullah* dalam program pengukuhan Negara Zikir sepertimana dalam jadual 5.8.1 berikut:

Jadual 5.8.1 Kesan Amalan *Rātib al-'Attās* dalam Program Pengukuhan Negara Zikir

Item	N	Min
1. sentiasa ingat Allah	150	3.51
2. sentiasa merasa dekat kepada Allah	150	3.49
3. meningkatkan keimanan kepada Allah	150	4.02
4. membantu memahami konsep Negara Zikir	150	4.02
Jumlah N	150	

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

⁶⁴² Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam* (Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd., 2003), 48.

⁶⁴³ Hj Abd Wahab bin Hj Tamin (Pegawai Jabatan Masjid, Bandar Seri Begawan), dalam temu bual dengan penulis, 17 Jun 2008.

Berdasarkan jadual 5.8.1 menunjukkan kesemua item bagi menilai tahap keberkesanan amalan *rātib al-‘Attās* mencapai tahap keberkesanan minima tinggi iaitu daripada min 3.49 hingga min 4.02. Bagi pengkaji, kadar purata ini masih belum memenuhi maksud ingat Allah dan belum mencapai rasa kedekatan dengan Allah pada tahap sentiasa ingat Allah tanpa mengira masa tempat dan keadaan kerana andai kata tahap sentiasa ingat Allah pada tahap ini berjaya dicapai, dengan izin Allah mudah untuk menghindarkan diri daripada melakukan perbuatan mungkar sekali gus tahap ketakwaan dan keimanan bertambah.

5.8.2 Kesan Amalan Zikir *Mawlid Syaraf al-Anām* Sokongan Program Pengukuhan Negara Zikir

Amalan zikir *Mawlid Syaraf al-Anām* menerusi nazam khas yang dibaca dengan lagu disebut sebagai marhaban sangat mendominasi dalam apa jua aktiviti atau acara kebudayaan dan kemasyarakatan di Brunei. Amalan zikir *Mawlid Syaraf al-Anām* ini hanyalah sebagai amalan sokongan bersifat kemasyarakatan khusus mengingat dan menyebut baginda Rasulullah SAW. Amalan zikir ini diterapkan dalam pelbagai upacara keraian kebesaran Islam bersempena sambutan Mawlid al-Rasul, sambutan Israk Mikraj, sempena khatam Tadarus al-Quran di bulan Ramadhan, sambutan Nuzul al-Quran dan sambutan Awal tahun Hijrah sehinggalah membawa kepada majlis-majlis yang melibatkan masyarakat dan orang ramai. Analisis deskriptif min juga digunakan untuk mengenalpasti keberkesanan amalan zikir *Mawlid Syaraf al-Anām* dalam program Pengukuhan Negara Zikir sepertimana dalam jadual 5.8.2 berikut:

Jadual 5.8.2 Kesan Amalan Zikir *Mawlid Syaraf al-Anām* dalam Pengukuhan Negara Zikir

Item	N	Min
1. meningkatkan kefahaman tentang kisah Rasulullah SAW	150	3.93
2. meningkatkan penghayatan tentang kisah Rasulullah SAW	150	3.39
3. mendidik jiwa menjadi lebih taat kepada perintah Allah dan Rasul	150	3.68
4. membantu memahami konsep Negara Zikir	150	3.94
Jumlah	150	

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Jadual 5.8.2 menunjukkan kesemua item tahap keberkesanan amalan zikir *Mawlid Sharaf al-Anām* berada pada tahap sederhana meskipun item ‘amalan zikir membantu memahami konsep Negara Zikir’ memperoleh min 3.94 dan juga item ‘meningkatkan kefahaman tentang kisah Rasulullah SAW’ dengan min 3.93. Kadar min ini masih belum memberi impak tinggi dalam jiwa masyarakat Islam di Brunei amnya dan pada jiwa golongan Belia Perlu Perhatian khasnya untuk memahami dan menghayati kisah hidup dan latar belakang baginda Rasulullah SAW untuk diterapkan dalam kehidupan seharian. Pada pandangan pengkaji, berdasarkan kadar min yang diperolehi, kajian ini perlu mengambil perhatian serius tentang kepentingan menghayati sirah baginda Rasulullah SAW kerana ini mempunyai hubungkait dengan rukun Iman dan salah satu daripadanya adalah iktiqad keimanan umat Islam beriman kepada rasul-rasul utusan Allah termasuklah beriman kepada Nabi Muhammad, Rasulullah SAW sebagai nabi utusan terakhir iaitu *khātim al-Anbiyā* dan pembawa rahmat seluruh alam.

5.8.3 Kesan Amalan Utama dalam Pengukuhan Negara Zikir

Amalan Utama (*faḍāʾil al-‘amāl*) dalam pengukuhan Negara Zikir merupakan tambahan kepada amalan-amalan wajib. Kajian ini cuba mengenalpasti keberkesanan secara keseluruhan amalan zikir utama merangkumi amalan ratib al-‘Attās dan amalan zikir *Mawlid Sharaf al-Anām* terhadap kefahaman dan penghayatan item berkaitan dengan menggunakan deskriptif min sebagaimana tertera dalam jadual 5.8.3 berikut:

Jadual 5.8.3 Kesan Amalan Utama (*faḍāʾil al-‘amāl*) Sebagai Pengukuhan Negara Zikir

Item	N	Min
1. lebih faham kepentingan jasmani dan rohani	150	3.41
2. lebih faham rukun Iman dan rukun Islam	150	3.43
3. memahami kedudukan iman sentiasa bertambah dan berkurang	150	3.40
4. sentiasa ingat Allah	150	3.56
5. sentiasa merasa dekat kepada Allah	150	3.51
6. meningkatkan keimanan kepada Allah	150	3.50
Jumlah N	150	

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Analisis deskriptif min dalam jadual 5.8.3 menunjukkan tahap keberkesanan amalan zikir utama dalam Pengukuhan Negara Zikir berada pada tahap sederhana menerusi item nombor 1-3 berkaitan dengan kefahaman iaitu purata min antara 3.40 hingga 3.43. Sementara item nombor 4-6 berkaitan dengan penghayatan dengan purata min antara 3.50 hingga 3.56 berada pada tahap sederhana tinggi. Berdasarkan deskriptif min tersebut kesan Amalan Zikir Utama (*faḍail al-‘amal*) sebagai pengukuhan Negara Zikir masih belum mencukupi untuk mencapai gagasan Negara Zikir yang berhasrat melahirkan masyarakat bertakwa dan beriman.

5.9 Perbincangan dan Cadangan Penambahbaikan

Golongan Belia Perlu Perhatian di Brunei Darussalam dalam kajian ini adalah merujuk kepada golongan belia yang berada di pusat tahanan, pusat bimbingan dan pusat pemulihan disebabkan keterlibatan mereka dalam masalah dadah dan juga pelbagai isu sosial yang mengakibatkan keruntuhan akhlak. Keadaan golongan belia ini amat perlu kepada perhatian dan kepedulian dan bukannya pengabaian. Golongan ini perlu kepada pemulihan dan bimbingan kerohanian untuk membentuk akhlak dan peribadi insan soleh, beriman dan bertakwa kepada Allah menerusi program dan aktiviti kerohanian berasaskan amalan *zikrullah* sebagai salah satu elemen *tazkiyah al-nafs*.

Program dan Aktiviti Kerohanian bagi golongan Belia Perlu Perhatian menekankan aspek *zikrullah* terdiri daripada empat komponen utama; Amalan-Amalan Utama, Solat Fardhu dan Sunat, Doa Selamat dan Doa Tahlil dan Puasa dengan objektif untuk memberi kemahiran melalui bimbingan bacaan wirid, kaifiat doa selamat dan tahlil, untuk mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan dalam beramal, berkebolehan dalam melaksanakan amalan-amalan fardhu dan fardhu kifayah serta berkebolehan dalam mengetuai atau mengepalai majlis keagamaan dan juga aktiviti kemasyarakatan.

Kajian ini memastikan setiap komponen amalan *zikrullah* yang menjadi asas pelaksanaan program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Penuh Perhatian (BPP) memberi kesan dalam pembangunan rohani selaras dengan matlamat Amali/ Ko-Kurikulum untuk melahirkan insan yang taat beribadah dan ini juga selaras dengan gagasan Negara Zikir untuk membentuk negara yang masyarakatnya sentiasa ingat dan

taat kepada Allah SWT. Hasil analisis menunjukkan bahawa skor min bagi setiap komponen amalan *zikrullah* yang menjadi asas kepada program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) berada pada tahap yang rendah. Aras kekuatan hubungan di antara kesemua komponen amalan *zikrullah* yang dianalisis melalui ujian Nilai Pekali Korelasi (r) menunjukkan terdapatnya ketidakseimbangan di antara komponen amalan *zikrullah* tersebut. Ketidakseimbangan ini menghasilkan ketidakberkesanan program dan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan malah ianya tidak mampu mempertingkatkan pembangunan rohani terutama dalam aspek mempertingkatkan kawalan diri dalaman dan ia juga kurang berkesan dalam memberikan perubahan akhlak banduan secara maksimum sehingga berlakunya aktiviti pengulangan (*residivisme*).

Hasil analisis pekali korelasi (r) juga menunjukkan bahawa hubungan antara pembolehubah program kerohanian (ceramah, tazkirah, motivasi, qiam al-lail dan usrah) dan pembolehubah aktiviti kerohanian (membaca ratib, zikir Maulud, zikir Khatam al-Quran dan doa kesyukuran) adalah sangat lemah. Ini menunjukkan bahawa program kerohanian dan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan tidak membantu dalam meningkatkan pembangunan kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP). Malahan analisis kekerapan dan keaktifan penyertaan golongan ini dalam program dan aktiviti kerohanian berada pada tahap sederhana rendah.

Sementara analisis ujian- t , ke atas program dan aktiviti kerohanian dalam membangun rohani berasaskan *zikrullah* sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* sebelum golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) menyertainya menunjukkan tahap yang rendah dalam amalan solat, amalan puasa dan amalan membaca al-Quran. Dan ketiga-tiga amalan ini meningkat kepada tahap sederhana selepas menyertainya. Manakala dalam amalan zikir dan istighfar, amalan doa serta muhasabah diri berada pada tahap sederhana sebelum menyertai program dan aktiviti kerohanian dan meningkat ke tahap yang tinggi selepas menyertainya. Dan peningkatan tahap yang tinggi pada muhasabah diri menimbulkan penyesalan dalam diri golongan BPP dan mendorong melakukan taubat daripada mengulangi kesilapan yang lalu.

Namun analisis ujian-t menunjukkan bahawa program dan aktiviti kerohanian tidak membantu golongan BPP secara maksima dalam amalan zakat bila mana didapati berlakunya tahap penurunan selepas menyertai program dan aktiviti kerohanian berbanding sebelum menyertainya. Begitu juga dengan perubahan akhlak, program dan aktiviti kerohanian yang disediakan untuk golongan BPP tidak memberikan kesan maksimum dalam membantu merubah sikap akhlak golongan ini yang berada pada tahap sederhana sama ada sebelum dan selepas menyertainya.

Berdasarkan hasil analisis kajian menerusi maklum balas pendedaran soal selidik, maka kajian ini juga menyarankan supaya pihak pelaksana dan penyusun program kerohanian dan aktiviti kerohanian memberi perhatian serius untuk mempertingkatkan perlaksanaan amalan kerohanian menerusi amal ibadah sebagai *tazkiyah al-nafs* berimpak rohani yang sangat mendalam dan sangat berkesan sehingga mampu memberikan ketenangan, keamanan dan kesejahteraan ke dalam jiwa ke atas setiap individu golongan Belia Perlu Perhatian dengan membuat penambahbaikan dan kajian ini mencadangkan beberapa perkara berikut:

- Menekankan penghayatan dan memperbanyakkan amalan-amalan sunat, solat-solat sebelum subuh dan selepas waktu zohor.
- Memberikan penekanan supaya berpuasa sunat setiap hari Isnin dan Khamis, seboleh-bolehnya setiap minggu.
- Ilmu tentang zakat dan kewajiban berzakat serta penghayatan tentang kepentingan berzakat perlu dipertingkatkan.
- Menekankan penghayatan dalam pembacaan al-Quran terutama pada surah-surah lazim.
- Mengajarkan panduan cara melaksanakan amalan Muhasabah Diri dengan:
 - Memikir dan merenung kembali segala bentuk kesilapan yang dilakukan.
 - Memikirkan segala bentuk hikmah dan nikmat yang Allah SWT berikan.
- Menjelaskan kepentingan amalan muhasabah diri:
 - pembukaan atau mendorong untuk bertaubat
 - membuang sifat keji dan menghiasi diri dengan sifat terpuji yang membawa kepada perubahan sikap, akhlak dan peribadi.

- proses ini selaras dengan tujuan amalan zikrullah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- Menjelaskan peri pentingnya solat taubat nasuha dan hubungkaitnya dengan hati, jiwa dan akhlak.
- Memberikan penekanan kepada Belia Perlu Perhatian (BPP) supaya melaksanakan amalan solat taubat nasuha setiap hari.
- Mengajarkan tatacara melaksanakan solat taubat:
 - Sebelum melaksanakan solat taubat seseorang itu hendaklah berwudhu’.
 - Ketika seseorang hendak mendirikan solat hendaklah dimulakan dengan niat solat taubat nasuha yang disertai dengan keazaman yang kuat untuk melaksanakannya.
 - Ketika seseorang hendak melaksanakannya hendaklah dilakukan dengan penuh khusu’ dan tawadhu’ disertai dengan penyerahan diri sepenuhnya ke hadhrat Allah SWT.
- Menjelaskan kepentingan melaksanakan *qiyam al-layl* dan hubungkaitnya dengan membersihkan hati dan jiwa di samping membentuk akhlak *mahmūdah*.
- Memberikan penekanan supaya *qiyam al-layl* dilaksanakan paling minimum seminggu sekali.

BAB 6 : PENUTUP

6.1 Pengenalan

Bab ini secara keseluruhannya merumuskan persoalan dan objektif yang mendasari kajian ini dan mengemukakan beberapa cadangan berkaitan dengan perbincangan dan analisis kajian. Berikut adalah beberapa penemuan yang dihasilkan menerusi kajian ini.

6.2 Rumusan

Tazkiyah al-nafs menurut perspektif Islam merupakan satu konsep yang memfokuskan kepada pembersihan hati dan jiwa. Proses *tazkiyah al-nafs* dan *tasfiyah al-qalb* merangkumi dua proses utama; *takhallī* membuang sifat-sifat *madhmūmah* dan *tahallī* menghiasinya dengan sifat-sifat *mahmūdah*. Namun untuk mendapatkan hasilnya maka perlu kepada penghayatan terhadap unsur *takhallī*, *tahallī* dan diikuti dengan *al-dhikr* yang dilandasi oleh dua elemen utama iaitu *riyāḍah* dan *mujāhaḍah*. *Riyāḍah* adalah proses internalisasi kejiwaan dengan sifat-sifat terpuji dan melatih seseorang untuk meninggalkan sifat-sifat yang keji. Seseorang yang melalui proses ini perlu disertai dengan *mujāhaḍah* atau usaha bersungguh-sungguh untuk membersihkan *nafs*nya di samping menghayati sifat-sifat yang mulia dan meninggalkan sifat-sifat yang keji. Usaha melatih jiwa dengan sifat-sifat terpuji dan menghilangkan sifat-sifat yang keji memerlukan *mujāhaḍah*. Ini kerana, tanpa kesungguhan yang benar, maka *al-nafs* manusia sukar untuk dibersihkan dan disucikan.

Gagasan Negara Zikir adalah untuk melahirkan generasi beriman dan bertakwa bagi melengkapi kerangka Negara Zikir yang menjadikan amalan kerohanian sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* dan menjadikannya sebagai landasan metode rohaniah, sentiasa melakukan *amar ma'ruf nahi munkar* dan menjadi umat terbaik (*khayr ummah*) sebagai objektif utama ke arah mencapai visi Negara Zikir *Baldah Ṭayyibah Wa Rabb Ghafūr* iaitu negara yang baik, aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun.

Golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) yang menjadi fokus kajian ini sangat perlu kepada pemulihan dan bimbingan rohani melalui amalan kerohanian sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* untuk membentuk dan membina kembali akhlak dan peribadi

insan soleh beriman dan bertakwa kepada Allah. Pendekatan amalan kerohanian ke atas golongan BPP menerusi program dan aktiviti kerohanian merupakan asas pembangunan kerohanian untuk mendekatkan diri kepada Allah dalam mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan di samping menjadi terapi ruhi dalam memberikan ketenangan dan kesejahteraan jiwa.

Program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian yang berada dalam pusat tahanan, pusat bimbingan dan pusat pemulihan di Brunei Darussalam adalah merujuk kepada subjek Amali/ Ko-kurikulum yang mana perisiannya adalah berdasarkan silibus yang telah disediakan oleh Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam yang menekankan aspek zikrullah terdiri daripada empat komponen utama; Pertama, Amalan-Amalan Utama; membaca al-Quran, berwirid, berzikir, beristighfar, bertasbih, bertahmid dan berselawat. Kedua, Solat Fardhu dan Sunat; solat fardhu lima waktu, solat sunat taubat, solat hajat, solat sunat dhuha dan *qiyam al-layl*. Ketiga, Doa Selamat dan Doa Tahlil; kaifiat doa selamat dan doa, kaifiat tahlil dan doa, kaifiat membaca surah Yasin dan doa. Keempat, Puasa; puasa-puasa sunat yang disyari'at. Program dan aktiviti kerohanian ini disediakan bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan untuk menjadi muslim yang beriman dan bertakwa selaras dengan gagasan negara zikir.

Hasil analisis ujian-*t* ke atas komponen amalan zikrullah yang diukur dari penyertaan golongan Belia Perlu Perhatian dalam program dan aktiviti kerohanian sebagai sokongan kepada program pengukuhan Negara Zikir memberi kesan yang tersangat minimum terutama dalam meningkatkan prestasi amal ibadah solat, puasa, zakat dan membaca al-Quran golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) sebagaimana tertera di dalam jadual berikut:

Bil	Item	Sebelum	Selepas	Hasil Analisis ujian- <i>t</i>
		menyertai program dan aktiviti kerohanian		
01	Solat	Rendah	sedehana	program dan aktiviti kerohanian tidak memberikan kesan maksima dalam mempertingkatkan tahap amalan solat sebagai elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dalam kalangan

				golongan Belia Perlu Perhatian (BPP).
02	Puasa	Rendah	sederhana	program dan aktiviti kerohanian dalam membangun rohani dapat mempertingkatkan tahap amalan puasa sebagai elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dalam kalangan golongan BPP.
03	Zakat	Sederhana	sederhana	program dan aktiviti kerohanian tidak membantu dalam mempertingkatkan tahap amalan zakat golongan Belia Perlu Perhatian (BPP).
04	Membaca al-Quran	Rendah	sederhana	program dan aktiviti kerohanian dalam membangun rohani dapat mempertingkatkan tahap amalan membaca al-Quran sebagai elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dalam kalangan golongan BPP.
05	Zikir dan Istighfar	Sederhana	Tinggi	program dan aktiviti kerohanian dalam membangun rohani dapat mempertingkatkan tahap amalan wirid, zikir dan istighfar sebagai elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dalam kalangan golongan BPP.
06	Doa	Sederhana	Tinggi	program dan aktiviti kerohanian dapat membantu meningkatkan tahap amalan berdoa sebagai elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dalam kalangan golongan BPP.
07	Muhasabah Diri	Sederhana	Tinggi	program dan aktiviti kerohanian dapat membantu meningkatkan tahap muhasabah diri dalam kalangan golongan BPP sekali gus meningkatkan rasa penyesalan dan bertaubat dari mengulangi kesalahan masa lalu.
7 (i)	Penyesalan dan Taubat	Sederhana	tinggi	program dan aktiviti kerohanian dapat membantu meningkatkan tahap penyesalan dan taubat dalam kalangan golongan BPP dari mengulangi kesalahan masa lalu.
7 (ii)	Akhlak Terpuji	sederhana	sederhana	program dan aktiviti kerohanian kurang berkesan dalam mempertingkatkan akhlak golongan Belia Perlu Perhatian (BPP).

Sumber: Soal Selidik, Golongan Belia Perlu Perhatian, September – Oktober 2014

Hasil analisis tersebut menunjukkan tiada peningkatan ketara pada tahap prestasi amal ibadah solat, puasa, zakat dan membaca al-Quran golongan Belia Perlu Perhatian (BPP). Dengan tiadanya peningkatan tersebut juga menunjukkan tahap usaha untuk menjadi muslim beriman dan bertakwa dan tahap melakukan *tazkiyah al-nafs* menerusi amal ibadah tersebut tidak tercapai. Justeru, kajian ini mengambil perhatian agar penambahbaikan komponen amalan kerohanian dibuat dengan segera dan lebih komprehensif memandangkan keadaan golongan BPP tersebut sangat memerlukan pengisian rohani untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT di samping meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta menjadi terapi ruhi dalam memberikan ketenangan dan kesejahteraan jiwa.

6.3 Implikasi Kajian

Hasil analisis kajian yang dilakukan terhadap komponen amalan kerohanian yang menjadi asas dalam pelaksanaan program kerohanian dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) adalah disarankan supaya pihak pelaksana dan penyusun program kerohanian dan aktiviti kerohanian memberi perhatian serius untuk mengubah dan memperbaiki komponen amalan kerohanian tersebut dan kajian ini mencadangkan seperti dalam jadual berikut:

KOMPONEN AMALAN KEROHANIAN YANG ASAL	KEUTAMAAN AMALAN UNTUK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
1. Amalan Utama: • membaca al-Quran • berwirid • berzikir • beristighfar • bertasbih • bertahmid • berselawat dan • berdoa	Individu dan Jemaah	

2. Solat Fardhu dan Sunat: • solat fardhu lima waktu • solat sunat taubat • solat hajat • solat sunat dhuha dan • <i>qiyam al-layl</i>	Individu dan Jemaah	
3. Doa Selamat dan Doa Tahlil: • kaifiat doa selamat dan doa • kaifiat tahlil dan doa, • kaifiat membaca surah Yaasin dan doa.	Jemaah/ melibatkan kemasyarakatan	Tambahkan dua (2) item iaitu; <i>Ratib al-‘Attas</i> dan <i>Mawlid Syaraf al-Anām</i> dengan memasukan kedua item ini ke dalam bahagian no. 3 (Doa Selamat dan Doa Tahlil) selaras dengan pelaksanaan Program Pengukuhan Negara Zikir.
4. Puasa; • puasa-puasa sunat yang disyari‘at.	Individu	
5. Zakat:	Individu	Tambahkan dan masukan ‘Zakat’ sebagai tambahan pada komponen amalan kerohanian. Zakat ini dikeluarkan bagi mereka yang mempunyai pendapatan dan mencukupi syarat yang ditetapkan dalam mengeluarkan zakat.

Hasil analisis kajian menerusi maklum balas pengedaran soal selidik, kajian ini juga menyarankan supaya pihak pelaksana dan penyusun program kerohanian dan aktiviti kerohanian memberi perhatian serius untuk memikirkan bagaimana supaya pelaksanaan amalan kerohanian menerusi amal ibadah sebagai *tazkiyah al-nafs* berimpak rohani yang sangat mendalam dan sangat berkesan sehingga mampu memberikan ketenangan, keamanan dan kesejahteraan ke dalam jiwa ke atas setiap individu golongan Belia Perlu Perhatian dan kajian ini mencadangkan seperti dalam jadual berikut:

Bil	Amalan	Cadangan Penambahbaikan
01	Solat	Menekankan penghayatan dan memperbanyakkan amalan-amalan sunat, solat-solat sebelum subuh dan selepas waktu zohor.
02	Puasa	Memberikan penekanan supaya berpuasa sunat setiap hari Isnin dan Khamis, seboleh-bolehnya setiap minggu
03	Zakat	Ilmu tentang zakat dan kewajiban berzakat serta penghayatan tentang kepentingan berzakat perlu dipertingkatkan.
04	Membaca al-Quran	Menekankan penghayatan dalam pembacaan al-Quran terutama pada surah-surah lazim.
05	Muhasabah	Mengajarkan panduan cara melaksanakan amalan Muhasabah Diri dengan: • Memikir dan merenung kembali segala bentuk kesilapan yang dilakukan. • Memikirkan segala bentuk hikmah dan nikmat yang Allah SWT berikan. Kepentingan amalan muhasabah diri: • mendorong seseorang untuk bertaubat • membuang sifat keji dan menghiasi diri dengan sifat terpuji yang membawa kepada perubahan sikap, akhlak dan peribadi. • Proses ini selaras dengan tujuan amalan zikrullah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
06	Taubat	Menjelaskan peri pentingnya solat taubat nasuha dan hubungkaitnya dengan hati, jiwa dan akhlak. Memberikan penekanan supaya BPP melaksanakan amalan solat taubat nasuha setiap hari. Mengajarkan tatacara melaksanakan solat taubat: • Sebelum melaksanakan solat taubat seseorang itu hendaklah berwudhu’. • Ketika seseorang hendak mendirikan solat hendaklah dimulakan dengan niat solat taubat nasuha yang disertai dengan keazaman yang

		kuat untuk melaksanakannya. Ketika seseorang hendak melaksanakannya hendaklah dilakukan dengan penuh khusu' dan tawadhu' disertai dengan penyerahan diri sepenuhnya ke hadhrat Allah SWT.
07	<i>Qiyam al-layl</i>	Menjelaskan peri pentingnya seseorang melaksanakan <i>qiyam al-layl</i> dan hubungkaitnya dengan hati, jiwa dan akhlak. Memberikan penekanan supaya <i>qiyam al-layl</i> dilaksanakan paling minima seminggu sekali.

Kajian ini juga mencadangkan perlaksanaan harian amalan kerohanian bagi golongan Belia Perlu Perhatian (BPP) di negara Brunei Darussalam sebagaimana berikut:

Masa	Tugasan	Maklumat Tambahan
2:00 – 3:00 pagi	<i>Qiyam al-layl</i> seminggu sekali / solat sunat taubat setiap hari	
3:30 – 4:15 pagi	membaca al-Quran	
4:30 pagi (sehingga sebelum masuk waktu solat subuh)	melaksanakan solat sunat - Berzikir	jika melaksanakan puasa - bersahur selepas melaksanakan solat sunat
5:00 pagi	SOLAT SUBUH	
6:00 – 7:30 pagi	mempersiapkan diri	
8:00 – 12:00 tengahari	melakukan aktiviti atau melaksanakan program yang disediakan oleh setiap pusat (melibatkan aktiviti jasmani) - 8:30 – 9:00 pagi - solat sunat dhuha	
12:30 tengahari	makan tengahari	
12:45 tengahari	SOLAT ZOHOR	
13:00 – 13:30 petang	membaca al-Quran	
14:00 – 16:00 petang	- melakukan aktiviti atau melaksanakan program yang disediakan oleh setiap pusat	Jika tiada sebarang aktiviti dilakukan hendaklah ia diisikan

	(melibatkan jasmani) - mempersiapkan diri	dengan amalan membaca al-Quran
16:30 petang	SOLAT ASAR	
17:00 – 18:15 petang	membaca al-Quran	
18:30 petang	SOLAT MAGHRIB diikuti dengan - berwirid - berzikir - istighfar dan - doa	
19:30 malam	SOLAT ISYAK diikuti dengan - rātib al-‘ Attās	
19:45 malam	makan malam	
20:15 – 21:00 malam	mengikuti program atau aktiviti yang disediakan seperti ceramah/ tazkirah yang menekankan aspek kepentingan kerohanian	
21:30 – 22:00 malam	membaca al-Quran	
22:30 – 01:30 pagi	merehatkan diri sebelum melaksanakan <i>qiyam al-layl</i> .	

6.4 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menjawab kesemua persoalan kajian dengan mengetengahkan kepentingan elemen *tazkiyah al-nafs* menerusi amalan kerohanian yang menekankan aspek *zikrullah* untuk diterapkan ke dalam program dan aktiviti kerohanian golongan Belia Perlu Perhatian (BPP). Secara umumnya perlaksanaan program dan aktiviti kerohanian perlu kepada penambahbaikan bagi membolehkan matlamat dan sasaran Negara Zikir dicapai dengan lebih baik dan sempurna iaitu untuk melahirkan generasi beriman dan bertakwa. Penyediaan program dan aktiviti kerohanian sebagai sokongan program pengukuhan Negara Zikir di setiap pusat penempatan golongan belia tersebut amat diperlukan sebagai asas pembangunan kerohanian. Secara

khususnya juga, matlamat penyediaan silibus amali/ kurikulum dan juga matlamat penempatan golongan Belia Perlu Perhatian sangat perlu kepada penambahbaikan dalam kadar segera agar matlamat untuk melahirkan insan soleh, beriman dan bertakwa dapat dijana. Justeru, kajian terbatas ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu bermanfaat dan menjadi sumber rujukan dan bahan bacaan bagi pengkaji akan datang khususnya dalam mengetengahkan konsep *tazkiyah al-nafs* dari sudut pelbagai sesuai dengan konteks semasa.

University of Malaya

RUJUKAN

Al-Quran

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, terj. Syeikh ‘Abdullah Basmeih. Selangor: Darul Fikir Sdn. Bhd. 2010.

A.B. Ahmad, “Manuskrip dan Penglibatan Tokoh Agama,” *Bahana* 32, no. 195. Mac 1997.

Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim. *Saḥīḥ Muslim bi Sharah al-Nawawī*. Mesir: Matba‘ah al-Misriyah, 1929.

_____. *Saḥīḥ Muslim*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 1423H/ 2002M.

Abū Dawūd Sulaymān bin Ash‘ath bin Ishāq al-Sajistani. *Sunan Abū Dāwūd*, ed., Muhammad Nāsir al-Dīn al-Albānī. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, 1417H.

_____. *Sunan Abū Dāwūd* Qaherah: Dar al-Fikr, t.t.

Abū Nashr Al-Sarrāj. *Al-Luma’: Rujukan Lengkap Ilmu Tasawuf*. terj. Wasmukan dan Samson Rahman. Surabaya: Risalah Gusti, 2009.

‘Abd Allāh Nasih ‘Ulwān. *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*. Jilid ke-1. Mesir: Dar al-Salam. t.t.

Abdullah Nasih Ulwan. *Akhlaq Para Pendakwah*. terj. Othman bin Mustapha (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar. 1988.

_____. *Pedoman Pendidikan Anak Dalam Islam*. terj. Abd Nawhie Ulawan. Selangor: Klang Book Centre. 1990.

_____. *Hatta Ya ‘lam al-Shabāb*. Kaherah: Dar al-Salam. 1996.

_____. *Tarbiyatul Aulad Jilid 1: Tarbiyatul Aulad fil Islam Mujallad Awwal*. terj. Mohd Ikhwan Abdullah. Selangor: Publishing House. 2015.

Abdurrahman Umdirah. *Membentuk Insan Kamil*. terj. H Abdul Hadi Basultanah. Kuala Lumpur: Darul Nu‘man. 1995.

‘Abd al-Halīm Mahmūd. *Qadhiyyah al-Tasawwuf al-Munqidh min al-Ḍalāl*. Kaherah: Dar al-Ma‘arif. t.t.

_____. *Ustadh al-Sāiren al-Hārith bin Asad al-Muhāsibī*. Kaherah: Dar al-Ma‘arif. t.t.

- Abdul Halīm Mahmud dan Tahā Abdul Baqī Surūr, ed. *Al-Luma'*. Mesir: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1960.
- Abdul Jalil Borham, *Asas Pembangunan Modal Insan*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang, 2007.
- Abdul Manam bin Mohamad al-Merbawi, “Zikir dan Kepentingannya dalam Tarbiyah Ruhiyyah,” dalam Himpunan Kertas Kerja (Siri 1) Simposium Tarekat Tasawuf. Negeri Sembilan Darul Khusus: Madrasah al-Sa‘idiyah, 2012.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. cet. ke-1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Abd Razak bin Harun. “Penglibatan dan Sumbangan Sektor Swasta Dalam Membina Generasi Yang Mantap Tahun 2020,” Prosiding *Pembinaan Belia Cemerlang*, ed. Jawatankuasa Kerjasama Dalam Bidang Penerbitan MABIMS. Negara Brunei Darussalam: Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1994.
- ‘Abd al-Qadir ‘Isa. *Haqāiq ‘an al-Tasawwuf*. Surya: Dar al-‘Irfan, 2001.
- _____. *Haqāiq ‘an al-Tasawwuf: Hakekat Tasawuf*. terj. Khairul Amru Harahap dan Afrizal Lubis. Jakarta: Qisthi Press, 2005.
- _____. *Hakekat Tasawuf: Haqāiq at-Tashawwuf*. terj. Khairul Amru Harahap dan Afrizal Lubis. Jakarta: Qisthi Press, 2014.
- Adanan bin Haji Basar. “Masalah Sosial Remaja dan Peranan Institusi Keluarga,” Prosiding *Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit. Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008.
- Adi Rumi. *Negara Zikir*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Ahmad Abdussalam Abdul Rahman, “Brunei Darussalam Negara Zikir: Hasrat Sultan Haji Hassanal Bolkiah.” Makalah *Annual Conference on Islamic Studies*, Banjarmasin 1-4 November 2010.
- Ahmad Farid. *Tazkiyatun Nafs Penyucian Jiwa Dalam Islam: al-Bahru ar-Ra’iq fiz Zuhdi war Raqaa’iq*, terj. Muhammad Suhadi. Jakarta timur: Ummul Qura, 2013.

- Ahmad Faried. *Menyucikan Jiwa Konsep Ulama Salaf*. Surabaya: Risalah Gusti, 2006.
- Ahmad Mustafa al-Maraghi. *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi, 1946.
- Aimi Sani, "Penutupan Premis Perniagaan Merealisasikan Hasrat Negara Zikir," *Pelita Brunei*, 7 Januari 2013.
- Ak Jefferi Pg Durahman dan Siti Zuraihah Awang Sulaiman. "Program Bimbingan Negara Zikir," *Pelita Brunei*, 05 September 2009.
- Ak Muhd Khairollah bin Pg Hj Zainal. "Belia dan Masalah Sosial: Peranan Jabatan Belia dan Sukan". *Latihan Ilmiah*, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, 2001/2002.
- Ali Hj Mohamed. *Kunci Memahami Tasawuf*. Selangor Darul Ehsan: Masterpiece Publication Sdn Bhd, 2006.
- Al-Alūsi, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Alūsi al-Baghdadī. *Rūh al-Ma'āni*, ed. Muhammad Ahmad al-Amad dan 'Umar 'Abd al-Salām al-Salāmī. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 1999M/ 1420H.
- Al-'Asqalānī, Ahmad Ibnu Ali Ibnu Hajar. *Fathu al-Bāri*. Beirut Lubnan: Dar al-Ma'rifah, t.t.
- _____. *Fathu al-Bāri syarah saḥīḥ al-Bukhārī*, ed., Muhib al-Dīn. Kāherah: Dar al-Rayyan, 1409H/ 1988M.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin Bardazbah al-Ja'fi. *Saḥīḥ Bukhārī*. Qaherah: Maktabah al-Safa', 1423H/ 2003M.
- _____. *Al-Jāmi' al-Saḥīḥ li al-Bukhārī*. Kaherah: Matba'ah al-Salafiyah, 1400H.
- _____. *Fathu al-Bāri*. Riyadh: Maktabah al-Malik al-Fahd, 2001M/ 1421H.
- Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid. *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, ed. al-Syahat al-Tahhan dan Abdullah al-Mansyawī, Jilid ke-5. Mansurah: Maktabah al-Iman, 1996.
- _____. *Minhāj al-'Ābidīn*. Beirut: Dar al-Minhaj, 2006.
- _____. *Mukashafah al-Qulūb*, ed. Ahmad Hijazi al-Saqa, Beirut: Dar al-Jil, 1991.
- _____. *Penenang Jiwa Pengubatan dan Rawatan: Mukasyafah al-Qulūb*, terj. Muhammad Qadirun Nur. Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd, 2010.

- _____. *Bimbingan Mukmin: Mau 'izhatul Mukminin Min Ihya' 'Ulum al-din*, susunan. Muhammad Jamaludin Alqasimi Addimasyqi. Selangor: Klang Book Centre, 1997.
- _____. *Keajaiban Hati: Ajaib al-Qalbi al-Awwal min Rubu' al-Muhlikat*, ed. Mansyur Alkatiri. Jakarta Timur: Khatulistiwa Press, 2012.
- _____. *Biografi Imam al-Ghazali*, terj. Arifin bin Ladari. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 2004.
- Al-Haddad, Alwi bin Ahmad bin Hasan bin Abdullah Haddad. *Syarah Rātib Haddad*, ed. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd, 2006.
- Al-Hujwiri, 'Ali bin 'Utsman. *The Kasf al-Mahjub: The Oldest Persian Treatise on Sufism, Risalah Persia Tertua Tentang Tasawuf*, terj. Suwardjo Muthary dan Abdul Hadi W.M. Bandung: Khazanah Ilmu-Ilmu Islam, 1992.
- Al-Jawzīyah, Ibn Qayyim. *Madārij al-Sālikīn*. ed. Muhammad Hamid al-Fiqqi. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, 1972.
- _____. *Tahdhīb Madārij al-Sālikīn*. Tanta: Dar al-Bashir, 1997.
- Al-Jawzīyah, Ibn Qayyim al-Jawziyah, Ibnu Rajab al-Hambali dan Iman al-Ghazali. *Tazkiyatun Nafs Konsep Penyucian Jiwa Menurut Ulama Salaf: Tazkiyatun Nafs wa Tarbiyatuha Kama Yuqarriruhu Ulama as-Salaf*, terj. Imtihan As-Syafi'i. Solo: Pustaka Arafah, 2012.
- Al-Muhāsibī, Abū 'Abd Allāh al-Hārith bin Asad. *Ri'āyah li Huquq Allāh*. ed. Abd al-Halim Mahmud. Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1984.
- _____. *Risālah al-Mustarsyidīn*, ed. Abd al-Fatah Abu Ghadah, cet. ke-5. Kaherah Dar al-Salam, 1409H/ 1988M.
- _____. *Memelihara Hak-Hak Allah: Al-Ri'ayah li Huquqillāh*, terj. Abdul Halim. Bandung Pustaka Hidayah, 2002.
- Al-Nawawī, Muhyi al-Dīn Abu Zakariyā Yahyā bin Sharaf Al-Nawawī. *al-Adhkār al-Nawawīyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1424H/ 2003M.
- Al-Nawawī. *Al-Azkar*. terj. Drs. M. Tarsi Hawi. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1987.
- Al-Nisāburī, Muhammad bin 'Abd Allāh al-Hakim. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahīḥayn*, ed. Mustafa 'Abd al-Qādir 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1411H/ 1990M.

- Al-Qurtubī, ‘Abd Allāh Muhammad bin Ahmad al-Ansāri. *Al-Jami’ li Ahkām al-Qur’ān*. Mesir: Dar al-Katib al-‘Arabi, 1967M/ 1387H.
- Al-Qusyairī, Abū al-Qāsim Abdul Karim. *Al-Risālah al-Qusyairiyyah*, ed. Abdul Halīm Mahmūd dan Mahmūd bin al-Syarif. Jilid ke-1. Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, t.t.
- _____. *Al-Siḥāḥ Taj al-Lughah wa Siḥāḥ al-‘Arabiyyah*, 2:664.
- Al-Rāzi, Muhammad al-Rāzi Fakhr al-Dīn. *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzi*. Beirut: Dar al-Fikr, 1414H/ 1993M.
- _____. *Al-Tafsīr al-Kabīr*.
- Al-Sa’di, Abdul Rahman bin Nasir. *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fi Tafsīr Kalām al-Manan* ed. Jamal Nasr. Kaherah: Dar al-‘Aqidah, 2007M/ 1428H.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muhammad bin Jarīr al-Ṭabari. *Jāmi‘ al-Bayān ‘An Ta’wil Āyi al-Qur’ān*. Mesir: Maktabah Mustafa al-babi al-Halabi, 1968.
- Al-Taftāzānī, Abū al-Wafā’ al-Ghanīmī. *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islāmī*. Kaherah: Dar al-Thaqafah, 1970.
- Al-Tirmidhi, Abū Īsā Muhammad bin Īsā bin Saurah al-Tirmidhi. *Sunan al-Tirmidhi*, ed., Muhammad Nāsir al-Dīn al-Albānī. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, 1417H.
- Al-Tūsī, Abū Nasar al-Sarrāj al-Tūsī *Al-Luma’*, ed. Abdul Halīm Mahmūd dan Ṭaha Abdul Baqi Surur, Mesir: Dar Kutub al-Hadith, 1380/1970.
- Amir ‘Ala al-Dīn ‘Alī ibn Balbani al-Farisi. *Saḥīḥ ibn Ḥibbān bi Tartīb ibn Hibbān*. Beirut: Muasasah al-Risalah, 1414H/ 1993M.
- Amir al-Najjar. *Ilmu Jiwa dalam Tasawuf*, terj. Hasan Abrori. Jakarta: Pustaka Azzam, 2000.
- Anas Ahmad Karzon. *Tazkiyatun Hafs: Manhaj al-Islam fi Tazkiyatun al-Nafs*, terj. H. Emiel Threeska. Jakarta: Akbar Media, 2015.
- Arena bt Che Kasim. “Teori Pembangunan Manusia Menurut al-Muhasibi: Satu Pendekatan Tasawuf”. Makalah Seminar *Falsafah dan Peradaban Pembangunan di Alaf Baru*, Bangi, 11-12 September 2000.
- Aryentty Hj Ariffin, “Perintah Pendidikan Uagama Wajib Mekanisme Jayakan Wawasan Negara,” *Pelita Brunei*, 12 Januari 2013.

- Asfahāni, Abū Nu‘aym Ahmad bin ‘Abd Allāh. *Al-Hilyat al-Awliyā’*. Beirut: Dar al-Fikr, 1416H/1996M.
- Awang bin Ahmad, “Manuskrip Lama Brunei: Sumbangan dan Penglibatan Tokoh-tokoh Agama Masa Lalu,” *Pangsura*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Azrilah Abdul Aziz, Mohd Saidfudin Masodi dan Azami Zaharin. *Asas Model Pengukuran Rasch Pembentukan Skala dan Struktur Pengukuran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Badarudin bin Haji Othman. “Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya dan Menyuburkan Ciri-cirinya” Makalah *Seminar Negara Zikir Majlis Ilmu 2008*, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008.
- Bahrom Pg Bahar, (Pg). “Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir”. Kertas Perdana *Konvensyen Pendidikan Islam*, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 30 November 2011.
- Borneo Bulletin Yearbook 2017. *The Guide to Brunei Darussalam*. Brunei: Brunei Press Sdn Bhd, 2017.
- Borneo Bulletin Yearbook. *The Guide to Brunei Darussalam 2015*. Brunei: Brunei Press Sdn Bhd, 2015.
- Brunei Darussalam Statistical Yearbook*. Brunei Darussalam: Prime Minister’s Office. 2011.
- Brunei Darussalam Key Indicators*. Brunei Darussalam: Prime Minister’s Office. 2011.
- Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam 2015*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perangkaan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri. 2016.
- Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam 2014*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perangkaan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri. 2015.
- _____. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2011.
- Che Zarrina Sa’ari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin. “Konsep Redha dan Kaitannya Dengan Pembangunan Insan Menurut al-Makki: Analisis Dari Pendekatan

Psikoterapi Islam.” Prosiding *Transformasi Penyelidikan Dalam Bidang Pengajian Islam*, ed. Khadher Ahmad dan Sedek Ariffin. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam, 2012.

_____. “Sumbangan Abu Talib al-Makki Terhadap Pembangunan Psikologi Insan Berdasarkan Maqamat dalam Qut al-Qulub.” Makalah *Seminar Pemikiran Islam III Sudut Pandangan Islam Dalam Diskusi Sesama Muslim*, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 26-27 Oktober 2012.

Chua Yan Piaw. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan, Edisi Ke-3*. Malaysia: McGraw-Hill Education, 2014.

_____. *Mastering Research Statistics*. Malaysia: McGraw-Hill Education, 2013.

_____. *Mastering Research Methods*. Malaysia: McGraw-Hill Education, 2012.

_____. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan, Edisi Ke-2*. Malaysia: McGraw-Hill Education, 2011.

_____. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan, Edisi Ke-2*. Malaysia: McGraw-Hill Education, 2012.

_____. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 3, Asas Statistik Penyelidikan, Analisis Data Skala Likert, Edisi Ke-2*. Malaysia: McGraw-Hill Education, 2013.

_____. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 4, Statistik Penyelidikan Lanjutan Ujian Univariat dan Multivariat*. Malaysia: McGraw-Hill Education, 2009.

_____. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 5, Statistik Penyelidikan Lanjutan Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis SEM*. Malaysia: McGraw-Hill Education, 2009.

Dasar Belia Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 2002.

Dayangku Norhairawati Pengiran Matzin. *Remaja Lari Dari Rumah*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.

David de Vaus. *Surveys In Social Research*. 6th Edition. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group, 2014.

_____. *Analyzing Social Science Data*. London: SAGE Publications, 2002.

Duraman Tuah. *Membangun Negara Berdasarkan Falsafah Melayu Islam Beraja Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: Institut Perkhidmatan Awam, 2001.

Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi. *Membangun Modal Insan Melalui Pemantapan Akidah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007.

Ensiklopedia Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Ensiklopedi Tasawuf. Indonesia: Angkasa Bandung, 2008.

Faizal Anak Osili (08B0731) et al. "Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Belia: Kes Kajian di Daerah Brunei Muara". *Makalah berkumpulan*, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, semester 7, 2010/2011.

Faudzinain Badaruddin. *Pembangunan Ummah: Relevansi Peranan Tasawuf dalam Konteks Moden*. Prosiding *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

Fauzi Hussin, Jamal Ali dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor. *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS*. Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2014.

Fauziah Ibrahim et al. "Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera," *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan* Volume 7, 2012.

Gavin Picken. *Spiritual Purification in Islam The Life and Works of al-Muhasibi*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group, 2011.

Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2016.

Goh Hock Seng, Josephine Chong Pek Wan, Suma Sathasivam dan T. Indrani Chitty. *Cite It Right A Quick Guide to Citing and Referencing*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015.

Hamdi Rahman et al. "Modal Penghayatan Solat Berasaskan Kaedah Tafakur" dalam *Global Journal al-Thaqafah* Volume 3 (2), 2013.

_____. "Development of Science Spiritual Model for Pre-school Education," in *Global Journal al-Thaqafah* Volume 2 (1), 2012.

- Hanan Abdul Aziz dan Ahmad Abdussalam Abdul Rahman. *Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal. Makalah Seminar Antarabangsa Perundangan Islam Dalam Masyarakat Kontemporari 2013.*
- Hasbi al-Shiddieqy. *Pedoman Zikir dan Doa*. Malaysia: Thinkers Library Sdn Bhd, 1983.
- Hashim Haji Musa. *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2001.
- Hasnah Ghani. *Jenayah Remaja Permasalahan dan Penyelesaian*. Shah Alam: Hizbi, 1995.
- Hussain Haji Awang Mohd Yusof. “Kata-Alu-Aluan,” dalam *Dasar Belia Negara Brunei Darussalam*. Negara Brunei Darussalam: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 2002.
- Hussain Mohamed. *Gerakan Belia Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn Bhd, 1986.
- Ibn Atahillah, Taj al-Din Ahmad Al-Sakandari. “Miftah al-Falāh wa Misbah al-Arwāh,” hawamish dalam *Lataif al-Minan wa al-Akhlaq* li Abd al- Wahhab al-Sha‘rani. Mesir: t.p.,t.t.
- Ibn Kathir, ‘Imād al-Dīn Abu al-Fida’ Ismā‘īl bin Kathīr. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azeem*. Madinah Munawwarah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam, 1993M/ 1413H.
- _____. *Al-Misbāh al-Munir fī Tahdhib Tafsīr Ibn Kathir: Shaḥīḥ Tafsīr Ibnu Katsir*, terj. Abu Ihsan al-Atsari. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2012.
- Ibn Khaldun, Abdul Rahman bin Muhammad. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut Lubnan: Dar Qalam, t.t.
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muhammad ibn Mukarram ibn ‘Ali. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir dan Dar Beirut, 1955.
- Idris Awang. *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia and Publication, 2001.

- lik Arifin Mansurnoor, "Brunei Sebagai Sebuah Pusat Jaringan (Network) Intelektual Islam di Asia Tenggara," Prosiding *Sumbangsih UBD*, cet. ke-1, Brunei: Universiti Brunei Darussalam, 1992.
- Imran Effendy Hs. *Pemikiran Akhlak Syeikh Abdurrahman Shiddiq al-Banjari*. Riau: LPNU Press, 2003.
- Ishaaq bin Haji Abdullah. "Teks Ucapan". *Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera*. Universiti Brunei Darussalam, 3-4 Mac 2008.
- Ismail bin Yahya. *Keluarga Merupakan Komponen Kerangka Negara Zikir*. Makalah *Seminar Negara Zikir Majlis Ilmu 2008*. Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei, 28-29 Julai 2008.
- Ismail Omar Abdul Aziz. *Tasawuf dan Tarikat Menurut Pandangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 2003.
- Japar Maidin. "Ciri-Ciri Pembangunan Diri Belia Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Institut Perkhidmatan Awam* 12, September 2004.
- Jemat Ampal. *Negara Zikir Mencalak Belia Perkasa*. Makalah *Seminar Negara Zikir Majlis Ilmu 2008*. Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei, 28-29 Julai 2008.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. "Pengisian Pendidikan Islam Dalam Modul Pembangunan Wanita Yang Bermasalah Analisis Program Halaqah Di Penjara," Prosiding *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII)*, ed. Hajah Rose Abdullah dan Mohd Syahiran Abdul Latif. Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali Anjuran Bersama Sarawak: Universiti Teknologi MARA, 2015.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi et al. "Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara," *Jurnal Usuluddin* 35. Januari-Jun 2012.
- Kamaruzaman Jusoff dan Fareiny Morni. *Secrets of Successful Journal Writing and Publication Revealed*. Germany: Lambert Academic Publishing, 2009.
- _____. *The ABC's of PhD*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press, 2010.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Kamus Dewan*. ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.

- Kamus Dewan*. ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Karuthan Chinna, Krishnakumari Karuthan dan Choo Wan Yuen. *Statistical Analysis Using SPSS*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd, 2012.
- Kasim bin Haji Lamat. Pelajaran Tasawuf dalam Kurikulum Persekolahan Agama: Suatu Penilaian Berdasarkan Pengalaman. Makalah *Seminar Tasawwuf Islam*, Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Sifuddien, Universiti Brunei Darussalam, 29 Januari 2008.
- Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2008*. Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-24 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 17 Safar 1429/ 23 Februari 2008, Cet. Pertama 2009. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, 2009.
- Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2007*. Titah Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1428 Hijrah/ 2007 Masihi pada 10 Zulhijjah 1428/ 19 Disember 2007, Cet. Pertama 2008. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, 2008.
- Khartini Hamir. "Pusat Al-Islah Jadi Tumpuan Para Menteri, Delegasi Asean," *Pelita Brunei*, 05 September 2013.
- Klaus Krippendorff. *Content Analysis An Introduction to Its Methodology*. Ed. ke-3. California: SAGE Publication, 2013.
- Lim Chong Hin. *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Malaysia: McGraw-Hill Education, 2007.
- Laporan Perangkaan Pendaftaran Pencari Kerja*. Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, 2013.
- Laporan Rancangan Kerja Tahunan 2013*. Brunei Darussalam: Kompleks Rumah Kebajikan, Belimbing Subok, 2013.
- M.Zain Abdullah. *Tasawuf Dan Zikir*. Johor: Jahabersa, 1995.
- Mahayudin Yahaya. *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

- Mahmoud M. Ayoub. *Islam Iman dan Amal*. Johor: Perniagaan Jahabersa, 1996.
- Mahmud Morshidi Othman. *Negara Zikir – Pemahaman NDP*. Negara Brunei Darussalam, 2008.
- Mahmud Saedon Awang Othman. *Tasawwuf Sejarah Perkembangan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1987.
- _____. *Peranan Tassawuf dan Kerohanian di dalam Kehidupan Mukmin*. Negeri Sembilan: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, 1992.
- Masna binti Omar Ali Saifuddien (Pg Anak Puteri Hajah). Sabda Perasmian. Dalam *Konvensyen Antarabangsa Pembangunan Sumber Tenaga Manusia*. Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 18 Januari 2005.
- Md Mahdi bin Haji Awang Abd Rahman. Kata Pengantar. Dalam *Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2010-2014*. Brunei: Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2010.
- Md Zain Haji Serudin. *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- _____. *Brunei Sebuah Negara Islam: Latar Belakang Keislamannya*. Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 1996.
- _____. *Zikir Menjana Masyarakat Bertaqwa*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 2009.
- Media Zainul Bahri. *Tasawuf Mendamaikan Dunia*. Indonesia: Erlangga, 2010.
- Michael Jay Katz. *From Research to Manuscript A Guide to Scientific Writing*. USA: Case Western Reserve University, 2009.
- “MOAS adakan program ‘Halaqah Zikir’,”. *Pelita Brunei*, 08 Mei 2013.
- Mohd Fadli b. Ismail. *Taqwa Bekalan Menuju Ke akhirat*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Irshad, 1995.
- Mohd Firdaus Noordin. “Melestari Konsep “Negara Zikir” dalam Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam,”. *Jurnal Institut Perkhidmatan Awam* 20. September 2008-Februari 2009.
- Mohamad Hilmi Mat Said dan Noor Shakirah Mat Akhir. “Pendekatan Tazkiyah al-Nafs Dalam Membangunkan Modal Insan Di Universiti,” Prosiding *Modal Insan*

- Transformasi Menjana Kelestarian*, ed. Abd Jalil Borham, Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Hassan Ahmad dan Munira Abdul Razak. Pahang: Universiti Malaysia Pahang, 2011.
- Mohd Ismail Mustari. *Menjadi Belia Cemerlang*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Mohd Micheal Abdullah. *Pemikiran Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Mohammad bin Pg Abd Rahman, (Pg). *Belia dan Pendidikan Islam Di Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah, 2011.
- _____. Impak Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dalam Amalan Kehidupan: Pengalaman Negara Brunei Darussalam. Makalah *Seminar Antarabangsa Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah*, Pusat Da'wah Islamiah, 29-31 Mac 2011.
- _____. *Islam di Brunei Darussalam*, cet. ke-2, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- _____. Perkembangan Ilmu Islam di Brunei: Peralihan dari Sistem Balai ke Sistem Persekolahan Moden (1931-1956). Makalah *Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara*. Jabatan Mufti Kerajaan, Brunei 20-23 Ogos 2001.
- Mohammed Hussain Ahmad. *Islam in The Malay World Al-Falimbānī's Scholarship*. Gombak: International Islamic University Malaysia, 2017.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 1999.
- Mohd Nasir Omar. "Akhlak dan Pembangunan," dalam *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, ed. Ahmad Sunawari Long dan Zul'azmi Yaakob. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Mohd Radhi Ibrahim. "Permasalahan Sosial dan Penyelesaiannya Mengikut Perspektif Islam", dalam Muhammad Yusuf Khalid et al. (eds.), *Isu Dakwah dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi*. Kolej Universiti Islam Malaysia: Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam, 2002.

- Mohd Sheffie Abu Bakar. *Metodologi Penyelidikan*, cet. ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.
- Mohd Sofwan Amrullah. *Doa dan Zikir Senjata dan Perisai Orang Mukmin*. Selangor: Pustaka Ilmi, 1995.
- Mohd Sulaiman Hj Yasin. *Akhlak dan Tasawuf*. Selangor: Yayasan Salman Bangi, 1992.
- Mohd Zain Haji Mahmood. “Kefahaman dan Amalan ‘Negara Zikir’”. Makalah *Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera*, 2008.
- Muhammad Amin al-Kurdi. *Membentuk Jiwa Sufi*, terj. Jahid Sidek. Selangor: Al-Falah Publications, 2011.
- Muhammad Mahmud Abdul Jawwad. *Al-Barakah*. Iskandariah: Dar al-Iman, t.t.
- _____. *Terapi Spiritual Menuju Hidup Penuh Berkat*. terj. H. Abdullah Tsani. Selangor: Jasmin Publications, 2013.
- Muhammad Nubli Abdul Wahab. “Proses Pembangunan Modal Insan,” dalam *Modal Insan Konsep, Aplikasi & Isu-isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Insan*, ed. Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Jamal Rizal Razali dan Hasnah Hussiin. Pahang: Universiti Malaysia Pahang, 2007.
- Muhammad Syukri Salleh. *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd, 2003.
- Muhammad ‘Uthman El-Muhammady. *Tasawwuf dan Kedudukannya di Nusantara*. Makalah *Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara*. Jabatan Mufti Kerajaan, Brunei 20-23 Ogos 2001.
- _____. “Pemurniaan Tasawwuf Oleh Imam al-Ghazali,”
http://blogspot.com/2010/05/pemurniaan_tasawwuf_oleh_imam_al-ghazali.html
- Muhammad Yusuf Khalid. *Pengenalan Ilmu Tasawuf Untuk Remaja Islam*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2011.
- Mustafa Haji Daud. *Konsep Ibadat Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Nadawi, Abu al-Hasan Ali. *Tarikh al-Da‘wah wa al-‘Uzmah*. Pakistan: Karachi, t.t.

- Nawawi. *Al-Wafi Syarah Hadith 40: Al-Wafi fi Syarhi al-Arba 'iena al-Nawawiyah*, terj. Ahmad Khairi al-Latifi. Selangor: Al-Hidayah Publication, 2015.
- Noraini Idris. *Penyelidikan Dalam Pendidikan Edisi Kedua*. Malaysia: McGraw-Hill Education, 2013.
- Norhayati Baharun. *Parametric and Nonparametric Methods Using SPSS*. Selangor: Universiti Teknologi Mara Penerbit Press, 2014.
- Norliah Md Zain. "Buku 'Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir' dilancarkan,". *Pelita Brunei*, 07 March 2009.
- Norsaleha Mohd Salleh dan Ab. Halim Tamuri. "Hubungan Penghayatan Akidah Dengan Ketenangan Hati Remaja," *The e-Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah* Vol 2, bil 1, 2015.
- Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015.
- Othman Mohamed. *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*, cet. ke-4, Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2008.
- Othman Napiah. *Ahwal dan Maqamat dalam Ilmu Tasawuf*. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor, 2001.
- Othman Talib. *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2013.
- _____. *Tulis Tesis Cepat Teknik Efektif dan Efisien*. Bangi: bandar Baru Bangi, 2012.
- Pamflet Penjara Jerudong*. Negara Brunei Darussalam: Penjara Jerudong, t.t.
- Pamflet Kompleks Rumah-Rumah Kebajikan Pulaie (K.R.R.K)*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 2010.
- Pamflet Kompleks Rumah Kebajikan (K.R.K)*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, t.t.
- Resolusi Seminar Negara Zikir*, Majlis Ilmu 2008. *Pusat Persidangan Antarabangsa*, Berakas, Brunei, 28-29 Julai 2008.

- Rohani Haji Abdul Hamid. "Tinjauan Kemudahan Kompleks Rumah Kebajikan Kampung Belimbing," *Pelita Brunei*, 27 Januari 2015.
- Roslan Abd Shukor. *Rahsia Kejayaan Menulis Jurnal Berimpak Tinggi Buku dan Tesis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015.
- Roslan Ali dan Norsiah Fauzan. *Pembangunan Kerohanian dan Refleksi Budaya Masyarakat Melayu*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2007.
- Rossen Din. *Pembinaan dan Permodelan Sistem Pengajaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.
- Ruslinawati Abdul Ghani et al. *Penghayatan 'Aqidah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS): Satu Analisis*. Kedah: Jabatan Pengajian Am Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 2014.
- Rusmin Tumanggor. *Ilmu Jiwa Agama*. Jakarta: Prenadamedia Group, 2014.
- Sabihah Merican. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall, 2005.
- Sa'id Hawwa. *Tarbiyatuna al-Ruhiyah: Pendidikan Spiritual*, terj. Siddiq Fadzil. Kuala Lumpur: Mutiara Ilmu Selektia Sdn Bhd, 2010.
- _____. *Al-Mustakhlash Fi Tazkiyat Al-Anfus: Mensucikan Jiwa*, terj. Annur Rafiq Shaleh Tamhid. Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd, 2008.
- Saifuddin Abdullah. "Penetapan Umur Belia Beri Kesan Meluas," *Utusan*, 15 Nov 2000.
- Salasiah Hanim Hamjah dan Noor Shakirah Mat Akhir. "Riyadah al-Nafs menurut al-Ghazali dan aplikasinya dalam Kaunseling di PK Manis," *Jurnal Usuluddin Bil* 26, 2007.
- Salim bin 'Ied al-Hilali. *Tazkiyatun Nufus Para Nabi: Manhaj al-Anbiya fi Tazkiyat al-Nufus*, terj. Beni Serbini. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i, 2010.
- Sayid Sabiq. *Akidah Islam*. Singapura: Pustaka Nasional, t.t.
- Sayyid Qutb. *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Shuruq, 1996M/ 1417H.
- _____. *Tafsir Fi Zilal al-Quran*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000.

- Shafie Abu Bakar, "Nilai Tasawuf Menurut Ihya' Al-Ghazali" *Al-Islam*, Ogos 1995.
- Shamsul Mohd Nor, *Menyelami Samudera Tasawuf* . Selangor: Yamani Angle Sdn Bhd.
- Sharifah Basirah Syed Muhsin dan Che Zarrina Sa'ari. *Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Shuhairimi Abdullah. "Nilai-nilai murni menurut perspektif Islam," dalam *Dinamisme Nilai-nilai Murni Menurut Perspektif Islam*. Kangar: Universiti Malaysia Perlis, 2009.
- Sidek Baba. *Pesan Kepada Remaja*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn Bhd, 2012.
- Simar Angas. *Tokoh-Tokoh Agama Di Brunei Darussalam*, Brunei: Jabatan Muzium, 1992.
- Siti Aynah Mohd Yaakub. "Peranan Jabatan Pembangunan Masyarakat Dalam Mengukuhkan Kesejahteraan Institusi Keluarga dan Masyarakat di Brunei Darussalam" Makalah *Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, Fakulti Usuluddin*, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei, 24-25 Februari 2010.
- Siti Norhadinah Haji Marsa. "Penggunaan Kaedah Terapi Kekeluargaan (*Therapeutic Community* – TC) Pada Proses Rawatan dan Pemulihan Dadah di Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik," Makalah *Seminar Pemulihan dan Seliaan, Melayu Islam Beraja: Asas Integrasi*, Hotel Centrepoint, Gadong, 5-6 Mei 2015.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. *Qualitative Research and NVivo 10 Exploration*. Kuala Lumpur: Aras Publisher, 2014.
- _____. *Research Methodological Cage: Understanding the Qualitative Viewpoint*. Kuala Lumpur: Aras Publisher, 2013.
- Stuart Sim and Borin Van Loon. *Introducing Critical Theory*. UK and USA: Icon Books Ltd, 2012.

Sulaiman bin Ibrahim El-Barruhiy. *Al-Syaikh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandariy dan Pengaruh Kitab Hikamnya Di Malaysia*. Negara Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2014.

Statistik Kemasukan Unit Pemulihan dan Unit Perlindungan (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pembangunan Masyarakat, 2017).

Statistik Jumlah Kemasukan Penghuni Kompleks Rumah Kebajikan dari Tahun 2001 hingga 2013. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Statistik Tangkapan Tahunan 2013 hingga Februari 2017 (Negara Brunei Darussalam: Biro Kawalan Narkotik, Cawangan Penyelidikan, 2017).

Statistik Kes Pendakwaan Tahunan 2013 hingga Januari 2017 (Negara Brunei Darussalam: Biro Kawalan Narkotik, Cawangan Penyelidikan, 2017).

Statistik Tangkapan Di bawah Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 Bagi Tahun 2016 (Negara Brunei Darussalam: Biro Kawalan Narkotik, Cawangan Penyelidikan, 2017).

Statistik Penyalahgunaan Dadah. Biro Kawalan Narkotik. Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Sariani Ishak. "Melestari Negara Zikir Mengharung Gelombang Globalisasi," *Beriga* bil.106, Januari – Jun 2011.

Syed Abdul Hafiz Faraghil Ali Al-Qarani. *Prinsip-Prinsip Tasawuf Islam: Mabadi' al-Tasawuf al-Islami*, terj. Us. Zaidi bin Ramli, Us. Syaiful Nizam bin Md Jan dan Us. Abdul Basit bin Abdul Wahab. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan, 2011.

Syed Naguib al-Attas. *Some Aspects of Sufism As Understood and Practised Among the Malays*, ed. Shirle Gordon. Singapore: Malaysian Sociological Research, 1963.

Syeikh 'Ata' Allah Al-Sakandari. *Al-Hikam Induk Hikmah*. Selangor: Thinkers Library, 1994.

Tokoh Ugama Tahun Hijrah 1413, cet. ke-1. Brunei: Pusat Dakwah Islamiah, 1999

- Tajuddin Ahmad bin Muhammad bin Abdul Karim bin Athaillah Iskandary. *Syarah al-Hikam*, terj. Zulkifli Mohamad al-Bakri. Jilid ke-1. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2009.
- _____. *Syarah al-Hikam*, terj. Zulkifli Mohamad al-Bakri. Jilid ke-2. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2009.
- Tiga bin Anam, “Dadah dan Tanggungjawab Bersama,” Prosiding *Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit. Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008.
- Wahbah al-Zuhaily. *Al-Wajiz fi al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dar al-Fikr, 2006.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (Haji), “Manuskrip Islam Dunia Melayu Ditinjau Dari Pelbagai Peringkat.” Makalah *Koleksi Kertas Kerja Ilmiah*. Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 1995.
- Yahya bin Ibrahim. “Bagaimanakah Mendekatkan Diri Kepada Zikir Dari Segi Praktikal.” Makalah *Seminar Negara Zikir Majlis Ilmu 2008*. Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei, 28-29 Julai 2008.
- Yazid Haji Maarof dan Mohammad Kamil Ab Majid, *Panduan Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Zainudin Awang. *A Handbook on SEM For Academicians and Practioners. The Step by Step Practical Guides For The Beginners*. Kajang: MPWS Rich Resources, 2014.
- _____. *Structural Equation Modeling Using Amos Graphic*. Selangor: Universiti Teknologi Mara Penerbit Press, 2013.
- _____. *Research Methodology and Data Analysis*. Ed. ke-2. Selangor: Universiti Teknologi Mara Penerbit Press, 2012.
- Zakiah Daradjat. *Ilmu Djiwa Agama*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1970.
- Zakaria Stapa, “Tasawuf dan Pembangunan Hakiki Ummah”. Dalam *Tasawuf dan Ummah*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Che Zarrina Sa’ari. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, 2004.
- _____. “Tasauf: Menjana Personaliti Umat Abad Ke 21”. *Muhadharah Pemikiran Islam Siri (5)*. Malaysia: Yayasan Islam Terengganu, 1999.

_____. *Akhlak dan Tasawwuf Islam*, cet.ke-1. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd., 1995.

Zulhilmi Haji Jaidin, “Residivisme Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Banduan Di Penjara Jerudong,” Prosiding *Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit. Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008.

Zulkifly bin Muda. “Menangani Masalah Sosial Melalui Gaya Penampilan Profesional Agama Dalam Berdakwah”, Prosiding *Masalah Sosial: Menanganinya Tanggung Jawab Bersama*, ed. Jiram Jamit dan Hajah Saadiah Haji Tamit. Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, 2008.

Zulkifli Zakaria, “Masa: Apa Aktiviti Belia,” *Jurnal Perguruan* Tahun 2, Ogos 2010.

_____. “Peranan Takmir Masjid Dalam Menangani Masalah Isu Sosial Belia Di Negara Brunei Darussalam,”. *Jurnal Institut Perkhidmatan Awam* 16, 2007.

Tesis PhD

Baterah Alias. “Kefahaman dan Aplikasi Hubungan Etnik Menurut Etnik Dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.

Fariza Mohd Sham. “Dakwah Kepada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan”. Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005.

Mohammad bin Pg Abd Rahman. “Kemasukan dan Perkembangan Islam di Borneo British Dengan Tumpuan Khas Ke Atas Brunei Darussalam (Abad 13-20 Masihi)”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1991.

Norhazlin Pg Haji Muhammad. “A Critical Study of the Educational System in Brunei Darussalam in the Light of Al-Attas’ Philosophy of Education”. Tesis Kedoktoran, Universiti of Birmingham, 2009.

Sharifah Fatimah binti Syed Omar. “Pemikiran Tasawuf Sa‘id Hawwa: Analisis Terhadap Siri fi al-Tarbiyah wa al-Tazkiyah wa al-Suluk”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.

Tesis Sarjana

Aisyah Hj Mohd Yusof. "Pusat Dakwah Islamiyah dan Islamisasi Di Brunei Darussalam." Tesis Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 1991.

Masuriyati Yahya. "Tatawwur al-Madhahib al-Sufiyyah fi Brunei min al-Qarn al-Tasi^c 'Ashar wa hatta Waqtinā al-Hādir." Tesis Sarjana Usuluddin, Universiti Brunei Darussalam, 2006.

Disertasi M.A

Sharifah Basirah Syed Muhsin. "Kaedah Psikologi Berasaskan Konsep Maqamat: Kajian Terhadap Kitab Qut al-Qulub Abu Talib al-Makki". Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.

Senarai Informan

Haji Awg Abdul Aziz bin Juned. Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Awang Haji Jemat bin Haji Ampal. Mantan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Pg Saiful Rizal bin Pg Putra Negara Pg Haji Omar. Timbalan Penolong Pengarah Cawangan Pengawasan, Biro Kawalan Narkotik.

Pg Hajah Masnah. Pemangku Penolong Bahagian Penyelidikan Narkotik.

Siti Aynah Mohd Yaakub. Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Muhd Sahrin bin Sulaiman. Ketua Guru Ugama, KRK Belimbing Subok.

Ramziah binti Haji Osman. Guru Ugama Terlatih, KRK Belimbing Subok.

Haji Ismail Hj Murat. Pemangku Pengarah Penjara, Jabatan Penjara.

Haji Ahmad bin Haji Damit. Ketua Pegawai, Jabatan Penjara.

Pg Omar bin Pg Haji Othman. Pegawai Kaunselor Jabatan Penjara.

Haji Isa bin Haji Osman. Ketua Guru Ugama, Jabatan Penjara.

Abu Bakar bin Haji Mohd Bakir. Pemangku Penolong Pengarah Pusat al-Islah.

Haji Kani bin Haji Jaludin. Ketua Guru Ugama, Pusat Pemulihan Al-Islah.

Senarai Penerbitan

Masuriyati Yahya dan Che Zarrina Sa'ari. *Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 Brunei Darussalam Dalam Melestari Ketamadunan Islam Negara Zikir: Cabaran dan Harapan*. Jurnal Afkar 16. Januari-Jun 2015.

Masuriyati Yahya dan Che Zarrina Sa'ari. *Program Zikrullah Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam*. Global Journal Al-Thaqafah, June 2016, Vol 6 Issue 1, ISSN : 2232-0474.

Senarai Pembentangan

Masuriyati Yahya dan Che Zarrina Sa'ari. "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 Brunei Darussalam Dalam Melestari Ketamadunan Islam Negara Zikir: Cabaran dan Harapan" Makalah *Seminar Kebangsaan Isu Ketamadunan Dan Cabaran Semasa (SIKCAS)*. Universiti Sains Malaysia, P. Pinang. 2013.

Masuriyati Yahya dan Che Zarrina Sa'ari. "Amalan Kerohanian Asas Keutuhan Negara Zikir" Makalah *Seminar Pendidikan Usuluddin Keempat*. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Brunei. 2015.

Masuriyati H.Yahya dan Che Zarrina Sa'ari. "Zikrullah Dalam Konteks Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam" Makalah *Persidangan Serantau Kedua Peradaban Dan Pemikiran Islam (ReCIT 2015)*. The Everly Hotel Putrajaya. 27-28 Okt 2015.

Masuriyati Yahya. "Zikrullah Program Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam" Makalah *Persidangan Kali Ke-3, Pemikiran dan Tamadun Islam Dunia (WCIT 2016)*, Casuarina@Meru, Hotel Ipoh, Perak. 18-20 Okt 2016.

☆☆☆☆☆☆